

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 12

Khamis

26 Mac 2015

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 24)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 25)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong - <i>Datuk Seri Haji Noh bin Omar (Tanjong Karang)</i>	(Halaman 25)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Khamis, 26 Mac 2015
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan had pelepasan cukai memandangkan akta tersebut digubal pada tahun 1986 dan buat masa ini kadar pelepasan cukai untuk pelancong yang tinggal di Langkawi melebihi 48 jam adalah sehingga had belian barangan RM500 sahaja.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelepasan cukai ke atas barangan untuk pelancong di Langkawi telah diberi semenjak tahun 1988 melalui Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1988. Tujuan pelepasan cukai ini diberikan adalah bagi mempromosikan Langkawi sebagai salah satu tarikan pelancongan negara sekali gus merancakkan kegiatan ekonomi di pulau tersebut.

Antara barangan yang terlibat dengan pengecualian cukai ini adalah seperti coklat, pakaian, barangan kaca seperti pinggan mangkuk dan set gelas minuman, minuman keras dan rokok. Saya ingin kongsi data kutipan cukai, kadar 30% *flat rate* daripada Jeti Kuah pada tahun 2013 - RM452,241, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi - RM63,205, jumlah 2013 RM515,416. Pada tahun 2014 daripada Jeti Kuah - RM442,527, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi - RM55,650 menjadikan kutipan pada tahun 2014 RM498,177. Sebelum itu pada tahun 2012 sebanyak RM517,390 iaitu dalam anggaran setengah juta ringgit sahaja setahun.

Bagi menjadikan Pulau Langkawi lebih menarik untuk pelancong, syarat bagi tempoh tinggal di Langkawi telah dipendekkan daripada 72 jam kepada 48 jam di sekitar tahun 2000 lagi. Manakala had belian barangan yang dikecualikan cukai ditetapkan pada RM500. Data-data kutipan cukai yang saya beri tadi ialah apabila hadnya melebihi RM500.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini kebanyakan barangan bercukai di Langkawi terutamanya barangan seperti cenderamata dan pakaian tidak lagi dikenakan sebarang cukai kecuali barangan sensitif seperti rokok dan minuman keras. Kementerian akan mengkaji keperluan untuk meningkatkan had belian barangan bercukai tersebut kerana sudah lama tidak

dipinda bagi kemungkinan untuk menaikkan kadar RM500 itu bagi faedah kedua-dua belah pihak. Faedah kepada pelancong dan juga faedah kepada perkembangan sektor perdagangan dan ekonomi Langkawi secara keseluruhan. Terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan itu. Saya ingin menambah soalan tambahan saya yang mana sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa kemungkinan akan dinaikkan nilai RM500 yang mana itu amat baik. Ini kerana jumlah RM500 pada 20 tahun yang lalu dan kalau kita kira dengan nilai yang ada sekarang *future value of money*, dalam RM1,140. Jadi, saya harap nilai ini dapat dinaikkan mungkin dalam RM1,500 supaya seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi, memberi peluang kepada pelancong dan juga memberi kebaikan kepada sektor pelancongan di Langkawi.

Akan tetapi pada masa yang sama kita dapati tadi masa yang diberikan untuk pelancong mendapat keistimewaan ini ialah 48 jam. Sedangkan di Labuan masa yang diberikan ialah 24 jam. Jadi soalan saya, apakah kerajaan bercadang untuk menyelaraskan masa ini daripada 48 jam ke 24 jam seperti mana ada yang ada di Labuan. Kalau boleh di Labuan, mengapa tidak di Langkawi?

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: Kena masuk Wilayah.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Oh! Ya kena masuk Wilayah. *[Ketawa]* Pada masa yang sama kerana keadaan di Langkawi ini kadang-kadang *local tourist* seperti rakyat tempatan kita daripada negeri-negeri seperti Perak dan negeri-negeri lain yang datang ke Langkawi mereka mungkin tidak ada peluang untuk duduk sampai dua malam, 48 jam kena dua malam, mereka hanya tinggal satu malam. Akan tetapi mereka juga teringin untuk mendapat kelebihan untuk mendapat barang-barang bebas cukai ini. Di samping itu saya hendak bangkitkan juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah soal tadi Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah soal tadi kan?

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tidak, tidak. Tambah, saya hendak bagi sama, hendak bagi sama ini. Ini kerana di Langkawi masa untuk penduduk Langkawi pula dia terbalik. Kalau kami – *tourist* boleh 48 jam ataupun kita minta 24 jam tadi tetapi penduduk Langkawi dia untuk mendapatkan keistimewaan ini kena keluar dari Langkawi selama tiga hari dua malam ataupun 32 jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, okey Yang Berhormat tetapi saya risau lama sangat masuk TV nanti. Tidak eloklah.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: *[Ketawa]* Saya hendak sesuai dengan pertanyaan saya ini. Akhir sekali saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kerajaan setelah berjaya mengadakan *blueprint* yang pertama di Langkawi dengan

kejayaan yang hebat daripada tahun 2011 ke 2015, *blueprint* itu sudah habis tahun ini? Apakah ada perancangan kerajaan untuk melancarkan *blueprint* kedua, 2016 ke 2020 agar kemajuan pelancongan di Langkawi tidak terbantut?

■1010

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Langkawi. Saya sukacita ingin memaklumkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Langkawi supaya kita menyelaraskan. Jika pelancong kena berada di Pulau Langkawi 48 jam atau dua malam boleh menikmati pengecualian cukai RM500 itu yang kita cadang untuk dinaikkan. Berapa nilai kenaikan itu kita akan buat kajian. Permohonan Yang Berhormat Langkawi RM1,500. Kita akan buat kajianlah. Sekarang ini RM500, kalau naik terlalu tinggi, mungkin juga ada implikasi yang lain. Kita akan nilaikan nilai yang wajar.

Akan tetapi permohonan Yang Berhormat Langkawi yang kedua itu adalah munasabah iaitu mengapa penduduk Langkawi terpaksa tiga malam atau 72 jam berada di luar baru boleh mendapat kemudahan membawa barangan yang dikecualikan cukai RM500 itu. Maka saya ingin memaklumkan di sini, setelah kita membuat keputusan-keputusan sebelum menjawab soalan ini, kita ingin menyelaraskan. Jika pelancong 48 jam, maka penduduk Langkawi juga berada di luar 48 jam juga, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sama-sama. Itu saya kira satu berita baik untuk penduduk Langkawi pada pagi ini.

Satu lagi perkara ialah mengenai pelan pembangunan Langkawi yang disebut di bawah LADA. LADA adalah di bawah Kementerian Kewangan. Kita telah mengadakan mesyuarat. Saya juga pergi ke Langkawi pada bulan Februari, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Wahid Omar juga pergi mewakili EPU. Dalam perancangan dengan EPU, ada kemungkinan kita akan mengadakan pelan yang sama untuk pembangunan pelancongan Langkawi ini, *Langkawi Tourism Blueprint* ini, dilanjutkan untuk 2.0 untuk tahun 2016 hingga tahun 2020. Belum ada keputusan tetapi saya yakin, oleh kerana perkara ini baik, maka kita juga akan memasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Daripada segi kejayaan *blueprint* yang pertama, sebagai contoh, kerajaan membelanjakan RM420 juta ke RM450 juta untuk membina *Cenang Waterfront*, *Cenang Bluebath* RM170 juta, *Geopark Langkawi*, Pulau Dayang Bunting, Gunung Mat Cincang RM42 juta, produk *enhancement* RM18 juta, kita *upgrade* jeti Langkawi RM90 juta, kita *upgrade Airport Langkawi* RM5 juta, membuat *rebranding* yang pelbagai, menjual Langkawi di peringkat antarabangsa beberapa juta lagi.

Pelaburan swasta sebenarnya adalah amat hebat dalam *blueprint* yang pertama ini. Jumlah pelaburan swasta untuk membina hotel-hotel, *resort*, tempat-tempat komersial termasuklah hotel enam bintang, St Regis dan juga pembangunan oleh Tradewind. Saya melawat *Langkawi International Convention Centre* yang baru siap dan digunakan oleh Menteri Pertahanan ASEAN sempena LIMA baru-baru ini. Kita bercadang bahawa pemimpin-pemimpin

ASEAN pada 25 hingga 26 April ini untuk *retreat* satu hari satu malam di Langkawi. Kesemua pelaburan swasta untuk Langkawi dalam pelan yang pertama ini adalah RM12 bilion, Yang Berhormat.

Oleh kerana itu, kita mencadangkanlah supaya *blueprint* yang kedua akan diteruskan untuk tahun 2016 hingga tahun 2020. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Jika benar perkembangan ekonomi sangat baik di Langkawi dengan pelupusan cukai ini, apakah rasional ia tidak diguna pakai kepada tempat-tempat lain di negara ini kerana ia juga perlukan pelupusan cukai? Saya difahamkan macam di Pulau Pinang, dulu bebas cukai tetapi sekarang tidak lagi bebas cukai. *What a rational* hanya untuk Langkawi dan bukan untuk tempat-tempat lain? Itu nombor satu.

Berkaitan dengan ini adalah kenapa – saya difahamkan *it is on the drawing board* bahawa pelupusan cukai kepada Langkawi mungkin akan ditarik balik tidak lama lagi. Adakah ini benar? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat Ipoh Barat, saya tidak ada maklumat tentang bahawa ia ditarik balik. Kita akan teruskan. Akan tetapi bukan hanya Langkawi yang mendapat manfaat ini, kita juga memberikan yang sama kepada Pulau Tioman beberapa perkara dan juga kepada Labuan beberapa perkara. Selain daripada itu, contohnya macam Kenyir, akan menjadi kawasan bebas cukai. Daripada segi prinsipnya telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan dan kastam tetapi kita belum wartakan kerana ada beberapa infrastruktur yang belum siap seperti pagar dan sebagainya.

Pada ketika yang sama, selain daripada Labuan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Pulau Pangkor?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ya?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Pulau Pangkor.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Pangkor tidak masuk dalam senarai. Langkawi, Labuan dan Tioman. Kita ada *free commercial zone*. Itu juga pelepasan cukai-cukai tertentu seperti di Stulang Laut di Johor Bahru, Bukit Kayu Hitam dan Pangkalan Kubor serta Rantau Panjang di Kelantan. Itu antara tempat-tempat yang kita laksanakan *free commercial zone*. Terima kasih.

2. **Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apa-apa peningkatan peruntukan dan perubahan keutamaan oleh JKM dalam menghadapi musibah banjir 2014 di Kelantan. Apakah bukti kuat yang menunjukkan bahawa JKM benar-benar menjaga kebajikan mangsa-mangsa banjir di Kelantan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, bencana banjir yang berlaku di Kelantan pada tahun lepas merupakan satu kejadian yang begitu luar

biasa. Peranan dan tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk membantu mangsa bencana terutama bencana banjir adalah selaras dengan Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara seperti berikut:

- (i) menyediakan dan menyelenggara pusat-pusat pemindahan mangsa bencana;
- (ii) menyediakan dan mengedar bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa bencana;
- (iii) menjalankan pendaftaran mangsa bencana bagi maksud pemulihan; dan
- (iv) memberi bimbingan, nasihat dan kaunseling kepada mangsa bencana.

Jadi Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan perolehan darurat di bawah AP 173.2 berjumlah RM3,726,116.20 bagi memenuhi keperluan bencana banjir yang luar biasa di Kelantan. Perbelanjaan darurat tersebut melibatkan perbelanjaan bagi bekalan makanan, bekalan keperluan asas dan sewaan kenderaan. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membekalkan sebanyak 180 unit *collapsible partition* dan 600 unit *foam mat* kepada negeri Kelantan. Ini adalah penambahbaikan yang kami telah terima maklum balas daripada banjir yang sebelumnya.

JKM sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mangsa banjir di pusat-pusat pemindahan dan sebagai langkah persediaan untuk musim tengkujuh bagi tahun 2014, JKM juga telah melaksanakan beberapa penambahbaikan khususnya bagi mengurus mangsa yang berpindah di pusat pemindahan iaitu membekalkan pembahagi boleh lipat atau kita namakan *collapsible tent* yang warna oren itu dan itu telah menjadi satu – kami juga mengucapkan jutaan terima kasih sebab menerima maklum balas sebab kita dapat asingkan wanita dan lelaki, selepas itu boleh berehat dengan selesa sebab ada pembahagi lipat, namanya *collapsible*. Selepas itu kita juga ada khemah boleh lipat yang boleh digunakan tetapi saya tahu NGO lain pun ada memberi dan juga *foam mat*. *Foam mat* ini sejenis tikar yang kalis air dan dia boleh digunakan dengan lebih selesa.

Keduanya, kita telah menambahkan *refreshment kit* sebab kejadian ini luar biasa. Selalunya di pusat pemindahan sehari dua tapi ini lama.

■1020

Jadi kita menyediakan *refreshment kit* ini kita beri biskut, roti, air mineral sebelum betul-betul kita dapat *settle down* kepada mangsa dan kita memberikan segala ini supaya semasa mereka sampai ke pusat pemindahan, sedikit sebanyak ada sesuatu untuk mengalag perut. Selepas itu, makanan bermasak. Kita membekalkan makanan bermasak pada hari pertama dan kedua, itu kita *pack* sebab belum ada betul-betul kemudahan untuk memasak dan seterusnya, kita mengadakan aktiviti bergotong-royong di pusat pemindahan untuk memasak. Selepas itu, kita juga hendakkan ia menjadi lebih terurus, kita melantik pengurus di setiap pusat pemindahan dan tujuh jawatankuasa yang mana jawatankuasa ini adalah Jawatankuasa Pendaftaran Mangsa,

Jawatankuasa Bekalan Keperluan, Jawatankuasa Makanan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Jawatankuasa Aktiviti, Jawatankuasa Sukarelawan.

Jadi ini supaya ia lebih terurus sebab setiap jawatankuasa ini ada tugas masing-masing. Sebab saya akui pada masa tersebut, bukan mudah untuk kita betul-betul menguruskan yang sekali datang dalam 2,000 atau 3,000 dan ada sekalinya 5,000. Jadi mobilisasi semua tenaga kerja JKM - kita bawa semua pegawai kita di negeri-negeri, daerah-daerah yang tidak terlibat untuk turut membantu. Kita juga mohon khidmat sukarelawan-sukarelawan datang daripada pegawai-pegawai dan juga NGO dan sebagainya untuk sama-sama turun.

Kali ini juga kita menambahkan satu lagi khidmat iaitu khidmat kaunseling sebab kita dapati gangguan emosi dan juga trauma begitu tinggi sekali. Jadi, kita adakan kaunselor. Oleh yang demikian, kita ada 101 orang Pegawai Psikologi di bawah JKM dan kita kendalikan juga di bawah Lembaga Kaunselor untuk turun dan membantu kami. Kita adakan pelbagai aktiviti di pusat pemindahan memandangkan mereka berada di situ lama. Jadi, kita mengadakan pelbagai aktiviti untuk kumpulan-kumpulan yang berlainan, kepada kanak-kanaknya, wanita, kepada bapa dan sebagainya supaya masa itu betul-betul boleh digunakan dengan terbaik dan mereka tidak – kemurungan itu jangan sangat mengganggu semasa mereka berada di pusat pemindahan.

Jadi, *insya-Allah* kepada Yang Berhormat, kita membuat yang terbaik. Yang Berhormat bertanya buktinya. Buktinya Yang Berhormat, apabila saya sendiri turun padang bersama-sama sebab saya percaya bahawa dengan saya turun padang, ia memberikan motivasi bukan sahaja kepada pegawai tetapi juga kepada mangsa. Dia terasa bahawa kita bersama-sama dan kita hendak membantu sedaya yang mungkin dan syukur *alhamdulillah* juga Yang Berhormat, saya menerima banyak maklum balas.

Oleh yang demikian, saya panjangkan juga kesedaran ini, saya turun ke Sabah dan Sarawak yang mana saya memohon juga kepada jawatankuasa bencana negeri untuk bersama dengan kami di JKM supaya kita dapat menyelaras cara-cara bantuan kerana saya tidak mahu ada perbezaan. Nanti dikatakan kenapa di Sabah dan Sarawak lain, di Semananjung lain, jadi saya turun padang. Syukur *alhamdulillah*, bulan April ini akan diadakan satu *lab* untuk kita betul-betul menambahbaik dan kita adakan dua SOP yang biasa dan yang luar biasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bachok.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang cukup baik dan SOP yang disebutkan tadi, saya mengharapkan ia bukan hanya di atas kertas sahaja kerana banyak rungutan yang saya terima daripada kawan-kawan. Kalau tidak percaya boleh tanya dengan Yang Berhormat Machang, di sebelah ini. Kawasan dia yang dilanda banjir. Jangan hanya SOP di atas kertas yang baik.

Yang Berhormat Menteri, saya melihat dan mengamati jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Daripada segi secara holistiknya kita perlu melihat banjir ini sebagai salah satu ujian Allah Taala untuk mengembalikan semula manusia kepada ajaran Allah Taala. Allah Taala sebut [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. "*Kami datangkan dan kami kecapkan dengan ujian seperti ini untuk manusia itu kembali kepada ajaran agama Allah*". Saya merasakan dan hendak

bertanya kepada pihak kementerian, perlu ataupun tidak untuk dan sudah ada cadangan ataupun tidak daripada pihak kementerian untuk memasukkan dalam sebahagian SOP. Kalau kita sebut soal pematuhan syariah yang berkaitan dengan auratnya semasa berada di pusat pemindahan, begitu juga yang berkaitan dengan ibadah asas dalam agama kita iaitu ibadah solat.

Ini kerana saya mendapat rungutan ada dalam kalangan mangsa yang dipindahkan tinggal di masjid, apabila waktu azan, mereka turun ke bawah. Mereka beragama Islam, turun ke bawah dan apabila selesai solat, baru mereka naik ke masjid. Ertinya, mereka hanya menjadikan masjid itu sebagai pusat pemindahan untuk mereka tinggal. Solat pun mereka abaikan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ceramahkah atau soalan ini?

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: ...Terutamanya sewaktu berada di masjid.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ceramahkah, soalan?

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Sekian, minta jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, *insya-Allah* Yang Berhormat, segala Yang Berhormat sebutkan tadi memang kita pastikan *insya-Allah* dipatuhi sebab saya katakan saya katakan kami telah mewujudkan juga tujuh buah jawatankuasa dan setiap jawatankuasa itu adalah diterajui oleh komuniti itu sendiri, Yang Berhormat. Sebab pegawai saya memang tidak mencukupi dan di pusat pemindahan, kita pastikan bahawa segala-gala itu terisi. Kalau masa beribadahnya, tempat-tempat menjaga aurat.

Kami beritahu Yang Berhormat sebab kami dulu-dulu punya banjir, kami memang risau sebab didapati tidur wanita, lelaki dan sebagainya. Jadi sebab itulah kami datang kepada pembaharuan seperti *collapsible partition*. Jadi *partition* ini - sebab masa itu banjir yang datang dengan mendadak, kita tidak sempat. Untuk Kelantan, kita sempat *mobilize* 180 *collapsible partitions*. Itu pun tidak semua pusat pemindahan – saya akui Yang Berhormat, tidak semua yang mendapat bekalan sebab mendadak.

Akan tetapi sekarang ini untuk menambahbaikkannya, kita – itu satu yang saya hendak cerita, pengisian tadi. Pengisian Yang Berhormat, memang kita ada satu nama yang dinamakan aktiviti kerohanian, Jabatan Kebajikan bersama JAKIM. Kita bawa sekali untuk kita mengadakan sebab mengisi ruang-ruang ini bukan sahaja untuk menjalankan ibadah tetapi ceramah-ceramah lain untuk kita masukkan supaya *insya-Allah* Yang Berhormat, masa itu terisi. Mengenai di masjid itu pula Yang Berhormat, kadang-kadang saya mohon maaf sebab tempat-tempat pusat pemindahan itu Yang Berhormat, adanya *last moment* sebab sudah tidak cukup. Memang tempat yang dikenal pasti sudah ada Yang Berhormat tetapi ini kadang-kadang di masjid dan sebagainya, ini adalah masa saat-saat terakhir, sebab luar biasa.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: [Bangun]

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Yang Berhormat, saya tadi kata luar biasa. Oleh yang demikian, apabila saya turun padang, bukan sahaja pegawai saya tetapi mangsa-mangsa banjir pun mengatakan sebab ini adalah satu kejadian yang sebenarnya mereka faham. Saya turun Yang Berhormat, saya berjumpa dengan DO, saya berjumpa dengan wakil rakyat,

saya sudah tidak kira kerana bagi saya masa banjir, saya tidak kira pun, saya tidak ada tanya “*Ini parti mana?*”. Tidak ada Yang Berhormat. Saya turun, saya kata “*Selesa atau tidak selesa? Bagaimana? Apa lagi yang sama-sama kita boleh bantu?*” Syukur *alhamdulillah* Yang Berhormat, semasa bencana macam ini kita nampak sebenarnya ketulusan, ketulusan rakyat semuanya membantu.

Akan tetapi satu Yang Berhormat yang saya hendak katakan, kami memang hendak sangat menghantar makanan dan sebagainya tetapi aset. Kami dimarah pula, Yang Berhormat. Dia kata “*Hendak selamat nyawakah atau hendak hantar makan?*”. Jadi kami sudah – adalah yang marah dan sebagainya. Akan tetapi *insya-Allah*, kami telah memohon supaya kami sendiri dapat aset lori 10 tan sebab semasa itu kita tidak dapat, berharap dengan orang lain sebab dia pun memerlukan, untuk kami bulan April ini mengadakan satu *lab* untuk kita betul-betul membuat persiapan. Info banjir juga sangat penting supaya kita dapat *mobilize* orang dengan secepat mungkin dan pelbagai penambahbaikan...

■1030

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini pengamatan saya jadi satu persoalan. Pengamatan saya bila banjir ini ada empat fasa. Fasa pertama Yang Berhormat Menteri kita kena selamat dahulu. Macam mana pun kena selamat. Janji semua agensi bergerak. Kedua, ini yang akan jadi soalan minta maaf. Ini penting.

Keduanya, fasa penempatan serta-merta. Kita tidak rela tengok anak-anak bangsa kita duduk bawah ceruk kolong, tepi jalan. Kita siapkan khemah macam-macam. Fasa kedua.

Fasa ketiga ialah penempatan sementara. Ini kena buat. Kita tidak tahu berapa bulan. Dua bulan, tiga bulan, kita tidak tahu.

Seorang Ahli: Soalan!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Sekejap. Pengalaman saya di Kota Tinggi dan di Kluang bila banjir ini penting sebab bila banjir ini saya ingat Kota Tinggi dan Kluang sudah teruk sangat tapi di Kelantan ini maha dahsyat. Mungkin lima kali lebih teruk lagi. Dan fasa keempat bila kita dapat penempatan sementara, fasa keempat penempatan kekal.

Keempat-empat fasa ini saya tengok memang susah. Jadi kita kebetulan di Johor bila banjir kita sudah siap sedia tiba-tiba tidak banjir. Ramailah berbondong-bondong pergi ke Kelantan, Terengganu dan Pahang untuk membantu. Cuma saya hendak cakap masa itu tidak usahlah kita kira siapalah yang kena banjir. Cuma yang penting apa kita boleh buat dalam satu malapetaka yang maha dahsyat ini 10 tahun punya *flood* tidak ada satu SOP pun akan memenuhi 100 tahun punya *flood*. Kalau ada 100 tahun punya *flood* ini memang luar biasa sebab kosnya akan terlampau tinggi.

Jadi saya hendak sebut sedikit lagi minta maaf, saya hendak puji sedikit Yang Berhormat Bachok tadi sebab cakap Machang. Saya pun minta maaf, saya banyak kali pergi tidak usah ceritalah. Kita pergi memang adalah, “*berat mata memandang berat lagi bahu memikul*” tetapi

yang pentingnya minta maaf ini penting. Tadi saya cakap fasal ujian. Saya hendak tambah sedikit sebenarnya Yang Berhormat Menteri ini bukan sahaja ujian ini satu peringatan sebenarnya. Apa lagi yang kita tidak buat? Apa lagi yang kita terkhilaf? Mungkin sebab kita bergaduh kuat sangat. Mungkin sebab kita tidak dapat...

Beberapa Ahli: Soalan!

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: ...Sekejaplah. Mungkin sebab kita tidak memahami dan yang paling penting bila sudah banjir kita sudah mula cari salah orang. Sudah cari salah ini makna satu bukti bahawa kita tidak ingat. Kita tidak ambil iktibar daripada masalah peringatan yang diberi oleh Allah SWT ini. Jadi saya hendak cakap soalnya, ini sampai soalan.

Soalannya saya hendak ucap tahniah kepada semua NGO, kepada wakil rakyat pembangkang atau bukan pembangkang, kepada yang menjalankan kerja termasuk kepada agensi-agensi kita kena berterima kasih kepada mereka dan soalan saya kepada kementerian dalam kita buat *lab* nanti, saya minta supaya fasa-fasa ini dilihat, dihalusi dan kita kena lihat pengemblengan semua pihak.

Bila banjir ini janganlah kita berpuak-puak. Bila banjir termasuk NGO mana-mana pun kita kena selaraskan koordinasi kerja-kerja kita dan daripada segi SOP penyelarasan kerja-kerja ini kena diperkasakan supaya semua tahu apa mereka perlu buat sewaktu banjir. Jangan bila dah peringkat keempat tanya bila rumah hendak siap. Peringkat satu, dua, tiga batang hidung pun tidak nampak. Akan tetapi tidak apa kita ambil ini sebagai satu rakyat Malaysia kita buat sama-sama. Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi dan terima kasih Yang Berhormat Bachok tadi. Lupa saya kata. Memang kita terima itu sebagai ujian Allah dan tambah lagi peringatan Allah. Jadi masa itu saya kata tadi saya bermula dengan luar biasa. Bila luar biasa ini bermacam-macam yang kita nampak kelemahan. Saya akui kita nampak kelemahan. Bermakna kita tidak bersedia dengan satu keadaan banjir yang luar biasa dan seperti itulah saya katakan sama-sama kita telah mengambil ketetapan.

Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Dalam *lap* itu memang nanti kita ada sebelum banjir. Sebab persiapan sebelum banjir itu juga penting. *Database*. Di mana orang ini berada, berapa orang ada dalam kampung itu, kampung ini mesti pergi ke pusat pemindahan yang mana tetapi itu mesti dipatuhi sebab didapati bahawa sudah disusun beberapa kampung masuk pusat pemindahan tertentu tetapi dia tidak ikut macam itu. Ada yang tidak mahu pindah. Dia kata ini biasa. Sudah berpuluh tahun, kami ini tidak mahu pindah. Jadi bila datang bencana luar biasa hendak memindah 5,000 sekali itu memang telah menjadi satu masalah yang besar.

Jadi oleh yang demikian Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Pentingnya tadi Yang Berhormat kata itu kita mesti muhasabah. Kita ambil apa yang berlaku. Jadi oleh yang demikian di dalam *lab* nanti ada untuk kita mengadakan SOP pengurusan banjir biasa, luar biasa. Lepas itu ada *gold standard* yang telah diumumkan yang digunakan oleh Kemaman. Jadi *insya-*

Allah kita akan mengguna pakai *gold standard* tersebut di mana mereka ada fasa sebelum banjir apa dibuat, semasa banjir apa dibuat dan selepas banjir apa dibuat.

Lepas itu aset sebab aset pada masa itu kita sudah tidak dapat berharap dengan aset orang. Kalau dapat kita ada minimum aset kita sendiri. Lepas itu *insya-Allah* kita akan wujudkan program latihan dan simulasi tapi ini melibatkan semua sebab kalau buat simulasi katalah kita kata simulasi banjir. Jadi semua di kampung, di daerah di tempat itu kena ikut serta dan kita hendak membangunkan e-Pendaftaran Banjir sebab di pusat pemindahan kalau 5,000 datang serentak memang tidak menang tangan. Jadi kita hendak mencari kaedah yang tercepat untuk kita dapat mendaftarkan orang dalam masa yang sependek mungkin supaya penyelesaian kepada semua dan *insya-Allah* kita akan mewujudkan mini-mini depot di negeri-negeri supaya bekalan itu memang dekat dengan kejadian. Terima kasih.

3. Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil susulan daripada resolusi Persidangan Pertama Parlimen Belia Malaysia yang telah diadakan pada bulan Januari 2015 yang lepas.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini berita ringkas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak sembilan usul telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri selepas selesai persidangan Parlimen Belia Sidang Pertama tahun 2015 dan 2016 yang diadakan pada 10 dan 11 Januari 2015 di Dewan Rakyat. Sembilan usul berkenaan telah dikemukakan kepada kementerian dan agensi yang terlibat bagi mendapatkan maklum balas dan tindakan yang selanjutnya. Pada dasarnya Jemaah Menteri telah bersetuju dengan kesemua usul tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian-kementerian yang berkaitan adalah Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Luar Negeri. Seterusnya agensi-agensi yang berkaitan adalah SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat), Majlis Keselamatan Negara, Unit Perancang Ekonomi (EPU). Sekian, terima kasih.

Datuk Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi semasa persidangan belia yang lepas, kita lihat ada sembilan usul yang disuarakan oleh Ahli Parlimen Belia ini yang mana mereka lakukan secara bersepakat dan kita lihat usul yang keempat yang dibentangkan kepada Parlimen yang lepas adalah berkenaan dengan diskaun pengangkutan awam yang diberikan kepada golongan belia untuk menarik minat mereka menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam tetapi seolah-olah tidak mendapat sambutan ataupun tidak *alert* apabila SPAD mengumumkan tentang kenaikan tambang teksi dan bas baru-baru ini. Adakah perkara ini akan memberi impak kepada persepsi belia berkenaan keberkesanan Parlimen Belia dalam mereka menyuarakan pandangan mereka. Itu satu.

Yang saya hendak kahwinkan soalan lagi satu dan adakah, ini sebab soalan ini sangat penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, terus kahwin Yang Berhormat. Jangan satu, dua. *[Ketawa]*

Datuk Mas Ermeyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Saya kahwinkan dia. Amboi kuatnya Yang Berhormat Kuala Langat.

Adakah Kementerian mempunyai bajet dalam menyalurkan kepada Ahli Parlimen Belia ini dalam mereka menjalankan aktiviti di akar umbi? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, mengenai kenaikan harga yang telah diumumkan oleh SPAD tidak berkaitan dengan permintaan belia. Walau bagaimanapun, kita belum lagi dapat maklum balas daripada Kementerian Pengangkutan mengenai permintaan daripada segi dasar. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan yakin kenaikan harga baru-baru ini tidak kena-mengena dengan permintaan golongan belia.

Seterusnya mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat soalan yang kedua mengenai peruntukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 130 Ahli Parlimen Belia telah dipilih bagi sesi penggal pertama bagi tahun 2014 hingga 2016 yang terdiri daripada 110 orang lelaki dan 23 orang perempuan.

■1040

Daripada jumlah 133 orang Ahli Parlimen Belia Malaysia, seramai 101 orang kaum Melayu, 6 orang kaum Cina, 7 orang kaum India, 5 orang Bumiputera Sarawak dan 12 orang Bumiputera Sabah, seorang Orang Asli dan seorang daripada lain-lain. Ahli Parlimen Belia berumur 18 hingga 25 tahun adalah seramai 46 orang manakala berumur 26 hingga 30 tahun adalah seramai 87 orang. Sehingga hari ini Kementerian Belia dan Sukan menyalurkan sebanyak RM2,000 untuk satu program dan belia ini dibenarkan mengadakan tiga program untuk setahun dan peruntukan ini tidak akan diberikan kepada Ahli Parlimen Belia tetapi disalurkan ke Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya hendak tanya kerana saya juga berminat dengan persidangan pertama Parlimen Belia. Jadi cuma saya lihatkan persidangan Belia ini agak cacat sikit kerana tidak lengkap. Saya cuba perhatikan sama ada Ampang ada kah, Kulai ada kah? Tidak ada. Jadi nampaknya satu Parlimen yang kita hendak latih anak muda untuk menjadi pelapis, *one-sided* Parlimen. Jadi bilakah Kementerian hendak menukar dasar ini agar ia mempraktikkan satu sistem demokratik yang sebenarnya, yang realistik. Satu Parlimen Belia yang lebih realistik. Itu soalan saya.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya tidak pasti Yang Berhormat melihat dari sudut mana kecacatan itu. Kecacatan itu tergantung kepada sudut mana Ahli Parlimen melihat keseluruhan. Kebetulanannya pemilihan Ahli Parlimen tidak mengikut mana-mana dasar. Mengikut pendaftaran melalui *online*. Mereka harus

berdaftar melalui *online* di portal khas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan mereka akan dipilih oleh ahli-ahli belia sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kawasan Beluran dua orang wakil ya.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya menurut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya rasa perwakilan daripada wanita adalah kurang sikit di antara 133 orang Ahli Parlimen Belia Malaysia, hanya 23 orang iaitu 17% adalah wanita. Selain daripada itu, perwakilan daripada kaum Cina hanya 6 orang, India hanya 7 orang, Orang Asli satu orang dan bumiputera Sarawak hanya 5 orang. Jadi saya tanya sama ada kementerian ada apa-apa usaha, rancangan untuk meningkatkan lagi perwakilan wanita dan juga perwakilan India, Cina dan juga Dayak, Kadazan dan lain-lain. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan tiada sebarang halangan untuk menambahkan penglibatan golongan wanita dalam Parlimen Belia Malaysia tetapi segala aktiviti telah dipromosikan melalui media masa dan *online*. Maka setiap Ahli Parlimen harus memainkan peranan. Kalau sekiranya kita hendak menambahkan populasi wanita, saya rasa Ahli-ahli Parlimen, ketua-ketua masyarakat, ketua-ketua parti politik harus memainkan peranan untuk mempromosikan, pastikan mereka berdaftar, golongan wanita berdaftar melalui *online* portal yang telah disediakan oleh Kementerian Belia dan Sukan. Itu cara terbaik untuk menambahkan.

Walau bagaimanapun Kementerian Belia dan Sukan akan mengadakan pelbagai aktiviti untuk memastikan, menambahkan populasi wanita Parlimen Belia Malaysia. Terima kasih.

4. Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pengangkutan awam mesra OKU disediakan bagi pengguna di luar bandar.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak jawapan tepat, inilah jawapannya. Adalah menjadi sasaran untuk pengangkutan awam menjadi mode pengangkutan pilihan utama. Kebolehcapaian kepada perkhidmatan kepada pengguna ini adalah penting bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam termasuklah golongan orang kurang upaya. Oleh yang demikian Yang Berhormat, sistem pengangkutan awam yang cekap akan turut mengambil kira faktor kebolehcapaian ataupun *accessibility* dengan izin, oleh golongan OKU.

Dalam konteks perkhidmatan bas, bas ataupun *coach* dengan izin yang mesra OKU akan mempunyai ciri-ciri yang antaranya ialah:

- (i) ruang untuk kerusi roda yang asas ataupun *standard wheel chair*, dengan izin;
- (ii) *boarding device* dengan izin bagi kemudahan kerusi roda untuk naik dan turun dari bas;
- (iii) jumlah minimum kerusi yang diutamakan kepada penumpang kurang upaya iaitu *disable passenger*, dengan izin;
- (iv) *hand rails* dengan izin untuk membantu penumpang kurang upaya; dan
- (v) warna jelas iaitu *contrasting color* dengan izin, bagi menampakkan *hand rails* dan langkah seperti di tangga dan platform lantai yang berbeza khusus bagi membantu golongan kurang sempurna penglihatan ataupun dengan izin *partially sighted people*.

Pada masa ini negara kita belum lagi mempunyai peruntukan khas untuk mewajibkan pengusaha bas terutamanya bagi perkhidmatan bas henti-henti untuk menyediakan dan menggunakan bas yang mesra OKU. Dengan mengambil kira kedudukan industri bas henti-henti di negara ini yang tidak menikmati keuntungan yang besar ataupun *barely made profit* dengan izin, keutamaan lain seperti kemampuan untuk terus beroperasi dan menyediakan perkhidmatan diberi perhatian terlebih dahulu. Dalam perkembangan yang sama seperti yang telah saya terangkan dalam Dewan yang mulia ini semalam, kerajaan bakal melaksanakan Program Transformasi Bas Henti-henti ataupun *Stage Bus Service Transformation (SBST)* dengan izin, di seluruh negara untuk termasuk kawasan luar bandar secara berperingkat bermula pada tahun ini.

Lima kawasan iaitu pilot projek yang telah dikenal pasti seperti mana saya maklumkan semalam adalah Seremban, Kangar, Kuching, Ipoh dan Kuala Terengganu. Antara komponen utama program SBST ini adalah penggunaan bas-bas yang lebih selesa dan selamat termasuk penggunaan bas-bas yang baru. Setiap bas baru yang digunakan perlu mematuhi spesifikasi tertentu termasuk mesra OKU. Adalah disasarkan pada masa hadapan agar semua bas khususnya bagi perkhidmatan bas henti-henti adalah mesra OKU dan dapat memberi perkhidmatan yang baik sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah ya memang tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab, memberikan polisi ataupun panduan-panduan apa yang patut disediakan untuk OKU ini. Akan tetapi soalan saya adalah untuk menanyakan tentang pencapaian dan keberkesanan sistem pengangkutan awam yang mesra OKU. Jadi daripada jawapan itu kita tidak lihat seolah-olah pencapaian itu memang sangat minimum atau saya tidak tahu berapa peratus dan masih lagi tidak ada fokus terhadap persediaan untuk menyediakan pengangkutan awam untuk OKU terutamanya di luar bandar.

Dalam bandar *insya-Allah* mereka mempunyai fasiliti yang mungkin belum lengkap tetapi boleh untuk membantu mereka. Jadi mereka yang di luar bandar ini amat memerlukan penempatan rendah, dengan infrastruktur yang lemah dan mereka tidak ada *transport* sendiri. Jadi makanya ia perlu ada satu perancangan yang lebih khusus untuk kawasan-kawasan luar

bandar dan mungkin daripada segi ini kita kena beri keutamaan kepada OKU di luar bandar kerana dalam statistik yang berdaftar hampir 2.5% rakyat kita adalah terdiri daripada golongan OKU dan kita tidak cakup fasal Sabah Sarawak. Sabah ada 30,000 OKU dan Sarawak 22,000 OKU yang mana infrastrukturnya sangat-sangat lemah. Orang yang biasa pun jalan teruk dan sebagainya apatah lagi OKU.

Jadi saya harap kementerian mengambil satu sikap yang lebih serius untuk menjuruskan sedikit *planning* ataupun perancangan agar golongan OKU ini dititik beratkan lagi terutama di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan, semalam kita telah menyatakan mengenai lima pilot projek itu di lima kawasan dan ingin saya kongsi di sini perancangan masa hadapan dalam menyediakan perkhidmatan bas mesra OKU ini walaupun ianya bukan tertumpu kepada kementerian iaitu di bawah SPAD sahaja tetapi ia merangkumi kementerian lain dan saya difahamkan terdapat Jawatankuasa Pengangkutan iaitu salah satu jawatankuasa dalam Majlis Kebangsaan OKU di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

■1050

Ia dipengerusikan oleh Kementerian Pengangkutan (MoT) manakala SPAD adalah salah satu daripada ahlinya. Untuk menjawab sama ada kita serius atau tidak serius, ini saya hendak nyatakan di sini di mana jawatankuasa ini telah pun antara lainnya turut meneliti isu dan sedang merangka satu garis panduan berhubung dengan izin *universal access* bagi membolehkan perkhidmatan semua pengangkutan awam termasuk rel dan bas mempunyai ciri kebolehcapaian yang standard, mesra OKU.

Sebagai contoh kalau di dalam *train*, sekarang ini kalau tadi Yang Berhormat mengatakan masalah kita di luar bandar tetapi sebagai contohnya di bandar sudah dimulakan seperti *public announcement*, *station train* dan juga di dalam bas bagi memudahkan pengguna kurang upaya penglihatan. Contoh yang lain adalah papan siar dan banyak lagi yang telah dijalankan.

Yang Berhormat menumpukan perhatian mengenai luar bandar misalnya di Sarawak ditumpukan juga tadi. Saya hendak nyatakan di sini semalam kita telah menyebut di antara bandar yang saya sentuh tadi kita ada Seremban, Ipoh, Kangar, Kuching dan juga ada tadi saya sebutkan di antara bandar Ipoh, Kuala Terengganu. Ini bukan hanya meliputi pekan besarnya. Misalnya di kawasan Seremban nanti ia juga termasuk kawasan-kawasan yang luar dari kawasan bandar utama. Jadi di situlah menunjukkan kita akan mengambil kira beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya juga hendak sentuh ada juga perkara setakat ini mengenai kenapa pada masa ini belum banyak lagi bas boleh dapat menepati apa yang diinginkan. Seperti yang saya katakan tadi dengan keadaan industri bas henti-henti di negara pada masa ini, keutamaan lain seperti kemampuan untuk terus beroperasi dan menyediakan perkhidmatan diberi perhatian terlebih dahulu.

Ini kerana kos untuk menyediakan bas yang mesra OKU atau dengan izin, *low floor buses* adalah lebih tinggi berbanding bas biasa. Sebagai contoh, harga sebuah bas biasa 12 meter adalah antara RM400,000 hingga RM1 juta. Jadi, tertakluk kepada jenama dan modelnya. Manakala harga bagi *low floor bus* adalah RM520,000 hingga RM700,000 berbanding bas biasa.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, sungguhpun tiada peruntukan khas yang mensyaratkan bas jenis *low floor bus* ini disediakan tetapi pada masa yang sama penyedia perkhidmatan bas sama ada di bandar mahupun di luar bandar digalakkan untuk menyediakannya. Saya sebutkan tadi mengenai *stage bus* itu, mereka yang terlibat sebagai operator itu dikehendaki menggunakan bas baru atau yang berusia tidak lebih daripada tujuh tahun.

Jadi tiada insentif khusus ditawarkan oleh kerajaan untuk pengusaha bas membeli *low floor bus* ini. Namun dalam kontrak lapan tahun yang dibagi di bawah Skim SBST ini kelak diyakini boleh memberikan galakan untuk institusi kewangan memberikan mereka pinjaman atau apa jua bentuk bantuan kewangan bagi membolehkan mereka untuk menepati spesifikasi yang kita nyatakan tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengangkutan awam adalah penting untuk OKU tetapi saya rasa cabaran utama yang dihadapi oleh golongan OKU pada hari ini ialah mendapatkan pekerjaan. Apakah inisiatif yang disediakan dalam hal ini dan berapakah jumlah OKU yang berada dalam golongan profesional pentadbiran negara ketika ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terkeluar daripada bas Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat saya rasa bukan terkeluar daripada tajuk tetapi bukan di bawah bidang kuasa saya. Saya lebih bertumpu kepada bidang daripada segi pengangkutan untuk OKU tadi, minta maaf melainkan mahu jawab soalan lain untuk orang lain lebih khusus kepada OKU untuk kementerian lain. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setelah mendengar jawapan dari Yang Berhormat Menteri tadi iaitu pilot projek untuk Bas Mesra OKU ini akan dimulakan juga di Sarawak. Jadi saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bila agaknya dimulakan dan kita melihat kebanyakan OKU ini tidak menggunakan bas ini disebabkan kemudahan tidak ada. Jadi kita hendakkan seperti apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi supaya semua kemudahan yang ada untuk OKU ini membawa kereta yang digunakan dan dipakai dan juga mereka yang tidak nampak dengan jelas stesen-stesen supaya diadakan dengan baik dan teratur. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga menjawab soalan berhubung dengan SBST semalam iaitu *stage bus* untuk projek yang dimasukkan lima buah kawasan, *pilot* projek ini di mana ia termasuk Kuching. Apabila kita termasuk Kuching, termasuk juga kawasan Kota Samarahan. Jadi ini adalah salah satu daripada permulaannya

untuk negeri Sarawak di mana kalau kawasan Kota Samarahan itu ia akan meliputi kawasan dalaman iaitu kawasan luar bandar sedikit.

Jadi untuk negeri Sarawak, untuk Kuching *insya-Allah* ia akan bermula untuk suku tahun sebelum penghujung tahun ini iaitu suku tahun keempat. Seperti yang saya juga sebutkan semalam di mana pada masa ini ia hanya tinggal memanfaatkan *the latest part of the contract* dengan izin di mana ia meliputi *network operator* sudah pun dikenal pasti di Sarawak.

Jadi *insya-Allah* apabila dengan adanya projek ini ia akan meliputi yang saya nyatakan ia untuk lapan tahun tetapi *insya-Allah* mungkin ia akan boleh memberi peluang kepada operator-operator ini untuk memohon pinjaman kewangan bagi membolehkan mereka menaik taraf bas ini supaya ia dapat melengkapkan dengan spesifikasi-spesifikasi yang meliputi keperluan untuk OKU. Terima kasih.

5. Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah peruntukan yang telah dan akan diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan Sabah dan Sarawak untuk membiayai Perkhidmatan Pentadbiran Tanah Anak Negeri (PANTAS) iaitu pengukuran tanah-tanah adat dan apakah status kejayaan dalam usaha tersebut setakat ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu kita mengalu-alukan Ahli-ahli Jawatankuasa Bahagian dan juga Ketua-ketua Cawangan Parlimen Arau yang datang sebab selalunya saya mengalu-alukan bagi pihak kawan-kawan. Kawan-kawan tolong alu-alukan bagi pihak saya pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, Program Pengukuran Tanah Hak Adat Bumiputera atau *Native Customary Rights* (NCR) di Sabah dan Sarawak adalah salah satu komponen yang dilaksanakan di bawah program khas golongan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Persekutuan telah menyediakan peruntukan berjumlah RM65.7 juta di bawah RMKe-10 bagi melaksanakan Program Pengukuran Tanah NCR Sabah. Peruntukan tersebut digunakan untuk melaksanakan kerja-kerja pengukuran perolehan peralatan kelengkapan pengukuran, penubuhan pangkalan data dan pembinaan bangunan Unit Khas Anak Negeri Sabah serta pembangunan aplikasi perisian dan perkakasan untuk perkhidmatan kaunter bergerak di bawah Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah atau PANTAS.

Program Pengukuran NCR ini mula dilaksanakan pada tahun 2011 sehingga 31 Januari 2015, seluas 29,824.23 hektar tanah NCR Sabah telah selesai diukur melibatkan pengukuran perimeter 47 geran *communal*, 881 pembahagian lot individu geran *communal* dan 2,749 lot pendudukan NCR secara individu. Sementara itu Program Pengukuran Tanah NCR Sarawak pula mula dilaksanakan pada tahun 2010. Peruntukan sebanyak RM124 juta telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2010 sehingga tahun 2015. Peruntukan ini digunakan untuk kerja-kerja pengukuran, perolehan peralatan kelengkapan pengukuran, perolehan kenderaan dan majlis dialog.

■1100

Sehingga 31 Januari 2015, seluas 552,803 hektar tanah NCR Sarawak telah selesai dilaksanakan pengukuran perimeter dan 2,249 hektar telah dibuat pengukuran lot individu. Daripada pengukuran perimeter seluas 552,803 hektar tanah, seluas 285,617 hektar telah digazetkan.

Pada masa ini Kerajaan Persekutuan sedang memperhalusi keperluan peruntukan program pengukuran tanah NCR Sabah dan Sarawak untuk dilaksanakan di bawah RMKe-11.

Terima kasih.

Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan dan maklumat yang telah diberikan tadi. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas pemberian peruntukan itu dan terbukti bahawa peruntukan kita telah mendapat sebaik-baik mungkin dan telah menyelesaikan banyak masalah rakyat khususnya dalam hal tanah.

Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan sedar bahawa pemberian secara waran yang diberi selepas tahun 2013 iaitu RM10 juta daripada disalurkan melalui ICU dan RM30 juta pada tahun 2015, tahun ini, yang diberikan melalui ICU telah mengakibatkan sedikit kerenah birokrasi daripada segi pelaksanaan. Ini juga telah menghambat keberkesanan dalam urus tadbir dan *excellency* pengurusan urus tadbir tanah secara pantas. Oleh yang demikian, adakah kerajaan mempertimbangkan untuk mengembalikan pemberian peruntukan ini secara geran seperti mana yang telah diberikan pada tahun 2011 dahulu pada ketika pemberian itu diberikan melalui Kementerian Sumber Asli?

Kedua soalan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah oleh sebab Jabatan Tanah dan Ukur Negeri Sabah ini kekurangan kakitangan untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran dan oleh sebab itu kerja-kerja mengukur begitu lambat, adakah kerajaan mempertimbangkan untuk menambah peruntukan ini untuk membolehkan Jabatan Tanah dan Ukur melaksanakan kerja-kerja mengukur secara swasta? Mengambil pihak swasta untuk membantu dalam kerja-kerja pengukuran tanah secara pantas. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, penyaluran peruntukan bagi tahun 2014 dan 2015 secara waran kerana program NCR ini telah dimasukkan dalam program khas golongan bumiputera minoriti Sabah yang disalurkan secara waran. Walau bagaimanapun, peruntukan untuk tahun 2014 sebanyak RM10 juta telah pun disalurkan semula secara geran dan bagi tahun 2015 iaitu sebanyak RM30 juta, penyaluran peruntukan secara geran sedang dalam pertimbangan. Sabar itu separuh daripada iman. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, pada 14 Mac yang lalu, bulan ini tahun 2015, kita ada mengadakan satu perjumpaan dengan penduduk-penduduk di Kampung Murut di mana mereka ini akan dibagi pengiktirafan. Tanah-tanah mereka akan diukur.

Akan tetapi, saya fikir peruntukan yang dibagi pada tahun ini RM30 juta, ia tidak mencukupi. Saya ada bertemu dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Tanah bahawa mereka

mengatakan kalau ada peruntukan yang lebih, maka banyak tanah adat ini akan diselesaikan dalam tahun ini dan tahun hadapan.

Jadi Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri memastikan kerana ini satu usaha yang baik kerana orang-orang *native* ini tinggal sudah begitu lama di satu kawasan tetapi sampai sekarang belum ada geran tanah kerana *Land and Survey* tidak ada peruntukan yang cukup. Jadi kalau boleh, adakah kerajaan bersungguh-sungguh untuk membantu? Kalau bersungguh-sungguh, bolehkah dapat peruntukan yang lebih daripada RM30 juta yang dijanjikan? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan dan terima kasih kepada orang Sabah yang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang berusaha untuk menyelesaikan tanah adat di sana.

Yang Berhormat, peruntukan RM30 juta ini dalam pertimbangan. Bila kita bagi dan kalau ada kekurangan, kita akan pertimbangkannya dari semasa ke semasa. Yang ini tidak ada masalah. Kita sentiasa berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Jabatan Ukur akan melaksanakan tugas mereka dengan sebaik mungkin.

Berdasarkan kepada angka yang saya telah sebutkan tadi, jumlah tanah yang telah dikeluarkan menunjukkan bahawa terdapat kejayaan yang besar dalam usaha kita untuk memberi hak kepada tanah-tanah NCR seperti yang saya telah sebutkan tadi. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana memberi peruntukan dan program untuk membuat *perimeter survey* kepada NCR *land* di Sarawak dan Sabah.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, *target* adalah untuk sampai ke tahun 2015. Yang jadi masalah adalah, adakah NCR *land* akan siap diukur sampai tahun 2015? Kalau tidak, adakah kerajaan bercadang untuk melanjutkan program ini?

Kedua, tadi ada soalan untuk – adakah pihak swasta atau *private surveyor* boleh diterapkan untuk sama-sama membuat *perimeter survey* ini? Ini kerana kalau kita bergantung kepada *Land and Survey*, mungkin kerja ini tak akan siap pada tahun yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Peruntukan yang dibagi ialah sehingga tahun 2015. Tahun inilah ya. Akan tetapi tadi saya telah pun bagi kedudukan kita sehingga Januari iaitu untuk Sarawak, 552,803 hektar. Ini cukup besar ini, cukup besar. Sehingga habis tahun ini, tahun 2015, kita akan tengok sejauh mana kejayaan yang telah dicapai dan kalau sekiranya kita menghadapi apa-apa masalah selepas itu, kita akan pertimbangkan semula. Walau bagaimanapun, sehingga Januari 2015, kita lihat kejayaan yang besar yang telah dicapai oleh Jabatan Ukur.

Terima kasih juga kepada kawan-kawan dari Sarawak yang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan yang memberi peruntukan sebanyak RM124 juta untuk tujuan pengukuran tanah adat di Sarawak.

6. Dato' Kamaruddin bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah terkini kerajaan untuk membantu menyelesaikan masalah Pattani di selatan Thailand.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat atas soalan yang dikemukakan.

Semasa lawatan rasmi Tuan Yang Terutama Jeneral (B) Prayut Chan-ocha, Perdana Menteri Thailand ke Malaysia pada 1 Disember 2014, beliau menyatakan komitmen Kerajaan Thailand terhadap proses damai di selatan Thailand. Beliau menegaskan bahawa Malaysia adalah satu-satunya fasilitator kepada proses damai tersebut. Beliau turut melahirkan penghargaan terhadap peranan yang dimainkan oleh Malaysia sebagai fasilitator dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyambut baik perkara ini serta menyatakan bahawa Malaysia terus komited untuk membantu dalam program-program bina upaya untuk masyarakat selatan Thailand.

■1110

Kedua-dua pemimpin bersetuju terhadap tiga asas penting yang akan menjadi parameter kepada rundingan damai tersebut:

- (i) keperluan untuk menghormati undang-undang dan menghentikan aktiviti keganasan atau *violence*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua;
- (ii) prinsip keterangkuman atau *inclusivity* yang mana semua kumpulan yang mewakili masyarakat Islam di selatan Thailand, perlu terlibat dalam proses damai tersebut; dan,
- (iii) semua tuntutan kumpulan-kumpulan tersebut perlu digabungkan bagi membentuk satu tuntutan yang jelas dan komprehensif mewakili semua pihak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menekankan kepentingan bagi mendapatkan kepercayaan dan keyakinan penduduk selatan Thailand terhadap proses damai tersebut, khususnya jaminan bahawa kumpulan-kumpulan berkenaan bebas daripada ancaman tindakan ketenteraan dan tangkapan oleh Kerajaan Thailand. Ini adalah penting agar semua pihak akan merasa selamat dan selesa untuk tampil ke meja perundingan tanpa rasa terancam atau takut.

Sehubungan ini, Malaysia melalui fasilitator kepada proses damai tersebut telah pun menyambung konsultasi dengan pihak-pihak yang berkenaan di selatan Thailand dan juga pihak Kerajaan Thailand ke arah proses rundingan damai. Kerajaan percaya bahawa kesediaan kedua-dua pihak adalah tinggi untuk menyambung proses damai tersebut. Kerajaan Malaysia juga akan terus membantu dalam program bina upaya untuk masyarakat Islam di selatan Thailand dalam bidang pendidikan, latihan vokasional dan keusahawanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang saya rasa amat baik kepada masalah yang saya bangkitkan itu. Tuan Yang di-Pertua sendiri amat maklum betapa kalau kita

di Sabah merasai kesan jika masalah negara jiran tidak dapat dikawal, ia akan mengakibatkan negara kita juga menjadi mangsa. Begitu juga dalam kes rakyat kita di Kelantan, mungkin Kedah, Perlis jika kita tidak mengambil tindakan, ia akan memberi kesan yang amat buruk kepada bahagian utara Semenanjung Malaysia kita ini.

Jadi langkah yang Yang Berhormat sebutkan tadi saya amat hargai, tinggal lagi berbeza sedikit dengan Filipina selatan. Saya dimaklumkan bahawa peranan pemimpin dan pegawai-pegawai Malaysia di selatan Thailand itu tidak begitu berkesan berbanding dengan apa yang telah berlaku di Filipina selatan. Filipina selatan pun tidaklah begitu berjaya kerana Manila masih lagi belum membuat keputusan melalui kongresnya dengan jelas untuk menyokong perjanjian damai tersebut, tetapi di Thailand lebih lagi tidak berjaya.

Jadi harapan saya dan soalan saya ialah bahawa masyarakat Thailand di selatan itu menuntut, malah untuk merdeka dari Thailand. Ini kerana mereka sudah merasai Bangkok tidak ada satu dasar positif yang jelas. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kalau kita tidak menyokong usaha untuk mereka merdeka ini, apakah tindakan yang boleh kita lakukan sebagai Pengerusi ASEAN untuk memastikan bahawa kita dapat mencari penyelesaian yang lebih baik daripada apa yang mereka sedang rasai dan alami hari ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Tumpat. Pertama saya hendak jelaskan, apa yang kita buat di selatan Thailand dan selatan Filipina adalah sama konsepnya. Akan tetapi masalah yang timbul di selatan Thailand ini adalah kerana Kerajaan Thailand itu sendiri mengalami satu keadaan yang kucar-kacir beberapa tahun akhir-akhir ini. Ini menyebabkan masalah yang kita bangkitkan dalam Dewan ini tidak menjadi satu agenda utama kerajaan ketika itu. Maka sebab itu saya sebutkan apabila Perdana Menteri Thailand pada bulan Disember datang dan bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita tahun lepas pada bulan Disember, barulah agenda ini dibangkitkan sekali lagi.

Pertama, kita harus lihat bahawa Thailand bersetuju bahawa Malaysia satu-satunya, tiada ada lagi negara lain yang dianggap sebagai fasilitator. Itu telah memberikan satu perkara yang baik kerana apa sahaja yang telah dibincangkan dahulu akan disambung, tidak ada tersekat di situ kerana fasilitator yang sama. Jadi bukanlah masalah oleh kerana tidak mencapai mana-mana kejayaan tetapi masalah kerajaan itu sendiri di Thailand yang menyebabkan ia tergendala.

Kedua, selepas perbincangan dibuat pada Disember baru-baru ini, fasilitator itu juga telah pun bermula dan mesyuarat telah pun kita buat beberapa kali, bukannya tidak buat sehingga bulan Mac. Maknanya dari bulan Disember sehingga bulan Mac ini sudah ada dua kali atau tiga kali mesyuarat. Itu menunjukkan bahawa fokusnya telah pun diambil, agenda ini menjadi agenda utama Kerajaan Thailand.

Untuk saya jelaskan kepada Yang Berhormat Tumpat, sebenarnya polisi kita, dengan izin, *prosper the never* itu adalah sesuatu yang menjadi agenda utama kita juga kerana kita tidak

mahu di mana-mana *border* atau jiran kita yang berdekatan ada masalah, maka sebab itu kita mengambil satu sikap supaya dapat kita bekerjasama untuk menyelesaikan masalah di situ.

Tentang tuntutan mereka sama ada mereka mahu merdeka ataupun tidak, itu kita tidak mahu ambil campur tentang urusan *the sovereign country*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua terhadap Kerajaan Thailand itu sendiri. Akan tetapi yang pentingnya supaya keadaan di situ selamat, tenang, supaya tidak menjadi masalah yang akan timbul dalam negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Tuan Yang di-Pertua, saya lihat hubungan kita Malaysia dengan Filipina khususnya selatan Mindanao dengan hubungan Malaysia dengan selatan Thailand atau Pattani ini unik kerana dari sudut sejarahnya kerana Pattani itu adalah sebahagian daripada kita, Tanah Melayu. Akan tetapi hanya selepas 1906, satu perjanjian ditandatangani antara British dengan Bangkok, tiba-tiba selatan Thailand, tiga wilayah ini menjadi hak Thailand, tidak lagi menjadi hak Tanah Melayu.

Justeru itu, dengan kejayaan kita - memang saya akui apa yang Yang Berhormat Tumpat beritahu, sebab Tumpat dia *border* dengan Pattani, khususnya dalam menangani isu di selatan Filipina yang bukan merupakan jajahan takluk Malaysia. Akan tetapi pendekatan kita pada ketika itu, kita bekerjasama dengan ASEAN, tubuhkan IMT yang mana kita ada fasilitator dan kita lantik *two-star general* untuk *facilitate* suasana di selatan Mindanao.

Pada satu ketika – saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, dahulu ada *task force* yang ditubuhkan oleh Perdana Menteri kelima. Ada *three-star general* bersara yang dikhususkan untuk *prosper thy neighbor* tadi, kenal semua sekali kumpulan ini supaya mereka tidak tertinggal dan keterangkuman itu dapat dicapai. Saya hendak tanya, adakah kerajaan berhasrat untuk menunjukkan, ada satu badan khusus untuk dilihat untuk selatan Thailand supaya komitmen Kerajaan Thai yang memang berubah daripada Chuan Leekpai, Thaksin, Yingluck sekarang Perdana Menteri yang berasaskan kepada ketenteraan? Ada atau tidak usaha-usaha dibuat supaya ia lebih mudah dan boleh diterima oleh masyarakat selatan Thailand? Terima kasih.

■1120

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Mersing. Tadi jawapan pertama saya, saya telah jelaskan bahawa apabila kerajaan yang baru ini berbincang dengan kita, oleh kerana Perdana Menteri ini mempunyai sikap yang mungkin berlainan daripada Perdana Menteri yang sebelum ini kerana beliau adalah merupakan bekas jeneral atau ketua pertahanan Thailand. Ini menyebabkan cara beliau berfikir adalah sama seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Mersing tadi. Dia mahu supaya pertama, fasilitator yang telah pun ditubuhkan itu dapat bekerjasama dengan semua kumpulan. Kemudian ada *level* yang kedua di mana tentera Thailand dan juga tentera kita di sini. Maknanya dua kumpulan yang ditubuhkan berbincang dari segi keseluruhan masalah *defends* di kawasan itu supaya tidak timbul lagi masalah *violence* yang akan berlaku nanti.

Ini kerana kepercayaannya kalau mereka tidak percaya dengan tentera di sebelah di sana, mereka juga boleh percaya dengan apa yang ada dengan kita. Maka itulah yang dibuat

selama ini. Maka saya tidak tahu sama ada *task force term of reference* yang dahulu itu sama dengan yang baru tetapi itulah caranya supaya kedua-dua pihak yakin bahawa ia boleh kita selesaikan.

Banyak bantuan yang telah kita berikan kerana kita mahu apabila kita berikan bantuan daripada segi pendidikan, daripada segi keusahawanan, itu menunjukkan bahawa rakyat selatan Thailand ini boleh bukan hanya memberikan tumpuan daripada segi hendak merebut kawasan tetapi juga untuk mencari usaha-usaha menambahkan ekonomi di kawasan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

7. Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sempena Persidangan ASEAN 2015 dan pembentukan komuniti ASEAN 2015, sejauh manakah komitmen negara ASEAN ini dalam memupuk kerjasama ekonomi yang padu dalam negara anggota. Adakah modul dan kerangka ekonomi yang lebih proaktif akan dicadangkan dalam membina keutuhan ekonomi ASEAN dan memberi keuntungan kepada kesemua negara anggota.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Buah selasih jangan terkilan, terima kasih ajukan soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Silam. Sebenarnya komitmen negara-negara ASEAN dalam soal ekonomi sangat tinggi iaitu bermula dari tahun 1997 pembentukan ASEAN. Selepas itu rentetannya sangat panjang. Saya serba ringkas sahaja di mana pada tahun 1992, rangka kerja memperkukuhkan kerjasama ekonomi ASEAN dibentuk dan seterusnya perjanjiannya Skim Keutamaan Sama Taraf iaitu di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) telah pun dipersetujui.

Seterusnya pada tahun 1995, Perjanjian Rangka Kerja Perkhidmatan (AFAS) juga dipersetujui. Tahun 1998, Perjanjian Rangka Kerja Kawasan Pelabur ASEAN juga dipersetujui. Seterusnya pada tahun 2012, Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) juga telah dipersetujui. *Alhamdulillah*, semuanya dan sebahagiannya termasuk dalam rangka kerja ataupun pelan tindakan *ASEAN Economic Community* yang telah pun dipersetujui untuk dibincangkan dan seterusnya direalisasikan pada tahun 2007.

AC yang terbaru yang telah pun dipersetujui itu, daripada segi perbincangan dan sebagainya adalah sebagai satu pasaran dan pusat pengeluaran tunggal iaitu dengan semaksimum mungkin mengurangkan semua halangan sama ada halangan tarif ataupun bukan tarif di mana aktiviti perdagangan dan pelaburan akan menjadi lebih mudah dan lancar serta mengurangkan kos untuk berniaga. Ini bertujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke ASEAN termasuk industri-industri berteknologi tinggi sekali gus mampu mewujudkan peluang perniagaan yang berkualiti dan bergaji tinggi.

Impak kepada AC adalah sangat positif kepada Malaysia. Bukan sahaja kepada ASEAN tetapi juga kepada Malaysia. Malaysia berjaya menarik lebih kurang 20% daripada pelaburan ke ASEAN. Begitu juga dapat menikmati lebih kurang juga 20% daripada perdagangan yang

berlaku di ASEAN itu sendiri. Kalau mengikut rekod, pelaburan asing ASEAN sahaja telah meningkat daripada USD42.55 bilion pada tahun 2000 kepada USD122.4 pada tahun 2013.

Kalau kita merujuk kepada impak pendapatan per kapita, telah meningkat USD4,000 pada tahun 2013 sahaja. Maksudnya telah meningkat kepada USD4,000 pada tahun 2013. Pada masa yang sama jumlah perdagangan ASEAN telah meningkat USD785 bilion pada tahun 2000 kepada USD2511 bilion pada tahun 2013. Ini antara hasil daripada komitmen pemimpin-pemimpin negara dalam wilayah ASEAN itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua ASEAN dengan penduduk yang besar iaitu sebanyak 617 juta orang yang lebih besar daripada penduduk *European Economic Community* iaitu seramai 502 juta orang dan juga dengan pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat di antara kalangan rakyat-rakyat negara-negara di ASEAN. Saya berpendapat memang tidak boleh dinafikan bahawa *ASEAN Economic Community* akan menjadi satu gabungan yang amat berjaya.

Soalan saya ialah adakah wajar dengan perkembangan ekonomi yang begitu baik di rantau ini, adakah wajar ASEAN ataupun negara-negara ASEAN ini menyertai gabungan ekonomi TPPA yang mengasingkan negara China dan tidak melibatkan negara China sedangkan kita tahu negara China semenjak Kesultanan Melaka dahulu tidak pernah bercita-cita untuk menjajah mana-mana negara di ASEAN ini berbanding dengan Amerika Syarikat yang baru-baru ini saya difahamkan akan membawa *fleet* terbesarnya. Bala tentera dan kapal perangnya ke rantau ini. China juga menunjukkan keinginannya untuk menyertai. Jadi pertanyaan saya ialah adakah wajar bagi kita, Malaysia dan juga negara-negara ASEAN ini menyertai gabungan TPPA ini? Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Silam dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Langkah kita sangat panjang, Yang Berhormat Silam. Bermula daripada *capacity building* atau pembina upaya ekonomi Malaysia sekali gus dalam konteks ASEAN, telah pun banyak kemajuan dicapai seperti yang saya sebutkan tadi. Cuma tadi saya tidak sebut tentang perkembangan terbaru yang telah kita capai di mesyuarat *ASEAN Economic Minister* di Kota Bharu. Banyak. Antaranya adalah persefahaman untuk meningkatkan PKS mikro. Itu antaranya serta untuk mempromosi penerimaan tentang perlunya dengan izin, *regulatory practices*. Ini semua antara beberapa perkara yang dalam konteks pembinaan upaya. Dalam konteks ASEAN itu sendiri.

Jadi untuk kita mempertimbangkan sama ada wajar Malaysia ataupun ASEAN bersama-sama dalam TPPA ataupun dengan wilayah-wilayah seperti yang disebutkan tadi adalah pertamanya dengan keupayaan yang kita boleh bina sama ada sebagai sebuah negara Malaysia juga sama ada sebagai sebuah wilayah ASEAN, kita yakin dan kita bebas untuk mengurus niaga dengan mana-mana wilayah atau mana-mana perjanjian yang boleh memberi manfaat kepada wilayah ataupun kepada negara selagi tidak memudaratkan kedaulatan rakyat sesebuah wilayah ataupun sesebuah negara dan juga memberikan pulangan yang paling tinggi kepada negara Malaysia ataupun wilayah ASEAN itu sendiri.

■1130

Ini prinsipnya. Jadi kalau bercakap soal TPPA saya hendak beritahu di sini iaitu perjalanannya masih panjang lagi walaupun ada beberapa cadangan untuk dimuktamadkan tahun ini bergantung kepada penerimaan. Saya hendak umumkan di sini iaitu *Town Hall* dan juga makmal akan dibuat pada 2 dan 3 ini. Surat jemputan dalam proses penghantaran, ini di antaranya.

Maknanya yang pentingnya kita yakin proses ada potensi di situ dan keduanya yang juga kita tidak boleh lupakan ialah kedaulatan negara tidak tergugat selain daripada kepentingan rakyat dan masyarakat terus terjamin pada masa-masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, setakat itulah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN
SEKTOR AWAM 2015**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengemukakan Rang Undang-undang Lembaga Pembiayaan Pinjaman Perumahan Sektor Awam 2015; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI KIMIA (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Rang Undang-undang Ahli Kimia (Pindaan) 2015; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.33 pg.**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Semua pen pakai dakwat, Insya-Allah hari ini tidak lewat.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Jabatan Perdana Menteri menjawab dan diputuskan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Isnin, 30 Mac 2015.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan sebanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Ketiga belas”. **[25 Mac 2015]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya jemput Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pensiangan.

11.34 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Ucapan Titah Menjunjung Kasih Titah Diraja 2015 dan yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada dalam Dewan yang mulia ini, keadaan yang aman selama ini telah membolehkan kerajaan merancang pembangunan negara dan membawakan perjuangan kemakmuran untuk rakyat jelata. Kepada persoalan yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Tenom dan Yang Berhormat Gua Musang seperti mana yang saya telah tegaskan setiap kali saya hadir di Dewan yang mulia ini, kesungguhan kerajaan untuk menjayakan rekonsiliasi nasional ataupun penyatuan nasional tidak perlu diragui atau dipertikaikan.

Rancangan Rekonsiliasi Nasional merupakan usaha menyeluruh yang dijalankan secara berterusan dan berfasa oleh kerajaan terutamanya selepas PRU ke-13. Agenda perpaduan nasional ini dipikul bersama-sama di semua peringkat warga jabatan terutamanya di kawasan 7,203 kawasan rukun tetangga atau KRT yang merupakan jentera Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di peringkat akar umbi.

Untuk makluman Yang Berhormat Tenom, sejumlah 908 KRT telah ditubuhkan setakat ini sekali gus membuat negeri Sabah mempunyai KRT tertinggi di negara kita. Di kawasan Yang Berhormat sendiri iaitu di Tenom, terdapat 26 KRT yang bergiat aktif menganjurkan program-program memupuk perpaduan. Hampir setiap minggu saya bersama-sama dengan mereka dan ia dapati bahawa KRT ini dan untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat KRT ini adalah secara tidak langsung ejen perpaduan kita di peringkat akar umbi.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Misalannya jika di setiap KRT ini daripada 25 orang ahli jawatankuasa ini bermaksud di Sabah sahaja terdapat 22,700 ahli jawatankuasa KRT yang merupakan ejen perpaduan kita di peringkat akar umbi.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sungai Petani bangun. Yes, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya sedikit, sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa kebanyakan rukun-rukun tetangga di kawasan perumahan sekarang ini dia lebih fokus kepada masalah keselamatan. Perbincangan-perbincangan lazimnya terjadi bagaimana kita hendak jaga pencuri hendak masuk rumah kita, bagaimana kita hendak mengawal supaya kawasan kita ini tidak

berlaku masalah pencerobohan. Jadi sampai 90% dari perbincangan dalam mesyuarat berhubung dengan pencuri.

Jadi akhirnya hal-hal yang berkaitan dengan hubungan ras untuk hidup sebagai jiran yang baik bagi mengembangkan budaya dan semua-semua hampir tidak dibincangkan langsung. Jadi saya rasa harus ada penegasan baru bahawa hubungan ras isu-isu hubungan ras dan mengenali budaya antara lain ini harus menjadi juga menjadi agenda besar selain daripada isu keselamatan. Itu yang pertama, Yang Berhormat Menteri.

Soal yang kedua, apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk berbincang dengan Menteri Komunikasi ini. Kita ada TV, kita ada radio yang boleh kita gunakan bagi memaklumkan kepada rakyat agar isu-isu hubungan ras ini hak menjadi lebih penting. Jangan kita buat *statement-statement* yang contohnya sama ada Menteri di antara Menteri-kah ataupun wakil rakyat dengan wakil rakyatkah, sebut benda-benda yang isunya yang sensitif kerana bila pemimpin-pemimpin cakap, rakyat di bawah dengar. Jadi akan menjadi ikutan.

Jadi kadang-kadang harus digunakan media terutamanya TV dan radio ini bagi menyemarakkan rasa cinta dan kasih sayang, bukan menyemarakkan masalah kebencian ke atas bangsa lain. Mungkinkah Yang Berhormat Menteri boleh bincang dengan Menteri Komunikasi agar *space* diberikan kepada Yang Berhormat Menteri supaya isu-isu ini boleh diperkembangkan? Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri sebelum Yang Berhormat Menteri jawab pohon sedikit yang berkaitan juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Taiping.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Bagi saya jawab dahulu, nanti saya lupa.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih.

■1140

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Isu keselamatan di kawasan perumahan di mana kami sudah mengenal pasti sebagai *hot spot* ini ialah menjadi tumpuan oleh Rukun Tetangga untuk menjaga. Akan tetapi ini bukan bererti kita juga tidak ada program untuk merapatkan lagi hubungan rakyat jelata di tempat itu. Mereka mempunyai program-program tertentu seperti gotong-royong. Bukan sahaja gotong-royong tetapi kalau ada pergaduhan, mereka mempunyai *mediator* untuk membuat intervensi supaya perkara itu tidak dibesar-besarkan lagi.

Saya setuju sangat dengan Yang Berhormat berkaitan dengan hubungan yang lebih rapat lagi. Kalaulah kita membuat sesuatu kenyataan elakkanlah untuk membuat kenyataan yang begitu sensitif sekali. Saya berpendapat ini tidak mendatangkan sebarang faedah kepada kita malahan ia menimbulkan satu keraguan dan mungkin bermasalah. Jadi, sekarang ini sebenarnya kita selalu memberitahu kita punya Rukun Tetangga untuk berdamping rapat dengan kawasan-kawasan, dengan rakyat di bawah kelolaan mereka. Kami juga sedang merancang

sesuatu komunikasi yang lebih efektif bagi lagi seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar Menteri sebut tentang integrasi dan perpaduan nasional yang merupakan satu komponen yang cukup penting dalam agenda pembangunan negara kita. Setelah negara tanah air kita telah merdeka 58 tahun, Yang Berhormat Menteri sendiri pernah mengesyorkan supaya semua borang-borang kerajaan tidak ada lagi. Ada golongan untuk membezakan kaum-kaum kerana bagi saya, saya anggap anak-anak Melayu anak kita, anak-anak India anak kita, anak-anak Cina anak kita, anak-anak Kadazan anak kita, anak-anak Dusun anak kita. Maknanya di sini adalah pembentukan satu bangsa Malaysia demi perpaduan nasional yang sejati.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah cadangan Yang Berhormat Menteri khususnya semua borang-borang kerajaan tidak ada lagi perbezaan kaum yang saya berasa mengguris hati khususnya bagi kaum-kaum di *East Malaysia* ada di bawah golongan lain-lain. Ini merupakan satu penghinaan kepada identiti rakyat Malaysia yang sepatutnya semuanya adalah bangsa Malaysia. Saya hendak Yang Berhormat Menteri berikan jawapan di Dewan yang mulia ini, bilakah cadangan Menteri sendiri semua borang-borang kerajaan tidak ada lagi perbezaan kaum demi perpaduan nasional dan wawasan negara yang sebenar. Sekian terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Pertamanya, saya ingin mengatakan di sini bahawa perkara itu tidak disentuh dalam perbahasan kita. Walau bagaimanapun apabila saya membuat suatu kenyataan berkaitan dengan apakah bangsa seseorang itu dalam borang. Saya pandangan daripada dua sudut. Oleh kerana kita mempunyai peruntukan tertentu bagi mengkategorikan siapa bumiputera dan siapa bukan bumiputera. Maka itu bangsa ini ada juga perlu oleh kerana saya percaya keperluan baik kita menyatukan bangsa itu dalam borang masih digunakan untuk menyatupadukan rakyat kita. Keduanya, saya bersetuju seperti begitu oleh kerana ada saya dapati dalam beberapa borang itu dan saya pernah berkata ini sepatutnya tidak terkeluar dari dalam borang ini. Seperti kalau kita pergi bank di situ juga borang minta nyatakan apa bangsa dia.

Jadi, saya percaya bangsa yang mereka minta itu hanya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *it is actually a word which is* yang menimbulkan perasaan tidak baik dan tidak boleh menyatukan kepada kita. *I have to stress that in the middle* yang baik dan juga yang tidak baik. Keduanya, berkaitan dengan lain-lain di borang itu jangan khuatir. Di negeri Sabah ini mempunyai berapa etnik, lebih kurang 30 etnik jadi kalau kita semua masukkan dalam borang sememangnya satu muka, dua muka mungkin belum cukup lagi. Akan tetapi untuk menyenangkan rakyat di sana, kerajaan negeri sebenarnya sudah membuat satu ketetapan. Di mana ruang itu akan dikosongkan dan setelah itu terserah kepada orang itu menentu apa dia punya bangsa di sana.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Boleh saya bantu Menteri? Tadi Menteri sebut tentang lain-lain kan? Sabah ada lebih 30 etnik. Saya bagi contoh Semenanjung Malaysia, bagi Cina sahaja. Cina Hakka ada Kantonis, ada Fucan, ada Hokkien. Jika kita hendak letak pun tidak boleh juga betul tidak? Oleh sebab itu saya hendak tanya Menteri, berapa jenis MyKad kita ada? Satu sahaja kan? *We only have one identity that we are all Malaysian, this is what we are and this is the country and our mother land.* [Disampuk] Apa salah dia? Apabila Menteri sendiri cadang tetapi dalam Dewan yang mulia ini tidak berani mempertahankan pendirian cadangan sendiri? Apa jenis Menteri yang kita ada sekarang? [Dewan riuh]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Eh! Apa ini? Apa kau punya soalan? Tadi pun saya sebenarnya saya merasa tersinggung sudah. Saya akan masuk dalam lain-lain itu tetapi *I look at it positively with reason*, bukan seperti yang dicakapkan sekarang ini. Apabila saya jawab Yang Berhormat pun saya tidak ada cakap seperti, "*Apa punya Menteri ini.*" Apa punya pertanyaan ini? *What kind of question you are asking?*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya bertanya berasaskan kepada cadangan Yang Berhormat Menteri sendiri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya sudah kasi faham.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Apabila memberikan *exclusive interview* pada media, 'Menteri Perpaduan Nasional' iaitu Yang Berhormat Menteri sendiri membuat cadangan. Saya mengulangi cadangan Menteri sendiri, mengapakah Menteri tidak berani mempertahankan pendirian dan cadangan sendiri, itu pertanyaan saya. Bilakah, saya hendak tanya kita hendak merdeka sampai berapa tahun supaya bangsa Malaysia yang sebenar ini benar-benar wujud? Bukankah slogan kerajaan 1Malaysia maka borang, perkara remeh macam itu mengapa perlu ambil masa 58 tahun? Ini persoalan saya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Bukan saya tidak mempertahankan *but I ... I do not think I want to give you anymore*, tidak mahu kasi ruang lagi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan teruskan. Melalui mereka iaitu melalui Rukun Tetangga sejumlah 6,530 pelbagai program telah dijalankan pada tahun lepas yang melibatkan penyertaan 333,162 rakyat kita di seluruh negeri Sabah. Ini adalah satu angka yang cukup besar. Saya percaya dengan warga KRT ini usaha penyatuan nasional dan harapan Yang Berhormat Perdana Menteri dapat kita laksanakan dengan jaya sekali. Kerajaan amat menghargai segala pengorbanan jasa bakti dan penat lelah yang telah disumbangkan oleh seluruh warga Rukun Tetangga. Malahan semua aktiviti dan program yang dijalankan oleh KRT adalah berpaksikan kepada tema membudayakan perpaduan, merayakan kepelbagaian untuk menyemarakkan lagi usaha menyelesaikan perpaduan sekali gus memperteguh *solidarity* nasional kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sangat percaya semangat kenegaraan dan patriotisme harus dipupuk dan semai daripada usia yang kecil lagi. Jentera kedua yang menjayakan usaha jabatan untuk memupuk perpaduan ialah melalui Tadika Perpaduan yang berjumlah 1,781 di

seluruh negara melibatkan hampir 40,000 orang murid. Mengukuhkan semangat patriotisme di kalangan kanak-kanak Tadika Perpaduan adalah sasaran utama pihak jabatan.

■1150

Dalam usaha kami untuk memperkasakan lagi tabika ini, pihak jabatan akan melaksanakan program pemyarakatan Tabika Perpaduan untuk menggalakkan penglibatan ibu bapa, pemimpin masyarakat dan ahli-ahli komuniti dalam program tersebut. Penglibatan ibu bapa harus dipertingkatkan dalam usaha membudayakan semangat toleransi, hormat-menghormati dalam diri anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan lebih banyak penglibatan belia untuk meningkatkan kefahaman mengenai kontrak sosial dan Perlembagaan Persekutuan, lebih banyak siri wacana, perbincangan meja bulat, seminar dan forum telah dan akan dilaksanakan. Misalannya, Program My Rukun Negara dilaksanakan untuk menyemai prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara. Program ini bermatlamat untuk memperkasakan generasi muda pelbagai kaum dari aspek Rukun Negara melalui Kelab Rukun Negara di peringkat sekolah rendah dan menengah, manakala Sekretariat Rukun Negara melibatkan mahasiswa IPTA dan IPTS melalui penghayatan dan pengamalan lima prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada keraguan Yang Berhormat Tenom. Selain usaha-usaha di atas, usaha untuk memperkasakan lagi gerakan penyatuan nasional di peringkat akar umbi, aktiviti-aktiviti melalui penubuhan Skwad Uniti terutamanya di kawasan ESSZONE Negeri Sabah telah dan akan dipergiatkan lagi. Setakat ini di kawasan ESSZONE di Negeri Sabah, sejumlah 371 badan Rukun Tetangga telah ditubuhkan.

Penubuhan Skwad Uniti bertepatan dengan komitmen kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, setujukah Yang Berhormat Menteri bahawa perpaduan dalam negara kita ini hendaklah diserentakkan dengan pembangunan wilayah yang seimbang di antara bandar dengan bandar, daerah dengan daerah, kampung dengan kampung. Dengan jurang perbezaan pembangunan wilayah di antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak ini, inilah yang rasa saya yang sedikit mengekang akan kewujudan perpaduan negara yang mantap.

Jadi, apakah perancangan daripada kerajaan untuk memastikan agar pembangunan wilayah ini juga diberi penekanan supaya pembangunan masyarakat yang seimbang itu dapat kita realisasikan? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat dari Kinabatangan. Pertamanya saya setuju pendapat Yang Berhormat berkaitan dengan kawasan

imbangan pembangunan ini mesti disamakan di antara luar bandar dan juga di bandar-bandar. Diseimbangkan supaya ia dapat mewujudkan satu perasaan yang lebih baik sekali gus mewujudkan *national unity*. Sekejap nanti saya akan jawab berkaitan dengan pertanyaan kedua itu iaitu apakah perancangan kami untuk membawa Sabah bersama-sama dengan keadaan di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada keraguan Yang Berhormat Tenom. Selain usaha-usaha di atas, usaha untuk memperkasakan lagi gerakan penyatuan nasional di peringkat akar umbi, aktiviti-aktiviti melalui penubuhan Skuad Uniti terutama di kawasan ESSZON Negeri Sabah. Penubuhan Skuad Uniti bertepatan dengan komitmen kerajaan memberi perkhidmatan kepada komuniti dan masyarakat untuk mencapai objektif empat nilai teras iaitu tolong-menolong, hormat-menghormati, bekerjasama dan menyebarkan jaringan.

Selanjutnya, pihak jabatan juga turut memperkasakan komuniti melalui pendekatan pencelahan atau intervensi dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelbagai pihak seperti perbincangan meja bulat atau *roundtable conference* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan Dialog Perpaduan: Suara Akar Umbi or *voices of the grassroots*. Malahan, pertengahan bulan April nanti – inilah saya punya jawapan kepada Yang Berhormat Kinabatangan sebentar tadi.

Malahan pertengahan bulan April nanti, tidak lama lagi Tuan Yang di-Pertua, satu seminar atau satu forum nasional akan diadakan di Kota Kinabalu bertajuk dengan izin, "*Enhancing Integration and National Unity between Semenanjung and East Malaysia, Sabah*" dengan tema "*Towards a Commons Destiny – Where Do We Go From Here?*". Ini bererti kita akan menjalankan satu kajian yang lebih mendalam lagi dan saya berharap sangat Yang Berhormat dari Kinabatangan juga dijemput untuk menghadiri seminar ini.

Seminar ini ialah dianjurkan oleh ASLI bersama-sama dengan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional. Objektifnya adalah sebagai platform perkongsian untuk mengemukakan pandangan, cadangan dan input bernas kepada pihak kerajaan untuk membolehkan kita merangka suatu rancangan demi mengukuhkan integrasi dan penyatuan nasional antara Semenanjung dan juga Sabah khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah di mana Baginda telah menegaskan dan mengingatkan kita bahawasanya sebagai sebuah negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan, kita sentiasa berpegang kepada prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang.

Malahan perkara sama telah di Titah oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad pada pembukaan Parlimen yang pertama iaitu pada tahun 1959 di mana Baginda menegaskan adalah menjadi tanggungjawab kita dalam amalan sistem Demokrasi Berparlimen untuk menjunjung ketinggian dan keluhuran Perlembagaan.

Setiap rakyat mestilah sentiasa menjunjung tinggi Perlembagaan yang menjadi tonggak utama kepada perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Mempertahankan dan memelihara keluhuran Perlembagaan seperti salah satu Rukun Negara kita amat diperlukan negara untuk menggambarkan nilai-nilai patriotisme yang menjadi asas perpaduan di kalangan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan bangun lagi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya. Sila Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, mutakhir ini kita melihat bagaimana generasi anak bangsa kita, perilaku mereka. Saya melihat melalui media sosial contohnya, iaitu tanpa segan silu mereka telah melanggar tatasusila dalam perlembagaan kita. Mereka tidak menuruti dengan melontarkan penghinaan dan bercakap mengikut suka hati.

Jadi, apakah perancangan daripada kementerian khususnya untuk memberi pendidikan secara total kepada generasi anak bangsa ini supaya mereka di samping mendapat ilmu pengetahuan, mereka juga kena berpegang kepada prinsip kesusilaan itu sendiri iaitu perlu ada unsur-unsur hormat-menghormati, menghormati hak orang lain, tidak perlu mempertikaikan agama, bangsa orang lain? Jadi, adakah ini juga dalam agenda program di peringkat kementerian? Terima kasih.

■1200

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat, memang ada. Akan tetapi ini memerlukan satu pendekatan yang lebih menyeluruh supaya apa elemen-elemen yang kita hendak bawa kepada belia dan beliawanis ini dapat fahami. Akan tetapi sekarang ini pun kita mempunyai beberapa program melalui kelab belia untuk memberi kesedaran kepada mereka supaya tidak sangat terpengaruh dengan kata-kata yang tidak sopan ini. Perlulah...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, Lenggong.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Nanti, nanti ya. Perlu bagi ibu bapa untuk mengambil peranan dalam perkara ini. Awal-awal tadi saya ada cakap berkaitan dengan Tabika Perpaduan. Di situlah kami cuba menerapkan nilai-nilai yang baik pada mereka supaya nilai yang diterapkan itu boleh dihayati oleh mereka sepanjang masa. Kita akan mengkaji seterusnya cadangan Yang Berhormat ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Beri Lenggong, boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Menteri, saya lihat bahawa isu perpaduan dalam negara ini bukan lagi isu yang tidak penting sebagaimana dulu. Hari ini, isu perpaduan sudah dianggap begitu penting. Melihat kepada beberapa senario hari ini, komen melalui media sosial, pandangan-pandangan sesetengah pemimpin yang hari ini bukan hanya boleh mengukuhkan perpaduan, kadang-kadang ia boleh merenggangkan hubungan sesama kaum. Saya percaya, kementerian Yang Berhormat mempunyai organisasi sampai ke peringkat akar umbi. Ada Jabatan Perpaduan, ada

KRT. Akan tetapi Yang Berhormat, saya minta supaya jabatan-jabatan ini dan organisasi di bawah kita Yang Berhormat diperkukuhkan. Programnya mesti diperbaharui, sesuai dengan keadaan masa kini, bajet dan peruntukannya mesti diperbanyakkan kerana penting, Yang Berhormat.

Kemudian, keanggotaan serta keterlibatan orang ramai dalam program ini mesti diperbesarkan kerana yang hadir, kalau saya pergi dan saya buat program-program, orang lama, Yang Berhormat. Zaman generasi Yang Berhormat atau zaman Yang Berhormat Kinabatangan. Jadi orang muda ini, orang muda. *[Disampuk]* Muda lagi daripada saya, saya pun bukan muda sudah tetapi muda lagi Yang Berhormat, yang muda tidak ada Yang Berhormat. *[Disampuk]* Yang Berhormat Kinabatangan ini baru 35 tahun. Akan tetapi Yang Berhormat yang hadir ini macam Yang Berhormat Seputeh, sudah lama, orang lama. Jadi langsung tidak beri kekuatan. *[Ketawa]*

Jadi bagaimana kementerian Yang Berhormat hendak melakukan supaya program pengisiannya membolehkan generasi muda hadir? Ini kerana generasi ini yang penting. Saya tengok Yang Berhormat Kinabatangan apabila saya sebut dia sudah bangun tekan butang, Yang Berhormat. Jadi bagaimana kita hendak buat supaya kementerian Yang Berhormat mesti merangka satu program boleh, bajetnya ada, peruntukannya cukup, aktiviti segar? Maka ramai orang muda kerana ini penting, generasi ini penting untuk memupuk perpaduan. Saya tidak setuju kalau Yang Berhormat Taiping sebut tadi. Apa makna kita letakkan bangsa Malaysia tetapi kalau sikap, perangai kita, perilaku kita akan merosakkannya? Tidak penting. Apa yang penting itu yang saya sebutkan tadi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sikit Yang Berhormat Menteri?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, Kinabatangan dulu. Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong. Oleh sebab perpaduan ini Yang Berhormat Menteri, bukan lagi satu isu yang kalau kita dulu anggap tidak ada apa-apa. Negara kita ini bak kata pepatah Melayu, *'Seperti telur di hujung tanduk'*. Dia pecah, retak, tunggu belah. Kalau kita tidak urus dengan baik, maka negara ini akan menjadi orang kata mungkin menjadi *'Padang jarak padang tekukur'*. Oleh sebab perpaduan kaum ini, kita lihat bagaimana sebuah negara bangsa di Eropah, di Bosnia dan sebagainya, sebuah bangsa, satu bahasa tetapi oleh kerana fahaman itu kurang, mereka boleh berperang. Apa lagi negara kita ini dengan berbilang kaum.

Jadi, apakah kementerian juga mungkin memberi penekanan pendidikan perpaduan ini bermula daripada sekolah? Sekolah rendah, sekolah menengah pupuk daripada kecil-kecil ini. Bak kata pepatah Melayu, *'Melentur buluh biar dari rebungunya'*. Bermakna, kefahaman di peringkat anak-anak itu akan dapat membawa mereka kepada arus yang lebih perdana. Jadi, mereka menjadi wakil rakyat pun, tidaklah mereka begitu ekstrem seperti yang ada hari ini di Dewan Rakyat. Ada yang tidak faham tentang Keluhuran Perlembagaan, ada yang tidak faham tatasusila dan sebagainya. Jadi ini penting. Mungkin kerajaan membuat kolaborasi dengan

Kementerian Pendidikan, menyuntik semangat perpaduan itu dijadikan sebagai satu *syllabus*, sebagai satu pendidikan yang wajib di sekolah-sekolah. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, saya kasi lengkap, belum berapa lengkap. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, memang saya masih golongan yang muda termasuk Yang Berhormat Pasir Salak pun golongan yang masih muda. *[Ketawa]*

Yang Berhormat Menteri, soal perpaduan ini amat penting bagi kita semua. Walaupun negara kita ini masih kelihatan jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, negara-negara termaju seperti Amerika. Saya masih anggap negara kita ini masih dalam *in control* soal perpaduan. Dulu, kalau saya membaca apa yang dikatakan dalam *social media* ini, *I do not feel like home, now*. So, ini kenyataan patut kita elakkan daripada apa yang dulu tidak ada masalah fasal *racial*, tidak ada fasal keagamaan, tidak ada masalah fasal tuduh-menuduh. Oleh kerana sekarang ini, kerana pembangkang seolah-olahnya sudah dianggap kuat, mereka fikir kuat, jadi ini satu-satunya juga yang dipertingkatkan seolah-olah menjolok perasaan, provokasi antara kaum dengan yang lain. Oleh sebab yang penting saya lihat bagi mereka ini, satu tujuan sahaja iaitu untuk merebut kuasa, untuk menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang. Itu sahaja.

Jadi, saya bercadang kepada pihak kementerian. *[Disampuk]* Ini betul. Ini yang saya lihat. Dengarlah dulu. Yang Berhormat Pokok Sena ini pun satu-satu juga ahli yang patut bertanggungjawab isu-isu perpaduan ini. Saya melihat ini, menghayati Rukun Negara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tidak begitu ditekan oleh pihak kementerian. Seperti Tuan Yang di-Pertua juga, yang bekerja keras untuk menyatupadukan, menyatukan jiwa, menyatukan di dalam Dewan yang mulia ini. Juga itu jiwa rakyat daripada Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya pun menyatupadukan untuk masa. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi Yang Berhormat Menteri, adakah pihak kementerian – saya setuju dengan Yang Berhormat Lenggong melengkapkan hujah Yang Berhormat Lenggong itu, peruntukan mesti diperbanyakkan, ditambahkan untuk mengadakan beberapa program walaupun ada program Tabika Perpaduan itu tidak cukup. Saya rasa tadika dalam pihak pembangkang itu perlu juga, supaya mereka ini dapat juga menghayati, mengilhamkan apa sebenarnya isi dalam Rukun Negara itu. Jadi itu saya harap pihak kementerian dapat juga membuat program kepada pihak-pihak kawan kita di sana *[Merujuk kepada blok pembangkang]* sebab mereka ini pun orang Malaysia. Sekian.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Ahli Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Putatan dan juga Yang Berhormat Lenggong. Saya percaya, kita tidak dapat menafikan bahawa perpaduan ini amat penting. Ia merupakan satu senjata bagi kita untuk mengemudikan negara ini ke satu negara yang maju. Jadi, itulah pada mulanya apabila

Perdana Menteri kedua berkata, selepas dia melancarkan "*The New Economy Policy*" yang... [Disampuk] Tun Abdul Razak. Itu Perdana Menteri yang kedua - sehingga dia tubuhkan Rukun Tetangga dan dia telah menegaskan bahawa *unity* ini merupakan satu perkara yang amat penting sekali, tanpa perpaduan, tidak ada perpaduan. Kalau tidak ada perpaduan nanti, *there will be no progress and there is no prosperity*. Ini satu kenyataan yang sering kali saya ingat apabila saya berucap dalam kalangan rakyat.

■1210

Jadi, saya mintalah semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini, oleh sebab semua kita sekali, *unity* ini amat penting sekali. Jadi, marilah kita bersama-sama memelihara keadaan ini. Itulah sebab dengan perpaduan yang kita sama-sama wujudkan selama beberapa dekad yang lalu, kita lihat tahap mana kita berada sekarang daripada segi pembangunan.

Now, kembali kepada pertanyaan-pertanyaan sebelum itu tadi, berkaitan dengan tatasusila yang sebenarnya kita mula ajar daripada anak-anak kita. Maka, sememangnya lah kita mempunyai kerjasama yang erat, Tabika Perpaduan dengan Jabatan Pendidikan untuk mengajar anak-anak kita tatasusila yang lebih baik. Awal tadi saya juga telah berkata berkaitan dengan peranan ibu bapa untuk memberi tatatertib kepada anak-anak kita. Saya percaya sangat kita punya budaya sendiri, *our tradition*, budaya kita sendiri, kita boleh turunkan kepada anak-anak kita. Oleh sebab dengan budaya itu, ia juga boleh menyumbangkan *what kind of person our child is going to grow up later on*.

Saya mengambil satu contoh Yang Berhormat, pada dulu-dulu dalam satu kampung, *because* penduduk di kampung ini *are closely related together*. Ini saya tidak dapat lihat di Sabah. Kalau seorang itu membuat satu salah, hanya cakap-cakap yang banyak di antara kalangan penduduk kampung itu cukup menghukumi seseorang yang membuat kesalahan. Tidak payah mahu pergi polis. Tidak payah menangkap sama dia. Akan tetapi kalau kita membuat sesuatu yang salah daripada kita punya *tradition* dan orang kampung sendiri cakap bahawa orang ini membuat sesuatu yang tidak baik. Itu pun cukup sudah untuk menghukumi dia. Dia patuhi, dia menghormati kesemua itu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, satu sambungan, yang tidak menghormati sama orang kampung ini. Terdapat seorang daripada Ahli Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Menteri, kalau tidak menghormati Speaker, macam mana?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Speaker, saya menghormati Speaker. [Ketawa] Minta kebenaran Speaker untuk mencelah kepada Yang Berhormat Menteri. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: [Ketawa] Saya menghormati. Saya terima satu dikatakan seorang Ahli Parlimen yang telah pun ditegah masuk ke negeri Sabah. Saya dengar dia cuba mengacau bilau keharmonian penduduk-penduduk orang kampung, terutama sekali pedalaman.

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Boleh sebut nama? Boleh sebut nama?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh saya sebut nama?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak perlu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Selain daripada itu, saya telah pun cuba-cuba membantu beliau supaya jangan ditahan kerana masuk Sabah. Jadi, saya pun dipanggil bahawa seorang Ahli Parlimen ini sangat bahaya kepada rakyat negeri Sabah dan negeri Sarawak sebab dia menghasut perpaduan. Apakah tindakan pihak kementerian kalau betul-betul Ahli Parlimen yang sepatutnya sebagai menjaga keharmonian di seluruh negara Malaysia tetapi ada laporan yang dia cuba-cuba menghasut perasaan orang Sabah supaya membenci kepada Kerajaan Pusat.

Jadi, Ahli Parlimen itu kalau dibenarkan, dia adalah Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, sebab itu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya sebab Yang Berhormat Seputeh. Ya, Yang Berhormat Putatan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tengok ini orang yang tidak berprinsip. Dia mempertahankan saya di media di Sabah, lepas itu datang Dewan Rakyat sini, dia hendak ubah balik ceritanya dan tuduh pada saya. Kalau saya sudah kata, kalau saya pernah buat apa-apa perkara, buat apa-apa kenyataan yang merosakkan perpaduan, merosakkan keharmonian masyarakat pedalaman di Sabah, tolong buktikan. Boleh siarkan. *Special branch*, ikut saya ke mana-mana tempat. Tolong siarkan semua ucapan saya, *video clip*, masuk dalam *YouTube*. Tunjuk kepada semua. Janganlah hendak buat ini, ada orang macam Yang Berhormat Putatan yang tidak ada prinsip, di sana tempat cakap satu, di Parlimen cakap lain...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu laporan saya dengar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini orang yang kacau, yang rosakkan perpaduan dan keharmonian Malaysia.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri. Ya, Yang Berhormat Menteri. Saya mendengar dengan teliti, dengan tekun, ucapan dan juga jawapan Yang Berhormat Menteri demi perpaduan nasional dan demi masa depan negara. Sebab itu saya tidak tegur Yang Berhormat Menteri daripada segi masa dan sebagainya. Kita kalau mahu pada perpaduan nasional, dalam Dewan inilah kita bermula. Kita ada peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Lenggong. Kita ada Peraturan Mesyuarat 36(5) ya, kita tidak perlulah sebut nama Ahli yang lain. Jadi, saya ingat Yang Berhormat Putatan tarik baliklah. Tarik baliklah Yang Berhormat Putatan, untuk keharmonian Dewan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta kebenaran daripada Tuan Yang Di-Pertua tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak benarkan. Saya sudah sebut, tidak perlu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh tidak sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, tidak perlu. Cukuplah, cukuplah. Ya, lah. Tidak perlu ya, Yang Berhormat Putatan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Minta maaf, tidak akan dimaafkan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Betul, betul, sebab ini pun memang keluar di *newspaper*, apa lagi yang mahu ditarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya sudah nasihat. Terpulang kepada Yang Berhormat Putatan. Okey, Yang Berhormat Menteri, sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Tarik balik, tarik balik, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang Di-Pertua, ini tidak adil, tarik balik dulu.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa yang disebut oleh Yang Berhormat Seputeh tadi, tidak wajar untuk Yang Berhormat Putatan di Sabah dia cakap lain, macam memihak kepada Yang Berhormat Seputeh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, yang lain duduk.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi dia datang ke sini, mengatakan Yang Berhormat Seputeh merupakan orang yang boleh merosakkan perpaduan. Saya lihat bahawa ini satu benda yang tidak seharusnya berlaku. [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ia dilaporkan oleh akhbar.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: *You* dengar sepatutnya *you* kena-Okey, sekarang saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta, dia kata dia dengar. Sekarang saya hendak minta kenyataan Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan bersetuju ataupun tidak apa yang didakwa oleh Yang Berhormat Seputeh tadi, mengatakan bahawa Yang Berhormat Putatan mempertahankan Yang Berhormat Seputeh di kawasan Sabah?

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan]: Memang mempertahankan.

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Itu laporan akhbar.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, sekarang *clear*. Maknanya, Yang Berhormat Putatan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang lain, Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Pokok Sena dan yang lain-lain duduk.

Okey, sudah aman. Saya minta Yang Berhormat Putatan bagi penjelasan. Adakah mempertahankan Yang Berhormat Seputeh dalam ucapan sekali lagi. Yang lain diam.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh telah pun ditegah masuk ke negeri Sabah. Pada ketika itu saya tidak tahu kenapa dia ditegah. Negeri Sarawak pun menegah Yang Berhormat Seputeh untuk masuk ke Sarawak. Betul? Saya cakap kenapa ditegah Ahli Parlimen Malaysia masuk kepada negeri Sabah? Adakah dia ini bahaya betul? Bagi saya, Yang Berhormat Seputeh ini sejenis... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, seorang, seorang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Seorang Ahli Parlimen yang baik dalam Dewan, memperjuangkan hal rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Okey, okey duduk Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Penjelasan belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Cukup, cukup, saya sudah faham. Cukup, Yang Berhormat Putatan, cukup. Yang Berhormat lain, saya sudah minta penjelasan. Yang Berhormat Sandakan, duduk. Saya tidak panggil. Saya sudah dengar penjelasan Yang Berhormat Putatan, bahawa beliau adalah mempertahankan Yang Berhormat Seputeh. Okey, sila Yang Berhormat, tidak ada isu lagi. Sila, Yang Berhormat Menteri. Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena, cukuplah.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan]: Isu dia, kita minta Yang Berhormat Menteri jawablah. Adakah Yang Berhormat Seputeh berbahaya ataupun tidak.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduklah. Biar Yang Berhormat Menteri jawab.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Putatan tadi, Yang Berhormat Menteri setujukah bahawa pihak berkuasa Sabah menahan Ahli-ahli Parlimen masuk ke Sabah ataupun ke Sarawak itu suatu tindakan yang sangat tidak demokratik, yang tidak menjurus kepada membangun dan membina perpaduan negara kita. Itu tindakan yang sangat salah, yang menafikan hak sebagai rakyat Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah, dia faham.

■1220

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak membuat keputusan berasaskan undang-undang. Undang-undang kerajaan negeri.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Putatan ini sebagai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Isu Yang Amat Berhormat Putatan dah habis dah. Cukup lah.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, satu. Saya mahu satu yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya faham. Yang Berhormat Sandakan, bila Pengerusi bercakap, duduk diam. Okey, saya tidak benarkan. Silakan Yang Berhormat Menteri, saya minta 5 minit lagi habis.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: Ya, Tuan Yang di-Pertua

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Okey, saya minta 5 minit lagi habiskan ucapan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey. Okey. Tuan Yang di-Pertua, berikutnya saya ingin berterima kasih pada Yang Berhormat Parit Buntar yang membangkitkan masalah kekurangan pegawai dan kakitangan di jabatan saya dan jika diabaikan akan menimbulkan masalah perpaduan. JPNIN amat menyedari kekangan kepegawaian yang berlaku di JPNIN kerana tugas dan tanggungjawab yang semakin mencabar, terutamanya dalam menguruskan isu-isu perpaduan yang tidak ada noktahnya. Saya ingin pastikan Yang Berhormat Parit Buntar, bahawa JPNIN sentiasa berusaha menyusun dan memperkukuhkan jawatan yang sedia ada bagi memperkemas lagi jentera jabatan ini, terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai keperluan mendesak.

Yang di-Pertua, memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Majlis Perkhidmatan Awam ke-11 di PICC pada 29 Mac 2010. Beliau menyebut bahawa merealisasikan perpaduan nasional tersebut bukannya kerja sehari, seminggu, sebulan, setahun mahupun sedekad. Tugas-tugas yang perlu kita laksanakan dan sasaran-sasaran yang mesti kita capai dalam usaha kita memupuk nilai kemuafakatan, membentuk satu masyarakat Malaysia yang berkongsi satu identiti untuk memastikan keamanan dan kemakmuran negara yang tercinta ini adalah usaha berterusan semenjak negara mencapai kemerdekaan lebih lima sedekad yang lalu. Ia akan terus menjadi perjuangan yang akan diwariskan daripada generasi ke generasi.

Dengan usaha-usaha ini adalah menjadi aspirasi setiap warga negara Malaysia, keseluruhannya boleh hidup dalam suasana mesra, bersatu padu, bekerjasama dan saling hormat-menghormati antara satu dengan yang lain tanpa mengira kaum, agama dan latar belakang sosioekonomi. Dalam mewujudkan pendamaian dilihat terus menjadi komitmen dan cita-cita kerajaan dalam usaha dalam mengekalkan kestabilan negara. Yang di-Pertua, semua pihak perlu bersama dalam menyokong usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dan memastikan kelestarian perpaduan dan solidariti nasional. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Sri Abdul Wahid Bin Omar. Sila.

12.23 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda 2015. Untuk penggulungan perbahasan kali ini, saya ingin menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas di Jabatan Perdana Menteri, khususnya Unit Perancang Ekonomi dan Unit Kerjasama Am Swasta.

Terdapat 19 isu-isu yang telah dibangkitkan dan *insya-Allah* saya akan mencuba menjawab dalam 3 bahagian iaitu isu ekonomi, pembangunan inklusif dan juga sektor tenaga, termasuk industri minyak dan gas. Saya tidak banyak masa sebelum pukul satu, jadi saya meminta bantuan rakan-rakan semua untuk kurangkan pencelahan. Kalau boleh.

Datuk Bung Moktar Bin Radin, [Kinabatangan]: Boleh mintak pencelahan? Boleh, sekejap Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Belum bermula lagi.

Datuk Bung Moktar Bin Radin, [Kinabatangan]: Saya mahu bertanya sama Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua setiap kali membahaskan isu-isu penting, masa adalah *limit* kita. Kalau isu-isu penting ini kita tidak *debate*, tidak kita bahas, alasan kita waktu. Kenapa tidak direncanakan Mesyuarat itu panjang? Oleh sebab rakyat pun ingin tahu apa yang kita bahas. Kita di Dewan Rakyat ini tujuan kita untuk berbahas. Membahas isu-isu yang perlu diputuskan. Akan tetapi apabila kita tidak boleh *participate*, maka sia-sia masa kehadiran saya di Dewan ini, macam saya buang masa, Tuan Yang di-Pertua. Sia-sia saya dipilih oleh rakyat, suara rakyat tidak dapat saya sampaikan sebab alasan kita kesuntukan waktu. Adakah waktu ini yang menjadi penghalang kepada kita untuk membahaskan isu-isu tertentu? Kalau ini penghalang bagi kita, maka kita rencanakan akan datang, Mesyuarat kita biar sehari-hari, biar tidak ada kerja di kawasan. Pokoknya kita bermesyuarat untuk rakyat.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong Yang Berhormat Kinabatangan *for the first time* dan saya juga kecewa, bila Menteri kata hendak jawab bertulis, tidak pernah bertulis, bertahun-tahun tidak ada apa yang ditulis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tunggu tujuh tahun pun tidak ada.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, ini satu teguran yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, kita dapat usul pagi tadi sehingga selesai, terpulang kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kita untuk pandai-pandai menjaga masa dan kita tidak *limitkan* sehingga selesai hari ini. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin memberi penjelasan ke atas perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau

Panjang, Yang Berhormat Kuala Terengganu dan Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Berhubung dengan isu ekonomi, khususnya berkaitan dengan sasaran negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Yang Berhormat Rantau Panjang, ingin mengetahui sejauh manakah kerajaan akan mencapai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Manakala Yang Berhormat Kuala Terengganu pula menyarankan agar kerajaan mengkaji semula status negara maju pada tahun 2020, di mana sasaran tidak diletak semata-mata kepada USD15,000 tetapi juga kepada perkara lain termasuk isu agama Islam. Perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Tun Razak yang mencadangkan agar kajian yang menyeluruh mengenai aspirasi rakyat, terutama yang miskin dan yang berpendapatan rendah.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan berkeyakinan bahawa Malaysia masih mampu mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 di sebalik keadaan ekonomi yang mencabar. Matlamat ini dapat dicapai oleh pelaksanaan berbagai projek dan program di bawah Rancangan Malaysia Ke-10, 2011 hingga 2015 dan teras strategi termasuk pemacu perubahan atau pun *game changers*, dengan izin, yang sedang dirangka di bawah Rancangan Malaysia ke-11, 2016 hingga 2020. Antara lain, fokus akan diberi kepada inovasi dan produktiviti untuk meningkatkan daya saing negara dan menentukan pertumbuhan yang mampan. Di samping itu...

Datuk Bung Moktar Bin Radin, [Kinabatangan]: Saya mencelah menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Bung Moktar Bin Radin, [Kinabatangan]: Saya juga salah seorang yang tidak terlepas untuk membahaskan isu negara maju menjelang 2020. Mendengar hujah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa terpanggil Tuan Yang di-Pertua, sebab saya pernah bertanya model negara maju ini, tinggal lima tahun. Apakah kementerian, kerajaan telah mengkaji kehidupan masyarakat di luar bandar?

Prasarana asas, air bersih tidak ada, jalan raya tidak ada, api, elektrik tidak ada, macam mana hendak mentakrifkan mereka menjadi warga negara maju yang berpendapatan tinggi? Soal asas ini belum kita selesaikan. Oleh sebab itu saya katakan saya bersetuju sekiranya mungkin sasaran mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir tidak boleh kita capai menjelang 2020, maka kita *delay* sedikit waktu itu untuk memastikan pembangunan seimbang itu di semua wilayah dapat kita terapkan.

Oleh sebab tidak ada guna masyarakat di bandar berpendapatan tinggi, masyarakat di luar bandar kais pagi, makan pagi. Jadi, di mana letaknya negara maju masyarakat berpendapatan tinggi? Ini perlu kita jawab, sebab kalau kita tidak jawab, di dunia kita boleh berbohong, dengan Allah SWT kita tidak boleh berbohong. Jadi, itu pada saya, kita harus pegang pada konsep itu. Kalau hendak maju, maju serentak. Jangan maju di Kuala Lumpur, Sabah mundur, Sarawak mundur, Kinabatangan mundur. Itu tidak ada makna, sebab Kinabatangan juga, rakyatnya rakyat Malaysia. Kita pun mahu maju berpendapatan tinggi. Jadi, apa

perancangan kementerian untuk memastikan pembangunan wilayah yang seimbang boleh berlaku?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya akan menjawab itu dalam seksyen kedua nanti dalam konteks pembangunan eksklusif. Untuk yang seksyen ekonomi ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sasaran untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah mengikut acuan kita sendiri. Kita lihat dari aspek ekonomi, memang kita boleh mencapai sasaran tersebut.

■1230

Namun objektif Wawasan 2020 lebih daripada sekadar pencapaian aspek ekonomi semata-mata ia juga merangkumi pelbagai aspek pembangunan masyarakat termasuklah aspek keagamaan dan kerohanian, khusus bagi orang Islam, pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, bermoral dan beretika, liberal dan bertolak ansur, saintifik dan progresif, serta masyarakat yang penyayang dan makmur. Kita perlu mencapai semua matlamat ini sebelum kita boleh menganggap kita sebagai sebuah negara maju sepenuhnya. Terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Menteri beri kebenaran, Tuan Yang di-Pertua, ucapan Yang Berhormat Kinabatangan tidak begitu lengkap, saya lengkapkan.

Walaupun Menteri sebutkan soal bagaimana negara kita ini menjadi sebagai negara maju, saya rasa itu sebagai retorik, ini tanggapan, bukan saya tanggapan dengan ucapan Menteri tadi, ini tanggapan rakyat. Yang Berhormat Menteri, rakyat Sabah dan Sarawak senang betul pergi ke Semenanjung kerana tambang murah, ramai antara rakyat-rakyat sini datang melihat kemajuan.

Rompin tak tahu lah, mungkin belum pernah pergi Rompin tetapi kalau dia pergi Semenanjung, di Kuala Lumpur, Johor dan tempat-tempat yang sudah maju di sini, dia melihat infrastruktur di sini begitu canggih sekali. Jadi ini semua menjadi, pokok, bahan cerita apabila orang-orang kampung ini balik di Sabah dan di Sarawak.

Jadi bagaimana, soalnya bagaimana kita mahu menjadi negara maju menjelang tahun 2020 kalau orang Sabah ini seolah-olah dianaktirikan. Ini perkataan 'dianaktirikan', sebagai *second class citizen or third class citizen*. Jadi, bagaimana pihak kementerian, pihak kerajaan untuk mengatasi ataupun meredakan sentimen-sentimen seperti ini terutama sekali di negeri Sabah dan Sarawak. Ini melengkapkan ucapan Yang Berhormat Kinabatangan tadi.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita sedar memang terdapat perbezaan pembangunan antara Semenanjung dan Sabah dan Sarawak dan kita berusaha sedaya upaya kita untuk mempertingkatkan lagi kadar pembangunan di negeri Sabah dan Sarawak.

Di negeri Sabah sebagai contohnya, telah menerima peruntukan sebanyak lebih RM20 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh dan juga Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini hampir 9% daripada jumlah peruntukan pembangunan yang kita ada dan ini merupakan peruntukan negeri yang tertinggi selain dari Wilayah Persekutuan. Jadi, memang kita sudah banyak mengusahakan tetapi saya percaya banyak lagi yang boleh kita laksanakan dan itu saya akan *cover* nanti, sebentar lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun, yang mana Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Saya beri...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap sahaja. *Last one, last one.*

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Sabah dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebetulnya Yang Berhormat Menteri, orang kampung ini tidak faham, mereka datang ke Semenanjung, memandu kereta dari Kuala Lumpur ke Kelantan, Gua Musang, lebih kurang tujuh jam tetapi jalan dia *highway*, tidak tahu berapa ribu kilometer. Jalan Kota Kinabalu-Sandakan, cuma 250 kilometer, jalannya jalan orang kampung. Sudah berpuluh-puluh tahun, bila EPU nak rancang, nak *upgrade* jalan ini?

Mereka tanya saya, saya pun susah mahu jawab. Kalau saya berbohong, boleh tetapi, susah berbohong. Saya mahu tanya Menteri yang *in charge* EPU ini, adakah perancangan untuk mempertingkatkan jalan Kota Kinabalu ke Sandakan? Kalau tidak, kenapa? Sebab, kalau di Semenanjung dia tanya saya, beratus-ratus ribu kilometer, kerajaan boleh buat jalan bagus, di Sabah 200 kilometer, 50 tahun tidak boleh? Apa masalah kita?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, tentang pembangunan jalan-jalan raya, memang akan diteruskan dan antaranya pembangunan Lebuhraya Pan Borneo yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet tahun 2015 dan ini sedang dikemas kini. Untuk bahagian negeri Sarawak akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac, minggu hadapan. Sabah punya *portion* itu sedang dirumuskan pelaksanaannya. *Insyah-Allah*, kita pasti bahawa peningkatan infrastruktur di negeri Sabah akan lebih pesat lagi dalam jangka masa RMKe-11 nanti. Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya ingin menyentuh apa yang telah saya sebut dalam perbahasan, bagaimana wujudnya perbezaan jurang yang begitu tinggi antara wilayah timur dan barat. Termasuk juga

bukan sahaja sebab hendak mencapai negara maju 2020 ini, bukan semata-mata ukuran ekonomi, itu Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah sebut.

Jadi apa yang saya sebut di sini ialah, macam mana kah hendak merealisasikan yang betul-betul, Menteri kata tadi, yakin bahawa kita boleh mencapai negara maju 2020 sedangkan perbezaannya begitu ketara dari sudut pembangunan antara wilayah, kemudahan infrastruktur, yang kita ada dengar. Begitu juga kami di sebelah timur, yang segalanya kekurangan. Jadi inilah yang menyebabkan, apa yang disebutkan ini, kami tidak yakin. Dengan keadaan sekarang, kos hidup rakyat yang begitu tinggi, inflasi yang semakin meningkat, harga barang yang semakin mahal, pendapatan yang semakin rendah. Dalam keadaan ini, *target* yang hendak diletakkan, kita hendak mencapai negara maju berpendapatan tinggi. Sedangkan dalam keadaan sekarang pun hutang isi rumah negara kita di antara tertinggi di Asia. Macam mana hendak mencapai perkara ini? Minta penjelasan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Tentang konsep status negara maju ini, ia adalah berdasarkan kepada ukuran Bank Dunia, yang meletakkan pada kadar ini, pendapatan per kapita negara-negara yang melebihi USD12,000 merupakan mereka di antara negara-negara maju.

Akan tetapi yang saya sebutkan tadi, kita tidak menggunakan ukuran pendapatan itu semata-mata. Ia merupakan satu pendekatan keseluruhan. Kita hendak pastikan bahawa bukan sahaja di *Klang Valley*, dengan izin, yang maju tetapi juga di seluruh negara. Oleh sebab itulah kita wujudkan koridor-koridor pembangunan untuk memastikan bahawa pelaburan akan pergi ke setiap koridor termasuklah di Pantai Timur dan juga ia akan memberikan pekerjaan-pekerjaan yang lebih banyak. Yang Berhormat Rantau Panjang sebut tadi pendapatan berkurangan, itu adalah tidak benar kerana pendapatan rakyat kita masih terus meningkat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: [*Bangun*]

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: [*Bangun*]

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh izinkan saya meneruskan

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sedikit, sedikit sahaja Yang Berhormat. Sedikit, berkaitan yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sekejap Yang Berhormat Taiping dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor. Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau Yang Berhormat Menteri benarkan mencelah.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Okey. Sementara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana mengizinkan saya mencelah.

Saya amat berminat dengan latar belakang Yang Berhormat selaku bekas CEO Maybank dan juga pakar, *a prestigious banker*. Saya nak tahu pendapat kini, Yang Berhormat sebagai Menteri, apabila di depan mata kita hutang negara semakin menggunung, hampir mencapai

statutory ceiling, 55% of our KDNK, then we include contingent liability, that's definitely exceeding the statutory ceiling, 55% KDNK.

Sebagai Menteri yang duduk di dalam Kabinet, apakah pendapat dan langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat supaya hutang negara kita tidak akan sampai satu tahap satu hari nanti, sehingga negara kita diisytiharkan mufliis. Apakah pendapat sebagai pakar ekonomi dan pakar kewangan? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Taiping. Tentang kedudukan hutang negara, kita masih kekal pada paras di bawah 55% daripada GDP kita. Jadi saya rasakan itu merupakan satu sasaran ataupun *ceiling* yang tidak akan kita pecahkan dan kita akan *maintain*. Untuk itu, saya rasa untuk isu-isu berkenaan dengan kewangan itu, saya serahkan kepada Kementerian Kewangan. Kalau boleh saya terus...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya sebut tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin, boleh tidak kalau Yang Berhormat Kuala Selangor, selepas itu Yang Berhormat Jasin.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, dari segi ukuran sebenarnya, dalam konteks negara maju ini. Adakah ukuran negara maju ini berasaskan sepenuhnya kepada pendapatan dan juga infrastruktur ataupun ada skop-skop yang lain? Supaya rakyat faham tentang ukuran sesebuah negara maju. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Jasin.

■1240

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua bagi saya peluang. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak respons sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Taiping tadi berhubung dengan perkara hutang. Sebenarnya inilah disebut sebagai salah satu daripada perkara atau isu yang dimainkan oleh pihak pembangkang seolah-olah kerajaan kita pada ketika ini tidak tahu mengurus kewangan negara. Bahkan rakyat telah pun diberikan pengetahuan tentang satu *press release* yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan tentang kedudukan hutang negara. Sepatutnya perkara ini tidak payah dibincangkan dalam Parlimen lagi. *Press release* ini cukup penting sekali yang telah dibentangkan dan diterangkan apa hutang itu, fasal apa hutang itu dan keadaan hutang kita telah

disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam bahawa kita sebenarnya mempunyai kekuatan dan negara kita, ekonomi kita masih kukuh lagi.

Apa yang saya hendak sebut satu lagi Yang Berhormat Menteri, Ahli Parlimen tugasnya sebenarnya bukan sahaja meluluskan bajet bahkan setelah kita menelaah dan meneliti tentang apakah bajet untuk tahun akan datang, untuk RMKe-11, tetapi kita tidak dapat maklum apakah sebenarnya butiran perbelanjaan tersebut kerana kita yang meluluskan. Sepatutnya kalau boleh Ahli-ahli Parlimen dimaklumkan kerana kita banyak permohonan daripada bawah yang telah kita hantar daripada satu peringkat ke satu peringkat sampailah ke peringkat kerajaan tetapi kita tidak dapat maklum mana pergi permohonan kita. Jadi boleh tak agaknya kalau boleh kerajaan memaklumkan kepada Ahli-ahli Parlimen tentang butiran bajet yang kita sendiri luluskan itu?

Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang isu pendapatan ini, memang kalau ikutkan pendekatan *World Bank*, ia berdasarkan kepada *growth national income per capital*. Itu mengikut pengukuran mereka di mana mereka mengklasifikasikan sama ada yang negara berpendapatan tinggi ataupun berpendapatan sederhana dan berpendapatan rendah ataupun *lowly developed economy*.

Cuma apa yang kita sebutkan tadi, memang hasrat kita apabila kita menyasarkan Wawasan 2020 bukan sahaja berdasarkan kepada angka tersebut tetapi kepada perkara-perkara lain seperti yang saya sebutkan tadi dalam konteks pembentukan sebuah masyarakat yang bersatu padu, yang bermoral, beretika, bertolak ansur, saintifik dan progresif. Ini adalah ukuran lain yang perlu kita capai.

Tentang isu hutang atau pun kedudukan kewangan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua orang yang bangun, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Bagi saya habiskan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Sebenarnya kita perlu melihat secara keseluruhan. Kalau kita lihat, ada satu matriks di mana kita bandingkan kedudukan hutang negara berbanding dengan kedudukan fiskal negara. Kalau kita lihat negara-negara yang mempunyai hutang melebihi 100% daripada GDP mereka dan mereka mempunyai kadar defisit yang melebihi daripada 4%, mereka dikatakan dalam satu kedudukan yang mungkin kritikal. Mereka yang mempunyai hutang kurang daripada 70% dan defisit kurang daripada 4% merupakan negara-negara yang dikatakan di dalam *safe zone*.

Jadi negara kita Malaysia, kita telah mengurangkan kadar defisit kita secara berperingkat daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.5% pada tahun lepas dan kadar hutang kita keseluruhan walaupun kita campurkan dengan *contingent liability*, dengan izin, pada kadar 70%

keseluruhan. Ini bermakna Malaysia telah masuk ke dalam zon selamat. Ini menunjukkan bahawa daripada segi pengurusan kewangan kita telah bertambah baik.

Tentang butiran yang disebutkan, nanti kita boleh berbincang dan boleh *engage* bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Dengan izin? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat sedikit cadangan kepada Yang Berhormat Menteri dengan izin, mengenai mencapai Wawasan 2020.

Yang Berhormat Menteri, setahu saya, negara seperti Korea mahupun negara seperti Taiwan sebelum mereka mencapai negara maju, mereka terdapat ratusan *business incubator centre* iaitu lebih kurang 700 sehingga 1,000 lebih *business incubator*. Pada pandangan saya, ini penting untuk mewujudkan *pioneering economy* daripada *technopreneur* kita dan para *entrepreneur* kita. Dekat Malaysia, *business incubator* ini kita boleh kira dengan 10 jari. Jadi ia tidak cukup berbanding dengan ratusan yang ada di negara-negara seperti Korea dan Taiwan.

Saya pernah bertutur dengan Profesor Kenneth daripada MIT iaitu CEO bagi *entrepreneurship society* dekat MIT. Beliau pernah berkata bahawa memang betul kalau dekat Malaysia atau Asia, *techopreneur is...* Saya *quote* ya, dia kata Malaysia adalah seperti... bagi *technopreneur*. Jadi saya harap, saya cadangkan bahawa kerajaan boleh melihat daripada aspek ini supaya wujudkan lebih banyak *business incubator* bagi para *technopreneur* negara kita.

Juga, 11 orang *Member of Parliament* dari Sarawak – saya tengok Sarawak dengan Sabah juga ketinggalan dalam aspek ini. Kalau kita lihat di Semenanjung Malaysia, kita ada *business incubator* di Semenanjung Malaysia tetapi dekat Sarawak dan Sabah kita tidak ada. Contohnya, kita ada Cradle Fund dekat Semenanjung tetapi kalau bagi orang dari Sarawak dan Sabah apabila mereka buat aplikasi untuk mendapatkan *seed funds*, mereka perlu terbang *all the way to* Semenanjung. Jadi saya harap daripada segi aspek ini, Sarawak dan Sabah tidak akan ditinggalkan untuk mencapai Wawasan 2020. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang isu *incubator* dan program untuk menggalakkan keusahawanan, sebenarnya bagi saya banyak program yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ini termasuklah program-program seperti MaGIC di bawah Kementerian Kewangan yang saya rasa mendatangkan banyak prospek.

Tentang bantuan-bantuan Cradle Fund seperti yang disebutkan, ia bukan sahaja tertumpu kepada Semenanjung Malaysia tetapi juga terbuka kepada mereka di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kita bekerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk memastikan bahawa perkara-perkara ini dapat disalurkan kepada mereka.

Kita juga mempunyai pendekatan di mana dalam TERAJU sebagai contohnya, kita mewujudkan pejabat-pejabat TERAJU di koridor termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan berhubung dengan saranan Yang Berhormat Bandar Tun Razak...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya sedikit? Tadi saya ada bangun, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya memang menerima baik apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkaitan tentang Wawasan 2020, taraf negara maju itu bukan hanya boleh dilihat ataupun diukur dari segi pendapatan tetapi ada aspek-aspek lain seperti kemasyarakatan, agama, perpaduan dan sebagainya juga akan turut diambil kira sebagai satu parameter untuk menentukan negara kita sebagai sebuah negara maju ataupun tidak.

Walaupun bagaimanapun, saya rasa *indicator* ekonomi adalah suatu yang terlalu penting. Apabila kita kata negara kita sudah mencapai taraf negara maju, akhirnya perkara yang akan menjadi paling asas untuk kita lihat adalah berbalik kepada ekonomi. Saya rasa perkara itu kita tidak boleh ketepikan. Walaupun kita ada perkara-perkara lain yang kita ambil kira tetapi yang paling asas adalah ekonomi.

Kalau contohnya kita tidak boleh mengurangkan kadar pengangguran, hutang negara semakin meningkat, jurang pendapatan antara penduduk terutamanya di antara kaum tidak diselesaikan dan jurang pembangunan antara wilayah tidak diselesaikan, prasarana tidak mencukupi, saya rasa memang adalah sukar sekali untuk kita mengatakan negara kita sudah mencapai taraf negara maju. Walaupun perkara-perkara lain kita ambil kira tetapi saya rasa ekonomi adalah satu perkara yang sangat penting sekali.

Tadi ada salah seorang Ahli Parlimen, kalau tidak silap saya Yang Berhormat Putatan, yang menyatakan bahawa kita hanya ada lebih kurang lima tahun sahaja lagi untuk kita mencapai taraf ini. Ada tak kita cukup masa, lima tahun ini cukup untuk selesaikan semua masalah ini?

■1250

Saya risau *when we called ourselves developed nation*, negara maju tetapi datang ke Malaysia tengok, tidak ada apa. Tidak boleh kata negara kita negara maju. Saya juga hendak tahu, akhir sekali pada tahun 2020 ini, siapa yang akan mengisytiharkan negara kita ini sebagai negara maju ini? *Are we, ourselves going to say that we are developed nation* ataupun ada pihak tertentu yang akan mengatakan bahawa negara kita sudah pun mencapai taraf negara yang maju ini? Itu yang saya risau. *If we do not at the end of the day*, pada tahun 2020, kita terus sahaja umum walaupun semua ini tidak dicapai dan *suddenly we come out and say*, dengan izin bahawa kita adalah negara maju. Minta penjelasan daripada Menteri.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, kalau boleh satu minit sahaja.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa daripada segi *benchmarking* ini, ia dilaksanakan oleh *World Bank* dan yang saya sebutkan tadi, tahap USD12,000 itu merupakan tahap mereka yang *determine*. Ini akan

berubah dari tahun ke tahun. Yang kita katakan **USD15,000** ini, berdasarkan kepada andaian kita bahawa mungkin pada tahun itu tahun 2020, kadar yang ditetapkan oleh *World Bank* itu merupakan sekitar USD15,000. Jadi itu tahap yang ditetapkan.

Saya hendak sebutkan, memang betul ekonomi merupakan satu ukuran yang penting tetapi itu bukan semata-mata ia sebab kalau masyarakat kita masih tidak mengutamakan kebersihan, tidak berfikir sivil dan sebagainya, memang kita belum dapat digelar sebagai sebuah negara yang maju. Jadi ini semua secara holistik perlu kita pertingkatkan lagi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Menteri...

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak teruskan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: 30 saat?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, kerajaan sentiasa membuat kajian mengenai aspirasi rakyat terutama yang miskin dan berpendapatan rendah dari semasa ke semasa. Penubuhan kajian telah diambil kira dalam rangka dasar strategi dan program pembangunan bagi mengatasi isu berkaitan. Keberkesanan program pembangunan diukur termasuk melalui hasil penemuan penyiasatan, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah yang baru sahaja kita lengkapkan untuk tahun 2014. Selain daripada aspek kuantitatif, kita juga mengukur kemajuan negara daripada segi kualitatif melalui Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia dan berdasarkan kepada Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia ini yang dikeluarkan pada tahun 2013, kesejahteraan rakyat telah meningkat selaras dengan pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Rantau Panjang juga membangkitkan isu berkaitan status pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan seterusnya ingin mengetahui adakah projek-projek yang tidak dapat dilaksanakan semasa Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dilaksanakan semula pada Rancangan Malaysia Kesebelas. Manakala Yang Berhormat Lembah Pantai pula ingin mengetahui sama ada kerajaan bersedia mendengar dan melibatkan Pakatan Rakyat dalam rangka Rancangan Malaysia Kesebelas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Sistem Pemantauan Projek, terdapat sejumlah 11,843 projek pembangunan yang telah diluluskan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sehingga 17 Mac tahun 2015 pula, sebanyak 61% ataupun 7,229 projek telah disiapkan dan selebihnya dalam beberapa peringkat pelaksanaan dan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Sementara itu, projek yang gagal dilaksanakan dalam tempoh dua tahun selepas diluluskan akan dibatalkan oleh Unit Perancang Ekonomi.

Untuk projek yang tidak dapat disiapkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, ia akan disambung pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan kementerian dan agensi hendaklah memberi keutamaan dan menyegerakan pelaksanaan projek sambungan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Mana-mana juga projek yang batal dan ditolak dalam Rancangan Malaysia

Kesepuluh perlu dipohon semula sebagai projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Permohonan projek hendaklah selaras dengan fokus dan strategi Rancangan Malaysia Kesebelas serta memenuhi syarat-syarat permohonan yang telah dinyatakan dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kesebelas termasuklah menggunakan komponen *creativity index*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Lembah Pantai, dalam rangka strategi Rancangan Malaysia Kesebelas, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan *road show*, dengan izin ke seluruh negeri-negeri termasuk negeri-negeri yang diterajui oleh Pakatan Rakyat. Ini termasuklah Kelantan pada 6 Julai tahun 2014, Pulau Pinang pada 22 Julai 2014 dan negeri Selangor pada 8 Ogos tahun 2014. Tujuan *road show* ini adalah untuk mendapat pandangan, input dan maklum balas daripada semua kerajaan negeri terhadap strategi pembangunan yang dicadangkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Semua pandangan telah pun dipertimbangkan dan diambil kira dalam perancangan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Di samping itu, satu laman sesawang khusus RMKe-11 juga telah disediakan dan telah dibuka kepada umum antara bulan November 2014 hingga Januari 2015 bagi membolehkan rakyat menyampaikan pendapat, idea dan juga cadangan berhubung dengan penyediaan RMKe-11 ini. Kita telah menerima sebanyak 112 cadangan dan ia meliputi pelbagai aspek termasuk penyediaan perumahan mampu milik, pendidikan, kesihatan, penyediaan prasarana dan infrastruktur yang mencukupi, keusahawanan serta pemuliharaan alam sekitar.

Antara cadangan yang diterima termasuklah daripada Puan Norbayah Ahmad untuk menyediakan perumahan mampu milik untuk golongan muda. Daripada Encik Kamal Janariah tentang perlunya mengintegrasikan sistem pengurusan bencana nasional dan juga daripada Dr. Mohamed bin Awang Lah tentang *neutral fibre optic infrastructure*, dengan izin. Cadangan-cadangan ini semua akan diambil kira di dalam kita menguruskan Rancangan Malaysia Kesebelas nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin beralih kepada isu kedua iaitu berhubung dengan pembangunan *inclusive* yang merangkumi pembangunan daripada aspek pembangunan masyarakat dan fizikal yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Lawas, Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Rantau Panjang dan juga Yang Berhormat Jelutong.

Daripada aspek pembangunan masyarakat, Yang Berhormat Batu Gajah telah mendakwa kerajaan tidak menunjukkan kesungguhan dalam agenda pemerikasaan ekonomi kaum India. Sementara itu, Yang Berhormat Ipoh Barat pula telah menyatakan *Secretariat for Empowerment of Indian Entrepreneurs (SEED)* dan *Task Force on Indian community* masih tidak mencapai objektif dan beliau ingin mengetahui, apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan demi memastikan NAAM 'BK' yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilaksanakan dalam membantu masyarakat India.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dakwaan dan kenyataan tersebut adalah tidak benar sama sekali. Kerajaan sentiasa fokus dan komited dalam merealisasikan agenda pembangunan kaum India dalam pelbagai bidang termasuklah bidang ekonomi. Sejak tahun 2009, banyak usaha telah diambil oleh kerajaan untuk memperkasakan ekonomi kaum India termasuklah menyediakan akses bantuan kewangan kepada usahawan India melalui SME Bank, TEKUN Nasional, Amanah Ikhtiar Malaysia dan kerajaan juga menubuhkan SEED sebagai agensi perantara untuk usahawan India dengan institusi dengan agensi kewangan yang mana dalam tempoh dua setengah tahun ini, seramai 23,031 orang usahawan India telah berjaya mendapat pinjaman sejumlah RM563.333 juta.

Kerajaan juga akan memastikan agenda pemerkasaan ekonomi kaum India menjadi salah satu aspek penting yang akan disertakan dalam RMKe-11 yang akan dibentangkan dalam masa dua bulan lagi. Ini selaras dengan komponen *inclusive* dalam Model Ekonomi Baru kita. Begitu juga dengan pasukan petugas khas pelaksana yang ditubuhkan pada tahun 2009 juga menjadi salah satu tunjang utama dalam pelaksanaan dasar dan program yang dirancang oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Hal Ehwat Kaum India seperti isu kewarganegaraan dan meningkatkan peluang pekerjaan di sektor awam lagi bagi kaum India. Kita akan terus memacu hala tuju pembangunan kaum India menerusi jawatankuasa khas kementerian ini yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan bantuan dan kerjasama agensi-agensi khas seperti SEED, SITF dan juga 'SEDIK' yang diterajui oleh Datuk Rajendran.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya daripada aspek pembangunan fizikal pula. Yang Berhormat Kinabatangan telah mencadangkan agar pembangunan wilayah yang seimbang oleh kerajaan dan beliau memohon EPU dan ICU untuk memperbanyakkan lagi peruntukan untuk Parlimen di luar bandar untuk tujuan pembangunan. Perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik agar kerajaan memberi pertimbangan agar RMKe-11 diberi tumpuan kepada pembangunan di luar bandar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, kita sambung jam 2.30 petang ya. Baiklah Yang Berhormat, kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) mempengerusikan

Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya meneruskan. Ini soalan dari Yang Berhormat Kinabatangan yang telah mencadangkan agar pembangunan wilayah yang seimbang oleh kerajaan. Justeru, beliau memohon EPU dan ICU untuk memperbanyakkan lagi jumlah peruntukan untuk Parlimen di luar bandar untuk tujuan pembangunan. Perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gerik, agar kerajaan memberikan pertimbangan agar Rancangan Malaysia Ke-11 diberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang terhad, terutama bagi tujuan pembangunan di negara, kita sentiasa mencari kaedah yang terbaik dalam memastikan pembangunan negara kita ini adalah seimbang antara bandar dan luar bandar dan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kita sememangnya telah memberi perhatian yang lebih kepada pembangunan luar bandar.

Di sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-10, kerajaan telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak RM58 bilion atau 25.2% daripada RM230 bilion bagi melaksanakan pelbagai program dan projek seperti pembinaan jalan raya, kemudahan kesihatan dan pendidikan. Di samping itu, bagi mempercepatkan pembangunan di kawasan luar bandar, kerajaan telah memperkenalkan NKRA, infrastruktur asas luar bandar 2010 hingga 2012 dan NKRA Pembangunan Luar Bandar 2013 hingga 2015 di bawah Program Transformasi Kerajaan.

Sehingga akhir tahun 2014, sepanjang 4,386 kilometer jalan berturap telah dibina dan liputan bekalan air bersih dan terawat telah meningkat kepada tahap 93.8% dan liputan bekalan elektrik di luar bandar pada tahap 97.6%. Sebagai langkah untuk meningkatkan lagi keseimbangan sosioekonomi dan mempercepatkan ekonomi di antara kawasan bandar dan luar bandar, lima koridor pembangunan wilayah telah pun ditubuhkan bagi menarik pelaburan dan mewujudkan peluang pekerjaan serta peluang perniagaan kepada penduduk setempat. Bagi memastikan projek-projek pembangunan di luar bandar terus diberi keutamaan, pihak kerajaan telah menetapkan supaya projek-projek baru perlulah memberi impak yang besar kepada rakyat ataupun berdasarkan kepada *people economy* dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi ataupun *capital economy*.

Datuk Wira Haji Ahmad Bin Haji Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menyambut baik saranan daripada kerajaan untuk memberikan peruntukan yang seimbang pada setiap negeri. Apatah lagi sekarang matlamat

kerajaan untuk memberikan perhatian kepada pembangunan luar bandar. Apa yang saya hendak sebut di sini Yang Berhormat Menteri, Rancangan Malaysia Ke-9 di Melaka. Kita mendapat lebih kurang RM4 bilion. Rancangan Ke-10, Melaka hanya mendapat RM2.2 bilion sahaja. Sedangkan pulangan daripada cukai yang Melaka sumbang sebanyak RM2.5 bilion setahun. Maknanya, satu rancangan Malaysia, Melaka menyumbang sebanyak RM12.5 bilion, berbanding dengan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM2.2 bilion sahaja. Saya berharap untuk Rancangan Malaysia Ke-11 ini, diberikan keutamaan kerana Melaka sekarang adalah sebuah negeri pelancongan yang sebenarnya begitu sesak sekali. Kalau datang hari Jumaat, hari Sabtu, hari Ahad ini, hendak sampai ke *town centre* lebih kurang 1 jam setengah. Jadi, kita mohon kalau boleh permohonan daripada negeri Melaka untuk mewujudkan *inner ring road* dan *outer ring road* kalau boleh diberikan keutamaan. Di sinilah kita bukan sahaja mendapat menjana pendapatan hasil daripada kedatangan pelancong-pelancong asing, bahkan untuk menyelesaikan keadaan kesesakan yang cukup kronik pada ketika ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Sambung sedikit Yang Berhormat Menteri. Menyambung kepada apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat Jasin. Di Sarawak juga saya ingat penduduk di luar bandar, infrastruktur masih banyak diperlukan. Kita mahu tahu kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak. Akan tetapi satu Yang Berhormat Menteri, saya telah memikirkan bahawa yang paling penting sekarang ini adalah capaian internet untuk sekolah-sekolah. Ini adalah satu daripada perkara yang saya sebut dalam perbahasan tempoh hari. Kalau kita melihat dalam 50 tahun yang sudah, pembangunan yang lain seperti jalan, elektrik dan air memang susah untuk sampai ke kawasan-kawasan pedalaman dengan cepatnya.

Akan tetapi bagi sekolah-sekolah di pedalaman ini, saya nampak kerajaan mungkin boleh memikirkan untuk mempercepatkan pembinaan *towers* ataupun menara untuk ia sampai ke kawasan-kawasan pedalaman. Kalau pembinaan infrastruktur lain macam jalan dan elektrik ini ia gunakan jalan raya. Akan tetapi *towers* ini tidak payah, kita boleh pergi ke mana-mana. Saya fikir bagi Sarawak, inilah kerajaan patut fikirkan sebab kita boleh bina sebanyaknya infrastruktur ini supaya kawasan-kawasan tersebut dapat besarkan peruntukan seperti capaian internet dan telefon untuk kawasan-kawasan sini, terima kasih.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Sekali ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah menyentuh tentang keutamaan projek untuk kawasan luar bandar, khususnya di Sarawak. Pada kebiasaannya bergantung banyak dengan populasi dan *economic return*, dengan izin. Apa yang terjejas bukan sahaja projek infrastruktur asas seperti jalan tetapi pendidikan, ekonomi, bekalan elektrik dan air bersih yang diperlukan. Contoh di kawasan saya di Lawas, jalan raya ke Ba'kelalan belum siap sepenuhnya. Lapangan terbang yang baru yang dipohonkan untuk menggantikan lapangan terbang lama yang tidak mencukupi menampung keperluan penduduk yang kian bertambah. Bila dapat direalisasikan? Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lawas, memang saya sudah ambil maklum tentang soalan yang diajukan. Jawapan saya sebenarnya adalah dalam konteks kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ini termasuklah isu selain daripada jalan raya, bekalan air bersih dan terawat serta bekalan elektrik. Kita sentiasa mencari kaedah yang terbaik hendak pastikan supaya setiap rancangan pembangunan luar bandar dapat memberikan manfaat yang besar kepada rakyat.

■1440

Sebab itulah kita hendak mengukuhkan perancangan dan penyempurnaan projek pembangunan. Seperti Yang Berhormat Lawas cadangkan, agar setiap cadangan projek baru dalam Rancangan Malaysia Kesebelas akan dinilai menggunakan *creativity index*, dengan izin, yang merupakan salah satu alat atau pun *tool* daripada inisiatif *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin.

Melalui kaedah ini, kita ambil apakah pulangan dan dibahagikan kepada kos pelaksanaan projek itu. Untuk itu, kita boleh memfokuskan kepada projek-projek yang memberi impak yang lebih tinggi pada kadar pelaksanaan yang rendah dan boleh dilaksanakan dengan cepat. Jadi, kita mengambil saranan Yang Berhormat Lawas.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Yang Berhormat,...

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Berbalik kepada saranan daripada Yang Berhormat Jasin. Memang kita tidak dapat mengelak daripada mengakui bahawa peruntukan yang kita ada untuk perbelanjaan pembangunan adalah terhad untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh sebanyak RM230 bilion. Bermakna, setiap tahun secara puratanya RM46 bilion yang kita ada sahaja.

Untuk tahun 2015 ini dalam bajet, kita peruntukkan RM48.5 bilion. Apa yang menjadi cabaran adalah bagaimana hendak memberikan peruntukan ini antara satu kementerian kepada satu kementerian yang lain dan antara satu negeri dan satu negeri yang lain. Kita banyak memberikan tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Kesepuluh adalah kepada negeri Sabah dan Sarawak sebab jurang perbezaan memang lebih tinggi. Sebab itulah hampir 90% daripada jumlah peruntukan diberikan kepada Sabah dan sedikit kurang kepada Negeri Sarawak.

Melaka, minta maaf. Memang untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh ini kita kurangkan kepada RM2.2 bilion sahaja. Akan tetapi kita akur dengan keperluan di negeri Melaka, terutamanya tentang perlunya penyuraian trafik memandangkan kesesakan yang teruk. Dalam perancangan kita untuk mewujudkan stesen kereta api laju yang bakal berhenti di Melaka, kita hendak pastikan wujud juga ada sistem pengangkutan yang lebih baik yang akan menghubungkan negeri Melaka.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Haji Musa [Ketereh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ketereh bangun.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Yang Berhormat Kanowit. Saya hendak jawab dahulu, sebentar. Yang Berhormat Kanowit, tentang isu internet di sekolah-sekolah. Memang kita menggunakan pendekatan teknologi *wireless* untuk kawasan-kawasan luar bandar, yang mana sekolah-sekolah yang betul-betul yang tidak dapat dilaksanakan melalui *wire line technology*, dengan izin, dan itu merupakan pendekatan yang kita ambil.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak menyentuh sedikit apa Yang Berhormat Menteri sebut tentang jurang perbezaan yang menjadi satu daripada perkara yang sekian lama kerajaan cuba atasi. Baik daripada sudut *intra-regional* dan juga *inter-regional disparity*, termasuklah soal kawan-kawan kita di Sabah dan Sarawak.

Dalam konteks ini, saya ingin mendapat penjelasan. Mungkin juga satu jaminan daripada pihak kerajaan menjelang- Ini Rancangan Malaysia Lima Tahun yang terakhir sebelum 2020. Adakah kerajaan sanggup melihat dalam keadaan kita menuju 2020, masalah-masalah *inter-regional disparity* ini tidak dapat *dicorrect* sepenuhnya di Semenanjung.

Sebenarnya, waktu saya sebagai Menteri Luar Bandar dahulu sampai sekarang, saya boleh tengok bagaimana Sabah dan Sarawak sebenarnya telah mengalami satu perubahan yang begitu besar sekali. Banyak sekali projek-projek baik lebuhraya, baik lapangan terbang dan sebagainya. Barangkali orang di Sabah dan Sarawak tidak terasa sangat sebab mereka melihat hari-hari. Kita yang pergi jarang-jarang, kita nampak perbezaan.

Akan tetapi sedarkan Yang Berhormat Menteri, Kelantan sebagai salah sebuah negeri yang berada di Semenanjung, tinggal satu-satunya negeri yang lebuhraya pun tidak ada. Lapangan Terbang Kota Bharu adalah lapangan terbang yang paling sibuk sekali dalam negara kita ini. Hampir 40 *flight* satu hari. Lapangan terbang *congested*, lebuhraya tidak ada dan kemudahan-kemudahan prasarana lain tidak ada.

Saya fikir perancangan makro kerajaan, perancangan fizikal kerajaan menjadi cacat buat selama-lamanya jika sekiranya Kelantan terus dibiarkan dalam keadaan yang sedemikian. Juga segala pelaburan dan *investment* kerajaan daripada sudut infrastruktur akan menjadi cacat kerana kita tidak menyambung. Sedangkan Kelantan itu berada di satu negeri bersempadanan. Kita lihat di sebelah Thailand ada lebuhraya, Terengganu ada lebuhraya, Pahang ada lebuhraya, Perak ada lebuhraya. Kelantan tidak ada, kenapa?

Sedangkan daripada hendak sambung LPT, kita panggil Lebuhraya Pantai Timur. Tak kan Lebuhraya Pantai Timur berhenti setakat Terengganu sahaja? Berapa sahaja jarak lagi hendak masuk sampai ke Kelantan, tersambung ke Thailand. Dengan sedikit, *the last few miles* yang kita laksanakan, akan menjadi rangkaian itu lebih efisien, lebih banyak digunakan dan impak ekonomi yang besar. Bukan sahaja pada Kelantan tetapi pada negara keseluruhannya. Akan tetapi kerana adanya *patches* yang tidak disempurnakan itu.

Begitu juga *airport*. *Airport* Kelantan bukan untuk orang Kelantan. *Airport* Kelantan juga *serve*, dengan izin, *part of Southern Thailand*, sebahagian daripada Terengganu, sebahagian daripada mungkin Perak. Jadi, strategiknya *airport* Kelantan itu mengatasi soal kepentingan lain.

Jadi, saya ingin mendapat kepastian, bolehkah Yang Berhormat memberi satu jaminan dalam Rancangan Malaysia yang terakhir ini hendak sampai 2020. Walau dalam keadaan kekangan bajet yang ada, dapat juga diberikan suatu keutamaan. Sekurang-kurangnya beberapa prasarana asas seperti *airport* dan juga rangkaian lebuh raya, supaya keseluruhannya menjadi satu perancangan yang lebih *complete* dan lebih seimbang. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Isu yang dibangkitkan memang telah banyak kali kita bincangkan di peringkat kerja dan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dan juga di peringkat kementerian juga. Cuma itulah yang saya sebutkan tadi, dari segi realitinya memang kita ada kekangan kewangan. Apabila kita memperuntukkan lebih kepada satu negeri, bermakna *it will come from somewhere else*, dengan izin. Ini merupakan satu cabaran kita yang amat besar.

Untuk Negeri Kelantan, memang kita memperuntukkan RM5.2 bilion secara keseluruhan. Ini memang tidak mencukupi untuk jalan-jalan dan lebuh raya Yang Berhormat Ketereh sebutkan tadi. Antara yang kita telah setuju untuk memberi keutamaan adalah *central spine road* dan ini akan diperbincangkan lagi. Untuk butiran, ada beberapa pakej, ada *discussion* dari segi sama ada kita perlu *prioritise* daripada sebelah Kelantan dahulu atau pun daripada sebelah Pahang dahulu. Ini merupakan antara isu-isu yang perlu kita bincangkan dengan lebih lanjut.

Sebab itulah saya sebutkan tadi kita menggunakan satu kaedah *creativity index* untuk membantu kita untuk *prioritise* yang mana satu perlu dilaksanakan terlebih dahulu berbanding dengan yang lain tetapi kita ambil pandangan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Haji Musa [Ketereh]: Saya amat memahaminya Yang Berhormat. Akan tetapi janganlah jurang itu dibiarkan terlalu banyak sangat. Saya faham tentang *constrain* bajet ini adalah satu benda yang realiti. Akan tetapi kalaulah katalah Selangor, sudah begitu banyak lebuh raya, kenapa hendak ditambah-tambah lagi? Buatlah Kelantan dahulu.

Kalau Pulau Pinang, sudah ada sampai dua jambatan besar, *slowkan* lah sedikit Pulau Pinang, boleh tambah dekat Kelantan dahulu. Jadi, negeri-negeri lain, Sabah, Sarawak itu teruskanlah. Akan tetapi macam Pulau Pinang, Selangor ini saya rasa macam sudah berlebihan. Kalau tertangguh sedikit pun tidak menjejaskan apa-apa tetapi sekurang-kurangnya kurangkan yang itu, bawa ke Kelantan. RM5 bilion memang tidak cukup. Terutama sekali saya hendak tahu kenapa Lebuh raya Pantai Timur tidak sambung sampai ke Kelantan ini? Siapa yang buat dasar supaya tak nak sambung ini?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: LPT dilaksanakan secara *development expenditure*, dengan izin, dan ini kita akan *review*, mengkaji lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Machang bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Yang Berhormat Machang.

Datuk Ahmad Jazlan Bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak merujuk sedikit kepada kenyataan Yang

Berhormat Ketereh. Saya setuju sebenarnya, kalau hendak cakap soal bajet tidak cukup ini, sampai bila pun bajet ini tidak akan cukup. Ini kerana kita hendak bangunkan sebuah negara kita yang banyak tertinggal ini memang masalah kewangan ini menjadi masalah yang utama.

Akan tetapi soal jurang di antara negeri Kelantan dengan negeri-negeri yang lain, yang juga Negeri Kelantan ini adalah sebahagian daripada negeri dalam negara Malaysia ini, memang terlalu jauh Yang Berhormat Menteri. Soal lebuhraya contohnya, memang tidak ada di Kelantan, belum ada di Kelantan lagi.

■1450

Hanya sedikit sahaja seperti kenyataan Yang Berhormat Ketereh tadi untuk disampaikan kepada salah satu pintu masuk utama ke negara ini melalui Tak Bai iaitu di pengakhirnya di Tumpat. Ada atau tidak perancangan ini? Kalau ada, bila? Kalau boleh masukkan di dalam RMKe-11 ini seperti Yang Berhormat Ketereh kata, RMK yang terakhir sebelum kita mencapai negara maju. Tidak jauh pun.

Saya juga hendak menyokong soal *airport* ini, lapangan terbang Yang Berhormat Menteri. Ia kalau hendak dibandingkan dengan beberapa lapangan terbang yang lain, jemaah haji antara yang paling ramai fakta saya lupa, tetapi antara jemaah haji yang paling ramai juga adalah dari Kelantan. Barangkali mungkin jemaah haji daripada Selatan Thailand juga boleh menggunakan lapangan terbang, sekiranya lapangan terbang diperbesarkan dan dijadikan lapangan terbang antarabangsa di Kelantan ini boleh menggunakan juga dan dengan sendiri menggalakkan suatu bentuk pertumbuhan ekonomi.

Jadi di sini saya hendak merayu kepada pihak kerajaan supaya di dalam RMKe-11 ini, walaupun RM5 bilion lebih ini suatu jumlah yang besar, tetapi jelas tidak mencukupi agar dipertimbangkan lagi untuk tengoklah kalau boleh buat apa-apa *adjustment* dari negeri-negeri lain yang sudah mempunyai pelbagai kemudahan, sedangkan Kelantan ini benar-benar tertinggal. Ini saya minta kepada Yang Berhormat Menteri untuk mengkaji balik sebelum diputuskan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih, Yang Berhormat Machang. Tuan Yang di-Pertua, kita telah meminta semua kementerian, agensi-agensi dan kerajaan-kerajaan negeri untuk *submit* dengan izin, butiran mereka tentang projek-projek dan program-program yang perlu dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas sebelum 31 Mac ini. Apabila semuanya sudah datang, kita akan membuat kajian. Cuma saya tidak dapat membuat komitmen apa yang diminta pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu yang berkaitan, Yang Berhormat Sandakan telah menyatakan Sabah antara negeri yang miskin dan infrastruktur tahap ke belakang. Ini menunjukkan wujudnya pembangunan yang tidak seimbang antara Sabah dan Semenanjung. Ini banyak telah kita bincangkan pada pagi tadi, cuma saya hendak tekankan di sini ialah isu pembangunan di negeri Sabah ini sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan. Tumpuan kita adalah untuk mempercepatkan pembangunan di negeri Sabah bagi meningkatkan tahap sosioekonomi dengan menyediakan infrastruktur dan kemudahan yang baik yang mana ia

penting untuk pertumbuhan perkembangan kesejahteraan rakyat negeri. Apa yang saya sebut tadi adalah di mana Sabah telah menerima peruntukan terbesar untuk negeri-negeri sebanyak RM20.3 bilion atau 8.83% daripada jumlah peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, negeri Sabah masih menerima peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM20.6 bilion atau 8.96% daripada jumlah peruntukan pembangunan.

Kita juga telah mewujudkan inisiatif koridor pembangunan wilayah bagi Koridor Pembangunan Sabah ataupun SDC. Sehingga kini, Koridor Pembangunan Sabah telah berjaya menarik masuk pelaburan terkumpul sebanyak RM138.1 bilion dan mewujudkan sebanyak 160,227 peluang pekerjaan. Sehubungan itu, saya mengumumkan pembangunan negeri Sabah terutamanya di kawasan luar bandar telah dilipatgandakan dengan pelaksanaan program transformasi kerajaan. Sebagai contoh, antara tahun 2010 hingga 2014, kita telah berjaya membina jalan sepanjang 1,761 kilometer yang melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 1,433 kilometer.

Dalam tempoh yang sama juga, kita telah menyediakan bekalan air bersih dan terawat kepada tambahan 123,117 buah rumah dan bekalan elektrik kepada tambahan 61,939 buah rumah di luar bandar negeri Sabah. Pelbagai program dan projek telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat terutamanya bagi mengatasi masalah kemiskinan. Ini yang ada disebutkan pada pagi tadi. Antara program yang dilaksanakan termasuklah aktiviti menjana pendapatan, bantuan kewangan dan bantuan perumahan.

Hasil daripada pelaksanaan program tersebut, kadar kemiskinan di negeri Sabah telah berkurangan daripada 19.7% pada tahun 2009 kepada 8.1% pada tahun 2012 dan terkini kepada 6.4% pada tahun 2014 berdasarkan data awalan kajian pendapatan isi rumah yang baru kita laksanakan. Kadar kemiskinan ini, 6.4% memang tinggi berbanding dengan kadar nasional sebanyak 1%. Ini kerana pendapatan garis kemiskinan yang kita gunakan di negeri Sabah adalah lebih tinggi pada kadar RM1,160 sebulan, berbanding dengan pendapatan garis kemiskinan untuk Semenanjung pada tahap RM920 sebulan. Kalau kita gunakan pendapatan garis kemiskinan yang sama, bermakna kadar kemiskinan di Sabah sebenarnya adalah sebanyak 2.1% dan bukan 6.4%.

Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan penyelarasan dan pelaksanaan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, satu jawatankuasa khas bersama Kerajaan Persekutuan Negeri Sabah dan Sarawak yang dipengerusikan oleh Unit Perancangan Ekonomi akan ditubuhkan. Ahli-ahli jawatankuasa ini akan terdiri daripada wakil-wakil Unit Penyelarasan Pelaksanaan ataupun ICU, Kementerian Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak dan juga Kerajaan Negeri Sabah.

Yang Berhormat Lawas telah - Yang tadi saya sudah sebut, jadi saya tidak payah sambung lagi. Yang Berhormat Tuaran telah menyarankan agar permohonan RM1.5 bilion untuk pembinaan prasarana untuk Pelabuhan Sepanggar di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas dapat ditunaikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil maklum

permohonan negeri Sabah untuk membangunkan Pelabuhan Sepanggar sebagai salah satu hab pelabuhan *transshipment* negara dan permohonan untuk pembinaan prasarana Pelabuhan Sepanggar di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas akan diberi pertimbangan sewajarnya berdasarkan kredibiliti indeks yang saya sebutkan tadi. Saya sendiri telah menerima kunjungan daripada wakil-wakil kerajaan dan Sabah Port berkenaan dengan projek ini dan ia akan mendapat perhatian sewajarnya.

Seterusnya Yang Berhormat Rantau Panjang ingin tahu adakah kerajaan bercadang membina sistem kereta api laju ke Pantai Timur. Untuk makluman, pada masa ini kerajaan tiada rancangan untuk membina sistem kereta api laju ke Pantai Timur. Tumpuan kita pada masa ini adalah untuk menambah baik perkhidmatan rel biasa antara Gemas ke Tumpat, terutama bagi menaik taraf dan membaik pulih landasan sedia ada. Pada tahun 2015, kita telah pun memperuntukkan RM210 juta untuk kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf landasan termasuklah pembaikan akibat banjir baru-baru ini.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sealiran pandangan dengan rakan-rakan dari Ketereh dan Machang tadi dan kes kereta api pun sama, kalau tidak lebih teruk daripada kes yang sudah pun disebutkan. Itulah bahawa perkhidmatan kereta api ini tidak kira banjir yang telah menimpa negeri Kelantan itu, yang merosakkan laluan itu, sebelum ini pun perkhidmatan kereta api adalah amat-amat rendah mutunya.

Saya pernah sekali di Pulau Jawa naik kereta api dari Jakarta ke Jogja. Sepanjang ada *double tracking* walaupun tidak laju, tetapi perkhidmatannya agak baik dan ini saya kira amat memalukan kita kalau kita terus mengabaikan mutu perkhidmatan kereta api sekali lagi, khususnya yang laluan ke Pantai Timur.

Jadi saya perlukan komitmen yang tegas daripada kerajaan bahawa kita benar-benar berhasrat untuk menaikkan taraf selain daripada perancangan. Memang ada lebuhraya ke Pengkalan Kubur, memang ada. Kalau hendak ambil tanah, JKR akan maklumkan tanah tidak boleh ambil disebabkan ada perancangan lebuhraya, berpuluh tahun begitu tetapi tidak ada dilaksanakan. Nasib kereta api pun kalau tidak sama, malah lebih teruk daripada itu. Minta perhatian yang benar-benar daripada Yang Berhormat Menteri kali ini. Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Yang Berhormat Menteri, adalah hal sama, mengenai kereta api ke Pantai Timur dan kerja-kerja pembaikan akibat kerosakan banjir yang kerajaan akan bagi keutamaan dalam tahun 2015. Tidakkah kerajaan bercadang untuk terus *upgraden* dengan mengadakan *double tracking*? Sebab ini adalah di antara *line* kereta api yang paling tua, yang paling lama dan paling banyak digunakan. Jadi kalau dapat kerajaan pertimbangkan kalau tidak semua pun, dari segi perancangan ini patutlah

dimulakan supaya di sebelah kereta api di sebelah Pantai Timur ini juga untuk dilaksanakan *double tracking* seperti mana yang telah ada di Pantai Barat.

■1500

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih, tumpuan kita sekarang ini yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua adalah untuk memperbaiki landasan yang sedia ada supaya KTM ini juga mempertingkatkan perkhidmatan mereka. Untuk pembinaan *double tracking* dengan izin, kita kena *prioritizekan* kepada yang sedia ada sekarang ini. Kita baru sahaja menyiapkan *double tracking* landasan berkembar antara Kuala Lumpur *all the way* sampai ke Padang Besar dan daripada Kuala Lumpur ke Seremban dan hingga ke Gemas. Satu stesen lagi daripada Gemas ke Johor Bahru belum lagi dibina.

Selain daripada pembinaan landasan berkembar ini dia juga memerlukan kos operasi yang tinggi untuk menggunakan landasan berkembar ini dengan lebih efektif lagi. Jadi bagi saya buat masa ini berdasarkan kepada trafik dan perkhidmatan yang boleh dilaksanakan untuk Pantai Timur dengan landasan yang satu sahaja memadai. Cuma yang penting adalah kualiti landasan tersebut perlulah baik. Itu *priority* kita Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah kita memperuntukkan RM210 juta untuk tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jelutong telah menyarankan agar Unit Perancang Ekonomi membuat peruntukan dalam rancangan pembangunan agar menggerakkan jentera untuk memastikan rancangan tebatan Sungai Pinang dapat dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek tebatan banjir merupakan projek yang akan diberikan keutamaan peruntukan untuk dilaksanakan dalam RMKe-11. Khusus bagi Projek Tebatan Banjir Sungai Pinang, kita dimaklumkan bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan juga Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) sedang membuat penilaian dan perincian skop dan kes projek untuk dimuktamadkan sebelum ia dikemukakan cadangan projek ini dalam RMKe-11.

Dalam hal ini kita akan meneliti dan mempertimbangkan sewajarnya cadangan projek ini berdasarkan kepada ukuran yang sama bersama lain-lain projek tebatan banjir di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong bangun Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kerana walaupun pun saya tidak mendapat jawapan begitu tepat daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Namun saya ucap terima kasih kerana Jabatan Perdana Menteri sanggup menjawab juga walaupun masih tidak ada ketentuan dari segi bila masanya peruntukan yang telah dijanjikan semasa RMKe-9 itu, kita tidak tahu bila wang itu akan diturunkan. Akan tetapi saya minta penjelasan daripada Menteri bahawa adakah skop kerja yang telah dikenal pasti semasa RMKe-9 itu telah menghadapi pertukaran, penukaran ataupun perubahan, rombakan dan sebagainya?

Jadi kenapa EPU dan juga Jabatan Perdana Menteri mengambil masa yang begitu lama sekali, lebih kurang 15 tahun. Ini kerana di tebing Sungai Pinang di fasa kedua daripada muara sampai ke Bodigat di Pulau Pinang dengan Dato Keramat kesemuanya lebih kurang 98% ialah

setinggalan-setinggalan daripada masyarakat bumiputera, masyarakat Melayu. Jadi saya hendak tanya sama ada kepentingan dan juga nasib orang Melayu di Pulau Pinang itu turut dibela oleh Kerajaan Barisan Nasional sehingga peruntukan yang dijanjikan 15 tahun itu tidak sampai-sampai. Yang Berhormat Menteri minta penjelasan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Perinciannya yang saya sebutkan tadi masih dibincangkan antara kementerian dan juga dengan Jabatan Pengaliran dan Saliran. Jadi saya tidak pasti apakah dia *detail-detail* tersebut dan ini mungkin boleh diberi keterangan oleh kementerian kemudian. Cuma saya hendak sebut di sini adalah selain daripada tebatan banjir untuk menaikkan taraf infrastruktur adalah penting juga agar masyarakat kita melihat sungai itu bukan sebagai tempat pembuangan sampah.

Ini sebab kalau kita lihat ada banyak sungai-sungai di negeri Pulau Pinang seperti Sungai Jelutong, Sungai Juru, Sungai Prai dan Sungai Pinang merupakan antara sungai-sungai yang paling *polluted*. Ini disebabkan oleh sikap masyarakat, sikap industri yang tidak, yang banyak menggunakan sungai-sungai ini tempat pembuangan sampah. Jadi selain daripada peruntukan kewangan perlu juga perubahan minda di kalangan masyarakat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Cuma satu sahaja yang saya hendak tambah Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan peruntukan yang asal itu ialah RMKe-9 dan telah dilanjutkan ke RMKe-10, jadi RMKe-10 itu akan berakhir menjelang bulan Jun tahun ini. Jadi saya hendak tanya juga sama ada peruntukan itu akan turun, tetap turun dalam RMKe-10 ataupun dijanjikan ke RMKe-11. Itu yang saya hendak pastikan supaya dapat memberi penjelasan kepada penduduk dan juga pengundi di kawasan.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua mengikut maklumat yang saya ada tidak ada peruntukan untuk Sungai Pinang di bawah RMKe-10. Jadi ini perlu mendapat peruntukan baru di bawah RMKe-11. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang saya ingin beri jawapan adalah berhubung dengan isu-isu berkaitan industri minyak dan gas dan tenaga. Isu ini telah mendapat perhatian daripada Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Kulai dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Yang Berhormat Sipitang telah membangkitkan isu keperluan pusat latihan berkaitan *oil and gas* yang amat diperlukan di Sipitang sebagai *hub oil and gas*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Petronas tiada rancangan untuk membina pusat latihan di Sipitang tetapi perbincangan sedang dijalankan untuk memperluaskan sokongan Petronas melalui Program Vokasional *Institution Sponsorship and Training Assistant (VISTA)* dengan izin. Program ini merangkumi aspek bantuan penyediaan peralatan, latihan pengajar dan juga kurikulum program teknikal. Tujuan program ini adalah untuk melahirkan lebih ramai pekerja-pekerja tempatan mahir dan separuh mahir dalam industri minyak dan gas melalui kerjasama dengan beberapa institusi vokasional di Sabah seperti Institut Kemahiran Mara, Giat Mara dan Kolej Yayasan Sabah.

Petronas juga sedang mengadakan perbincangan bersama pihak Mara bagi meluaskan program VISTA ini. Ini termasuk sokongan bagi penubuhan sebuah Giat Mara di Sipitang. Walau bagaimanapun perkara ini masih di peringkat perbincangan. Selain daripada itu program yang sedia ada juga ada di Pusat Latihan Kimanis yang terletak kira-kira 60 kilometer daripada Sipitang. Ia telah dinaiktarafkan dari Sijil Kemahiran Malaysia tahap 2 dan tahap 3 ke tahap diploma. Setakat ini kesemua 47 pelajar graduan Pusat Latihan Kimanis ini telah dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dan juga Tahap 3.

Yang Berhormat Hulu Langat membangkitkan isu letupan pelantar minyak di Kimanis dan ingin tahu apakah hasil kajian yang diperolehi dari kejadian tersebut dan berapakah kerugian yang ditanggung oleh Petronas. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insiden letupan sebenarnya tidak melibatkan pelantar minyak di Kimanis. Akan tetapi sebenarnya ia berlaku pada jam 2.00 pagi 10 Jun 2014 melibatkan saluran paip gas Sabah-Sarawak yang menyambungkan terminal gas dan minyak Sabah SOGT di Kimanis ke loji gas cecair LNG di Bintulu. Saluran paip gas tersebut melalui beberapa kawasan seperti Kimanis, Lawas, Ulu Berenam, Miri dan berakhir ke Bintulu.

Kawasan kejayaan ini terletak 135 kilometer dari SOGT di Kimanis. *Alhamdulillah* ia tidak melibatkan kemalangan jiwa. Letupan dipercayai berpunca daripada kebocoran pada saluran paip akibat daripada pergerakan bumi di kawasan yang terjejas. Kajian terperinci masih lagi kita jalankan bagi memastikan kejadian sama tidak berulang dan proses pemulihan ke atas sistem paip gas sedang dilaksanakan dan kerugian masih dalam peringkat penilaian.

Seterusnya Yang Berhormat Kulai ingin tahu apakah status pembinaan Asia Petroleum Hub dan adakah kerajaan akan terus menyumbangkan peruntukan untuk projek tersebut. Yang Berhormat juga ingin tahu status pembinaan Projek Pusat Petroleum Bersepadu dan Pusat Marin di Tanjung Piai.

■1510

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada 7 Januari dan 14 Januari 2009 telah bersetuju supaya projek pembangunan Pulau Tebus Guna di Tanjung Bin dilaksanakan sepenuhnya melalui pembiayaan pihak swasta dan kerajaan hanya memberi pajakan tanah kepada Asia Petroleum Hub sahaja. Kerajaan juga turut memutuskan pada ketika itu supaya isu pemegang saham di dalam Syarikat Asia Petroleum Hub Sdn. Bhd. diselesaikan terlebih dahulu sebelum perjanjian pajakan kecil tanah antara Lembaga Pelabuhan Johor dan APH ditandatangani

Walaupun bagaimanapun, pihak APH masih belum menyelesaikan isu memuktamadkan perjanjian pemegang saham tersebut. Sementara itu pihak pembiaya telah menghentikan kemudahan pinjaman yang ada dan projek ini sekarang ini tidak berjalan. Memandangkan projek ini dilaksanakan melalui pembiayaan swasta, tiada sebarang peruntukan dikeluarkan oleh kerajaan bagi tujuan pembangunan loji petroleum di Tanjung Bin ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi status pembinaan Projek Pusat Petroleum dan Petrokimia Bersepadu dan Taman Maritim Tanjung Piai pula, ia melibatkan beberapa fasa kerja-kerja

penambakan terlebih dahulu sebelum projek ini dapat dilaksanakan. Pihak pemaju iaitu Spektrum Kukuh Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Benalec Holdings Berhad baru mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar terperinci ataupun *Detail Environmental Impact Assessment* dengan izin dan laporan kesan hidrologi pada bulan Januari 2015 yang lalu bagi penambakan untuk fasa pertama yang melibatkan kawasan seluas 1,080 ekar. Penambakan fasa pertama ini dijangka mengambil masa selama empat tahun untuk disiapkan dan dalam masa yang sama, pihak pemaju kini sedang dalam proses mendapatkan hak milik tanah dan juga kebenaran merancang daripada kerajaan negeri.

Akhir sekali Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan telah mencadangkan supaya kerajaan menghentikan terus perancangan untuk membina loji tenaga nuklear dan sebaliknya menggunakan sisa pepejal sebagai sumber penjanaan tenaga. Saya menjawab soalan ini bagi pihak rakan saya, Dato' Mah Siew Keong yang berada di luar negeri pada ketika ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siri kajian tenaga nuklear masih sedang dilaksanakan dan keputusan mengenai pelaksanaan projek loji jana kuasa nuklear belum lagi dibuat. Siri kajian ini adalah selari dengan usaha untuk membangunkan sumber tenaga alternatif yang lain selaras dengan dasar baru tenaga yang termaktub dalam dokumen Rancangan Malaysia Kesepuluh. Malaysia kini bergantung kepada penggunaan tenaga fosil iaitu arang batu dan gas asli untuk penjanaan elektrik dan kedua-dua sumber tenaga ini menghasilkan gas karbon dioksida yang perlu dikurangkan. Sebahagian besar daripada bekalan arang batu untuk penjanaan elektrik pula adalah diimport. Keadaan ini mengurangkan keselamatan bekalan tenaga negara atau dengan izin, *energy supply security*.

Menurut data untuk tahun 2015 yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga, pecahan sumber tenaga untuk penjanaan elektrik adalah 41.7% daripada arang batu, 34.4% daripada gas asli, 22.1% daripada kuasa hidro dan 0.2% daripada bahan petroleum. Sumbangan daripada tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* termasuklah tenaga suria, *biomass* dan biogas adalah masih rendah iaitu kurang daripada 1.6%.

Jadi permohonan penggunaan tenaga menggunakan sisa pepejal adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian berkenaan sedang melaksanakan projek permulaan dengan izin *entry point project number nine* dengan izin di bawah Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang yang bertujuan untuk membangunkan satu ekosistem pengurusan sisa pepejal yang mampan. Salah satu daripada empat inisiatif yang terdapat di bawah EPP Sembilan ini adalah projek rawatan sisa makanan menggunakan *anaerobic digesters* dengan izin, yang sedia ada di loji rawatan kumbahan di Sungai Besi.

Projek ini dikenali sebagai *integrated urban renewable energy plan* dengan izin bertujuan untuk meningkatkan kapasiti rawatan sisa pepejal menggunakan teknologi moden dan mesra alam bagi mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan. Apabila siap kelak, projek perintis ini akan memproses 30 tan sisa makanan sehari dan akan menghasilkan biogas dan kompos.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, boleh tanya satu soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri contoh di hab gas dan petroleum. Negara kita hendak berapa banyak tenaga dalam kemahiran dalam hab gas dan petroleum ini? Berapa pekerja asing kerja di Malaysia? Sila beri satu jumlah.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Yang Berhormat Menteri, Petaling Jaya Selatan boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan di sini tentang jana kuasa nuklear. Pertama, kerajaan setakat ini telah memperuntukkan sebanyak RM60 juta untuk perancangan kuasa tenaga nuklear. Setakat ini hanya menggunakan RM30 juta. So, baki RM30 juta belum digunakan untuk mengkaji tentang kemungkinan pelaksanaan jana kuasa nuklear ini.

Setakat ini saya hendak tanya adakah tempat-tempat loji nuklear ini dikenal pasti? Di mana tempatnya? Di mana tempat yang dikenal pasti untuk menyimpan sisa-sisa nuklear ini? Saya difahamkan sisa nuklear ini bukan mudah untuk reput. Ia memerlukan beribu-ribu tahun. Kadang-kadang beratus tahun untuk mereput. So, hendak cari satu tempat yang selamat untuk menyimpan dan menjaga sisa nuklear ini untuk beratus dan beribu tahun. Saya rasa kajian ini perlu dijalankan dengan teliti. Adakah tempatnya sudah dikenal pasti? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kita masih lagi melaksanakan kajian dan keputusan mengenai pelaksanaannya belum lagi dibuat dan lokasinya juga masih belum lagi dikenal pasti. Jadi izinkan agar kajian ini diteruskan sebelum apa-apa keputusan dibuat. Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Bakri, saya tidak ada angka yang diminta. Mungkin kita boleh beri secara berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam mengemukakan pandangan dan saranan untuk perhatian kerajaan semasa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tersebut.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Yang Berhormat Menteri, *last*.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Ya.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mahu bertanya mengenai *energy policy* negara kita di mana dikatakan batu arang. Sekarang kita pakai 40% daripada penjanaan elektrik kita adalah daripada batu arang. Saya tengok daripada jawapan diberi awal penggal ini, ini akan ditambah ke 60% dalam tahun 2020. Batu arang ialah satu sumber yang mengeluarkan banyak karbon dioksida. Ini akan keluarkan kita punya *carbon footprint*. Jadi, adakah ini akan diubahsuai kerana lebih baik kita pakai sumber-sumber lain. *Generable energy* umpamanya daripada ini

kerana kita pun akan *contribute* kepada global *warming*. Jadi adakah ini menjadikan – satu dalam *planning* kita untuk pelan tenaga negara?

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan itu merupakan satu soalan polisi di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Mungkin itu boleh diajukan kepada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air kemudian. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja urusan saya. Sekiranya ada isu-isu yang telah dibangkitkan tetapi tidak dirangkumi dalam jawapan penggulungan ini, saya maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa perkara tersebut telah pun dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Arau. [*Dewan riuh*]

3.19 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ramai peminat Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong 2015 peringkat dasar yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Parlimen Malaysia iaitu:

- (i) Suruhanjaya Pilihan Raya;
- (ii) Jabatan Perkhidmatan Awam;
- (iii) Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA);
- (iv) Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU);
- (v) Majlis Keselamatan Negara;
- (vi) *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM);
- (vii) hal ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia;
- (viii) bahagian pendidikan awal kanak-kanak PERMATA; dan
- (ix) isu-isu am di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1520

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan dan Yang Berhormat Bayan Baru ingin penjelasan mengenai kenaikan elaun Ahli Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun mencadangkan semakan semula Elaun Tetap Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Rang undang-undang tersebut kini telah disenaraikan untuk bacaan kali kedua.

Oleh itu, sebarang pertimbangan untuk menaikkan elaun Ahli Parlimen akan dilaksanakan setelah diluluskan di Dewan yang mulia ini dan juga Dewan Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jawatankuasa Dewan telah bermesyuarat pada hari Selasa, 24 hari bulan yang lepas yang dihadiri bersama oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya, dan jawatankuasa ini akan bermesyuarat semula pada hari Isnin untuk menambahbaik apa yang kurang. Ada soalan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya? Pada pandangan saya, tidak wajar ditanya soalan kerana semuanya yang terbaik. Ya, terima kasih.

Dalam tempoh perbahasan Titah Diraja penggal ketiga, kerajaan telah menerima 31 isu berbangkit dengan pengurusan bencana. Saya ucap terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Pengerang, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Bahau dan Yang Berhormat Machang yang telah bangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab saya sepanjang perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Antara soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat kebanyakannya ialah mengenai pengurusan banjir pada musim tengkujuh yang lalu mencakupi isu-isu berikut:

- (i) Peranan Majlis Keselamatan Negara;
- (ii) tindakan kerajaan pada peringkat pasca banjir;
- (iii) cadangan-cadangan penambahbaikan SOP banjir;
- (iv) cadangan pemberian kuasa atau dengan izin, *delegation of power* kepada daerah untuk menguruskan bencana;
- (v) pengurusan bantuan kepada mangsa yang terjejas banjir;
- (vi) isu pengisytiharan darurat di negeri Kelantan;
- (vii) pelaksanaan program latihan persediaan bencana; dan
- (viii) persediaan menghadapi episod banjir yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mempermudah penjelasan bahawa di bawah Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 20 - Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, arahan yang telah ditandatangani yang terakhir sekali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 Mac 2012 menggariskan peranan, tanggungjawab agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta, badan bukan kerajaan dan juga lain-lain lagi dalam pengurusan bencana.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, ia ada tiga peringkat SOP ya. Pertama, peringkat daerah; kedua, di peringkat negeri; dan yang ketiga ialah di peringkat nasional. Peringkat daerah dipengerusikan oleh pegawai daerah ataupun residen. Peringkat negeri dipengerusikan oleh setiausaha kerajaan dan peringkat nasional dipengerusikan oleh Menteri yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, sikit sahaja. Depan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini belum habis lagi.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tidak, tidak. Bukan, ini fasal isu itu...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya hari ini baik tahu sebab saya hendak pergi *Cambodia* ya. Saya hendak habis cepat.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya pun sikit sahaja. Satu ketika dulu, bilik gerakan daerah dibuat di pejabat polis, menyukarkan. Kalau ini standard SOP, saya ingat ini lebih baik daripada yang dululah. Saya harap ia jadi kenyataan. Semua tanpa berkecuali.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, dalam SOP itu dengan terang menyebutkan bahawa apabila berlaku banjir, bilik gerakan yang pertama yang kita buka ialah bilik gerakan di balai polis dahulu. Kemudian selepas itu pegawai daerah akan mengarahkan bilik gerakan baru. Dia boleh menetapkan sama ada di pejabat polis, di pejabat daerah atau di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai. Ini hak ataupun kuasa pegawai daerah yang tidak perlu diturunkan kuasa lagi. Memang kuasanya sebagai pengerusi jawatankuasa banjir peringkat daerah.

Dalam kes Sarawak, pengerusinya ialah residen. Kuasa ini kalau hendak katakan kuasa mutlak memang kuasa mutlak sebab dia akan menentukan di manakah bilik gerakan banjir. Kalau sekiranya dia berpendapat bahawa ia perlunya dibuat di balai polis, maka di balai polis. Saya akan teruskan sehingga— benda ini sebenarnya... Apa Yang Berhormat terbuka dalam kepala akan dijawab satu persatu ya.

Jadi semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri hadir ke seminar berhubung dengan *Third World Conference on Disaster Reduction* baru-baru ini juga, kita telah ditaklimatkan tentang mekanisme yang terbaik yang boleh kita ikuti. Untuk di Jepun sahaja, ia juga mengikut tiga peringkat iaitu *municipal* atau daerah, *prefecture* atau negeri dan seterusnya *national* atau pusat. Negeri Jepun pun mengikut cara yang sama iaitu ada peringkat daerah, ada peringkat negeri ataupun *prefecture* – negara yang memakai sistem ini di antaranya ialah Perancis, Jepun dan juga di peringkat nasional.

Dalam Arahan No. 20 itu, kita dengan terang menyebut satu persatu jawatankuasa bencana di peringkat daerah dan selepas itu ahli-ahlinya – dia ada jawatankuasa pula. Contohnya seperti Yang Berhormat Menteri Kebajikan sebutkan tadi, pegawai kebajikan dia ada

jawatankuasa kecilnya untuk menguruskan hal-hal kebajikan dan juga tempat perpindahan. Polis dan juga semua pihak dia ada jawatankuasa kecilnya dan jawatankuasa kecilnya sering kali dianggotai oleh pegawai-pegawai daripada jabatan yang berkenaan ataupun mereka akan masukkan juga NGO ataupun JKKK.

Dalam musim tengkujuh yang lepas, pada tahun 2014 yang lepas Yang Berhormat, saya telah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bencana Pusat pada 13 Oktober 2014 semasa Parlimen ini bersidang. Saya mempengerusikan mesyuarat itu sebab kita mendapat maklumat awal tentang *forecast* kaji cuaca yang menunjukkan hujan lebat akan berlaku di negeri-negeri di Malaysia. Kita panggil mesyuarat pada bulan Oktober dan banjir berlaku kita tahu ialah pada bulan Disember di kebanyakan tempat ialah pada 16 Disember lebih kurang.

Jadi dalam mesyuarat berkenaan, saya sendiri terlibat secara langsung mengaudit setiap jabatan dan apa yang harus mereka buat dan memastikan supaya setiap negeri balik mengadakan mesyuarat serta-merta dan memastikan setiap daerah mengadakan mesyuarat serta-merta. Semua sekali negeri dan juga daerah yang mengadakan mesyuarat dan mengikut apa yang telah ditentukan dalam SOP kita menghadapi banjir yang luar biasa tetapi dapat menghadapinya dengan baik, sebab persediaan telah pun dibuat untuk tujuan tersebut.

Jadi pada masa banjir luar biasa yang berlaku di pertengahan dan juga akhir tahun 2014 dan juga awal tahun 2015, negeri-negeri di Malaysia iaitu Kelantan, negeri yang paling teruk terjejas, diikuti oleh negeri Pahang, Terengganu dan juga Perak. Demikian juga banjir ini mendatangkan kesan di negeri Kedah, Perlis, Johor dan Negeri Sembilan. Juga satu tempat di Sarawak menghadapi banjir luar biasa tetapi bukan sampai ke tahap amat luar biasa seperti di Sarawak. Juga satu lagi banjir luar biasa yang berlaku di Membakut, Sabah. Jadi kita lihat banjir ini boleh dikatakan berlaku hampir serentak. Selepas Semenanjung, ia berlaku di Sabah dan juga Sarawak.

Jadi dalam jawatankuasa yang berkenaan, kita telah membuat persediaan untuk menghadapi banjir yang luar biasa. Malah, selepas banjir tahun 2013, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempengerusikan jawatankuasa khas atas arahan Kabinet, pengurusan bencana pada 3 Januari 2014, mempengerusikan di peringkat jawatankuasa khas. Selepas itu saya sendiri mempengerusikan tiga mesyuarat termasuk yang terakhir pada bulan Oktober.

■1530

Semua negeri telah dapat menguruskannya dengan baik dan negeri yang menghadapi banjir yang luar biasa pada 2013, iaitu Pahang di Temerloh dan juga Kuantan, kemudian Terengganu, Kemaman dan juga Dungun. Ini banjir luar biasa pada 2013 dan mereka menghadapi banjir yang luar biasa lagi sekali pada 2014, tetapi mereka telah dapat menghadapinya dengan baik. Bukan sahaja baik, mereka di uar-uarkan sebagai pengurusan banjir yang terbaik walaupun banjir yang mereka hadapi lebih luar biasa daripada luar biasa pada tahun 2013.

Akan tetapi saya kena sebutkan di sini, sebab benda ini sebenarnya Kerajaan Negeri Kelantan tidak menjangkakan. Sebab di Kelantan, pada masa orang menghadapi banjir, Kelantan

akan menghadapi banjir tiap-tiap tahun dan banjir ini adalah banjir biasa. Akan tetapi pada tahun 2014, banjir yang berlaku di negeri Kelantan ini ialah banjir yang amat luar biasa yang mana jentera pengurusan bencana di peringkat daerah dan negeri hampir lumpuh dan memerlukan bantuan dan penglibatan Kerajaan Pusat.

Ini dibuktikan dengan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat negeri, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan bagi menguruskan situasi banjir tersebut. Keadaan banjir tersebut telah dapat dikawal dan diurus dengan baik pada hari yang kedua. Keputusan melantik jawatankuasa ini ialah berdasarkan SOP Arahan 20 MKN. Yang Berhormat semua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Shah Alam tidak ada banjir, Tuan Yang Di-Pertua. [Disampuk]

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagi orang yang ada kena banjirlah, Yang Berhormat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sudah yang orang yang kena banjir semua duduk diam. Saya yang bangun, dia bangun, fasal saya bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya serah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi yang mana Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya serah pada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, Yang Berhormat Shah Alam dahulu, kemudian Yang Berhormat Ketereh. [Ketawa]. Oh! Yang Berhormat Shah Alam tidak bangun?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua bagi dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bagi Yang Berhormat Shah Alam dulu ya. Yang Berhormat Shah Alam terpadam...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya agak terkejut bila Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa banjir telah diurus dengan baik kerana selama ini kita semua 'dok' menceritakan bagaimana kesan daripada banjir itu telah menyebabkan ribuan kehilangan rumah dan ribuan hidup di dalam khemah dan sebagainya. Bagaimana penilaian Yang Berhormat Menteri bahawa banjir itu telah diurus dengan baik?

Bagi saya, saya hendak cadangkan kepada Kerajaan Pusat lah ya. Oleh sebab kita sudah tahu bahawa tiap-tiap hujung tahun itu, banjir. Hanya kita tidak tahu dia punya *degree and the extend* dia sejauh mana teruknya banjir itu. Apa kata, tiap-tiap tahun kita sudah *standby* tentera, kita sudah *standby* makanan, kita sudah *standby* segala kelengkapan sebelum ia berlaku

dan jangan kita mengharapkan kepada kerajaan negeri sahaja dan tunggu kerajaan negeri panggil untuk membantu sekiranya ia perlu. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang Di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan. Yang Berhormat Menteri, menyentuh tentang sama ada ia telah diuruskan dengan baik atau tidak itu barangkali agak subjektif. Akan tetapi saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Shah Alam bahawasanya ada perkara-perkara yang menimbulkan rasa tidak puas hati banyak pihak. Kalau tidak, takkan kerajaan DAP Pulau Pinang mengatakan bila banjir di Kelantan, seolah-olah Kelantan tidak ada kerajaan, tidak ada Menteri Besar. Maknanya, ditumpukan pada masa itu, pengurusan banjir yang menjadi kuasa kerajaan negeri dan kerajaan negeri tidak menguruskan dengan baik. Itu saya katakan subjektif.

Akan tetapi bagi saya, saya rasa semua pihak telah pun mencuba sedaya upaya dengan kapasiti yang terbatas pada ketika itu. Jadi, mungkin perkara ini boleh kita atasi dengan beberapa cara. Walaupun sebenarnya cadangan Yang Berhormat Shah Alam itu sudah ada *in place*, Jawatankuasa Banjir biasa bermesyuarat bulan 9, bulan 10, segala urusan logistik, barisan hadapan, pengkalan hadapan, stok makanan dan sebagainya di negeri-negeri yang lazim mengalami banjir ini semua sudah menjadi satu benda yang rutin.

Akan tetapi, yang menjadi masalah ini ialah apabila banjir datang dalam keadaan yang tidak dapat diuruskan oleh jentera di peringkat negeri kerana kekurangan aset dan sebagainya. Kita tidak boleh hendak *blame* juga kerajaan negeri kerana dalam soal mengatasi perkara seperti ini, dia memerlukan aset, kelengkapan dan sebagainya. Yang Berhormat sendiri pun tentu ingat pada saat banjir memuncak 23 hari bulan dan 24 hari bulan, saya sendiri menelefon ke sana sini termasuk Yang Berhormat sendiri, yang mana saya minta supaya dapat helikopter, sampai sudah pun saya tidak dapat.

Antaranya ialah kerana beberapa *decision making*. Itu yang menjadi lambat, dalam saat hendak tukar daripada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kemudian hendak lebih banyak input terutama misalnya perlukan kepada aset, aset ketenteraan. Bila saya bercakap dengan pegawai tertinggi tentera, dia kata, "*Tentera harus menerima order, order daripada atas*". Order tidak ada, dia tidak boleh hendak hantar aset.

Sedangkan banjir ini dalam masa 12 jam, 24 jam itu kita hendak kena segera. Bila saya *call* beberapa Menteri, waktu itu banyak Menteri yang bercuti. Jadi, antara yang saya hendak cadangkan, boleh atau tidak Menteri punya cuti ini, jangan semua longgok bulan 12? Ada yang ambil bulan 1, bulan 2, bulan 3, bulan 4. Kalau hujung tahun semua $\frac{3}{4}$ daripada Kabinet semua bercuti, berada di luar negara, bila ada sesuatu benda yang seperti ini, ia boleh menimbulkan masalah, melambatkan *decision making*. Itu satu.

Keduanya, kita memberikan tugas kepada jabatan yang tidak ada kapasiti. Kita memberikan tugas untuk mengedarkan logistik kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat *district*, kereta pun tidak ada, van pun tidak ada. Di waktu banjir,

saya terkapai-kapai hendak punggung barang, akhirnya terpaksa cari sendiri untuk pergi ambil tetapi kita tidak boleh hendak marah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia kata bagus, pengurusan yang bagus tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh mencelah, Yang Berhormat [Ketawa].

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Duduklah, Yang Berhormat Shah Alam. Hei! *Provokator of the highest degree* ini. Orang hendak bincang ini, tidak ada kerja lain. [Ketawa]

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya mencadangkan agar urusan logistik yang tradisional ini diberikan tugas kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, tidak sesuai dengan jabatan berkenaan. Kenapa tidak awal-awal lagi kita berikan ini kepada Kementerian Pertahanan? Misalnya *delivery* barang-barang, ya. Kita hendak hantar barang-barang waktu banjir. Bila saya berhubung dengan pihak angkatan tentera, kebetulan saya daripada *Royal Military College*, kerana panglima-panglima itu banyak *classmate* saya, saya minta tolong. Dia kata "*Tidak boleh*". Ia terpaksa hendak kena tunggu, boleh tetapi dengan aset yang terhad. Waktu itu saya terpaksa punggung barang dari *supermarket*, saya kutip-kutip di Ketereh, hendak bawa pergi Kuala Krai, saya kena hantar ke Terengganu, kena hantar ke pusat di Gong Kedak. Di Gong Kedak, sama-sama pegawai *military* sendiri kata kena terima di Gong Kedak, tidak boleh, kena ambil di Kota Bharu. Kena angkut dua kali dan sebagainya.

Jadi, benda-benda begini saya rasa boleh diperbaiki. Akan tetapi menyerahkan tugas ini untuk tahun-tahun akan datang kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat, saya fikir antara perkara yang kerajaan patut kaji semula untuk dibuat penambah baikkan. Namun begitu, saya harus mengucapkan tahniah kerana waktu itu, Yang Berhormat Menteri adalah antara orang yang berada *on the ground*, dan boleh dikatakan bekerja siang dan malam dan saya mesti merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada dua orang yang bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Okey, Yang Berhormat Menteri. Boleh saya tambah sedikit? Sedikit sahaja, Tumpat. Ringkas sahaja.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sealiran dengan rakan saya, Yang Berhormat Kuala Krai dan juga Yang Berhormat Ketereh yang telah memberi gambaran yang jelas betapa kritikalnya suasana yang kita hadapi pada penghujung tahun yang lalu.

Adakah dengan apa yang kita telah dengar yang terakhir daripada Yang Berhormat Ketereh ini, berkaitan dengan struktur pengurusan dan pentadbiran malapetakakah, bencana alamkah, khususnya banjir ini, telah memberikan kepada Yang Berhormat Menteri suatu

pandangan, idea untuk memikirkan bagaimana - sebab kalau hendak katakan tentera tidak diarah, Majlis Keselamatan Negara yang bertanggungjawab tentang bencana alam. Majlis Keselamatan Negara kalau saya faham daripada ingatan 30 tahun dahulu dalam perkhidmatan awam, mestinya mengandungi wakil daripada Kementerian Pertahanan, wakil daripada perisikan, wakil daripada polis sebagainya.

Jadi adakah Yang Berhormat Menteri memikirkan bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara sendiri perlu difikir, dilihat kembali supaya bencana seperti ini dapat ditangani dengan cara yang lebih baik daripada apa yang telah berlaku pada penghujung tahun lepas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lipis yang bangun Yang Berhormat.

■1540

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Penghabisan ya, sekejap lagi saya hendak jawab.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang memberi laluan kepada saya untuk turut serta memberi pandangan berkenaan dengan banjir. Pertamanya, saya juga ambil kesempatan ini merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Arau selaku Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana sesungguhnya beliau memang salah seorang Menteri yang kerja sangat kuat, termasuklah masa banjir dan pasca banjir. Beberapa kali turun ke Lipis, sanggup meredah air dan sebagainya walaupun dalam keadaan suasana yang sangat bahaya sekali.

Saya hendak maklumkan, bersetuju dengan Yang Berhormat Ketereh mengatakan kita mengadakan mesyuarat sebelum banjir bermula pada bulan September lagi. Saya dapati kalau di Lipis ini pun agak teruk ketika itu banjir, mungkin menerima air dari Kelantan dan dalam masa 10 minit boleh pergi sampai satu kaki tinggi air naik. Akan tetapi dalam suasana di Lipis, saya mengambil kesempatan menghubungi pihak tentera untuk membantu, tidak seperti Yang Berhormat Ketereh. Maknanya saya berhubung dengan pegawai pemerintah, dia beritahu terus apa yang Yang Berhormat hendak, gunalah. Hendak tentera berapa ramai, hendak lori berapa banyak, gunalah.

Jadi kita mudah kerja termasuk bomba, tentera, JPAM dan sebahagian JKR dan termasuk JKR dan sebagainya. Memang mudah sekali untuk mendapatkan perkhidmatan waktu banjir. Cuma persoalan saya, apakah tindakan kerajaan apabila kita dah tahu sekarang ini banjir yang melanda, kita dah tahu tidak tahu pada bila-bila masa akan berlaku lagi, apakah tindakan kita untuk memastikan bahawasanya pusat-pusat pemindahan ini berada dalam keadaan tempat yang agak selesa.

Saya bertanya yang demikian rupa kerana di kawasan saya berlaku seperti berpindah ke sekolah. Kemudian pindah ke sekolah, air masih naik lagi dan berpindah sekali lagi panjat bukit. Ada dua, tiga tempat seperti demikian rupa. Saya berharap supaya pihak kerajaan dapat membantu daripada segi persiapan tempat perpindahan. Kalau boleh tempat ini mesti dilengkapi

tempat mandi, tempat sebagainya, kalau perlu tempat bilik barakah, sediakan bilik barakah kalau perlu. Kalau boleh sediakan *hard standing* yang boleh helikopter turun. Ini kerana ada tempat-tempat yang kita memang sukar hendak pergi, yang melibatkan seperti bot-bot airnya yang sangat deras untuk melintasi sungai-sungai yang besar. Maka kita tidak dapat menggunakan perkhidmatan bot sekalipun, terpaksa kita menggunakan jalan darat, panjat bukit, pikul barang dan sebagainya. Itu persoalan saya, menyediakan tempat dengan segera. Kalau boleh tahun ini menyediakan tempat-tempat perpindahan yang selesa. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jerantut bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Sikit sahaja ya.

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin menarik perhatian tentang daripada segi keperluan penempatan logistik. Saya setuju dengan Yang Berhormat Ketereh, mengambil contoh di Jerantut. Apabila banjir mula memenuhi kawasan-kawasan yang kena banjir, pada ketika itu sebahagian daripada pelancong asing, pelancong luar negara terkandas di kawasan taman peranginan Kuala Tahan. Apa yang saya hendak bawa ialah kawasan Jerantut ini seperti di Kuala Lipis terdedah kepada banjir pada peringkat awal. Di Jerantut sendiri, daripada segi kemudahan peralatan untuk menangani masalah banjir ini amat kurang.

Sebagai contoh, di daerah Jerantut hanya ada dua buah bot bomba yang mempunyai enjin kapasiti 60 kuasa kuda. Hanya dua buah. Kawasan Parlimennya luas, kawasan kena banjirnya luas dan adalah lori trak tentera dua buah, sebuah boleh pakai, sebuah separuh uzur. Bot-bot yang lain tidak mampu untuk mengharung Sungai Pahang yang arusnya deras. Bot tentera ada sebuah berkapasiti 40 kuasa kuda, 40 kuasa kuda ini sukar untuk orang mangsa banjir untuk bawa pindah banjir untuk Sungai Pahang. Jadi dengan dua buah bot ini, pada saya tidak berkemampuan pasukan bomba untuk membantu memindahkan mangsa banjir.

Kita minta bantuan daripada Temerloh misalnya, kawasan yang terdekat. Apabila banjir melanda Temerloh, terpaksa bot yang di Temerloh ditarik balik ke Temerloh. Jadi, apahal di Jerantut? Pengalaman saya menelefon sendiri Yang Berhormat Menteri untuk memindahkan mangsa banjir yang terdiri daripada pelancong asing begitu sukar. Kita ambil masa dua hari untuk memindahkan. Akan tetapi *alhamdulillah*, akhirnya dipindahkan. Ini imej negara. Dengan dua buah bot dan bila hendak minta helikopter, helikopter mulanya turun, selepas itu lewat sikit kita berkomunikasi kerana Jerantut putus sistem perhubungan pada kita itu, maka helikopter pun balik semula ke Kuantan.

Ini kerana ada arahan baru untuk pergi ke Kemamam, sedangkan pada ketika itu kita dah putus untuk bawa pelancong keluar. Ini imej negara. Ini kerana sistem kita daripada segi penempatan logistik tadi, saya katakan tadi, maka pada pandangan saya untuk ke hadapan ini,

kita kena melihat semula penempatan, keperluan logistik ini seperti di Daerah Jerantut ini, Kuala Lipis mungkin, kita tempatkan peralatan yang ada kaitan dengan keperluan yang mencukupi supaya dalam keadaan terdesak, kita mampu menangani ancaman mangsa banjir ini walaupun banjir ini melebihi pada tahap pengalaman biasa kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Menteri, boleh sikit? Sikit lagi

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Bencana banjir ini telah mendedahkan kita kepada beberapa perkara yang begitu kritikal, khususnya tentang pendudukan dan juga masalah pemilikan tanah di mana rumah-rumah mangsa-mangsa banjir ini tidak berada di tapak ataupun hak milik mereka sendiri. Saya lihat banyak rumah terletak di kawasan rizab-rizab sungai, rizab-rizab kerajaan, rizab TNB. Jadi hasil daripada ini kita mesti mengambil peluang untuk menyusun semula masyarakat, khususnya penduduk-penduduk yang mana kita boleh meletakkan semula perumahan-perumahan pada mangsa-mangsa banjir yang sebelum ini rumah mereka yang terletak di kawasan *reserved* yang telah saya sebutkan tadi.

Jadi saya mohon pihak KPTG, pihak kementerian, pihak PTG di peringkat negeri, pihak SPNB dan agensi-agensi lain yang ingin membina semula, mendirikan semula perumahan untuk mangsa-mangsa banjir yang terletak di kawasan rizab-rizab ini dibuat secara lebih berstruktur yang lebih jelas. Saya mohon kita mempunyai *database* yang lengkap tentang jumlah penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan rizab JPS, rizab-rizab sungai dan juga rizab-rizab kerajaan. Jadi dengan adanya *database* ini, saya harap kita dapat menyusun semula masyarakat melalui pemilikan dan juga kependudukan akibat daripada mangsa banjir yang kita telah hadapi baru-baru ini. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pencelahan berlaku yang menyebabkan jawapan yang berikutnya ada, sudah ada jawapan. Oleh sebab bila saya menjawab awal, takut tertinggal benda yang besar ini.

Pertama sekali, Kerajaan Malaysia ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi kerajaan dan juga kerajaan negeri serta NGO yang muncul dengan luar biasa dari mana-mana kerana memberi sumbangan kepada banjir baru-baru ini. Pada masa yang sama, bila Yang Berhormat yang bercakap tadi tentang banjir, Yang Berhormat itu kecuali Yang Berhormat Shah Alam, yang lain terlibat dengan banjir. Mereka ini bukan sahaja terlibat, tetapi melihat sendiri apa-apa kekurangan dan juga apa-apa yang boleh mereka buat. Akan tetapi satu hakikat yang besar Yang Berhormat kena terima, banjir yang berlaku ini banjir yang luar biasa. Yang Berhormat sebut tadi 10 minit boleh naik satu kaki, ini luar biasa. Ini banjir luar biasa.

■1550

Mana pernah dalam sejarah, 550,000 orang mangsa banjir. Mana pernah dalam sejarah, 2.9 bilion lebih kerugian infrastruktur. Jadi, ini ialah banjir luar biasa. Apa yang saya sebut tadi tentang Kelantan tadi, saya sebut perkataan lumpuh itu, mereka juga menghadapi banjir luar biasa, kalau dalam kes Kelantan, amat luar biasa. Jadi, sudah pasti dalam keadaan suasana tersebut, pelbagai perkara boleh berlaku. Kalau sekiranya kita mempunyai aset yang mencukupi pun, kita kena ingat, bila kita hantar satu kumpulan pergi pindah, yang pindah ini bukan seribu, dua ribu. Setengah pusat enam ribu, setengah pusat tujuh ribu. Kalau sekali pindah, katalah bot ada 100 buah, satu bot boleh letak katalah 10 orang, ini seratus buah ya. So, dia akan pergi satu jam, jadi dia akan pergi dengan empat ratus orang, dia kena balik. Itu pun bermakna dia sepuluh kali. Sepuluh kali bererti mengambil masa hampir sepuluh jam. Sebagai contoh, saya hendak tunjukkan apa yang harus dibuat semasa banjir ini berlaku.

Yang keduanya, kita tahu bahawa bila *Allah* menguji kita, dalam masa yang sama Allah memberi rahmat kepada kita. Di antara rahmatNya, seperti yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi, iaitu kita mengetahui betapa ada penduduk kita, yang duduk di *reserve* sungai, di *reserve* TNB dan sebagainya. Saya berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan, dia maklumkan bahawa begitu ramai orang yang duduk di *reserve* Sungai Kelantan. Setengahnya yang baru buat rumah pun, yang baru buat rumah kotak berharga RM1,000 ataupun RM2,000. Akan tetapi tak apa lah, sekarang mereka akan dapat rumah baru yang berharga antara RM40,000 sehingga RM50,000. Ini hendak tunjukkan betapa, kehadiran manusia dari pelbagai tempat, tiba-tiba mangsa banjir. Kita dapat lihat bagaimana sebenarnya rakyat itu ada dan kesusahan yang mereka hadapi.

Berhubung dengan SOP. Yang Berhormat Shah Alam, SOP itu *alright*. Barisan hadapan kita, kita telah hantar, kita telah letakkan depot-depot makanan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Cuma dalam kes Kelantan ini, kita letakkan di dua tempat, seperti yang Menteri Kebajikan telah sebutkan tadi. Jadi, pihak jawatan kuasa banjir di Kelantan pun menjangkakan ianya banjir biasa. Yang ini depot kita sediakan dan mereka hadapinya dengan baik. Saya sebut SOP tadi, telah diurus dengan baik. Dalam bentuk lima hari itu, persediaan lima hari itu, kita telah selesaikan. Yang pasca banjir, sekejap lagi saya jawab. Yang paling penting ialah bila kita pindahkan orang, mereka pindah di tempat perpindahan dan di tempat perpindahan kita uruskan mereka dan selepas itu, pasca banjir ya.

Jadi, dalam keadaan ini kita lihat, daripada 550,000 mangsa banjir itu, kita mendapat maklumat tentang kematian. Kematian semasa banjir sendiri kita lihat di antara yang paling nyata ialah mati semasa perpindahan seperti di Terengganu dan juga semasa bapa menyelamatkan cucu yang mana cucunya tidak jumpa sehingga sekarang.

Itu dia yang kita mendapat maklumat tentang kekurangan daripada usaha yang kita buat. Akan tetapi dalam SOP yang kita sediakan, barisan hadapan itu yang terbaik. Iaitu pegawai daerah tadi ataupun residen tadi. Dalam kes Kuala Krai, saya sendiri hadir, sebab saya hadir setelah Majlis Keselamatan Negara melantik tentera untuk menguruskannya. Bila saya hadir di

sana, saya lihat aset kita cuma lebih kurang dua puluh buah. Akan tetapi aset kita macam gajah, ia tidak boleh masuk tempat-tempat yang kecil. Akan tetapi bot-bot orang kampung itu dekat seratus buah, ia hadir di situ dan sedang menunggu arahan-arahan tertentu.

Kekuatan jentera di peringkat daerah ini ialah bagaimana nak uruskan supaya bot ini kita masukkan dalam senarai yang boleh kita sewa. Kita sudah bagi arahan supaya sewalah apa sahaja bot yang ada untuk membolehkan kita pindahkan mangsa banjir. Yang itu ada kekurangan sedikit daripada segi di peringkat pegawai yang mungkin bila kita tekan sikit banyak kali, kenapa tidak buat. Jadi, kadang-kadang jawapannya ialah jawapan biasa, takut Audit, takut SPRM, takut Ahli Parlimen yang garang-garang. Saya kata, *"Itu jangan takut, ingat nyawa manusia, uruskan, sewakan semua sekali bot-bot yang ada, saya akan bayar. Itu tidak ada masalah"*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, bangun.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sekejap. Sedikit sahaja. Sedikit sahaja.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Akan tetapi kalau niat buruk, semoga *Allah Taala*...

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam]: Niat, *Insyah-Allah* sentiasa baik. Tadi sebenarnya Yang Berhormat Menteri kata bukan SOP itu dijalankan dengan baik. Apa Yang Berhormat Menteri kata banjir diurus dengan baik. Itu yang saya pertikai, kerana memang ianya banjir yang luar biasa dan tidak dapat kita urus dengan baik kerana ianya di luar jangka. Akan tetapi sebenarnya, yang menarik perhatian saya ialah kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Ketereh dan yang dibuat oleh Yang Berhormat Lipis.

Oleh kerana kita nampak bahawa ada sedikit percanggahan. Nampak macam di Kelantan, tentera tidak boleh membantu, menunggu arahan. Akan tetapi di negeri lain nampak macam tentera terus boleh membantu. Ini yang ada sedikit kepelikan. Kenapa Kelantan diberikan layanan yang sedemikian rupa sehingga Yang Berhormat Ketereh yang *member* ketat dengan jeneral-jeneral pun tidak boleh dapat bantuan tentera? Akan tetapi yang Lipis tak kenal pun, boleh dapat bantuan.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Untuk membolehkan Yang Berhormat Seputeh ketawa, itu bolehlah terima ya. Akan tetapi saya hendak beritahu, semasa banjir dan bila kita melantik jawatankuasa menguruskan banjir di Kelantan, hampir semua aset udara kita berada di Kota Bharu. APM tiga buah, polis tiga buah, yang kita tahu ada kemalangan berlaku di pihak polis dan tentera berbuah-buah kerana tentera tidak membenarkan saya memaklumkan jumlahnya di sini. Tentera, hampir semua sembilan puluh peratus daripada aset udara berada di Kota Bharu. Cuma satu berada di Kuantan dan satu lagi kita menunggu permintaan untuk negeri-negeri yang lain.

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Jadi, apa pun kita lihat bahawa hampir semua aset kita kerahkan pergi ke Kelantan. Cuma masa banjir ini, kebanyakan orang pergerakannya agak terhad ya. Kalau Yang Berhormat kata Menteri semua bercuti, sebenarnya Menteri pun tidak tahu apakah banjir itu akan berlaku. Dengan itu kita tentukan cutinya. Akan tetapi saya hendak beritahu, kebanyakan Menteri memberi kuasa kepada saya untuk menguruskan kementerian masing-masing. Dengan menggunakan kedudukan tersebut, saya telah uruskan banjir dengan baik. Beri saya beritahu bahawa walaupun ada kekurangan tetapi perpindahannya dapat dijalankan dengan baik. Yang saya hendak beritahu sekarang ini ialah kepada umum bahawa kalau kita hendak pastikan supaya banjir ini kurang berlaku kemalangan jiwa dan sebagainya, kita kena ikut cara yang dibuat oleh negara maju iaitu rakyat mesti berpindah sebelum banjir.

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Kalau tidak, kita lihat macam di Jepun. Bila banjir berlaku kita tidak nampak bot. Akan tetapi di Malaysia, bila banjir berlaku, bot penuh, termasuk pelbagai bot yang berada di sana.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Cuma bot ini tak pergi Seremban, bot ini berada di Kelantan. Jadi, untuk membolehkan mangsa banjir diuruskan dengan baik, mereka dipindah sebelum banjir dan selepas itu kita uruskan mereka di tempat perpindahan. Tugas saya yang besar ialah memastikan supaya mereka dipindahkan dan selepas itu, selepas mereka berada di tempat perpindahan, diuruskan dan selepas itu, mereka balik dan kita lihat pasca banjir.

Saya hendak beritahu pada Yang Berhormat Shah Alam, bahawa kita urus dengan baik Yang Berhormat. Walaupun ada kekurangan. Kekurangan ini Yang Berhormat sendiri mungkin-kebanyakan daripada Yang Berhormat pembangkang hadir selepas banjirlah atau banjir sudah dekat-dekat peringkat terakhir. Jadi, Yang Berhormat tak nampak di peringkat awal. Saya tahulah Yang Berhormat ambil gambar.

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat pembangkang ramai dekat Kelantan, Yang Berhormat Menteri. Lalu ramai sudah dekat *site*. *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Ramai, kebanyakannya muncul pada hari keempat atau kelima.

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam]: Siap jadi mangsa banjir lagi, ramai. *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Ya, saya tahu. Yang Berhormat yang jadi mangsa banjir, yang saya tahu, saya berjumpa semua bilik gerakan. Yang Berhormat di Kelantan ini, saya sebenarnya saya pergi ke sana dan menunggu banjir datang. Banjir datang dan saya tahu. Apabila saya pergi Gua Musang, hari pertama saya duduk, hari kedua saya duduk Gua Musang tidak ada orang. Hari yang ketiga, ramai wakil rakyat pembangkang termasuk dari Ahli Parlimen yang hadir.

■1600

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam]: Gua Musang MP Barisan Nasional Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang Berhormat Shah Alam, jangan berleter. Minta kebenaran ya.

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Ketawa]* Hendak membetulkan fakta. Yang Berhormat Gua Musang Ahli Parlimen Barisan Nasional, bukan pembangkang. Atau dianggap sebagai pembangkang? *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Ya. Gua Musang, kenapa Gua Musang? Cuma saya hendak sebut saya duduk di hotel Gua Musang. Hotel gua ya. Saya duduk di situ sudah tiga hari. Saya cuma tidak nampak orang.

Seorang Ahli: Soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minta sabar ya.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Cuma hari yang keempat dan kelima itu barulah ramai Yang Berhormat Pembangkang hadir. *Alright, no problem.* Yang Berhormat hadir sebelum dan waktu banjir. Saya hendak ucapkan terima kasih. Yang Berhormat ini rahmat Allah SWT kepada kita tengok banjir. Janganlah *complain* sampai ke tahap yang boleh merugikan pahala seperti Yang Berhormat Bachok sebutkan tadi, ya. Ini kehebatan seorang pemimpin ialah bila Allah SWT uji dengan masalah, kita hadapi masalah. Bukan wujudkan masalah ataupun menumpang menambahkan masalah. Yang Berhormat, ini Allah SWT beri. Itu sebab bila saya hadapi banjir, saya gembira tetapi kita jangan nafi kata Menteri sana cuti. Kalau Menteri cutikah atau tidak, benda yang sama akan berlaku, tidak ada masalah. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Seremban bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Itu ialah Yang Berhormat Shah Alam, SOP *alright*. Banjir diuruskan dengan baik Yang Berhormat. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa kita nampak Kelantan, kita lupa bahawa banjir luar biasa berlaku di Terengganu dan banjir yang luar biasa berlaku di Pahang. Banjir yang luar biasa berlaku di Perak. Padahal tahun 2013, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jawatankuasa Banjir terpaksa campur tangan untuk Kuantan, Temerloh, Kemaman, dan Dungun. Tahun 2014 tidak perlu sebab mereka ikut SOP dengan baik dan laksanakan dengan baik. Saya akan beritahu kenapa. Kemudian, di Kelantan, ini kali pertama mereka menghadapi banjir yang begitu besar yang pertama pada tahun 1927, yang kedua pada tahun 1967, dan yang ketiga ialah pada tahun 2014 sehingga tahun 2015.

Yang Berhormat, sudah pasti termasuk pembangkang kalau saya tanya, kalau betul Yang Berhormat berminat, saya hendak tanya, berapakah kawasan yang masih belum kita sampai dengan kereta. Sudah pasti yang tidak dapat jawab tetapi kami boleh jawab sebab kami uruskan banjir dengan baik. Ada beberapa tempat di Kelantan yang tidak boleh sampai dengan kereta sampai saat ini. Saya baru dapat SMS tadi dia kata tidak boleh sampai dengan

kenderaan. Jadi, Yang Berhormat Seremban oleh kerana tidak ada banjir, tidak payah tanya soalanlah ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Duduklah.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Eh! Yang Berhormat suruh saya duduk?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yalah, *you* beri saya *floor*, *you* duduklah Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Saya boleh buat keputusan saya kata Yang Berhormat, saya tidak benar, Yang Berhormat kena duduk.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tadi sudah beri, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya. Teruskan.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Minta tolong dan minta kebenaran.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Minta Speaker kebenaran bukan...

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Eh, tidak boleh minta Speaker, saya tidak benarkan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Speaker sudah benarkan.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Minta pada sayalah.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Duduklah. Duduk sekejap. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Arau, saya hendak tanya apakah alasan sebenarnya kerajaan tidak mengumumkan darurat semasa banjir yang teruk berlaku?

Beberapa Ahli: Sudah jawab. [*Dewan riuh*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Berapa kali hendak jawablah ini, ya Allah..

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Alasan sebenarnya... Tunggu dahulu Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Banyak kali tanya soalan yang sama. Masa banjir Yang Berhormat pergi mana? [*Dewan riuh*]

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Sewaktu orang jawab, Seremban tak ada. Alamak.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Masa banjir Yang Berhormat pergi mana?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Buang masa, buang masa.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Nanti, nanti. Belum, belum. Saya belum selesai. [*Dewan riuh*]

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tak payah jawab.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: ...Kerajaan cakap sebab tak boleh *claim* insurans. Darurat diumumkan, tak boleh *claim* insurans. Akan tetapi baru-baru ini Yang Berhormat Pekan dalam Dewan yang mulia ini menjawab bukan kerana insurans. Beliau mengatakan bahawa darurat tidak diumumkan kerana beli kerajaan negeri. Jadi mana satu alasan sebenarnya? Mengapa darurat tidak diumumkan sehingga tentera tak boleh dikerah? Ini bukan *complain*

daripada kita, daripada Yang Berhormat Ketereh sendiri. Daripada Ahli Parlimen UMNO sendiri yang kata tentera tak boleh dikerah.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Apa sumbangan DAP?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Kita sampai hari ini, rakyat tidak faham mengapa banjir paling teruk berlaku di Kelantan, di Kuala Krai, di Gua Musang, darurat tidak diumumkan di kawasan-kawasan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Dua versi berlainan. Bulan 12 dan bulan tiga, dua versi berlainan. Mana satu betul? Yang Berhormat Arau tolong jawab.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Saya akan jawab hari ini betul. Keduanya, Yang Berhormat Ketereh tadi menyebut tentang kekurangan aset dan sebagainya. Kita terima hakikat benda itu memang berlaku Yang Berhormat. Akan tetapi saya hendak beritahu ada satu daerah yang saya tidak mahu sebut nama, nanti Yang Berhormat nanti kalau kita sebut sesuatu nama baik sesuatu tempat sudah pasti kita akan melihat kekurangan. Akan tetapi saya hendak beritahu bahawa Pegawai Daerah ini serta merta mengadakan mesyuarat dan dia terus menambahkan aset. Di antara asetnya ialah 18 buah bot. Bot ini ialah bot *fiber glass*. Bot yang kecil itu yang harganya lebih kurang RM1,800 dan enjinnya lebih kurang saya ingat RM6,000 atau RM5,000. Ini botnya. Bot yang dalam RM7,000 ke RM8,000. Ahli Parlimen beri.

Kemudian, kerajaan negeri beri lapan buah bot. Kemudian, tambahan dari MKN beberapa buah dan semua ini telah disimpan di Pejabat Daerah dan bila banjir berlaku semuanya telah diedarkan kepada JKK untuk menggunakannya. Dalam masa yang sama, semua sekali makanan yang telah diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, negeri dan juga *federal* telah dihantar kepada semua sekali pusat-pusat pemindahan. Bila berlaku banjir, mereka hanya menunggu banjir dan bila orang datang, ia telah diuruskan dengan baik. Mereka menjangkakan 40,000 orang akan berpindah tetapi yang berpindah cuma 30,000 orang dan dengan itu mereka boleh hadapi dengan baik. Ini saya maksudkan bahawa...

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Boleh Yang Berhormat Gerik mencelah?

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: ...SOP yang sama, jawatankuasa Banjir yang sama tetapi ia mesti diuruskan dengan baik dan mesti dilihat peraturan-peraturan SOP yang telah ditetapkan. Yang Berhormat, pertambahan aset dan sebagainya, kita bukan – saya tidak boleh pergi, “*Kamu hendak atau tidak bot? Ada berapa biji?*” Ia mesti berdasarkan kepada permohonan.

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Ya.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Kita lihat wakil-wakil rakyat Barisan Nasional ini banyak memberi bot kepada Pejabat-pejabat Daerah. Saya fikir tidak ada masalah bagi kawasan pembangkang pun, pembangkang boleh buat demikian. Mohonlah. Sekarang ini musim panas, buatlah persediaan. Bukan sahaja – sekarang ini kita ada buat untuk musim panas dan kita juga akan buat mesyuarat untuk musim tengkujuh. Akan tetapi sekarang barisan hadapan, Pejabat Daerah, dan negeri kena buat mesyuarat dan persediaan dan beritahu kekurangan. Kekurangan

ini kena beritahu. Kalau tidak beritahu, kita tidak tahu. '*Rasa nubari asmaramah*', kita hendaklah diceritakan. Kalau tidak, kita tidak tahu.

Macam kelmarin, bila Menteri Kewangan ada di sini tanyalah soalan tentang 1MDB dan juga GST tetapi saya tengok semua membisu. Semua membisu seribu bahasa. Macam mengiyakan. Saya hendak kembali, saya sendiri berpeluh di belakang sebab kalau dengan Timbalan Menteri dan sebagainya, semua bangun beramai-ramai bercakap berdegar-degar. Kelmarin bila Menteri Kewangan datang, tidak tanya. Tanyalah sepuas hatimu tetapi tidak ada. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara datang...

Tuan Khalid Bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia duduk secara mengejutlah.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Dia tidak pandang, cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Menteri kena jawab. Sekarang saya...

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Arau.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Jawablah!

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Bagus.

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Arau, beri Yang Berhormat Gerik.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang Berhormat Pokok Sena mahu tanya juga?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik sudah lama bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Akan tetapi saya tahu dia ini cerdik, dia mesti kenakan orang.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: [Ketawa]

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Boleh, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Gerik dahulu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia beri saya.

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah. Speaker nampak Yang Berhormat Gerik dahulu.

Dato' Hasbullah Bin Osman [Gerik]: Yang Berhormat Gerik hendak bertanya, kita menghadapi air bah yang paling dahsyat tahun 2014. Berapa orang yang sudah meninggal dunia akibat daripada bah? Berapa orang mati kelaparan akibat bah? Akan tetapi kalau kita tengok di dunia luar Jepun atau India, sekali banjir orang akan mati beratus-ratus dan beribu-ribu orang. Ini menggambarkan pengurusan yang dibuat oleh kerajaan cukup baik tetapi pihak pembangkang sentiasa mencari kesalahan. Cuma kita bercakap supaya pengurusan itu lebih baik lagi. Akan tetapi saya percaya dunia luar kagum dengan pengurusan yang dibuat oleh kerajaan. Walaupun Menteri atau Parlimen bercuti, tetapi kita urus dengan baik termasuk banjir di Gerik. Terima kasih. Minta pandangan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Ya. Jangan perkenakan saya, ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sebelum saya tanya berkaitan banjir ini, saya hendak komen sedikit Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata kenapa bila Menteri Kewangan datang sini tidak ada siapa tanya. Kita tanya tetapi Speaker yang tidak beri. Speaker kena serah kepada – sebab sedang dalam audit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan cakap macam itu Yang Berhormat. Yang Berhormat GST tidak gangguan pun, tidak halangan pun.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa dia? GST kita tanya. 1MDB kita tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ramai juga yang tanya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: GST saya tanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ramai tanya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi semua pakat hendak mengelak. Menteri angkat peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu tidak salah. GST tidak ada halangan pun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi sekarang ini...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Apa kaitannya ini?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Flip flop* soal 1MDB ini. Polis hendak kerjasama dengan SPRM pula. Hari itu polis kata dia hendak siasat sendiri. Hari ini dia hendak siasat dengan SPRM pula. Baik, okey.

■1610

Kita nak minta penjelasan berkaitan dengan banjir.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Tajuk mana ini? Tuan Yang di-Pertua, ini keluar tajuk dah ini. Ini banjir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini banjirlah ini, masuk banjirlah ini. Yang Berhormat Menteri keluar tajuk, jadi kita pun ikut tajuk dialah.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Dia tegur sikit bagi sikit pandangan sikit, yang kita asyik 'melalok-lalok' soal GST ini, banjir GST kah, banjir apa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidaklah, kita tak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena...

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Oleh sebab Yang Berhormat Menteri tukarkan ke banjir 1MDB.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri tidak ada semalam, Yang Berhormat Menteri dia tidak ada semalam, dia tidak dengar.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Batu pun diamlah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri ini pun kadang-kadang dia 'gelong' orang. *[Ketawa]*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Kita ada, *hang* berdosa!

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, baik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dosa, pahala bukan Menteri yang tahulah, minta tolonglah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Isu banjir, saya hendak minta supaya kerajaan dalam menyediakan SOP ini mestilah lebih terbuka supaya pegawai-pegawai itu tidak terlalu terikat dengan SOP. Kalau contoh, saya pergi di kawasan Tumpat masa banjir di satu sekolah menengah. Jadi ADUN di situ mengadu kata kami semua belanja duit sendiri, bukan daripada agensi. Oleh sebab kata, sekolah itu tidak digazetkan tempat penempatan. Kemudian dia hanya peruntukkan, hanya untuk berapa ratus orang, lima ratus orang sahaja. Manakala yang lain semua ADUN di situ dengan jawatankuasa kampung di situ kena cari peruntukan sendiri.

Jadi bila tidak gazet, oh, tak boleh dijadikan tempat pusat penempatan sedangkan banjir ini banjir luar biasa. Oleh sebab itu mesti terbuka supaya pegawai itu sendiri tidak terikat dengan SOP kalau berlaku keadaan yang luar biasa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya jawab ya. Yang Berhormat, sebelum saya lupa, saya hendak beritahu Yang Berhormat, kuasa DO itu dibagi luar biasa termasuk kawasan yang tak diwartakan sebagai kawasan banjir, dia boleh isytihar kawasan ini adalah pusat perpindahan. Bukan itu sahaja Yang Berhormat, DO boleh isytiharkan bahawa perkampungan Orang Asli di Hembus di Maran, dia tidak berpindah. Akan tetapi dia dikelilingi oleh air dan dia menjadi sebuah pulau dan mereka duduk di sana dan diisytiharkan kawasan dia kawasan perpindahan.

Yang Berhormat, kuasa diberi tidak terbatas. Terpulang kepada pengurusan daerah untuk tentukan di mana sahaja mereka berpindah dan saya hadir Yang Berhormat di semua pusat perpindahan dan mereka beritahu bahawa tempat ini tidak diwartakan. Saya kata, duduk di sini dan kita hantar makanan. Tidak ada, dan bila orang telefon saya, saya beritahu bahawa serta-merta bagi makanan tanpa had. Sesetengah orang kata, dia bagi, dia kata tengah asyik catu makanan itu, saya tengok dia akan tanya ada berapa keluarga.

Saya kata, jangan tanya keluarga. Kita anggaplah bahawa mereka yang hadir ini kita bagi layanan Diraja sebab mereka dalam kesusahan mari di sini, tiba-tiba tengok muka kamu. Saya marah, saya bagi bisik kepada DO, mana-mana sukarelawan yang didapati mukanya masam luar biasa, saya kata keluarkan. Kadang-kadang mereka ini sukarela tetapi cakupnya

agak kasar. Saya tidak pasti parti apa tidak kisah sangat, tetapi muka garang sungguh. Jadi saya kata, keluarkan dia. Bila keluarkan dia, dia tanya, arahan siapa keluarkan dia? DO pun takut, DO kata arahan Yang Berhormat Menteri. Selepas itu dia tanya, kenapa Menteri arahkan keluarkan saya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri pun garang.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya kata, muka kamu masam. Macam Yang Berhormat Pokok Sena tidak lah masam, tetapi Yang Berhormat Pokok Sena ini ialah seorang yang cerdik, pandai pusing ya. Okey. *[Ketawa]* Mari tajuk, saya hendak kena jawab Yang Berhormat Tumpat. Saya akan siasat, kalau sekiranya Yang Berhormat menyebut..

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bahawa tentera..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Tadi darurat belum jawab lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentarlah Yang Berhormat .

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Alasan darurat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tadi Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada lapan orang bangun tanya soalan. Dia tengah jawab satu-satu itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, saya ada jawapan dia. Saya kena jawab tentang ini, saya bagi puas hati. Yang Berhormat Ketereh, kalau sekiranya terdapat seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kita akan siasat dan tidak boleh berlaku keadaan biasa. Ini tentera, polis semua kita sudah beritahu, ini ialah luar biasa. Jadi bila luar biasa, maka tidak boleh keadaan biasa. Kalau keadaan biasa memanglah kena dapat arahan dan sebagainya.

Akan tetapi bila keadaan luar biasa, kita lihat yang memberi arahan di Kota Bharu itu di Lapangan Terbang Kota Bharu itu kadang-kadang sarjan sahaja yang hantar barang makanan ke tempat-tempat tertentu. Jadi, ini adalah keadaan luar biasa. Memang kita tidak menjangkakan benda ini boleh berlaku. Malah bila saya pergi duduk di Kelantan 44 hari, 44 malam..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Che Puteh, bagilah saya jawab dulu. *Thank you. Thank you ya, very kind.* Saya akan bagi apa yang kamu kehendaki selepas ini ya. *[Ketawa]* Okey, saya akan siasat apa Yang Berhormat Ketereh telah sebutkan tetapi sepatutnya tidak berlaku.

Saya sudah bagi tahu kepada semua pihak permudahkan. Pastikan mangsa banjir bagi layanan Diraja. Ini saya tulis, jadi tuan-tuan, kalau semua Yang Berhormat pergi tengok di semua buku lawatan banjir, tengok tandatangan saya, *"Beri layanan Diraja kepada mangsa banjir"*. Walaupun mereka berada di bukit-bukit sana, pastikan makanan sampai. Bila saya pakai sampan tetapi sempat, dia orang kata tidak boleh pergi, air laju. Saya kata ini ujian kepada saya. Bila

saya hendak tengok air laju dengan 40 kuasa kuda. Dengan menggunakan 40 kuasa kuda, saya melintasi Sungai Pahang, *everything alright*. Sungai Kelantan 40 kuasa kuda, juga *alright*.

Di Sabah, Membakut di kawasan, maaf di Sarawak tempat yang *[Disampuk]* ya, buaya banyak juga kita lalui dengan 40 kuasa kuda. Kita tidak langgar buaya dan buaya pun tidak ganggu kita. Saya ingat semua *alright*. Akan tetapi saya bagi tahu bahawa pada tentera dan polis, ini ialah ujian kepada latihan yang kita telah buat selama ini. Kalau kita hendak pergi latihan sekarang, mungkin banjir tidak ada air selaju itu lagi. Jadi, Yang Berhormat yang telah hadir banjir itu, maklumkan kepada saya kekurangan di sini sebab SOP semua *alright*. Kekurangan dekat mana itu, kita akan tambah baik.

Akan tetapi pengalaman Yang Berhormat semasa banjir, saya kalau saya sempat, saya hendak sebut satu per satu sebab saya jumpa semua Yang Berhormat. Cuma yang kawan-kawan daripada pembangkang mungkin tidak berselisih, kita jumpa dua, tiga orang sahaja, tidak banyak. Akan tetapi puak-puak ini ramai. Ramai yang saya jumpa. Keduanya saya tahu Yang Berhormat daripada pembangkang tidak boleh masuk ke tempat itu sebab kekurangan bot dan sebagainya. Akan tetapi kalau Yang Berhormat jumpa saya, saya akan bagi kemudahan serta-merta. Contohnya Yang Berhormat daripada Guchil, PKR. Dia ialah mangsa banjir di Kuala Krai.

Saya tanya apa lagi yang dia hendak untuk saya uruskan supaya ia jadi banjir. Dia kata, boleh tidak kita hantar makanan kepada kawasan Guchil itu pada esok hari? Tidak, saya kata saya hendak sekarang. Malam itu kita hantar. Di Guchil 4 itu ialah sesuatu yang cukup istimewa kerana orang berpindah di masjid, orang Melayu berpindah di masjid, orang Cina berpindah di masjid. Itu perpaduan yang cukup luar biasa berlaku. Apakah untuk membolehkan kita semua bersatu-padu, kita perlukan banjir di seluruh negara? Akan tetapi di Guchil 4, orang Melayu dengan orang Cina berpindah di masjid, semua okey, *alright*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian kepada Yang Berhormat Tumpat. Berhubung dengan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagaimana tentang kehadiran tentera, Yang Berhormat termasuklah bagaimana kita hendak pastikan supaya tentera polis hadir ramai di Kelantan, kita isytihar ke tidak isytihar darurat, kita telah kerahkan semua tentera dan polis pergi sana. *Kitchen* tentera pergi ke sana. *Kitchen molar*, boleh kata di Kemaman itu, boleh kata sebahagian besar *kitchen* kita berada di sana. Di tiap-tiap tempat yang ada masalah, *kitchen* kita masuk. di Tanah Merah, *kitchen* tentera masuk, 6,000 orang di sana di satu sekolah. Sekolah ini saya lupa sikit. Akan tetapi saya tahu tempat-tempat itu. Kebanyakan yang kita hadapi masalah, kita hantar dapur tentera masuk.

Jadi Yang Berhormat, saya kata baik ini sebab saya pergi semua tempat dan Yang Berhormat mungkin cuma berada di tempat itu, Yang Berhormat melihat masalah di situ, Yang Berhormat menganggap ini masalah seluruh Malaysia. Tidak, Perak diurus dengan baik. Di

Pahang, macam-macam kerosakan berlaku dan Yang Berhormat, semua panik menghadapi keadaan ini kerana air naik yang paling tinggi sekali ialah di Kuala Tahan, 50 kaki air naik. Bukan sembarangan dan air laju umpama kita baling batu, laju. Akan tetapi, akhirnya kita hadapi dengan baik. Kita hadapi dengan baik, saya hadapinya dengan baik di Terengganu. Akan tetapi di Kelantan ini keadaan berlaku tergesa-gesa dan jentera hadapan kita menghadapi masalah, demikian juga di peringkat negeri. Akhirnya, kita tubuh jentera bersama.

Kalau kita hendak kata cuti, banyak juga pegawai-pegawai kerajaan cuti. Banyak juga pegawai daerah bercuti. Bila kita tanya, kenapa dia bercuti? Dia kata, dia tidak tahu banjir hendak mari hari itu. Sesetengahnya berada di Makkah. Yang Berhormat Menteri Perdagangan berada di Makkah. Saya telefon dia, jadi dia pendekkan umrah dan balik pada esok harinya. Jadi bila banjir berlaku, semua orang balik. Perdana Menteri pun bergegas balik. Timbalan Perdana Menteri balik, semua orang balik. Akan tetapi apa masalah bila mereka bercuti, apa masalah? Cuba beritahu apa masalah? Saya gembira duduk di sini untuk menguruskannya dengan baik. Saya tidak ada masalah, malah saya kata sesetengah daripada mereka, teruskan apa yang harus diuruskan. Biar saya uruskan dengan baik.

■1620

Sebab kadang-kadang bila pembesar-pembesar turun, saya terpaksa ambil aset untuk sambut mereka. Terpaksa gunakan dua, tiga buah bot padahal bot ini diperlukan untuk menghantar makanan dan sebagainya. Jadi, walaupun negara dikatakan macam-macam pada masa tersebut tetapi kita kena ingat bahawa ini keadaan yang luar biasa ini berlaku di Kelantan. Di Terengganu, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak semuanya diuruskan dengan baik dan keadaan di Kelantan, bahasa yang sesuai digunakan ialah kita tiba-tiba terkapar-kapar, ini bahasa utara. Bahasa Kelantan, terkejut. Bahasa lain, tak sangka. Ha, lebih kurang macam itu. Jadi, berlaku dengan tiba-tiba.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bahasa...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Lipis, saya setuju. Yang Berhormat Lipis, terima kasih dan saya hadir di Lipis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekejap lagi Yang Berhormat Seputeh, saya bagi, kejam sahaja. Kemudian Jerantut, walaupun mengambil masa dua hari, akhirnya kita dapat pindahkan pelancong-pelancong asing dan pelancong asing cukup gembira. Sesetengahnya jumpa saya, dia ucap terima kasih. Dia kata kalau tak ada banjir, tak ada *chance* naik helikopter. Jadi, pelancong asing ucap terima kasih kerana dia kata wakil rakyat *concern*, dengan izin kepada keselamatan dan juga kebajikan mereka malah tempat mereka duduk itu sampai sekarang tak boleh pakai kerana dilanda dengan banjir dengan hebat dan keprihatinan wakil rakyat, terima kasih banyak.

Saya ini tidak sempat lagi ucap terima kasih sebab saya akan buat majlis “*Hero tidak berdendang*” iaitu di mana wakil-wakil rakyat, pemandu-pemandu, ketua kampung, tok empat, tok penghulu yang namanya tidak disebut selepas banjir ini, mereka sebenarnya hero bagi saya termasuk polis, tentera yang askar-askar biasa, *boatman* ini. Mereka tak dapat menyampaikan apa yang mereka telah lalui. Kita hendak buat majlis untuk ucap terima kasih, bersyukur kerana Allah telah memberi mereka kekuatan untuk menyelamatkan kawan-kawan.

Yang Berhormat Pokok Sena menyebutkan bahawa peruntukan tidak turun. Peruntukan apa yang tidak turun Yang Berhormat Pokok Sena? Peruntukan turun ya. Kemudian Yang Berhormat Kuala Kangsar menyebutkan bahawa inilah masa yang terbaik untuk kita mengumpul maklumat berhubung dengan rakyat kita. Semua kawan-kawan ucap terima kasih. Sekali lagi saya sebut bahawa orang yang menyebut tentang banjir ini, mereka yang mengalami, menghadapi banjir tetapi saya hendak bagi tahu Yang Berhormat, Yang Berhormat melihat suasana itu di tempat Yang Berhormat tetapi apabila saya melihat daripada jauh, saya bersyukur semuanya dapat diuruskan dengan baik.

Yang Berhormat, sekarang ini kalau mengikut angka – saya bagi angka lebih kurang Yang Berhormat ya. Kematian yang berlaku ialah 25 kes. Di masa banjir tetapi pelbagai kematian. Kemudian mangsa yang berpindah ialah 541000. Kemudian mangsa yang tidak berpindah lebih kurang 200000 orang. Jadi kalau mengikut angka sebenar, kita sudah menjangkau 700000 lebih. Ini ialah sesuatu yang luar biasa, yang saya rasa Yang Berhormat semua, saya menyeru pembangkang, Barisan Nasional mengucapkan syukur kerana semuanya telah berlalu dengan selamat. Saya percaya pembangkang telah mengucapkan terima kasih di mana pasca banjir sekarang ini, sebahagian besar daripada peruntukan negara dibelanjakan untuk negeri Kelantan. Ya, Cik Puteh la, Cik Puteh sebab dia bangun dari tadi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri kata arahnya ialah layanan diraja diberi kepada mangsa banjir tetapi saya tahu sekarang ramai mangsa banjir masih duduk dalam khemah yang kami beri itu.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hah itulah, adakah itu layanan diraja kepada mereka. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri kata tadi banjir yang berlaku di Kelantan adalah keadaan yang luar biasa. Macam mana dengan sekiranya satu banjir yang luar biasa berlaku di negeri Perlis. Apakah *evaluation* dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara? Macam mana kalau satu lagi banjir berlaku di mungkin tempat lain, macam manakah kerajaan menambahbaikkan penyelamatan kepada mangsa banjir sekiranya berlaku.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, untuk banjir ya. Saya nak beritahu kepada Yang Berhormat, ini adalah arahan kita kepada semua pejabat daerah dan saya hendak bagi tahu saya sendiri sebagai Menteri Besar, saya menghadapi empat banjir besar dan saya juga hendak bagi tahu bahawa Yang Berhormat, saya tidak sempat menyebut ini. Sesetengah tempat, mangsa banjir itu minta kepada saya, “*Datuk, boleh tak tangguhkan tiga hari lagi*” Saya kata

kenapa tiga hari lagi? Kamu kena balik, banjir sudah habis. Dia kata, di sini menu makanan sampai sepuluh jenis sekali makan. Sebagai contoh, macam dalam kes Perlis, mangsa banjir minta kalau boleh duduk sekejap dua tiga hari lagi menunjukkan bahawa layanan diraja, manis muka, kadang-kadang mungkin kekurangan daripada segi makan, itu menyebabkan mereka seronok. Keduanya, makan berlebihan dan layanan pun bagus, mereka seronok. Ini menunjukkan bahawa kita telah bagi layanan diraja kepada mangsa banjir. Jadi sekarang ini saya nak pergi kepada tajuk yang berikut, Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit sahaja, Menteri. Menteri, Kuala Krai minta sikit.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Arau minta sedikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sebab masa saya sudah habis, saya tinggal lagi 25 minit.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Sikit, sikit. Satu perkara sahaja.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak apa, Yang Berhormat Kuala Krai walaupun tidak hadir semasa banjir

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Hadir, hadir.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Tetapi dimaafkan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Hadir, hadir. Banjir ini bukan satu hari Yang Berhormat Menteri Sebelum Yang Berhormat Menteri datang pun, sudah ada banjir, selepas Yang Berhormat Menteri datang pun banjir masih ada. Jadi...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Semalam, dua malam pun tidak ada.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Apa benda di Makkah? Saya bukan Menteri boleh balik satu hari notis, kita ikut rombongan. *Private jet* pun belum siap masa itu. *[Dewan riuh]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengemukakan pandangan ataupun cadangan supaya kerajaan mengambil tindakan segera untuk memulihkan pengangkutan kereta api dari Gua Musang ataupun dari Dabong ke Tumpat dan dari Gemas ke Gua Musang. Ini saya rasa amat perlu untuk pengangkutan dalaman kawasan tersebut kerana ini merupakan salah satu yang utama.

Keduanya, diminta bantuan kerajaan supaya bas-bas disediakan di kawasan pedalaman kerana orang ramai kereta rosak, wang banyak habis, minyak tidak ada. Jadi kalau ada bas-bas yang disediakan, kalau boleh percuma tapi kalau dikenakan tambang minimum dari Dabong ke beberapa buah kawasan sekelilingnya, saya rasa itu amat membantu mangsa banjir pada hari ini, ini rayuan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Arau, sambung.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Yang Berhormat, saya setuju Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini saya dah tutup ini, sekejap saya hendak baca ini Yang Berhormat Seremban. Saya baca ini, sekejap ya. Saya setuju bahawa jalan kereta api itu hendaklah diperbaiki dengan serta-merta. Yang Berhormat dari Langkawi selaku Pengerusi Kereta api Tanah Melayu sedang mendengarnya dan saya minta supaya dilihat perkara ini dengan cepat. Sebab apa memang masa banjir, inilah kawasan *favorite* saya sebab senang lalu, di kawasan kereta api yang tenggelam sebanyak 10 kaki itu bot kita senang lalu, tak payah ada pokok-pokok sebab dia laluan kereta api.

Yang Berhormat, saya juga ucap takziah kepada Yang Berhormat atas musibah Yang Berhormat hadapi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat tengok suara ini suara yang merendah macam ini. Beginilah cara Ahli Parlimen kita berbahas, jangan garang-garang, bahas cara elok-elok Yang Berhormat ya.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja masa Yang Berhormat Seremban. Banjir ekstrem ini berlaku Yang Berhormat, ini untuk tujuan rekod ya bahawa hujan di Kelantan ini lebih kurang 3,000 mililiter setahun tetapi dalam masa 10, hari hujan turun sebanyak 944 mililiter iaitu 30%. Maka dengan itu kawasan tanah tadahan yang merupakan *buffer zone* telah tepu menyebabkan air yang turun dari Gunung Gagau turun dengan lajunya berjumpa dengan air banjir di bawah, di Gua Musang menyebabkan banjir besar berlaku. Ini semua berlaku disebabkan antaranya termasuklah penerokaan, pembalakan hutan sama ada secara terancang ataupun tidak terancang di antaranya yang menyebabkan air laju. Ketiganya disebabkan air pasang. Masa itu air pasang besar berlaku dan yang berikutnya ialah sebab topografi yang rendah.

Kerajaan tidak mengisytiharkan darurat seperti yang telah saya sebutkan bahawa walaupun kerajaan tidak mengisytiharkan darurat tetapi semua jentera yang kalau kita isytiharkan darurat pun akan dikerah benda yang sama. Malah walaupun tidak ada darurat, apa yang kita telah kerahkan luar biasa. Sebab apa, kalau darurat ini sering kali hanya melibatkan agensi kerajaan tetapi apabila kita tidak isytiharkan darurat, semua NGO luar biasa. Saya tidak pernah tengok NGO yang begini banyak dalam hidup saya dengan pelbagai kenderaan hadir di Kelantan. Luar biasa. Malah *traffic jam* telah berlaku dengan luar biasa di Kuala Krai dan Gua Musang. Pasca banjir di mana orang datang hantar bantuan bertalu-talu sehingga mangsa banjir berkata, '*Boleh tak tolong hantar tempat lain sama?*' Ini menunjukkan bahawa begitu prihatin orang kepada banjir. Kerajaan walaupun tidak mengisytiharkan darurat tetapi usaha-usaha yang dibuat lebih daripada darurat.

Kemudian selain daripada SOP banjir, kita juga telah mengeluarkan SOP yang lain Yang Berhormat termasuklah bencana industri, kebakaran hutan. Kalau sekiranya berlaku bencana

petroleum, gas petrokimia. Makna kata, Majlis Keselamatan Negara telah membuat persediaan yang rapi berhubung apa sahaja bentuk bencana yang akan kita hadapi.

■1630

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan mesyuarat**]*

Kemudian berhubung dengan pembentukan Agensi Pengurusan Bencana Negara atau rang undang-undang atau Akta Pengurusan Bencana Negara. Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan mesyuarat dan mengarahkan supaya kita melihat kemungkinan kepada penubuhan satu agensi yang khusus yang bertanggungjawab untuk menguruskan bencana dan saya sendiri diminta oleh Yang Amat Berhormat untuk melihat penubuhan unit di *Philippines* dan juga Indonesia. Kerajaan juga akan mengkaji kemungkinan penggubalan Akta Pengurangan Risiko dan Pengurusan Bencana Negara.

Kerugian, seperti yang saya telah sebutkan tadi adalah sebanyak RM2.9 bilion dan kerajaan telah umumkan bantuan yang akan diagihkan kepada mangsa banjir. Pengagihan wang ihsan melibatkan mangsa yang berpindah ke pusat perpindahan dan juga mereka yang tidak berpindah. Bagi mereka yang berpindah, mereka mengambil maklumat dari JKM dan yang tidak berpindah diambil daripada JKK dengan pengesahan dari pejabat daerah.

Kemudian dalam masa yang sama Yang Berhormat, kita akan membuat latihan kepada semua agensi kerajaan dan juga rakyat setempat untuk membolehkan mereka untuk bersiap siaga kalau sekiranya berlaku bencana terutama banjir. Ini sebenarnya pada tahun lepas, kita tengah menjalankan kursus itu di beberapa tempat, tiba-tiba banjir melanda. Sekarang ini kita pastikan agensi kerajaan yang akan terlibat, termasuk NGO yang hadir di pelbagai tempat di seluruh negara, mereka yang sudi untuk mendaftar dengan MKN sebagai sukarelawan MKN untuk membantu mangsa-mangsa banjir. Jadi ini semua adalah di antara usaha-usaha pemudah cara.

Stok simpanan barangan untuk keperluan bencana, saya telah sebutkan tadi bahawa kita ada depot di peringkat negeri dan sekarang ini kita pastikan supaya depot di peringkat daerah itu dapat dipindahkan ke pusat-pusat perpindahan setelah kita mendapat maklumat daripada kaji cuaca berhubung dengan hujan lebat dan sebagainya. Yang Berhormat Menteri pagi tadi telah pun menjawab berhubung dengan *collapsible partition* dan juga *collapsible tent*.

Yang Berhormat, berhubung dengan unit pasca banjir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seremban sudah lama bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Seremban, ada pergi pasca banjir ya?

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Banjir sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat selepas Yang Berhormat Seremban pasal pasca banjir itu lima minit, selepas itu isu lain.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sudah habis. Isu lain, *confirm*.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini berkenaan dengan pasca banjir. Kerajaan telah mengumumkan bahawa RM800 juta telah diperuntukkan untuk membantu mangsa-mangsa banjir ini, tetapi jawapan yang saya terima daripada Yang Berhormat Arau sendiri hanya dinyatakan tiga program utama. Pertamanya ialah Program Pembinaan Rumah Semula diperuntukkan RM174 juta. Program kedua ialah Program Pembaikan Rumah Rosak di mana ada sebanyak 6,693 buah rumah yang layak dan siling untuk setiap rumah ialah RM10,000. Itu melibatkan kos dalam RM67 juta. Program ketiga ialah bayaran wang ihsan RM500 berjumlah RM97 juta kos keseluruhannya. Ketiga-tiga program hanya melibatkan dalam RM350 juta.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kita hendak tahu di mana bakinya RM450 juta itu dan peruntukan untuk tujuan apa? Sebab, itu tidak pernah ada apa-apa pengumuman. Telah diperuntukkan RM800 juta tetapi apa yang telah dinyatakan di sini, telah diumumkan itu tidak sampai RM400 juta, tidak sampai separuh. Jadi RM400 juta yang baki itu akan digunakan di tempat yang mana, apakah tujuannya, apakah program atau projek yang akan dilaksanakan? Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, dalam keadaan kita telah lantik SPRM, audit dan juga MKN untuk memantau bantuan banjir ini, Yang Berhormat jangan bimbanglah, takkan RM400 juta hendak hilang begitu, Yang Berhormat. Saya sebutkan tadi tentang projek-projek ekonomi untuk membantu mereka yang terlibat dengan perniagaan, RM100 juta kepada Amanah Ikhtiar dan – saya akan sebutkan angkanya sekejap lagi – yang diberi kepada Tekun Nasional, Yang Berhormat. Kita jangan lupa projek-projek infrastruktur dan sebagainya. Ini adalah semua perkara yang disebut dalam peruntukan awal yang akan disampaikan kepada mangsa banjir dan juga untuk memperbaiki infrastruktur yang terjejas kerana banjir.

Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Kuala Krai mencadangkan supaya kerajaan....

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Rantau Panjang pasal banjir.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Menumpukan kepada usaha-usaha mengganti, membina yang rosak.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ada kuasa untuk tidak membenarkan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kita minat supaya kalau boleh rumah kekal itu dibuat sampai bulan puasa ini boleh digunakan di mana kita tahu bahawa

sehingga 19 Mac 2015, sebanyak 2,185 permohonan telah pun diterima, kemudian 2,070 akan dibina di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak. Pecahannya adalah seperti berikut. Di Kelantan sebanyak 1,346 yang akan dibina oleh Kerajaan Persekutuan dan saya juga kena bagi pengiktirafan di mana 572 dibina oleh kerajaan negeri. Di Terengganu sebanyak tujuh buah akan bina oleh Kerajaan Persekutuan, 118 buah oleh Kerajaan Persekutuan di Pahang dan 26 buah di Perak.

Yang Berhormat juga sebutkan bahawa jumlah peruntukan yang kita telah bagi. Yang Berhormat, baki daripada apa yang telah diumumkan oleh kerajaan itu duitnya masih berada tetapi anggaran belanja RM350 juta dan yang berbaki ini masih berada dalam tabung. Jadi tidak akan digunakan selain daripada apa yang telah disebutkan tadi.

Rumah akan dibina oleh JKR, sementara pembaikan rumah akan dibina oleh Kementerian Luar Bandar. Kita juga hendak ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Kelantan kerana kesediaan menyerahkan tapak tanah seluas 70 ekar di Chenulang, Kuala Krai, antara tapak yang akan diluluskan untuk dijadikan tapak pembinaan. Bagi kawasan-kawasan lain, kita minta supaya kerajaan negeri mempercepatkan tanah. Kalau tanah cepat, kita boleh buat pembinaan dengan cepat dan kalau sekiranya Yang Berhormat hendak bagi sumbangan, Yang Berhormat berbisiklah dengan Kerajaan Negeri Kelantan supaya mempercepatkan tanah di tempat-tempat lain untuk membolehkan kita membina rumah. Sehingga 10 Mac seperti yang telah disebutkan tadi rumah-rumah untuk diperbaiki layak dan sekarang ini 1,819 dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Kemudian, cadangan Yang Berhormat Kubang Kerian juga yang membangkitkan mengenai jumlah rumah sementara yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan. Yang Berhormat, saya hendak maklumkan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri cukup prihatin tentang perkara ini dan telah mengarahkan mesyuarat diadakan serta-merta untuk melihat perkembangan kemajuan pasca banjir di Kelantan terutamanya. Jadi semua ini dapat diselesaikan nanti selepas Mesyuarat Pasca Banjir yang akan diadakan dengan secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, saya perhatikan Yang Berhormat Rantau Panjang tidak mencelah lagi. Sila Yang Berhormat Rantau Panjang. Satu soalan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya serah kepada Tuan Yang di-Pertua sebab Tuan Yang di-Pertua lah yang akan menentukan masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selepas itu beralih pada isu lain. Ada 31 isu ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, 31.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baru jawab dua ya. Faham-faham ya, Yang Berhormat.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya ingin menyentuh berkaitan dengan isu banjir ini iaitu keperluan di hospital.

Dalam kita tengok daripada apa yang berlaku sebelum ini, kekurangan persiapan di hospital amat ketara terutama di daerah yang terlibat dengan banjir, terutama keperluan generator, minyak, petrol dan diesel yang diperlukan. Begitu juga untuk Jabatan Bomba. Termasuk juga di Balai Bomba sendiri tiada generator untuk elektrik. Apabila saya sendiri berhadapan dengan isu ini ketika itu terputus semua hubungan, tidak ada elektrik di balai bomba, di bilik gerakan tidak ada, dan alat untuk perhubungan hanya ada satu. Jadi perlu kepada alat untuk radio amatur, *repeater* perlu ada di setiap daerah yang berisiko tinggi.

■1640

Saya mengharapkan supaya segala tempat yang berisiko tinggi ini diberi kelengkapan yang selengkap-lengkapnyanya. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak Menteri juga ialah apa jaminan supaya rumah-rumah segera disiapkan? Sebab saya dimaklumkan - saya berhubung dengan pihak yang – contohnya macam apa yang telah dibuat di Manek Urai, yang baru dibina oleh Kerajaan Persekutuan hanya lima buah sahaja setakat ini. Jadi, apa jaminan supaya rumah mangsa banjir ini dapat disiapkan sebelum Ramadan sebab hanya ada tempoh dua tiga bulan sahaja lagi? Minta penjelasan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Lain-lain Yang Berhormat kita akan perbaikinya dari semasa ke semasa segala bentuk kekurangan. Berhubung dengan rumah seperti yang saya sebutkan tadi, memang persediaan kita ialah sebelum Ramadan. Akan tetapi nampaknya oleh sebab masalah tanah dan sebagainya, jadi jawapan rasmi kita ialah kita akan buat sebanyak yang mungkin, terbaik yang mungkin dan kita sedang *monitor* orang kata 24 jam tiap-tiap hari ini untuk memastikan supaya rumah ini dibina dengan secepat mungkin.

Kita tahu bahawa kekecewaan yang luar biasa berlaku dalam kalangan mangsa-mangsa yang terpaksa berpindah di merata tempat termasuk dalam khemah. Kita tahu itu. Kita prihatin tentang apa yang berlaku dan *insya-Allah*, kita akan lihat nanti maklumat terkini dalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama Pasca Banjir yang akan diadakan tidak lama lagi. Yang Berhormat, ...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Seperti yang telah saya sebutkan tadi. Di samping - Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tanah persendirian itu berapa jumlahnya, tanah persendirian untuk pembinaan rumah-rumah asal? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Seorang Ahli: Pasanglah mikrofon itu. [*Disampuk*] Mikrofon, mikrofon.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tanah persendirian yang pemilik tanah persendirian atas tanah asal itu berapa jumlah sebenarnya? Sebab yang itu saya fikir tidak perlu Perancang Bandar, pejabat daerah dan sebagainya. Itu mungkin kerenah birokrasi banyak. Jadi

kalau tanah persendirian itu saya ingat banyak, boleh terus dibina. Tidak perlu tunggu apa-apa kelulusan, boleh terus buat. Itu saya hendak tahu jumlahnya berapa.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, soalan yang bagus tetapi akan dijawab secara bertulis Yang Berhormat sebab Yang Berhormat bertanya khusus.

Jadi Yang Berhormat Kuala Krai, saya hendak maklumkan berhubung dengan Jawatankuasa Integriti Pengurusan Tabung dan Dana Banjir. Jawatankuasa ini telah menjalankan tugas-tugas mereka. Sehingga kini, jawatankuasa ini telah menerima sebanyak 170 aduan yang mana 12 berkaitan dengan rasuah dan penyelewengan, 38 aduan berkenaan tidak puas hati dan 120 aduan ialah pertanyaan umum berkaitan dengan bantuan banjir. Kita tahu bahawa setelah kita tubuh jawatankuasa ini, kita lihat permohonan pernyataan bahawa mereka mangsa banjir itu agak kurang sedikit sebab dalam borang permohonan itu kita kena pastikan bahawa mereka berikrar bahawa mereka sebenarnya mangsa banjir. Sekiranya ikrar tersebut ikrar palsu, maka tindakan boleh diambil di bawah seksyen 18 Akta SPRM 2009. Jadi, begitulah keadaannya yang berlaku sekarang. Semuanya telah bergerak seperti biasa.

Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat 'Sena' ini – minta maaf. Yang Berhormat 'Pokok Sena', ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sena duduk di Perlis.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Oh! Sena di Perlis. Jadi orang Kedah pinjam Perlis, ya. Jadi Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat tanya soalan walaupun Yang Berhormat kadang-kadang pandai pusing-pusing tetapi saya kena jawab juga. Tanah persendirian yang telah didaftarkan dengan kita ialah 433. Jadi yang ini kita boleh teruskan dengan...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi 433 itu, berapa yang sudah dibuat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berapa yang dibuat, saya minta notis sekali lagi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Disampuk]* Kalau di Kuala Krai berapa?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Enam.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baru enam dibuat, enam buah rumah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, saya minta notis.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi perlahan juga. Macam Perlis juga kerajaan ini.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kerajaan bawah Yang Berhormat ini pun macam Perlis. Yang terhormat kata, "*Menteri Besar Perlis itu perlahan*". Jadi Yang Berhormat pun *slow* jugalah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tidak sebut Menteri Besar perlahan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, kalau kita cara macam ini sampai tengah malam tidak habis dengan...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Habis, habis.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ...Yang Berhormat Arau ini.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu saya tanya sebab apa tidak dibuat.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Arau boleh pindah ke isu lain.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya. Sebenarnya, saya tidak pernah sebut Menteri Besar Perlis perlahan. Saya sebut "*Agensi kerajaan negeri perlahan*". Dengan itu bila perlahan, lambatlah PR1MA. Kalau kita buat keadaan luar biasa, PR1MA boleh dicepatkan. PR1MA ini saya hendak jawab pada awalnya pun tidak apa, bahawa kita hendak cepatkan PR1MA. Semua agensi kerajaan kena bertindak luar biasa seolah-olah seperti banjir juga, macam Kerajaan Negeri Sembilan. Mengambil daripada usaha yang begitu cepat dengan keadaan yang luar biasa, akhirnya boleh diselesaikan.

Kita sudah memulakan kerja-kerja pembinaan rumah PR1MA di Seremban, sebagai contoh. Akan tetapi kalau ikut prosedur biasa, mungkin mengambil masa satu tahun, tetapi luar biasa kita boleh ambil masa dalam tiga bulan. Yang lain-lain saya telah sebutkan Yang Berhormat. Kalau sekiranya ada ayat yang kekurangan, saya akan jawab secara bertulis nanti, ya.

Kemudian yang berikutnya ialah MKN berhubung dengan perisikan. Yang Berhormat Gombak meminta Kementerian Pertahanan membuat pendirian mengenai kehadiran aset ketenteraan milik Republik China di Laut China Selatan demi menjadi kedaulatan negara. Boleh atau tidak Tuan Yang di-Pertua saya jawab dengan cara bertulis? Jawapannya agak panjang.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya boleh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dan Yang Berhormat Gombak pun tidak hadir.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Benda ini cukup penting dan cukup sensitif. Bila saya jawab, sudah pastilah ada soal jawab. Saya hendak beritahu bahawa memang benda itu berlaku dan tindakan sedang diambil sama ada di pihak APMM dan juga tentera serta Kementerian Luar Negeri.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi kita jawab secara bertulis. Berikutnya Yang Berhormat ialah berhubung dengan soalan Parlimen ya. Sudah pasti perkara ini menarik minat ramai orang. Yang Berhormat Tanjong Karang mencadangkan supaya Ahli Parlimen diwajibkan memakai pakaian istiadat mulai sesi pembukaan penggal Parlimen akan datang. Jadi pihak

pembangkang faham-fahamlah saya tuju benda ini pada siapa ya. Yang Berhormat pembangkang cuma dua orang sahaja yang pakai baju yang telah di sub...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri, memang dalam jemputan, dia beri pilihan pakaian istiadat, baju Melayu dan *lounge suit*. Lalu apa masalahnya Yang Berhormat Tanjong Karang ini?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, masalahnya saya tidak jemput pun Yang Berhormat Shah Alam cakap.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri, isu lain.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, ini Yang Berhormat sebut itu, Yang Berhormat lupa bahawa saya bawa kad ini. Yang Berhormat tidak ada kad ya?

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya tidak lupa. Saya tidak tahu pun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat tidak tahu. Jadi Yang Berhormat sengaja tidak tahu. Dalam ini, disebut dengan terang pakaian istiadat berkalung, disebut dengan terang di sini. Jadi kalau nasib baik pun saya tidak bawa kad nanti, sudah pasti orang percaya Yang Berhormat kata itu betul. Tidak Yang Berhormat! Semua kita kena pakai pakaian istiadat berkalung.

Oleh sebab jemputan ini pakaian istiadat bagi Ahli-ahli Jemaah Hakim, semua sekali mesti memakai pakaian istiadat dan wanita juga kena pakai pakaian istiadat walaupun kad ini jemputan daripada Speaker Dewan Negara dan juga Speaker Dewan Rakyat yang mana termaktublah jemputan itu di bawah 41F. Akan tetapi bahawa disebut di situ jenis pakaian yang harus dipakai iaitu pakaian istiadat berkalung iaitu makna kata yang melibatkan Agong. Kalau Yang Berhormat tidak pakai, Yang Berhormat tidak hormat Agong. Yang Berhormat tidak hormat kepada peraturan Parlimen 41(f) itu dengan terang menyebut kuasa Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat berhubung dengan pakaian.

Akan tetapi di sini *diattachkan* sekali tentang kod pakaian, Yang Berhormat. Kod pakaian yang mana kita dapati pembangkang tidak pakai baju istiadat sebagaimana yang disarankan. Tidak baik buat macam itu sebab yang hadir untuk merasmikan Dewan pada masa tersebut ialah Yang di-Pertuan Agong dan sesiapa pun yang memerintah negara masa akan datang, kena ikut peraturan tersebut. Kalau sekiranya Yang Berhormat diizinkan dalam tahun 3,000 nanti memerintah, kalau Yang Berhormat melihat orang lain pakai pakaian macam itu, apa Yang Berhormat rasa? Kita hormat kepada Agong. Tidak bagus ya. Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi yang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang bahawa di bawah Peraturan 41F ialah hak Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan untuk memastikan supaya mereka pakai pakaian yang telah ditetapkan.

■1650

Walaupun 41F ini menyebut pakaian biasa sahaja yang kita pakai hari ini tetapi jempunan tersebut disertai dengan tambahan iaitu kod pakaian yang harus dipakai.

Yang Berhormat Bayan Baru mencadangkan lebih banyak diwujudkan jawatankuasa iaitu jawatankuasa sekarang Jawatankuasa Pemilih Kira-kira Wang Negara, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi hal ini kita serahkan kepada pihak Dewan untuk memutuskannya. Kalau kita perlukan tambahan jawatankuasa, kita tidak ada masalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri tidak benarkan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kad itu kena ubah kalau hendak macam itu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: ...Untuk memperkenalkannya. Yang Berhormat Parit Buntar dan Yang Berhormat Bayan Baru turut mencadangkan agar Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 dikembalikan. Belum ada cadangan lagi kita berbuat demikian. Sekarang ini ialah kita terbuka dan kita teruskan dengan apa yang ada sekarang sebab dengan jawatan terbuka membolehkan kita mendapatkan khidmat yang lebih baik daripada pegawai-pegawai kerajaan di luar sana.

Yang Berhormat Gombak ingin mengetahui kenapa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tidak membuat pendirian terhadap keputusan Ketua Penjara yang tidak membenarkan Yang Berhormat Permatang Pauh datang ke Parlimen. Kelmarin Menteri Dalam Negeri telah pun menjawabnya dan itulah jawapan saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, menteri, sedikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian Yang Berhormat Gelang Patah dan Yang Berhormat Batu ingin mengetahui sama ada Ketua Polis Negara boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan sama ada tindakan menahan Ahli Parlimen merupakan penghinaan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, menteri jangan lari dahulu. Jawab soalan sedikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya habis yang ini saya bagi Yang Berhormat Shah Alam, selepas itu saya bagi dekat *you*. Sebab nanti Yang Berhormat Shah Alam merajuk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kapar, Kapar.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Selepas itu saya bagi Yang Berhormat Kapar. PERMATA duduk, belum sampai lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri, bagi dua cukuplah. Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dua cukup? Ya PERMATA selepas ini ya. Okey Yang Berhormat Lembah Pantai dipanggil ke balai polis supaya rakaman percakapannya boleh diambil berkait dengan Dang Wangi Report nombor 6124/2015 untuk disiasat di bawah Seksyen 9(5) Akta Perhimpunan Awam dan Seksyen 143 Kanun Keseksaan memandangkan terdapat juga kertas siasatan yang dibuka di bawah Akta Hasutan berkait Dang Wangi Report 6551/2015.

Rakaman percakapan beliau terhadap kes itu turut diambil. Kedua-dua kes ini masih lagi dalam siasatan dan akan dimajukan kepada Peguam Negara. Beliau tidak ditahan reman tetapi ditahan bagi membantu siasatan pada 16 Mac 2015 dan diberi jaminan polis pada 17 Mac 2015. Yang Berhormat Shah Alam silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal pakaian itu daripada dahulu lagi saya sendiri pun tidak pernah buat *number one dress* dan menjadi sesi yang kedua. Setiap kali pembukaan tidak ada orang komen pun. Hanya kali ini kebetulan dianggap bahawa ia merupakan suatu tindakan membantah larangan ketua pembangkang untuk hadir ke Parlimen, maka dijadikan isu.

Sedangkan selama ini memang tidak ada isu dan dalam kad jemputan itu pun ada juga pihak Barisan Nasional begitu. Dalam kad jemputan itu memang diberikan pilihan iaitu *number one dress* ataupun ada yang pakai baju Melayu siap bertengkolok dan sut sepenuhnya dan juga sut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Shah Alam. Ya Menteri sudah jelaskan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Sebenarnya tidak ada masalah dan tidak perlu dijadikan satu isu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: ya Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri hendak jawab dahulu kah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru sila.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya bangkitkan isu *Parliament reforms*. Parlimen di Malaysia setakat kita ditubuhkan sehingga sekarang belum ada *reform* yang bermakna. Jadi tidak ada *Parliament Select Committee* atau *Parliament Standing Committee* yang membincangkan dan memberikan apa tugas untuk membicarakan tentang bil sebelum dibentangkan.

Jadi inilah kita *propose* sebab ini bukan cadangan daripada saya. Sebenarnya cadangan tersebut telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Pembaharuan Parlimen pada tahun 2011.

Laporan sudah dikeluarkan. Jawatankuasa telah duduk bincang dan mesyuarat banyak kali. Selepas itu dia bagi tiga cadangan pembaharuan bil. Satu, Akta *Parliament Services Act, Rights and Privileges Act* dan selepas itu *Remuneration Act*.

Jadi inilah yang kita bawa daripada Parlimen Mesyuarat Jawatankuasa sudah buat dan kita mahu Parlimen yang lebih bermaruah, bermakna yang efektif. Jadi sekarang portfolio sudah dekat Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau hendak bawa isu ini atau tak nak bawa pembaharuan kepada Parlimen 2011? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Menteri sudah faham, cukuplah. Ya Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri, Kapar, Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya kata dua cukup.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: [Bangun]

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jadi Yang Berhormat kita tutuplah pasal pakaian. Akan tetapi oleh sebab elaun pakaian ini diberi Yang Berhormat buatlah pakaian istiadat dan kita pakailah supaya nampak cantik.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dapat jimatlah untuk kerajaan RM1,000 itu. Tidak payahlah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya janganlah...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Gua Musang pun tidak pakai hari itu. Dia pakai baju biasa sahaja macam pakai hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pokok Sena cukuplah. Ya Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Akan tetapi Yang Berhormat Pokok Sena pakai baguslah. Yang Berhormat Pokok Sena bagus.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Pokok Sena pakai.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Banyak kawan daripada Barisan Nasional pun tidak pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat bantu saya. Isu pakaian cukup. Beralih isu lain.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Tebrau pun tidak pakai.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Berhubung dengan PAC, kita telah...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, jawab soalan saya Menteri, hendak buat kah tidak mahu buat pembaharuan Parlimen? *Parliament reform?*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pembaharuan Parlimen, kita telah laksanakan dua per tiga. Saya tidak pasti dan saya sudah sebut dalam Parlimen ini dan itulah jawapan saya yang saya tidak dapat ingat itu tetapi daripada saya tidak pasti berapa 12 cadangan, 8 telah pun diterima pakai oleh Parlimen termasuk dakwat kekal...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Mana ada, Menteri mana ada.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jawatankuasa *Parliament Services Act* belum dibentangkan semula, belum dibawa balik dan *Rights and Privileges Act* yang dicadangkan dalam pembaharuan itu pun tidak ada. Langsung tidak ada. Macam mana?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya itu boleh kita semula. Sebab itu dibincangkan dalam mesyuarat Parlimen yang lepas. Jadi sekarang ini Parlimen yang baru kita bincang semula. Tidak ada masalah. Macam Parlimen yang lepas bincang pasal elaun dan juga saraan tidak berjaya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Pun belum buat lagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi sekarang ini kita bawa dan *insya-Allah* berjaya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Jadi kita bawa ini tahun depan bawa lagi, tahun bawa lagi? Setiap tahun bawa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh sebab itu Yang Berhormat kalau kita hendak jadikan Parlimen ini *first world Parliament*, kita bermula dengan kitalah ikut Peraturan Mesyuarat. Kalau Menteri jawab kita bangun itu dialog namanya. Bukannya pencelahan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey biar saya habiskan yang ini berhubung dengan PAC. Yang Berhormat Gelang Patah mencadangkan PAC menyiasat serta-merta ke atas syarikat 1MDB tanpa perlu menunggu hasil siasatan Ketua Audit Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Audit sedang melaksanakan pengauditan ke atas 1MDB dan seterusnya dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Oleh itu PAC akan bertindak selepas Laporan Audit dibentangkan. Jadi kalau hendak suruh PAC mesyuarat tanpa Laporan Audit, itu saya ingat tidak berapa logik sedikitlah sebab kita kena ingat bahawa agensi utama PAC ialah Jabatan Audit.

Berhubung dengan Yang Berhormat Bayan Baru mencadangkan tentang penambahbaikan Parlimen seperti Ahli Parlimen diberi *medical card* dan *life insurance*. Semua ini termasuk juga cadangan diadakan urusan *opposition day*, kemudian Ahli Parlimen diberi pegawai penyelidik. Ini saya telah jawab berkali-kali dan untuk kali ini biarlah saya jawab secara bertulis Yang Berhormat.

Berhubung dengan yang ini Yang Berhormat hendak dengar iaitu baik pulih Parlimen. Projek Fasa 2B kontraktor Trans Resource Corporation Sendirian Berhad. Kita sudah serah tapak 1 Ogos 2014 dan dijangka siap pada 2017, lambat ya. Tadi saya bincang dengan Ketua Pentadbir Parlimen. Sekarang ini walaupun kita nampak mereka lambat tetapi *progress* mereka 17%, dalam jadual 18%. Saya telah minta supaya permintaan awal dahulu supaya kerja 24 jam dilaksanakan. Oleh sebab ia tidak melibatkan pengubahan struktur yang besar. Ia cuma baik pulih di Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat saya minta.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia beritahu bahawa perkara ini akan dibincangkan dengan JKR dan saya sudah minta Menteri supaya mempertimbangkan supaya kontraktor buat kerja 24 jam dan kalau boleh benda ini disiapkan selewat-lewatnya pertengahan tahun 2016 semasa kita hadir mesyuarat dalam bulan Jun dan bukan 2017. Kalau boleh 2015 bulan 6 ini saya ingat itu ialah terbaik.

Saya sendiri juga tergesa-gesa seperti Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Seputeh yang rasa macam terganggu dengan urusan pembinaan semula Parlimen.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi Yang Berhormat kena ingat ini cadangan Ahli Yang Berhormat semasa Parlimen yang lepas. Projek baik pulih menaik taraf Parlimen iaitu blok sokongan, mekanikal dan juga terowong ini akan disiapkan pada November 2016.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk, nanti Menteri jawab. Saya bagi Yang Berhormat Bayan Baru.

■1700

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian, blok baru Ahli Parlimen akan mula hendak kerja pada 2015, ini blok baru Ahli-ahli Parlimen. Kemudian, tandas Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, *all clear*. Hari Jumaat kita bagi arahan, hari Ahad malam siap.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, ada dua yang bangun Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Bayan Baru.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Pasal *toilet* ya? Pasal *toilet*?

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bukan *toilet*, bukan *toilet*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila. Yang Berhormat Kapar dahulu.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tadi Yang Berhormat Menteri hendak jawab tentang isu insurans, *medical card* dan juga pelbagai melalui jawapan bertulis. Saya minta kerana di sini ramai Ahli Parlimen yang berminat mahu tahu apa kebajikan kita, rebat, *medical card*, insurans kita, apa yang Parlimen boleh buat? Kalau boleh Yang Berhormat Menteri jawablah kepada semua, sekalilah kepada semua kerana dari sana pun berminat, sini pun berminat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, kita akan bentangkan rang undang-undang mengenai saraan kita dan keistimewaan kita. Tunggulah ya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, Kapar, Kapar.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Kena tunggu, hari Isnin ini kita akan *finalize* kecuali Yang Berhormat Pokok Sena ini tidak hadir. Dia seorang tidak hadir. Pembangkang minta pastikan Yang Berhormat Pokok Sena hadir pada Mesyuarat pada hari Isnin ini ya. Semua orang hadir, Yang Berhormat tidak hadir. Jadi, Yang Berhormat diminta hadir pada hari Isnin ini tanpa

kecuali supaya boleh kita bincang Saraan Ahli-ahli Parlimen yang menjadi keresahan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat kerana buat bacaan kali yang pertama dalam penggal yang lepas.

Berhubung dengan *researcher* dan lain-lain lagi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Pegawai-pegawai penyelidik Parlimen sekarang ini ada 14 orang yang meliputi seksyen ekonomi, sosial, sains dan teknologi, tenaga dan juga antarabangsa. Jadi Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat pembangkang di antara orang yang paling banyak menggunakan kemudahan mereka dan saya tidak ada masalah. Gunakanlah mereka dengan sebaiknya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang lain kita akan masuk dalam Akta Saraan nanti.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Kapar, Kapar.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Berhubung dengan PR1MA, saya masuk tajuk PR1MA ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya tanya lagi kah?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, hendak bagi cadangan ini Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar dan Seputeh, duduk.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Cadangan. Tak kan tak nak terima cadangan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Hendak tanya dengan ubahsuaian Parlimen.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Suruhanjaya apa?

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Kapar dahulu ya?

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Cik Puteh itu, saya nampak dia dahulu.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya dari tadi berdiri tak nampak.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Bagi permata dahulu, permata.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, teruskan kepada isu lain Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Kapar, Kapar.

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kapar, *you junior* sahaja.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak bagi cadangan tentang *car park* yang sekarang digunakan sebagai

pejabat. Saya difahamkan bila keluar daripada Dewan ni, sebelah kiri *car park* baru sedang dibina. Saya minta budi bicara Yang Berhormat Menteri, rancang betul-betul. Sebelum *car park*, tempat letak kereta itu dijadikan pejabat, sepatutnya kita bina *car park* di sebelah kiri ini dahulu. Tempat meletakkan kereta ini sepatutnya dibina, baru perancangan untuk membina pejabat di sebelah sana patut dilakukan.

So, saya nampak di sini seolah-olah perancangan secara teliti tiada. Main buat sahaja. So, penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Lagi satu Yang Berhormat Menteri, ini tentang *Parliamentary Reform*. Ini pertanyaan tentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Saya sudah nyatakan kita ada bentangkan rang undang-undang mengenai saraan kita. Cukuplah Yang Berhormat, isu lain Yang Berhormat. Cukup.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Ya, Yang Berhormat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh pun cukup, Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini ubahsuaian, pengubahsuaian Parlimen.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang Berhormat Kota Melaka mari tidak? Yang Berhormat Kota Melaka. Pasal PR1MA ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, PR1MA.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Pengubahsuaian Parlimen, jangan lari dahulu.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Cik Puteh, tadi saya sudah beritahu Ketua Pentadbir Parlimen, saya hendak lagi 100 *parking* di kawasan rusa. Dia kata dia akan bawa kepada JKR. Saya kata ini sebab keresahan Ahli Parlimen, saya kata saya hendak benda ini disiapkan dalam Parlimen akan datang. Okeylah, saya sudah habis jawab, *alright*lah, cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, Yang Berhormat Menteri, boleh saya cadangkan di *tower block* itu boleh tambah dua lif lagi kah? Kadang-kadang *number 1*, *number 2* datang, 1 lif telah pun ditutup, tidak boleh dipakai. Pegawai kerajaan termasuk kami, bila kami hendak pergi naik sana, kalau perlu jalan kaki atau pun tunggu lama. Ini menambahkan keresahan dan kegelisahan kami. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh pertimbangkan tentang isu ini.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Itu bukan soal lif. Ini pengurusan sebab saya pada mesyuarat yang sama, saya kena berjalan kaki daripada tingkat 17 sampai tingkat 4 kerana lif itu ditahan dua-dua untuk kegunaan VVIP. Saya kata kenapa pakai dua-dua? Jadi, kita tahu bahawa orang yang menguruskan di peringkat itu mereka bukan di peringkat yang membuat keputusan. Jadi, bagi mereka dengan tahan dua-dua lif itu, itu satu kebaikan. Sebenarnya, ini adalah tidak bagus dan tidak sesuai. Ini pengurusan. Hendak buat lagi satu lif, tidak mungkin Yang Berhormat. Itu ialah satu benda yang akan mengambil masa.

Yang dua lif ini diurus dengan baik. Yang Berhormat, apa pun yang ada dalam Malaysia ini, yang ada ini kita urus dengan baik dan terbaik. Urus dengan baik. Isu masalah elaun,

masalah bangunan Parlimen, kita urus dengan baik. Apa sahaja kalau kita urus dengan baik, dia jadi baik walaupun dua lif. Walaupun satu lif kalau diurus dengan baik, dia jadi baik. Akan tetapi kalau tahan lif satu jam sampai orang tidak boleh turun, itu salah. Akan tetapi mereka ini adalah orang-orang yang rendah untuk membuat keputusan dan saya telah buat keputusan pada mereka. Satu lif hendaklah diberi kebebasan untuk bergerak pada bila-bila masa dan satu lif ditahan.

Satu lif itu pun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah arahkan lif tahan untuk saya. Ini adalah pemikiran daripada peringkat begini sahaja. Perdana Menteri sendiri pun dia sanggup menunggu. Malah kami pernah menunggu lif, tiada masalah apa. Cuma kadang-kadang di peringkat bawah ini mereka pegang kunci itu, mereka yang buat keputusan. Sekarang ini, keputusannya ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat...

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: ...satu lif mesti sentiasa boleh bergerak dan satu lagi sekiranya ada VVIP, kita boleh tahan sementara. Cukup Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Menteri, mungkin...

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri, minta sedikit. Saya hendak bercakap bukan pasal lif.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya tidak benarkan. PR1MA sekarang.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: PR1MA ya, PR1MA.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: Sedikit sahaja, kemudahan Ahli Parlimen. Sedikit sahaja saya hendak sebut tentang *printer*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya sudah sebut, saya sudah sebut rang undang-undang...

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: *No. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang, saya sudah sebut rang undang-undang kita akan bentangkan.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau jet boleh beli, takkanlah komputer...

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, tanya pasal PR1MA, PR1MA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Tidak payah layan, tidak payah layan. Tidak apa Yang Berhormat Menteri, isu lain sebab saya tidak jemput dia pun bangun. Sila, sila.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Dia menanggung dosa tahu, tidak baik buat macam itu.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] ...printer tidak tukar.*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang Berhormat, orang sunnah macam ini kah perangai? Apalah.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Takkan cakap banding-banding macam itu. Berdosa Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Cakap elok-elok. Yang Berhormat ini orang sunnah, jangan buat macam itu dengan saya ya. Kami ini kawan.

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Okey, PR1MA

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: PR1MA, PR1MA.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang Berhormat Kota Melaka, ucap tahniah kepada PR1MA. Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Jarang pembangkang berbuat demikian tetapi hari ini Yang Berhormat Kota Melaka mengucapkan tahniah kepada PR1MA atas projeknya yang sedang dijalankan di Melaka.

Dia tanya empat kali di Parlimen ini saya tengok dan sekarang ini Projek PR1MA telah berjalan dengan lancar di Kota Melaka. Saya cuma hendak *test* dia, adakah cadangan-cadangan untuk orang-orang yang akan mendapatkan rumah di sana. Ia terbuka, ikut PR1MA, terima kasih. Begitulah cara kalau pembangkang buat macam itu, inilah satu perkara yang baik. Yang baik, dia cakap baik, yang tidak baik, dia cakap tidak baik.

Yang Berhormat Ampang jangan balik, jangan merajuk pula.

Puan Hajah Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Apalah ini kuat merajuk pula. Duduk di situ, *sit down there*.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Mana boleh Yang Berhormat kuat merajuk macam ini ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, lagi 27 isu.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Ya, lagi 27. Akan tetapi saya tidak gemar orang merajuk sebab saya sentiasa orang yang terbuka dan kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat jangan buat macam itu ya.

Jadi, berhubung dengan Projek PR1MA yang lain Yang Berhormat, termasuk yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Lumut dan semua tentang PR1MA saya akan jawab secara bertulis, sebab untuk mempercepatkan masa.

Berhubung dengan Yang Berhormat Ipoh Barat. Yang Berhormat Ipoh Barat ada mari? Tidak mari. Tidak mari, maka saya akan jawab secara bertulis berhubung dengan CGSO. Berhubung dengan JPA iaitu Yang Berhormat Temerloh. Tidak mari juga. Yang Berhormat Temerloh tidak mari, maka berhubung dengan semua sekali JPA, biarlah saya jawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Boleh ya? Termasuk tindakan-tindakan yang telah kita ambil kepada pegawai-pegawai yang telah disabitkan dengan Laporan Audit dan juga masuk PAC serta dibentangkan di Parlimen.

Saya kena sebut sedikit tentang angka ini. Sejumlah 232 pegawai terlibat bagi tahun 2012, manakala 107 pegawai bagi tahun 2013 menjadikan jumlah semua pegawai yang terlibat ialah 339. Daripada 339 pegawai tersebut, 215 pegawai telah dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan kepada pertuduhan-pertuduhan tatatertib yang dikenakan ke atas pegawai yang melibatkan Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2012 dan juga 2013.

■1710

Salah laku pegawai bukanlah disebabkan oleh kecuaiannya semata-mata, tetapi melibatkan pelanggaran tata kelakuan yang lain seperti kurang cekap ataupun kurang berusaha, tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah dalam melaksanakan tugas.

Yang Berhormat Lenggong juga tidak hadir, tetapi saya hendak maklumkan bahawa - Yang Berhormat Lenggong, termasuk Yang Berhormat Sekijang merupakan orang muda minta pencen jangan dinaikkan kepada 62 tahun. Saya hendak beritahu bahawa pada masa sekarang kerajaan mengekalkan di umur 60 tahun. Jadi saya harap orang muda tidak ada masalah dan kami juga sebagai orang muda, juga tidak ada masalah.

Yang Berhormat Kinabatangan, saya akan jawab secara bertulis Yang Berhormat. Yang Berhormat, di sini saya hendak beritahu bahawa berhubung dengan elaun perumahan wilayah, kita juga ada bayaran insentif wilayah, Yang Berhormat Putatan. Bayaran insentif wilayah iaitu bayaran ini bagi pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang datang Semenanjung, mereka akan dibayar tambahan yang dipanggil elaun insentif wilayah. Pegawai Semenanjung yang pergi Sabah dan Sarawak juga dibayar insentif, tetapi pegawai Semenanjung sama-sama Semenanjung tidak bayar apa-apa. Jadi keistimewaan yang luar biasa diberi kepada Sabah dan Sarawak dan angkanya cukup tinggi Yang Berhormat.

Bagi mereka yang bergaji RM951 dibayar 25% elaun insentif wilayah. Bagi mereka yang bergaji RM6,000 dan ke atas, RM6,289.14 dan ke atas dibayar 12.5%. Jadi mereka mempunyai elaun perumahan wilayah dan juga elaun insentif wilayah. Jadi daripada segi pegawai kerajaan, sebenarnya mereka tidak ada masalah. Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa pegawai-pegawai Sabah, Sarawak yang bertugas di Semenanjung, mereka lebih gembira duduk di sini dan tidak mahu balik ke sana. Pegawai-pegawai yang Semenanjung yang pergi ke sana pun sedemikian rupa.

Pegawai-pegawai Sabah, Sarawak yang menjawat jawatan lebih kurang 30,000 bagi tiap-tiap negeri, tetapi yang Semenanjung cuma 10,000. Akan tetapi pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung lebih ramai daripada Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak. Itu kedudukannya. Makna kata, keistimewaan yang luar biasa diberi kepada pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak sehingga pegawai-pegawai dari Semenanjung pun bertanya apakah begitu masih berterusan? Saya kata, akan ada perubahan dari semasa ke semasa.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, minta kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini sekarang ikut peraturan, saya minta kebenaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, baru sekarang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri, saya faham penjelasan Menteri soal elaun diberi kepada pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang ditugaskan di Semenanjung, tetapi masih lagi banyak keluhan yang mana *cost of living*. Dalam bahasa Melayu *cost of living*, sara hidup. Dia tidak begitu bersetuju kalau pegawai-pegawai di Sabah ini ditugaskan di Semenanjung kerana kos sara hidup di sini agak tinggi. Sewa rumah mahal. Satu lagi bayar tol. Tol ini Samy Vellu yang buat ini, banyak yang tidak dapat di...

Seorang Ahli Yang Berhormat: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan jangan layan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]* Jadi, apakah yang betul-betul berkesan supaya ketidaksenangan hati ini, kata-kata dianaktirikan tidak akan timbul lagi. Saya minta penjelasan lebih lanjut, lebih mendalam kenapa ini masih lagi kekal, perasaan-perasaan seperti ini masih lagi yang ditimbul-timbulkan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang ditugaskan di Semenanjung. Selalunya, selalunya hendak kompelin kepada wakil-wakil rakyat supaya ini dapat diaddress dan juga - Belum habis Tuan Yang di-Pertua, ada juga pegawai-pegawai yang daripada Semenanjung ditugaskan di Sabah dan Sarawak enggan pergi ke Sabah dan Sarawak. Fasal apa, sebab kadang-kadang mereka tidak mahu tinggal di luar-luar bandar. Jadi, apakah pendekatan yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah-masalah keluhan-keluhan pegawai-pegawai?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Semua keluhan pegawai dan sebagainya, kita selesaikan melalui elaun perumahan wilayah. Yang Berhormat, elaun ini hendak diumumkan sudah, sudah ada perubahan. Akan tetapi daripada segi perumahan, di Sabah dan Sarawak lebih

tinggi daripada sesetengah tempat di Semenanjung. Di Bintulu lebih tinggi dari Kuala Lumpur sebagai contoh ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Di luar bandar tidak ada sewa punya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, tetapi saya hendak beritahu bahawa elaun pembangunan wilayah untuk mengurangkan tekanan bagi mereka yang bertugas di bandar dan sebagainya akan diumumkan perubahan, malah elaun ini sebenarnya telah dibuat pada tahun Januari 2002 dan sekarang ini belum lagi dibuat pindaan kepada elaun pembangunan wilayah. Saya telah maklumkan dalam Parlimen yang lepas bahawa kita akan umumkan perubahan elaun pembangunan wilayah ini secepat mungkin. Jadi dalam tempoh sekarang ini baru mungkin dua bulan, tiga bulan, mungkin tidak lama lagi akan diumumkan elaun pembangunan wilayah. Usaha-usaha sedang dibuat untuk memastikan supaya tekanan hidup yang dihadapi oleh anggota kerajaan itu diperbaiki dari semasa ke semasa Yang Berhormat ya. Yang Berhormat pun tahu Kerajaan Barisan Nasional adalah *always the best*.

Okey, kemudian Yang Berhormat Rantau Panjang datang balik walaupun Yang Berhormat Ampang merajuk. Kuat marah rupanya dia ini. Okey, yang lain semua saya akan jawab secara bertulis.

Kemudian ICU, Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan, jadi Yang Berhormat saya jawab secara bertulis ya?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, dia dengar ya. Yang Berhormat, saya akan jawab secara bertulis berhubung dengan cadangan Yang Berhormat. Kita ada pelbagai cadangan yang telah dibuat termasuk juga perkara-perkara yang berkait dengan Sabah dan juga Sarawak.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian, Yang Berhormat Kalabakan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, sedikit ICU.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sedikit sahaja.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, fungsi dan peranan ICU ini penting dalam usaha hendak pastikan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat daerah, negeri berjalan dengan sempurna. Saya hendak ambil kesempatan sedikit di sini untuk Yang Berhormat Menteri, yang bertanggungjawab mengenai ICU ini untuk melihat semula ICU Negeri Perak.

Hari ini saya difahamkan banyak pegawai-pegawai yang ada di sana ditarik ke negeri lain dan difahamkan untuk dikesilkan ICU negeri. Saya ingat perkara ini tidak boleh dibuat, walaupun saya mungkin ada justifikasi tertentu ICU membuat tindakan berkenaan. Jadi, boleh tidak dikaji semula supaya ICU di peringkat Negeri Perak ini diperbesarkan walaupun negeri itu menang, tetapi kena juga memastikan supaya ICU dapat terus menjadi pengerusi melaksanakan projek. Sudahlah sebelum ini ditutup di peringkat daerah ini dan ini difahamkan hendak dikesilkan pula.

Jadi, saya ingat perkara ini tidak boleh dibuat Yang Berhormat Menteri supaya sebarang projek pembangunan yang dilaksanakan ICU dapat berjalan dengan baik. Jadi saya minta supaya perkara ini dikaji semula, pegawai-pegawai, jurutera, *technician* yang selama ini ada di negeri minta ditempatkan balik supaya pelaksanaan dapat berjalan dengan betul. Mungkin maklumat ini tidak ada untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, tetapi harap diberi perhatian.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sudah sebut perkara ini kepada Yang Berhormat dalam Parlimen yang lepas dan saya telah maklum kepada ICU. Kalau sekiranya berlaku lain daripada yang saya sebut, sudah pasti saya akan mendapatkan penjelasan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Harap Yang Berhormat Lenggong bincanglah nanti.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya sudah sebut Yang Berhormat bahawa saya minta supaya pegawai ICU yang ditempatkan di daerah-daerah supaya diteruskan khidmat mereka sehingga masa yang ditentukan kelak.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tempoh hari saya bercakap di peringkat daerah, sekarang ini daerah pun tutup buku, di negeri pula diperkecilkan. Jadi sebenarnya tidak ada *progress*, dia lebih mengecilkan fungsinya. Minta dikaji semula.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, saya akan cuba supaya untuk membesarkan yang dkecilkan tadi. [*Ketawa*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sekarang ini yang lain-lain saya akan jawab secara bertulis Yang Berhormat. Saya memohon maaf sebab apa, saya harus bagi peluang kepada kawan-kawan saya untuk juga menjawab. Ini kerana Yang Berhormat Jerai pun sudah datang lebih awal tadi.

■1720

Yang Berhormat ini fasal ESSCOM. Yang Berhormat Kalabakan membangkitkan mengenai isu keselamatan negeri Sabah di mana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tadi Yang Berhormat kata jawapan bertulis semua.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Sudah Yang Berhormat Kalabakan mari sini. Dia ada. Jadi Yang Berhormat Kalabakan memaklumkan 52 tahun Sabah menyertai Malaysia tetapi negara baru tahu pendapatan Sabah masih kurang. Yang Berhormat juga membangkitkan isu tentera Indonesia yang membawa kelengkapan senjata masuk ke Tawau untuk menangkap penjenayah mereka. Yang Berhormat ingin tahu mengapa hal ini boleh berlaku. Jikalau Sabah dijaga dengan betul perkara tersebut tidak terjadi. Yang Berhormat ingin penjelasan dari ESSCOM dan PDRM mengenai perkara ini. Beliau telah membangkitkan isu tidak cukup aset di Tawau telah beberapa kali dibangkitkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pulau Sebatik merupakan sebuah pulau yang berkeluasan 425 kilometer persegi. Ianya dibahagikan kepada dua kawasan iaitu seluas 204.7 kilometer persegi kawasan milik Malaysia dan selebihnya milik Indonesia. Dalam hubungan ini tidak ada sebarang penanda sempadan khusus yang dipersetujui oleh kedua-dua negara. Untuk makluman Dewan juga kali terakhir isu ini dibincangkan dari tahun 1985. Oleh itu tiada pintu keluar masuk yang dikhususkan untuk persempadanan darat antara kedua-dua kawasan ini. Pintu masuk utama melalui jalan air di Malaysia adalah di CIQS Tawau manakala di Indonesia adalah di Nunukan.

Walau bagaimanapun terdapat dua balai polis dan dua pos pasukan gerak am di Pulau Sebatik iaitu Balai Polis Wallace Bay, Balai Polis Bergosong serta Pos Wallace Bay dan Pos Sungai Melayu. Berdasarkan laporan yang diterima pada 19 jam 8.45 malam satu kajian pembunuhan yang melibatkan seorang tentera Indonesia TNI mati ditikam di Nunukan, Indonesia. Suspek telah melarikan diri masuk ke kawasan Malaysia.

Saya ada laporan penuh Yang Berhormat dan saya ingin menyampaikannya secara bertulis kepada Yang Berhormat berhubung dengan insiden yang berlaku dan berhubung dengan senjata-senjata yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa Malaysia. Yang Berhormat boleh ya, sebab dia agak panjang dan memakan masa. Oleh sebab ini merupakan cerita yang berlaku berhubung dengan kes yang berkenaan. Akan tetapi saya hendak beritahu memang berlaku tentera Indonesia, polis dan juga orang awam masuk ke kawasan yang kita anggap di kawasan Malaysia di Pulau Sebatik. Akhirnya mereka telah ditahan bersama dengan senjata.

Ahli Yang Berhormat Sibuti mencadangkan...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kalabakan bangun.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Ada permintaan yang saya kemukakan bahawa kalau kita nampak dua pos kawalan PGA satu di Tanjung Arang Pulau Sebatik dan satu di Sungai Melayu dia terlalu daif sekali. Jadi tidakkan letak kita punya polis di sana kemudian apabila ada pencerobohan mereka tidak boleh mempertahankan diri. Jadi saya minta supaya dua-dua pos PGA ini dibina semula daripada konkrit supaya mereka dapat bertahan jika sekiranya ada pencerobohan nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri sehingga jam 5.30 ya lagi tujuh minit. Maafkan saya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Polis kita tidak ada kenderaan di sini dan mereka hanya berkawal dengan berjalan kaki. Jadi semua ini sedang diperhatikan dan akan diambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat Sibuti ampunkan saya untuk menjawabnya secara bertulis berkenaan dengan APMM. Saya beritahu pada Yang Berhormat bahawa apa Yang

Berhormat telah timbulkan berhubung dengan nelayan Suluk yang berada di Miri tindakan sedang diambil dengan sewajarnya.

Kita sedar bahawa orang Suluk sekarang bukan sahaja berada di kawasan ESSZONE tetapi mereka juga berada di kawasan sampai ke Sarawak di kawasan Miri. Sehingga menakutkan nelayan-nelayan tempatan untuk keluar kerana mereka ini memberi pelbagai ugutan. Tindakan sedang diambil dan kita tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana ugutan daripada mana-mana pihak termasuk warga asing ataupun nelayan asing.

Apa yang berlaku di Beting Patinggi Ali walaupun ada aset tentera asing tetapi di pihak berkuasa APMM kita tidak bertolak ansur dengan nelayan. Aset itu biarlah diuruskan dengan secara diplomatik sebab ia melibatkan tentera tetapi nelayan asing tidak boleh masuk kawasan Malaysia. Mereka masuk, kita akan tangkap sebagaimana yang kita jalankan kepada nelayan lain.

Audit negara. Audit negara ini Yang Berhormat Tanjong Karang telah menimbulkan tentang 1MDB. Kemudian Yang Berhormat Pokok Sena menimbulkan 1MDB. 1MDB telah pun dijawab oleh Menteri Kewangan dan semua orang berpuas hati dengan jawapan yang telah dibentangkannya semalam. Berhubung dengan Hari Belia Negara. Yang Berhormat ini telah pun...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap. Fasal audit. Yang Berhormat walaupun Menteri Kewangan menjawab semalam tetapi satu persoalan yang saya bangkitkan ialah kenapa sebelum ini Ketua Audit Negara mengatakan dia tidak ada kuasa untuk audit 1MDB. Akan tetapi selepas Perdana Menteri mengarahkan dia audit baru dia hendak audit. Jadi ini yang kita timbul satu persoalan, kenapa sebelum itu, sepatutnya sebelum itu lagi sudah pun dilakukan audit terhadap 1MDB tetapi dia kata dia tiada kuasa. Jadi ini kuasa mana pula yang dia dapat ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belum dapat doktor lagi.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya ingin menjawabnya secara bertulis. Boleh ya? Yang Berhormat saya akan menjawab panjang benda itu kenapa dia berbuat demikian dan sebagainya. Sebenarnya bila Menteri Kewangan datang semalam itu saya cukup berminat supaya Yang Berhormat bangun dan bertanya soalan berhubung dengan perkara tersebut. Ini sebab tugas saya ini yang besar ialah untuk memudahkan audit dan juga PAC menjalankan mesyuarat dan sebagainya. Jadi daripada segi 1MDB sendiri Menteri Kewanganlah yang bertanggungjawab.

Berhubung dengan Hari Belia Negara. Saya telah pun mengambil tindakan dan kita telah ada jawapan bertulis kepada Yang Berhormat tentang perkara ini. Lepas ini Yang Berhormat akan berpuas hati dan boleh tidur lena berhubung dengan perkara yang menimbulkan masalah kepada Yang Berhormat dengan begitu lama. Perkara ini telah pun dibawa kepada dan termasuk

dalam Laporan Audit telah pun dibawa PAC dibentang di Parlimen dan tindakan telah diambil dengan sewajarnya. Yang Berhormat biarlah saya jawab secara bertulis ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat saya ingat laporan itu tidak dibentang lagi. Laporan yang saya maksudkan Laporan Pengurusan Hari Belia dia tidak dibentang di Parlimen. Itu menyebabkan saya bangkit. Kenapa? Sedangkan dia telah kemukakan kepada semalam disebut oleh Timbalan Menteri Belia audit telah pun mengemukakan kepada Kementerian Belia dan kemudian mendapat maklum balas daripada Kementerian Belia tetapi tidak dibentangkan di Parlimen.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat sedia maklum cara kita mengambil tindakan ialah apabila audit membentangkan laporan, laporan ini akan dibincangkan dalam PAC. PAC akan mencadangkan apa-apa tindakan selepas itu dibentang di Parlimen. Dalam masa yang sama pegawai pengawal, pegawai perbendaharaan akan menulis surat kepada semua agensi yang terlibat untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pegawai yang telah disabitkan oleh PAC. Apa Yang Berhormat telah sebutkan tadi semua telah mengikuti saluran peraturannya saya akan jawab secara bertulis. Ini sebab kalau saya jawab secara tidak bertulis Yang Berhormat agak panjang. Jadi saya minta maaf sebab apa ...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri SPR.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bukan saya sengajakan tetapi Tuan Yang di-Pertua nampaknya mengehendkan masa pada saya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri SPR boleh?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *One minute* jawab SPR, isu SPR.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kemudian fasal SPR.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya jawapan bertulis ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Lembah Pantai minta pandangan mengenai kedudukan negara dalam Indeks Integriti Pilihan Raya. Oleh kerana Yang Berhormat Lembah Pantai yang saya hendak jawab sangat soalan ini tetapi tidak hadir maka saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri saya tanya soalan ini juga Menteri sama. Soalan ini saya juga tanya, jawablah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jawapan bertulislah Yang Berhormat ya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya minta Menteri jawablah SPR.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya menanti Yang Berhormat Lembah Pantai begitu lama tetapi malangnya dia tidak muncul. Jadi saya akan jawab secara bertulis. Sekarang ini akhir sekali fasal PMO. Ini kena sebut sebab PMO ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua kalau Menteri janji bertulis kata kena di kota janji kena ditepati. Jangan tulis-tulis tidak adapun jawapan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat keluar Parlimen jawapan ini sampai kepada Yang Berhormat. Jawapan ini ada pada saya...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Pertama saya akan beri secara tidak rasmi pada Yang Berhormat untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Melihat jawapannya. Keduanya saya akan tulis secara rasmi kepada Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Kinabatangan siapa yang berani melawannya apa yang dia hendak kita bagi, apa yang dia hendak dia dapat pun.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Menteri bercakap tentang pendaftaran SPR sebagai pendaftaran pengundi baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya akan jawab secara bertulis dan saya telah ada saya akan ...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Tidak payah jawab you boleh bagi sahaja. Bagi kepada semua parti untuk jawab.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bagilah masa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya cukuplah. Cukuplah Yang Berhormat. Jawapan bertulis ya.

■1730

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, jawapan bertulis. Akhir sekali Yang Berhormat berkenaan PMO ya. PMO. Yang Berhormat Bukit Katil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, jawapan bertulis, Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Bukit Katil tidak hadir?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Bukit Katil tidak hadir iaitu berhubung dengan tohmahan supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhenti termasuk juga soalan-soalan berhubung dengan kapal terbang dan sebagainya. Oleh kerana kegagalan Yang Berhormat untuk hadir di Dewan yang mulia ini maka saya terpaksa menjawabnya secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Maka Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya buat kata-kata akhir sebab saya Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya rasa itulah sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang saya tidak sempat jawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Bagi mereka yang saya berjanji untuk jawapan bertulis, saya akan jawab pada hari ini juga. Munculkanlah dirimu di hadapan saya di luar Dewan sebentar lagi untuk membolehkan saya hantar jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama yang erat terutamanya dalam masa banjir baru-baru ini.

Semoga Allah SWT memberi rahmat, taufik, hidayah dan ganjaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Satu yang saya minta Yang Berhormat, jangan kuat merajuk dan jangan mudah marah. Jangan mudah merajuk keluar Dewan. Saya sanggup menghadapi dan menjawabnya dengan baik tetapi janganlah buat begitu. Tidak baik sebab orang tua-tua merajuk tidak berapa elok. Terima kasih lagi sekali. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Arau yang kuat apatah lagi hari ini hari Khamis malam Jumaat. Sila Yang Berhormat Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, Yang Berhormat Jerai. Sila. Berapa lama Yang Berhormat?

5.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: Ada 34 muka surat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan hal ehwal Islam semasa perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya telah meneliti semua isu-isu yang dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin menjelaskan mengenai isu-isu berkaitan Indeks Syariah dan *maqasid* syariah yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Lembah Pantai. Ini mohon Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada dalam Dewan ini. Cumanya oleh kerana ada beberapa orang yang bertanya sekali gus, saya bacakan sedikit. Cuma petua Tuan Yang di-Pertua bagi mereka yang tidak hadir, saya akan jawab bertulis nanti ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Lembah Pantai ingin penjelasan mengenai objektif pemeraksanaan bangsa dalam Indeks Syariah Malaysia. Sebagaimana jawapan saya pada pertanyaan lisan di Dewan yang mulia ini pada 11 Mac 2015 yang lalu bahawa Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang kita ringkaskan merupakan satu indeks yang dibangunkan untuk mengukur dan menilai tahap keseriusan Malaysia dalam mencapai lima *maqasid* syariah iaitu objektif syariah iaitu:

- (i) memelihara agama;
- (ii) jiwa;
- (iii) memelihara akal;
- (iv) keempat memelihara keturunan; dan
- (v) memelihara harta.

Pelaksanaan indeks ini tertumpu kepada lapan sektor utama iaitu seperti berikut.

- (i) sektor perundangan Islam;
- (ii) sektor politik;
- (iii) sektor ekonomi;
- (iv) sektor pendidikan;
- (v) sektor kesihatan;
- (vi) sektor kebudayaan;
- (vii) sektor prasarana; dan
- (viii) persekitaran sosial.

Mengenai objektif pemeraksanaan bangsa dalam indeks ini, ia adalah terangkum dalam sektor persekitaran iaitu pewujudan persekitaran sosial yang kondusif, pemeraksanaan institusi perkahwinan dan keluarga, pemeraksanaan sistem sokongan, pengukuhan jati iman dan jati diri masyarakat, pemeliharaan kebajikan umat dan pengagihan hak berdasarkan kontrak sosial.

Suka saya jelaskan bahawa kontrak sosial, asasnya diambil dari Islam itu sendiri dengan menghormati sesama manusia yang merupakan ajaran agama tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, kaum, bahasa, adat, warna kulit dan sebagainya sebagaimana firman Allah dalam surah al-Hujurat ayat yang ke-13. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Ertinya *'Wahai manusia, sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah maha mengetahui lagi maha luas pengetahuannya'*.

Dalam ayat ini Allah melafazkan dengan kalimat *"ya aiyuhannas"*, wahai manusia yang merujuk kepada seluruh manusia tanpa mengira perbezaan agama, bangsa, kaum, bahasa, adat, warna kulit dan sebagainya. Justeru, Islam memandang tinggi dan mengambil berat perhubungan antara seorang manusia dengan seorang manusia yang lain, antara kaum dengan kaum yang lain. Semuanya mempunyai kedudukan yang sama pada pandangan Islam sebagai

seorang manusia yang mempunyai hak dan perlu dihormati. Maka kewajipan memelihara perhubungan ini akan menjadikannya sebagai satu perintah yang wajib dipatuhi sebagai mana firman Allah dalam al-Quran.

Yang Berhormat Raub menyatakan tiada dalam *maqasid* syariah itu untuk menjadi institusi Raja. Penjagaan terhadap institusi Raja tidak dinyatakan secara spesifik dalam *maqasid* syariah kerana ia merupakan dasar umum yang ditetapkan oleh Islam dalam menjaga kemaslahatan manusia secara keseluruhannya iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Sehubungan itu, penjagaan terhadap institusi Raja juga tidak terkecuali dan termasuk dalam dasar-dasar umum yang telah digariskan tersebut iaitu dalam konsep menjaga keturunan dan dalam menjaga jiwa.

Yang Berhormat Sabak Bernam meminta penjelasan mengenai langkah kerajaan bagi memastikan kejayaan Indeks Syariah Malaysia.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Bagi saya habiskan dulu. Bagi kita habiskan tajuk ini dahulu *then...*

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, nanti saya. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Sabak Bernam minta penjelasan mengenai langkah kerajaan bagi memastikan kejayaan Indeks Syariah Malaysia. Bagi memastikan kejayaan Indeks Syariah Malaysia, kerajaan telah menggariskan beberapa langkah.

Pertama ialah mewujudkan panel jawatankuasa tadbir urus Indeks Syariah yang terdiri daripada pakar dalam bidang-bidang berkaitan untuk memastikan Indeks Syariah Malaysia terus berjalan secara berterusan dan lancar. Tujuannya ialah bagi menggerakkan usaha kerajaan dalam menilai semua aktiviti dan program yang dilaksanakan mematuhi kehendak syariah. Antara fungsi panel jawatankuasa Tadbir Urus tersebut ialah seperti berikut:

- (i) menjana pemikiran dan idea dalam bidang kepakaran mengikut lapang sektor yang telah ditetapkan;
- (ii) memastikan pelaksanaan dan pemantauan Indeks Syariah Malaysia tersebut dapat berjalan dengan sistematik dan berkesan; dan
- (iii) pihak yang diberi kuasa menjadi badan menilai tahap kesungguhan semua pihak yang terbabit dalam menjayakan agenda pelaksanaan berasaskan *maqasid* syariah .

Satu laporan Indeks Syariah Malaysia yang lebih komprehensif dan lengkap dijangka dapat disiapkan setahun selepas pelancarannya. Yang Berhormat Bukit Katil pula membangkitkan pelancaran Indeks Syariah Malaysia adalah sama dengan tarikh Yang Berhormat Permatang Pauh dijatuhkan hukuman pada 10 Februari 2015. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelancaran Indeks Syariah Malaysia tersebut diadakan sempena Majlis Perdana Ulama Umarak 2015 bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diadakan setiap tahun dan telah dirancang serta diputuskan dalam mesyuarat jawatankuasa induk majlis

tersebut pada 13 Januari 2015 yang lalu sedangkan keputusan mahkamah dibuat pada 26 Januari 2015 yang menetapkan 10 Februari 2015 sebagai tarikh keputusan rayuan akhir tersebut. Oleh itu, ditegaskan bahawa pelancaran indeks tersebut tidak ditujukan kepada mana-mana individu sebaliknya disusun bagi tujuan maslahat umum seluruh rakyat Malaysia.

■1740

Berhubung dengan kebimbangan Yang Berhormat Bachok terhadap Indeks Syariah Malaysia sebagai alat menutup kelemahan yang ada, sesungguhnya kerajaan serius dalam melaksanakan prinsip syariah dalam pentadbiran negara untuk kesejahteraan rakyatnya. Kesanggupan kerajaan melaksanakan kajian indeks ini sendiri membuktikan betapa kerajaan komited dalam menyuburkan dan memajukan Islam dalam melaksanakan pentadbiran Islam di negara ini di mana pengukuran indeks ini dibuat untuk menjadi penanda aras sejauh mana dan setakat mana kerajaan pada hari ini telah melaksanakan prinsip-prinsip syariah dalam pemerintahan. Ia juga bertujuan untuk perancangan pada masa hadapan agar segala kekurangan dalam pelaksanaan kerajaan berkaitan tuntutan syariah yang ada pada hari ini dapat dipertingkatkan dan ditambah baik.

Pengukuran pencapaian ini dilakukan ke atas tiga komponen iaitu penggubal dasar yakni pemerintah, kedua, pelaksana dasar, agensi-agensi pelaksana dan masyarakat awam keseluruhannya. Justeru, persoalan integriti dan kebimbangan Ahli Yang Berhormat tidak timbul dalam pelaksanaan indeks ini kerana kajian dilakukan secara telus kepada semua peringkat.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya meneliti ucapan – sebelum itu, saya juga ada kesempatan untuk membuat sedikit bacaan tentang indeks syariah ini. Saya ucap tahniah kerana ada satu usaha yang positif ke arah tersebut.

Cuma persoalan saya sekarang ialah indeks syariah ini tidak boleh hanya dilihat dalam usaha Jabatan Perdana Menteri sahaja, malah ia mesti diperluaskan – tadi disebut antara sektornya ialah perundangan. Contohnya hari ini kita kata *maqasid* syariah itu ialah memelihara agama. Saya ingin minta penjelasan, adakah menjaga agama itu hanya menjaga agama Islam atau menjaga keharmonian hubungan antara agama? Ini kerana kalau kita lihat maksud syariat itu, dikatakan agama lebih luas, bahawa Islam itu agama rahmat. Maka kita juga perlu menegaskan daripada segi maksud syariah itu ialah kita tidak boleh juga mengizinkan orang Islam mengutuk agama lain juga.

Saya ingat ini satu perkara yang penting kerana dalam masyarakat hari ini, hubungan ketegangan antara agama ini kadangkala Jabatan Perdana Menteri daripada pihak Yang Berhormat Menteri sendiri tidak dilihat begitu tegas. Bahawa orang Islam pun tidak boleh menghina agama lain. Tidak boleh mengutuk, mengancam kitab-kitab agama lain, tidak boleh

mengugut dan mengancam rumah-rumah ibadah orang lain. Ini jelas dalam Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am ayat 108... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Jangan kamu sesekali mencerca mereka yang menyeru selain daripada Allah kerana kelak mereka akan menghina."*

Jadi saya ingin menjelaskan atau minta penjelasan, biarlah *maqasid* syariah ini betul-betul satu *benchmark*, satu indeks tetapi bukan hanya syok sendiri tetapi di luar sana kita tengok tidak menuju kepada *maqasid* syariah yang merupakan tunggak pada negara ini. Saya minta bagi penjelasan.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Bukit Gantang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang sekali.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Berkenaan dengan indeks syariah ini, sudah tentulah untuk mengukur indeks ini ada jawatankuasa penilainya. Soalan saya ialah supaya bidang kuasa yang diberikan kepada jawatankuasa penilai ini, satunya, saya hendak supaya jawatankuasa ini biarlah bebas, telus dan diharapkan apabila *finding* yang dibuat oleh jawatankuasa ini, mesti diikuti oleh kerajaan. Kalau tidak, Arab panggil... *[Berucap dalam bahasa Arab] "Tidak ada apa-apa faedah."* Ini kerana Nabi SAW menyebut dalam hadis dia kata... *[Membaca sepotong hadis] "Dua jenis manusia ini yang ada kelompok di dalam masyarakat ini apabila kedua-dua baik, maka baiklah semuanya, apabila kedua-dua ini rosak, rosaklah semuanya iaitu ulama dan umara."*

Maka kita harapkan supaya jawatankuasa penilaian kepada indeks syariah ini, kita harapkan apabila *finding* diberikan dapat diikuti oleh kerajaan. Kita tidak mahu seperti mana yang pernah dialami oleh MAPIM dulu. MAPIM dulu apabila dibuat *finding* oleh jawatankuasa ini, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu menjawab terpulang kepada kerajaan hendak ikut ataupun tidak mahu ikut. Terima kasih.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Selepas Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Menteri jawab dan selepas itu beralih kepada isu lain. Ya, silakan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam mencapai *maqasid* syariah, seperti mana yang kita tahu, di antaranya adalah *hifzul mal*, hendak menjaga harta. Saya mengharapkan bahawa ini tidak bererti ataupun diambil pengertian harta peribadi semata-mata tetapi juga ia mengambil kira harta rakyat yang diurus oleh kerajaan yang merupakan amanah yang telah diberikan kepada kerajaan untuk mengurusnya. Dalam persoalan ini, ia termasuklah kaedah-kaedah pemberian kontrak melalui tender yang terbuka, bukannya melalui rundingan yang tertutup dan sejauh mana jumlah pembaziran projek-projek yang tidak merupakan keutamaan bagi kebajikan rakyat dan sebagainya. Semua ini boleh dimasukkan di bawah takrif *hifzul mal*. Saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Satu lagi Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri, sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah. Yang Berhormat Menteri jawab.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan yang di-Pertua, terima kasih kepada, pertamanya, Yang Berhormat Parit Buntar berkenaan dengan indeks syariah yang kemudiannya – suka saya perelaskan berkaitan dengan indeks syariah ini, ia hanya diletakkan di bawah pengelolaan dan tanggungjawab JPM tetapi bukan dalam erti kata bahawa JPM sahaja yang diukur. Akan tetapi sebagaimana yang telah saya bacakan awal tadi di mana lima *maqasid syariah* itu termasuk di antaranya menjaga agama, menjaga akal, menjaga keturunan, harta dan termasuk juga dalam menjaga jiwa. Kelima-lima perkara ini diukur pada lapan sektor di mana saya sebutkan juga tadi bahawa sektor yang diukur iaitu perundangan Islam, politik, ekonomi, pendidikan, kesihatan, budaya, prasarana dan persekitaran sosial.

Maksudnya, hampir semua kementerian yang ada ini terlibat yang ada hubung kait dengan apa yang dikatakan lapan sektor tersebut – dan mungkin barangkali pengalaman-pengalaman daripada negara-negara yang lain pernah ada tetapi mereka hanya mengukur dalam konteks *sectorial* dengan izin, iaitu dengan hanya berpandukan kepada beberapa sektor tertentu. Akan tetapi dalam konteks *maqasid syariah* dan kemudian indeks syariah yang kita perkenalkan ini, kita mengukur kesemuanya sekali pada sektor-sektor yang telah saya sebutkan tadi secara umum lapan perkara.

Selain itu juga, Yang Berhormat Bukit Gantang, saya setuju juga pandangan tadi dan memang sebenarnya jawatankuasa yang kita lantik ini terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak, saya mudahkan, bukan pihak politik tetapi kita melantik daripada pihak IPT yang diterajui oleh UIA dan kemudian bersama-sama beberapa orang ahli jawatankuasa yang lain yang memberikan pengukuran kepada sektor-sektor yang telah ditetapkan dan termasuklah daripada untuk melahirkan indeks tersebut. Kita mengambil perhatian sangat-sangat dan sebab itu kerajaan mengambil langkah yang berbeza ke hadapan untuk kita hendak mengukur, sebagaimana yang saya simpulkan di hujung tadi iaitulah di mana kita hendak mengukur dan kemudian kalau ada kekurangan untuk kita tambah baikkan. Kalau ada perlu perkara-perkara yang dibuat tindakan segera, itu juga akan diberikan perhatian.

Jadi saya rasa termasuk juga, selain daripada Yang Berhormat Bukit Gantang tadi, yang berkenaan dengan Yang Berhormat Shah Alam bahawa mengukur tentang harta-harta yang saya sebutkan tadi termasuk dalam sektor yang berkaitan dengan kewangan. Saya suka menambah Tuan Yang di-Pertua, bahawa apabila sebut kata baitulmal, dia baitulmal ini sebagaimana perlu difahamkan selalu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga di luar sana juga saya selalu sebutkan, bahawa baitulmal ini adalah di bawah pengurusan negeri masing-masing. Dalam erti kata ia di bawah majlis agama Islam negeri masing-masing yang Tuanku yang mempunyai kuasa

mengatur dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan Islam berada di bawah pengaturan dan juga tanggungjawab negeri. Ini di baitulmal tersebut.

■1750

Dalam masa yang sama, kita juga mengambil perhatian. Oleh sebab itu saya sebut ada sektor kewangan. Jadi sektor kewangan juga mengambil kira Indeks Maqasid Syariah yang sebagaimana yang telah ditetapkan dan termasuk dengan hal-hal yang berkaitan dengan pengaturan-pengaturan yang berkaitan dengan kewangan.

Tuan Yang Di-Pertua, saya ...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Satu lagi Yang Berhormat Pokok Sena. *Last.*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan tadi Yang Berhormat sebut sektor perundangan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan, sejauh mana kerajaan serius dalam usaha untuk meningkatkan sektor perundangan ini termasuklah sektor Mahkamah Syariah khususnya dalam usaha untuk memastikan supaya pelaksanaan perundangan Islam itu akan lebih baik daripada apa yang ada pada hari ini.

Oleh sebab itu, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan sendiri kerana keputusan pihak kerajaan sendiri iaitu melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) telah pun membuat satu keputusan bersetuju yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melakukan pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, [Akta 355] dan juga Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965, Pindaan 20 ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah pun bersetuju, untuk pindaan. Saya kata ini ke arah untuk membantu dalam konteks sektor perundangan dalam pelaksanaan indeks syariah tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Jadi, sejauh mana usaha ke arah untuk memastikan Akta 355 ini yang sudah dipersetujui oleh MKI yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Disember yang lalu.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Pokok Sena. Bila sebut tentang ke arah memperkasakan, tadi kita bercakap soal Indeks Maqasid Syariah. Akan tetapi oleh sebab Yang Berhormat Pokok Sena ingin mendapat penjelasan, saya bagi tambahan penjelasan, Yang Berhormat Pokok Sena.

Bila bercakap soal memperkasakan Mahkamah Syariah dalam konteks perundangan Islam, maka ia tidak harus dilihat dalam satu sudut semata-mata. Akan tetapi, ia harus dilihat dalam dimensi yang begitu besar. Sebab itu kerajaan menyebut berulang kali bahawa kita mengambil pendekatan yang secara berperingkat dan juga bertahap. Dalam masa yang sama juga, kita melihat bahawa pengalaman Mahkamah Syariah yang ditubuhkan 1998 dibandingkan

dengan Mahkamah Sivil yang sudah begitu panjang. Maka antara ukuran-ukuran prasarana itu termasuk juga kita melihat tentang keperluan, sebab Yang Berhormat ambil sedikit sahaja daripada MKI itu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dihadiri dalam Majlis Kebangsaan Islam (MKI) juga turut dihadiri oleh Menteri-menteri Besar seluruh Malaysia pada mesyuarat dan kita telah mengambil usaha-usaha pendekatan berperingkat.

Buat masa sekarang, peringkat yang sedang kita usahakan ialah untuk supaya Mahkamah Syariah ini diberikan kedudukan supaya ada lima tingkatan ataupun saya sebutkan dengan izin, 5 *tiers* sebab Mahkamah Sivil juga ada lima tingkatan dan lima tingkatan ini memerlukan kepada usaha-usaha yang berterusan. Dalam konteks urusan kerajaan, kita di peringkat Kerajaan Persekutuan dalam urusannya apabila diluluskan, perlu untuk mendapat juga pandangan dan juga persetujuan daripada jemaah Kabinet.

Dalam masa yang sama sesudah daripada itu, perkara yang sama dibawa ke Majlis-majlis Agama Islam Negeri masing-masing sebab Majlis Agama Islam Negeri ini ia mempunyai kuasa masing-masing yang autoriti sepenuhnya Yang Berhormat, yang berkaitan dengan hal-hal pelaksanaan Islam di negeri masing-masing. Sebab itu, ada negeri yang mungkin tidak mempunyai persamaan yang sama dalam pelaksanaan sesuatu perkara termasuk undang-undang dan sebagainya. Sebab itu kita perlukan satu kesepakatan ataupun *consensus* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bahawa bila hendak melaksanakan perkara tersebut perlu ada kesepakatan.

Jadi sebab itu dalam mengangkat 5 tiers, lima tingkatan ini, dalam Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah dan kelimanya, Majlis Rayuan Syariah. Ini lima perkara yang perlu kita lihat secara serius dan juga secara yang tersusun.

Begitu juga Yang Berhormat Pokok Sena, kita juga melihat ada lagi prasarana yang perlu diperkemaskan juga iaitu yang berkaitan dengan bahagian yang berhubungan dengan penguatkuasaan dan juga pendakwaan. Kalau dalam Mahkamah Sivil, bila kita sebut bahagian penguatkuasaan, kita jelas nampak di sana institusi kepolisan ataupun institusi polis yang diketuai oleh IGP. Begitu juga bila kita bercakap bahagian pendakwaan, kita nampak tergambar terus di sana institusi yang diterajui oleh pihak pejabat Peguam Negara iaitu AG yang mengatur tanggungjawab bagi tujuan pendakwaan.

Dalam konteks Mahkamah Syariah yang saya katakan tadi, kita masih lagi dalam lingkungan yang masih baru dan juga masih awal dalam sejarahnya. Namun kita mengusahakan peningkatan sebab itu, untuk Mahkamah Syariah ini - saya baru minggu lepas, hari Jumaat dalam Kabinet. Kabinet telah pun kita bentangkan satu memorandum untuk supaya dipertingkatkan dan dipisahkan ke arah memperkasakan bahagian pendakwaan dan juga bahagian penguatkuasaan. Ini kerana kedua-dua bahagian ini buat masa sekarang, pendakwaan dan juga penguatkuasaan, ia berada di bawah Jabatan Agama Islam negeri masing-masing.

Kita ingin melihat satu penglihatan ketelusan, bukan hanya sekadar disebut, tetapi harus juga kita dilihat nampak telus dalam bahagian pendakwaan dan juga penguatkuasaan supaya

tidak disalah faham bahawa ada kuasa-kuasa yang boleh mengatur di sebaliknya walaupun bukan begitu. Akan tetapi ada ruang-ruang yang perlu kita perkemaskan supaya dilihat nampak kemas dan pihak Kabinet telah merestui supaya perkara ini dilaksanakan. Cumanya, kuasa yang ada pada ini, kita terpaksa pergi turun balik ke setiap negeri berjumpa dan bertemu dengan Majlis-Majlis Agama Islam sebab kuasa ini ialah kuasa di bawah Majlis masing-masing untuk melaksanakan dan membawa perkara ini ke dewan bagi tujuan kelulusan di peringkat negeri dan masing-masing. Akhirnya kepada perkenan bagi Raja-Raja, bagi negeri yang ada Raja iaitu sembilan negeri dan bagi yang perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi negeri yang tidak mempunyai Raja, seperti mana Melaka, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak serta Pulau Pinang. Ini, lima buah negeri tolak sembilan negeri yang mempunyai Raja tadi.

Usaha pemeraksanaan ini berterusan berjalan termasuklah untuk Akta 355 yang sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena sebentar tadi. Ini kerana Akta 355 juga termasuk dalam perkara yang mengikut urusan kerajaan, harus melalui tangga dan juga peraturan yang sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi. Jadi usaha-usaha berterusan ke arah untuk peningkatan ini, sentiasa berjalan ke arah untuk melihat bahawa Mahkamah Syariah sentiasa dilihat relevan. Dalam masa yang sama juga, ia teratur dan tidak menimbulkan kegelisahan dan juga tidak menimbulkan syak wasangka terhadap keindahan dan juga kebaikan institusi Mahkamah Syariah ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, isu yang lain.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit, sedikit, sedikit lagi, saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena tadi...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Fasal Akta 355, Fasal Akta 355.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang itu saya sudah sebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah panjang lebar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Fasal Akta 355, saya minta penjelasan sebab saya telah difahamkan oleh satu pemberitahuan daripada pihak Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah peringkat Persekutuan, dalam mesyuarat berkaitan dengan Enakmen Jenayah Syariah di Kelantan bahawa Akta 355 itu sudah pun ada, sudah pun *ready* untuk dibuat pindaan. Ia hanya akan dibentang kalau mengikut dalam mesyuarat yang lepas itu, akan dibentang kepada Majlis Raja-Raja, disebut secara *direct* pada 11 & 12 Mac.

Jadi, ini yang saya fikir bahawa kerajaan macam sudah bersedia. Jadi kenapa perlu ada kelewatan, penangguhan yang begitu lama. Kalau begitu, adalah lebih mudah untuk Yang Berhormat yang telah pun berjanji dengan Yang Berhormat Parit Buntar dalam sidang yang lalu bahawa Yang Berhormat boleh membantu ke arah untuk memastikan Enakmen Jenayah Syariah

itu dapat disempurnakan selepas dilaksanakan dengan menyokong *Private Member Bill* yang dibawa oleh Yang Berhormat daripada Marang.

Jadi, saya hendak dapatkan penjelasan apakah sikap Yang Berhormat dan juga kerajaan terhadap *Private Members' Bills*, Rang Undang-undang Persendirian yang berkaitan dengan pindaan Akta 355 yang dibawa oleh Yang Berhormat Marang yang sudah pun dimasukkan kepada pihak Speaker.

■1800

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan saya katakan tadi urusan pihak kerajaan harus mematuhi peraturan-peraturan daripada pihak kerajaan. Maka sebab yang demikian bagi pihak kita selepas daripada perbincangan di peringkat MKI, kita perlu balik kepada Kabinet. Selepas daripada itu kita pergi kepada negeri-negeri dan memohon persetujuan dari negeri-negeri terlebih dahulu. Ini urusan yang pihak kerajaan. Maknanya 14 buah negeri harus diterangkan tentang urusan berkaitan dengan Mahkamah Syariah yang berurusan dengan hal yang berkaitan Mahkamah Syariah semata-mata. Ini yang kita bincangkan dan ini yang kita harapkan untuk kita mengusahakannya.

Dalam masa yang sama juga kita dalam proses sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat untuk kita sudah pergi kepada beberapa buah negeri dan kita ada *feedback-feedback* yang telah diberikan kepada kita yang memerlukan kepada kita meneliti pandangan-pandangan, menghadam balik dan sebagainya. Kita perlu memberikan penjelasan yang seterusnya apabila ada pandangan-pandangan yang berbeza dan sebagainya.

Dalam keadaan yang seperti itu, selepas daripada yang negeri-negeri perkenan, barulah kita akan bawa kepada Majlis Raja-raja. Buat masa sekarang bagi pihak kerajaan, kita belum lagi. Saya tidak tahu Yang Berhormat ambil di mana tetapi kerajaan belum lagi membawa kepada Majlis Raja-raja perkara sebagaimana Yang Berhormat timbulkan.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, minta maaf Yang Berhormat. Ini isu penting. Saya bukan ambil daripada mana, ini daripada wakil Jawatankuasa Teknikal di bawah seliaan Yang Berhormat sendiri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal berkaitan dengan Enakmen Jenayah Syariah di negeri Kelantan. Jadi itu perakuan yang telah disebut bahawa pada 11 dan 12 akan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Majlis Raja-raja.

Jadi maknanya bagi saya, saya faham bahawa benda ini sudah *ready, get ready* untuk dibawa dan sudah proses akhir untuk membolehkan kalau tidak pada sidang ini.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi sebab itu saya bimbang apabila Yang Berhormat mengatakan bahawa kena balik kepada Kabinet, sekarang Kabinet dari segi komponen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Barisan Nasional sudah pun menunjukkan satu sikap iaitu gerakan telah pun mengadakan satu saman pemula kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Itu lain cerita Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sepatutnya Yang Berhormat sebagai Menteri yang menjaga hal ehwal agama sepatutnya harus ada bantahan terhadap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena cukuplah. Yang Berhormat Menteri faham. Tidak direkodkan apa pun cakap.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...itu sepatutnya dilakukan tetapi sampai hari ini...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Baiklah terima kasih.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Yang Berhormat Parit Buntar dalam sidang yang lalu tidak melakukan satu proses pencerahan kepada Mahkamah Tinggi di Kelantan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Sila.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih banyak Yang Berhormat Pokok Sena. Saya sebutkan tadi bahawa kita dalam proses untuk kita hendak membawa kepada Majlis Raja-raja dan *confirm* kita tidak bawa pada tarikh sebagaimana Yang Berhormat sebutkan sebab bukan urusan jawatankuasa untuk bawa tetapi ia ada kena-mengena dengan urusan kerajaan termasuk pejabat AG dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat Pokok Sena.

Yang Berhormat Lembah Pantai...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Gerakan saman tadi Yang Berhormat tak kan duduk diam. Yang Berhormat buat keluarlah kenyataan. Yang Berhormat Menteri jaga agama. Yang Berhormat setuju dengan gerakan saman supaya menghalang pelaksanaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila. Yang Berhormat cukuplah, cukup.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekarang kita hendakkan penjelasan daripada Menteri yang jaga agama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Isu lain Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Lembah Pantai tidak hadir pada hari ini saya pergi terus kepada Yang Berhormat Bukit Katil di mana Yang Berhormat Bukit Katil telah menyentuh supaya...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa penjelasan Menteri itu – saya rasa saya sudah bawa benda ini Tuan Yang di-Pertua tetapi setiap kali dijawab benda yang sama dan apabila timbul masalah ini, Menteri tidak menjawab. Di luar sana pun Menteri tidak menjawab tentang sikap kerajaan bagaimana. 355 ini semua sudah cakap. Lama sudah kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar duduk sekejap. Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi masalah di luar sana. Kena ada satu sikap daripada Menteri untuk menjawab soalan-soalan ini. Datang lagi soalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tanya tadi apa sikap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat, cukup. Yang Berhormat Pokok Sena cukup.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya fikir ini adalah sesuatu yang harus ada ketegasan daripada seorang Menteri yang menjaga hal ehwal agama. Tak kan dia boleh mari ke sini tanpa apa sikap...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat, *private member bill* ada peraturan dengan Parlimen. Ikut peraturan Parlimen Yang Berhormat. Oleh sebab itu cukup.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Pokok Sena duduk. Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat. Saya ada peraturan Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Kita tidak boleh hendak paksa Yang Berhormat Menteri menjawab. Mana ada peraturan untuk memaksa. Yang Berhormat sengaja ini. Yang Berhormat hendak balik awal ke?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bukan hendak balik awal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak minta penjelasan...*[bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:...*[bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kenapakah berdegil-degil Yang Berhormat Pokok Sena? Duduklah dahulu Yang Berhormat!

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:...*[terus bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat bertekak dengan saya ini kenapa?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bukan bertekak dengan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukup. Saya kata duduk. Yang Berhormat...

Seorang Ahli: Dia hendak jadi hero.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Duduk dahulu. Duduk dahulu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:...*[terus bercakap tanpa mengguna pembesar suara]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini sengaja hendak minta Tuan Yang di-Pertua halau, hendak jadi juara. Bukan tidak tahu...

[Dewan riuh]

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Jangan keluarkan dia. Jadi hero nanti.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena hendak jadi juara.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat, cukup. Sila.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Tuan Yang di-Pertua jangan keluarkan dia. Jadi hero pula dia ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduklah kalau hendak Menteri...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena minta penjelasan. Saya beritahu bahawa peraturan di Parlimen sama ada bil-bil yang dibawa perlu mengikut peraturan dan kita melihat kepada bil-bil yang telah kami bawa.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: La, saya minta bukan pandangan rasmi dia. Saya minta pendirian peribadi dia setuju atau tidak setuju dengan *private member bill* dibawa oleh..... Kalau tidak setuju, cakap tidak setuju.

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat. Tidak payahlah menguji kesabaran saya Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena, sekali lagi Yang Berhormat Pokok Sena. Minta duduk

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya tahu Yang Berhormat hendak minta saya keluarkan Yang Berhormat, saya tahu. Yang Berhormat hendak jadikan isu ini. Saya tahu Yang Berhormat sengaja minta saya rehatkan Yang Berhormat, saya faham. Saya dapat *queue* boleh *read* apa yang...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, sekali lagi Yang Berhormat berdiri saya tidak akan teragak-agak. Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, Pokok Sena sengaja cari jalan, hendak jadi hero. Hendak jadi pejuang, itu sahaja.

Beberapa Ahli: *[Mencelah]*

[Dewan riuh]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kalau dia dihalau, dia yang jadi hero.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Jangan halau. Jangan keluarkan dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya Yang Berhormat...

[Dewan riuh]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bagaimana Menteri yang jaga agama takut untuk menyatakan pendirian.

[Dewan sangat riuh]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Terus bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat lain diam, yang lain diam. Yang Berhormat semua duduk, Yang Berhormat Pokok Sena, semua duduk.

■1810

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Pokok Sena duduk dulu, Yang Berhormat Pokok Sena duduk dulu.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

[Dewan riuh]

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Jangan bagi dia keluar.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya faham Yang Berhormat. Duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat yang lain, yang lain diam-diam. Saya nak berurusan dengan Yang Berhormat Pokok Sena sekejap. Duduk.

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang lain duduk, yang lain duduk.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya, ya. Cukuplah, cukuplah, cukuplah. *[Dewan riuh]* Yang lain, Yang Berhormat, Yang Berhormat lain diam. Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk, duduk.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Yang Berhormat cakap sokong.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang lain duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Terus bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang lain duduk. Duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya bukan hipokrit datang sini.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Tak, Yang Berhormat apa yang payah sangat? Duduk.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, saya nak minta penjelasan daripada dia.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya kata duduk! Saya kata duduk! Yang Berhormat, saya kata duduk. Saya kata duduk. Saya tahu Yang Berhormat minta saya Speaker daripada orang Islam tak peduli apa Yang Berhormat nak kan. Saya faham, saya tahu.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak, tak. Bukan, bukan...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya kata duduk. Yang Berhormat duduk.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bukan, bukan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini soal isu agama. Isu agama yang harusnya ada penegasan yang jelas...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Tak, tak. Yang lain duduk, yang lain duduk. *[Tuan Yang di-Pertua mengetuk tukul]* Yang lain duduk. Saya

nak berurusan dengan Yang Berhormat Pokok Sena! Duduk Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena, sila duduk.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila duduk. Yang Berhormat Pokok Sena sila duduk. Yang Berhormat Pokok Sena. Okey, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena...

[Dewan sangat riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Pokok Sena. *[Mengangkat buku Peraturan Mesyuarat]*

[Dewan sangat riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, duduklah. Dah yang lain, yang lain diam. Yang Berhormat Menteri duduk, Yang Berhormat Menteri duduk, semua duduk. Saya nak berurusan dengan Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: *Ya Nabi, Ya Rahim, Astaghfirullah al-Azim.* Ya, mengucap. Duduk Yang Berhormat Pokok Sena. Apa yang nak naik 'syeh' ini? Duduk. Tak, saya minta duduk! Saya minta duduk sekejap. Saya minta duduk.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta dia... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Saya tahu Yang Berhormat. Saya faham Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat ini ada peraturan mesyuarat. Saya minta Yang Berhormat duduk. Saya nak berurusan dengan Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...menunjukkan penjelasan kepada Dewan ini. Apa susah sangat Yang Berhormat Menteri untuk memberi penjelasan? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Tak. Yang Berhormat apa susah sangat ikut peraturan mesyuarat? Bila saya kata saya sedang bercakap, Yang Berhormat kena duduk diam. Boleh tak?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Duduk diam. Duduk.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...supaya dia bangun untuk memberikan penjelasan. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ini. saya faham Yang Berhormat sengaja. Saya faham Yang Berhormat sengaja. Saya faham Yang Berhormat nak jadi hero. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Bill* persendirian.

[Dewan sangat riuh]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharum: Ya, duduk. Duduk.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat duduk lah, Yang Berhormat Menteri nak...

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharum: Duduk dulu. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak. Cuma saya nak jelaskan begini Yang Berhormat. Kita dah dengar dah bagaimana kalau *groundnya* kita lihat di Dewan Undangan Negeri Kelantan, kita sudah perhatikan bahawa sokongan 100% yang telah diberikan. Di Dewan ini kita menunggu, melihat *bill* itu dan untuk tujuan sokong ataupun tidak, itu kita tengok isi *bill* yang dibawa. Bawa dulu. Oleh sebab *bill* itu- Yang Berhormat duduk dulu, nanti sekejap. Jangan emosi sangat Yang Berhormat.

Bila kita tengok bil, dalam bil itu apakah yang terkandung dalam bil tersebut? Sebab sejauh sekarang kita tak tengok lagi bil yang akan dibawa, yang akan disampaikan. Jadi, Yang Berhormat nak suruh saya buat jawapan 'A', 'B'. 'A', 'B' ini jawapan yang tak betullah sebab kita tengok dulu apa *bill* yang akan disampaikan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling]: *Allahuakbar.*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharum: Sebab *bill* ini akan dibawa oleh PAS.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang dia beritahu itu sokongan...*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharum: Bawa dulu.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada dua perkara. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Yang Berhormat. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tunggu sekejap.

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena ini sengaja.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: *Bill* ini...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia nak bertanding.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: ...belum dibawa...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: ...Belum dibawa kepada pengetahuan Ahli Parlimen. Mungkin telah dihantar kepada Speaker, kita tak tahu.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin Bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Isunya ialah pindaan kepada Akta 355. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Tak, Yang Berhormat mana dia? Mana dia?

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Shahidan Bin Kassim: Tak, dekat kami tak ada.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat yang lain. Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena. *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Pokok Sena... *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan]: Tanya Yang Berhormat Seputeh dengan Yang Berhormat Batu.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak sebut. minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Jenayah Syariah, maklum balas mesyuarat, ini disebut bahawa mereka bersetuju. Mereka telah bersetuju bahawa semua perkara tersebut untuk dipinda.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Dan dibawa kepada Majlis Raja-raja. Sampai hari ini benda yang patutnya di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, tak bawa ke Majlis Raja-raja. Hari ini dia dibawa, benda yang sama dibawa oleh wakil dari Marang.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Kalih belakang, tanya Yang Berhormat Batu. Tanya Yang Berhormat Batu. *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, ini saya nak sebut kepada Yang Berhormat, ini Menteri dan UMNO takut kepada MCA, takut kepada...

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Kalih belakang, tanya Yang Berhormat Batu.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini bacul. Menteri bacul, takut dengan...*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh Bin Omar [Tanjong Karang]: Peraturan mesyuarat kita pun banyak.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Nak buat saman pencelahan kepada kerajaan. Samanpun tak berani. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Haji Noh Bin Omar [Tanjong Karang]: Duduk sajalah, duduk, duduk. Duduk.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Okey, okey. Duduk, duduk, duduk, duduk.

Datuk Seri Haji Noh Bin Omar [Tanjong Karang]: Duduklah, duduk. Duduk.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk Yang Berhormat.

Seorang Ahli]: Ini DAP suruh cakap kah ini?

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Batu setuju dah.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat cukuplah. Cukuplah. *[Dewan riuh]* Cukuplah, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat cukup, cukup. Yang Berhormat Pokok Sena. *[Dewan riuh]*

Yang Berhormat Pokok Sena cukuplah. Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Perdana Menteri dah kata nak buat penjelasan. Sampai hari ini... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena, cukup. Cukuplah. Cukuplah. Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat duduk dan diam.

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tak saya nak... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Okey, bentara. Bentara. Okey, bentara. Saya...

[Dewan riuh] Okey. [Dewan riuh]

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Okey. Ya. Okey, bentara.

Seorang Ahli: Ini Yang Berhormat Pokok Sena nak jadi hero saja...

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Pokok Sena masuk, kita jumpa hari Isnin Yang Berhormat.

[Yang Berhormat Pokok Sena diiring keluar daripada Dewan]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat ya. Duduk diam sekejap. Saya ada dua perkara yang saya mengambil tindakan kepada Yang Berhormat Pokok Sena dan supaya isu ini tidak menjadi isu di luar.

-1820

Pertamanya, tidak mengendahkan nasihat dan teguran saya supaya duduk dan diam. Lama saya biarkan. Kedua, apabila dia mengeluarkan perkataan 'menteri bacul'. Jadi saya dengar dua perkataan ini, dua perbuatan ini, berlengah-lengah, berdegil-degil tidak menghormati Speaker dan apabila Speaker minta duduk diam, Yang Berhormat Pokok Sena masih kata dia tidak hendak duduk diam dan dia tidak menghiraukan arahan saya. Jadi bukan kerana Yang Berhormat Menteri gagal menjawab. Ini isu jelas dan jangan menjadikan isu ini kepada masyarakat di luar. Sila Yang Berhormat Menteri.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Katil, oleh kerana Yang Berhormat Bukit Katil tidak ada di dalam Dewan pada masa ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini di bawah Peraturan 42, tidak mendengar arahan Speaker.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Bukit Katil. Seterusnya Yang Berhormat, berkaitan dengan...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh mencelah?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Sekijang - Nanti-nanti, saya baca dahulu. Yang Berhormat Sekijang mencadangkan agar fatwa khusus mengharamkan rakyat Malaysia menyertai Islamic State (IS) dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, keputusan dan pandangan hukum yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) Kali Ke-106 pada 21-22 Oktober 2014, menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan IS adalah sia-sia dan tidak tergolong sebagai jihad.

Ketegasan hukum ini dikeluarkan bagi menghalang umat Islam di Malaysia terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ini yang bertentangan dengan ajaran Islam. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati pandangan hukum yang telah diputuskan ini masih belum mampu menyekat kecenderungan umat Malaysia di Malaysia untuk menyertai IS, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI akan meneliti mula keperluan untuk mengharamkan umat Islam menyertai IS berdasarkan fakta-fakta terkini daripada pihak keselamatan negara.

Yang Berhormat Sipitang dan Yang Berhormat Tanah Merah ada dalam Dewan? Menyarankan supaya langkah diambil dan mengadakan program khas ke seluruh negara bagi membetulkan kefahaman dan pengertian konsep jihad. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyusun dan menyelaras program penerangan tentang isu tersebut secara lengkap dan menyeluruh, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menubuhkan Jawatankuasa Bertindak Penjelasan Konsep Jihad yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JAKIM dan dianggotai oleh Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Polis Diraja Malaysia, Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM). Jawatankuasa ini adalah berfungsi seperti berikut:

- (i) berkongsi maklumat dan pengalaman antara agensi berkaitan bagi memudahkan perancangan dan pelaksanaan program;
- (ii) merangka dan menyediakan pelan tindakan yang jelas dan menyeluruh bagi mengatasi salah faham dan kekeliruan tentang konsep jihad;
- (iii) membuat penyelarasan, pelaksanaan program dan juga aktiviti berdasarkan peranan dan fungsi agensi yang terlibat; dan
- (iv) melaksanakan program dan aktiviti secara kerjasama melalui National Blue Ocean Strategy agar pelaksanaannya lebih cekap dan menyeluruh.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi menjelaskan pengertian konsep dan jihad ini menganjurkan siri seminar, wacana, dialog, persidangan bagi menjelaskan konsep jihad yang sebenarnya kepada pelajar dan pensyarah IPT, penjawat awam, pertubuhan bukan kerajaan NGO dan juga masyarakat awam.

Kedua, menyediakan teks khutbah Jumaat khas yang menjelaskan konsep jihad dan isu-isu yang berkaitan dengannya untuk dibacakan di masjid-masjid utama negara dan disiarkan secara langsung melalui TV1.

Ketiga, kempen dan kesedaran fatwa melalui keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Kali Ke-106 pada 21-22 Oktober 2014 yang bersidang di Kuala Terengganu yang memutuskan bahawa perjuangan mujahidin negara Islam IS adalah bertentangan dengan syarak dan kematiannya juga tidak dikira syahid.

Keempat, menerbitkan dan menyiarkan program ceramah dan forum melalui penerbitan media elektronik TV dan radio seperti Forum Perdana Ehwal Islam dan sebagainya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya habiskan dahulu. Kelima, menerbitkan risalah khas mengenai konsep jihad dalam Islam dan keenam, berkongsi maklumat dan membantu Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri dalam memantau dan menyelia sekolah-sekolah agama, pusat penyelidikan agama pondok dan juga negeri serta para pelajar dan warga penyidik tidak terlibat dengan sebarang unsur-unsur penyelewengan dan keganasan. Usaha-usaha seumpama ini akan diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa agar masyarakat Islam memahami dengan baik konsep jihad yang sebenar dalam konteks negara pada masa ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri. Berulang kali Yang Berhormat Menteri sebut tentang konsep jihad yang sebenar. Saya minta Yang Berhormat Menteri sebut secara ringkas, apa maksud konsep jihad yang sebenar. Ini kerana kadang-kadang dalam keghairahan kita untuk mengharamkan ISIS sebagai satu gerakan yang menimbulkan fitnah kepada Islam, mungkin kita juga boleh membatalkan jihad-jihad yang sepatutnya berlaku. Jadi saya mohon pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, apa maksud konsep jihad sebenar yang hendak dibawa oleh JAKIM dan sebagainya yang dikatakan tadi. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Betullah tadi, memang kena ada satu kuliah lain pula. Konsep jihad, jihad yang berakar umbi daripada *aljuhdu*, meletakkan satu kesungguhan. *We put the strong effort* untuk mencapai sesuatu tujuan yang murni. Salam konteks Islam, dia mengambil kira jihad itu begitu luas sehingga banyak cabangnya dan mengambil kesimpulan hadis Nabi apabila pulang dari satu medan pertempuran, [*Membaca sepotong hadis Nabi*] Kami pulang daripada jihad yang kecil kepada jihad yang lebih besar, sedangkan sahabat hairan kepada Nabi kenapa dikatakan begitu.

Balik dari perang, ada yang luka, ada yang mati dan sebagainya. Balik daripada perang ada yang cacat dan meninggal ramai tetapi masih lagi dianggap sebagai jihad yang kecil. Maka kata Nabi, jihad yang besarnya sekali adalah melawan hawa nafsu. Jadi pada ukuran ini Yang Berhormat Kuala Nerus, yang lebih memahami tentang hal hukum agama dan juga maksud pengertian jihad yang itu lebih luas dalam pengertian, bukan hanya sekadar pada lingkungan untuk berperang mengangkat senjata semata-mata. Mengangkat senjata dan berperang tentunya ada ganjaran-ganjaran yang tersendiri, tetapi mestilah pada lingkungan yang dibenarkan oleh hukum. Dalam erti kata mudah, jihad ini dalam konteks peperangan mestilah pengisytiharan daripada pihak kerajaan yang berautoriti dan juga mempunyai kekuatan.

Akan tetapi apabila bukan diisytiharkan oleh pihak kerajaan yang berautoriti untuk menghadapi hal ini sebagai jihad, maka ruang jihad yang lain juga termasuk mencari ekonomi jihad, meraih orang tengah ini daripada MOA, termasuk juga sebahagian daripada hal yang

disebut dengan jihad. Jihad dalam membasmi kejahatan iaitu membangunkan bidang pendidikan. Jihad membasmi masalah gejala sosial dan sebagainya. Terima kasih.

Saya pergi kepada Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sedikit pencelahan.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Kuala Nerus lagi? Selepas ini kena bangkit lagi. Sekejap lagi. Yang Berhormat Kuala Nerus menyatakan fatwa pengharusan GST adalah longgar dan minta Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan supaya menyemak semula fatwa tersebut. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Muzakarah Fatwa Kebangsaan bertarikh 21 dan 22 Oktober 2014 telah memutuskan bahawa Islam mengharuskan pemerintah atau *ulul amri* untuk mengutip cukai sebagaimana cukai barangan dan perkhidmatan GST yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia selagi mana terdapat keperluan dan masalah untuk negara dan rakyat dan pelaksanaannya hendaklah berpandukan parameter syarak seperti berikut:

- (i) negara komited melaksanakan syariat Islam;
- (ii) negara memerlukan sumber untuk pentadbiran;
- (iii) cukai yang dikutip hanya untuk memenuhi masalah daruriyyat dan juga hajjiyyat;
- (iv) bebanan cukai dikutip secara adil;
- (v) cukai dibelanjakan untuk masalah ummah, bukan untuk maksiat; dan
- (vi) agihan cukai hendaklah bertepatan dengan ijtihad ulama semasa dan setempat.

■1830

Sebelum keputusan tersebut dibuat, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah meminta satu kajian terperinci dijalankan dan kajian telah dijalankan secara intensif oleh kumpulan penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang terdiri daripada pakar-pakar syariah dan juga ekonomi. Berdasarkan hasil penyelidikan tersebut, muzakarah mendapati bahawa semua pendapatan negara yang dikutip daripada rakyat dibahagikan kepada dua iaitu zakat dan juga cukai.

Isu cukai adalah isu siasah syariah yang bergantung kepada *masalah* yang berbeza-beza antara sesebuah negara dengan negara yang lain dan *masalah* pada sesuatu zaman berbanding dengan zaman yang lain.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat***]

Kedua, cukai yang tidak berasaskan masalah yang dibenarkan oleh syarak yang tidak dibenarkan oleh syarak adalah diharamkan. Oleh itu jika kerajaan sesebuah pemerintahan mengutip cukai bagi memenuhi masalah daruriyyat dan juga *hajjiyat* rakyat seperti untuk

memenuhi tanggungjawab sosial dan kepentingan rakyat serta keperluan jihad fisabilillah, maka ia adalah dibenarkan.

Sebahagian ulama iaitu Ibnu Hazm, Ibnu Taimiyah, Ibnu Al-Musili, Al Shafie, Al-Shatibi, Ibnu Khaldun, Ulama semasa Mahmud Shaltut dan Ahmad Raisuni membenarkan kerajaan untuk mengenakan cukai kepada rakyat sekadar untuk memenuhi masalah umum pentadbiran negara. Majoriti para ulama berpandangan kerajaan haram mengutip cukai daripada rakyat. Namun, jika terdapat keperluan yang mendesak maka kerajaan dibenarkan mengenakan cukai bagi memenuhi *masalah* umum rakyat berdasarkan kaedah fiqhiyah, syariat dilaksanakan untuk keselamatan manusia dan menolak kerosakan kepada mereka.

Syariah [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan, muzakarah berpandangan bahawa apabila kerajaan mengutip cukai daripada rakyat wujud **kemuabatan** khusus iaitu harta milik rakyat akan berkurangan. Namun jika cukai tidak dikutip banyak masalah umum tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan.

Oleh itu, berdasarkan kaedah fiqhiyah, ditanggung kemudahan khusus untuk mengelak berlakunya mudarat umum [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Maka, kerajaan dibenarkan untuk mengutip cukai demi memenuhi masalah umum. Justeru, keputusan yang telah dibuat oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan terhadap isu GST ini adalah bertepatan dengan kehendak Islam.

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Isu yang sama saya bangkitkan dalam ucapan saya sebelum ini. Kita tidak bincang isu cukai boleh atau tidak. Ulama telah putuskan cukai dibenarkan dalam keadaan tertentu. Akan tetapi yang saya bangkitkan adalah tentang hukum cukai GST secara khusus, bukan hukum cukai secara umum kerana sama lah juga di hadapan saya nas teks daripada apa yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi itu hanya dalil umum tentang cukai boleh atau tidak.

Kalau ambil cukai GST, tentang konsep GST sahaja itu saya timbulkan. Oleh kerana GST ini pertama sekali kalau dibuat hujah bahawa ada *hajiyat* dan *daruriyat*, apakah *daruriyat* nya sedangkan kerajaan sendiri ketirisan RM40 bilion setahun. Sedangkan yang dijangka hanya dapat sekitar beberapa bilion untuk tahun ini. Itu sebagai contoh.

Kedua, kalau diambil syarat yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa pada syarat yang keempat bila mengharuskan cukai. Dia kata bebanan cukai dikutip secara adil. Ini yang saya timbulkan persoalan kerana cukai GST, bukan cukai lain, cukai GST sebab bincang cukai GST. SST saya tidak bincang, cukai peribadi saya tidak bincang, korporat saya tidak bincang. Ini cukai GST.

GST saya buat contoh baru-baru ini dikenakan pada orang miskin menerusi perkhidmatan ambil duit daripada ATM 6% iaitu 6 sen. Kaedah yang difatwakan oleh ulama antarabangsa dalam bab cukai dibolehkan ambil cukai oleh kerajaan, syaratnya tidak dikenakan pada orang miskin walaupun sekecil nilainya. Itu persoalannya. Oleh kerana saya tegaskan

bahawa kalau ambil duit di ATM mungkin orang miskin RM20 dalam bank dia. Dia kena caj 6 sen, itu sebagai contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Jadi sebab itu saya kata fatwa ini perlu disemak. Saya minta satu semakan dan saya bersedia untuk hadir, berikan pandangan. Mungkin bukan di sini tempatnya tetapi saya rasa ini perlukan semakan sebab ia menjadi fatwa dan akan menjadi rekod antarabangsa, rekod dunia, rekod sejarah.

Jadi saya rasa sangat-sangat longgar. Jadi, saya pun tidak nak bahas panjang. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk ambil satu lagi tebaran untuk disemak dan kami bersedia untuk hadir memberikan pandangan kami *insya-Allah*. Itu dia, terima kasih.

Ketiga, satu lagi Yang Berhormat Menteri, sekadar nota sahaja lah. Hujah tentang hadis kami pulang daripada jihad yang kecil ke jihad yang besar itu hadis yang lemah. Itu hadis yang lemah dan sesetengah ulama mengatakan itu bukan hadis. Jadi, saya sekadar nota kan untuk maklumat bersama sahajalah. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, GST ini adalah hasil penggantian kepada SST dengan izin *Sales and Services Tax* digantikan dengan *Goods and Services Tax*. Apa sekali pun Yang Berhormat sebenarnya sirah atau pun lafaz-lafaz yang diturunkan di dalam kandungan fatwa itu dia mengambil ringkas, perbincangan itu mengambil tempoh dua hari dalam pembentangan ini.

Pembentang-pembentang daripada kajian-kajian terutamanya pada isu-isu dan kes-kes yang bukan kebiasaan, kita akan jemput bahagian penyelidikan JAKIM ada satu bahagian yang akan menjemput bahagian-bahagian yang tertentu. Oleh sebab itu dalam konteks GST kita jemput daripada UTM dengan pakar-pakar syariah dan juga pakar ekonomi termasuk Dr. Ashraf Hashim pakar ekonomi, anak Allahyarham Dato' Hashim Yahya termasuk dalam pakar-pakar yang memberikan pandangan-pandangan dalam hal yang berkaitan GST.

Saya menghormati pandangan Yang Berhormat Kuala Nerus dan juga rakan-rakan ulama yang lain tentang pandangan-pandangan mereka, hal yang seperti ini. Akan tetapi dalam konteks bila mana kita hendak mencari keselarasan hukum untuk kita mendapat satu keputusan yang tepat daripada pandangan pihak kerajaan, maka di samping kita menghormati pandangan-pandangan ulama dan cendekiawan ilmuwan dan sebagainya, kita mengambil ketetapan yang diputuskan melalui pihak Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan.

So, Majlis Fatwa Kebangsaan adalah mereka yang mempunyai *authority* dalam memberikan pandangan bagi memandu kerajaan di dalam melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada kerajaan. Dalam masa yang sama saya bersetuju dengan apa yang telah Yang Berhormat tawarkan untuk saya panjangkan kepada pihak yang berkaitan khususnya Majlis Fatwa sebab Majlis Fatwa ini ditubuhkan di atas kuasa dan perkenan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Negeri melalui mufti-mufti mereka dan bagi peringkat kebangsaan adalah Di Bawah Perkenan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong. Jadi, akan saya panjangkan untuk mengambil perhatian bagi tujuan perbincangan ilmiah dan sebagainya. Terima kasih.

Yang Berhormat Kinabatangan meminta JAKIM memantau aktiviti penyebaran fahaman berkaitan Syiah dan juga Wahabi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai tindakan telah diambil oleh Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam JAIN bagi menangani perkara penyebaran ajaran Syiah. Antaranya seperti berikut:

- (i) tangkapan 125 di Selangor, 17 di Johor, enam di Perak, satu di Pahang; dan
- (ii) pendakwaan lima di Perak, dua di Selangor dan satu di Pahang.

Bagi membendung fahaman Syiah dari terus menular dan mempengaruhi umat Islam di negara ini, kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah. Antaranya seperti berikut:

- (i) menyebarkan fatwa-fatwa yang telah dibuat tentang ajaran Syiah kepada masyarakat termasuk dengan mencetak poster, risalah, *pamphlet* anti Syiah untuk sebaran umum;
- (ii) mengadakan sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah penyebaran maklumat tentang kesesatan ajaran Syiah menerusi media cetak dan elektronik termasuk dengan melibatkan stesen-stesen televisyen swasta, kerajaan dan majalah-majalah;
- (iii) melaksanakan program pemantauan dan mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik berkaitan fahaman Syiah menerusi media-media berkenaan; dan
- (iv) meningkatkan kerjasama antara agensi agama dengan kementerian yang berkaitan dalam menangani fahaman Syiah daripada berleluasa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta celahan sedikit?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya habiskan sedikit sahaja dia *point*. Kalau tidak terputus.

Berkaitan fahaman Wahabi. Ini kerajaan prihatin dan sentiasa mengambil berat isu-isu furu'iyah atau pun masalah-masalah cabang yang dikaitkan dengan pendokong fahaman ini supaya tidak menjejaskan perpaduan masyarakat Islam di negara ini. Bagi mengelakkan kekeliruan masyarakat berkenaan fahaman ini, kerajaan sentiasa mengambil pendekatan ke arah mengharmonikan semua pihak seperti berikut:

- (i) mengadakan sesi penjelasan kepada masyarakat melalui program-program ceramah dan penyebaran maklumat berkenaan akidah Al Sunah Waljamaah yang diamalkan di Malaysia dan Wahabi termasuk dalam apa yang diputuskan oleh para ulama dan Majlis Fatwa mereka adalah termasuk dalam golongan Al Sunnah Waljamaah;

■1840

- (ii) sentiasa mengadakan perbincangan dengan semua pihak bagi berbincang berkenaan tumpuan dakwah sebenar ke arah melahirkan masyarakat yang harmoni; dan
- (iii) memantau mengawal bahan-bahan media cetak dan elektronik daripada sebarang ajaran yang bercanggah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, mengenai penganut Syiah, ini bukan sudah menjadi orang kata sebagai rahsia bahkan mana-mana kita duduk ada orang akan berbicara soal pengembangan agama kepercayaan Syiah ini dan Wahabi ini. Saya bimbang kalau tidak kita bendung di negara kita ini sebab itulah IS ini pun merebak begitu luas sebab ada kefahaman Syiah itu diterapkan.

Saya bimbang Yang Berhormat Menteri, kalau tidak kita bendung dan dalam Dewan ini pun bukan saya mahu menuduh tetapi ada juga orang kata ada juga pemimpin yang menganut Syiah di sini. Jadi kita bimbang. Kalau tidak kita teliti anutan kepada Syiah ini begitu ganas. Syiah ini dia ganas, dia tidak memerlukan perundingan yang lembut.

Jadi saya memintalah Yang Berhormat Menteri kalau boleh kita bendung perkara ini secara habis-habisan. Jangan biarkan dia merebak, melarat sebab kita ini negara majmuk, negara yang berbilang kaum. Kalau tercetus satu kali parahlah negara kita. Jadi jangan tolak ansur. Asal ada sahaja kita gempur dia, perangilah dia sampai dia tidak lagi merebak di negara kita.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Sebenarnya kita sentiasa mengambil pendekatan yang sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi namun di sana ada kekangan oleh kerana perkara ini lebih banyak berkaitan dengan kepercayaan yang berkaitan soal dalaman akidah.

Jadi kadang-kadang sukar untuk kita hendak mengambil tindakan-tindakan melainkan memerlukan pembuktian-pembuktian yang agak tinggi sebab soal akidah, kepercayaan, ini dia lebih bersifat perkara yang menyentuh soal kepercayaan seseorang tersebut yang bila mana kita bawa ke peringkat pendakwaan dia menghilangkan pengakuan dia. Kalau kita hendak ukur kerana sembahyangnya dengan menggunakan batu, dia kadang-kadang berhujah batu yang ada itu kebetulan dan bukan dia yang bawa, memang ada di depan tersebut.

Namun Yang Berhormat, berdasarkan kepada kes-kes pendakwaan dan juga tangkapan yang banyak tadi menggambarkan serius Majlis-majlis Agama Islam Negeri untuk melaksanakan tanggungjawab ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun].*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Ya, sila.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hanya saya agak keliru dengan ucapan Yang Berhormat Kinabatangan kerana dia samakan yang Syiah dengan IS sedangkan kita nampak yang IS ini

berperang dengan Syiah. Lalu saya rasa penjelasan-penjelasan yang seperti inilah yang mengelirukan sehingga kita tidak faham siapa...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya punya *statement* cetusan daripada ajaran Syiah. Itu kena faham Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Apa kena mengena Syiah dengan IS? Ini kerana yang IS ini pun timbul untuk memerangi Syiah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, saya bukan menuduh tetapi Yang Berhormat Shah Alam ini ada unsur-unsur Syiah kalau macam ini. [*Dewan riuh*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: [*Ketawa*] Inilah yang masalahnya yang pandai-pandai hendak membuat tuduhan. Ini yang menimbulkan kekeliruan lalu kalau kita hendak tangani ancaman kefahaman sama ada yang IS ataupun yang Syiah itu kita kena ada ilmu dan jangan main tembak ikut suka dan saya rasa kalau boleh saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan supaya dapat membezakan dua ancaman ini dan bukan dilonggokkan semuanya dalam satu yang akan mengelirukan masyarakat tentang masalah yang sebenarnya. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Kinabatangan. Saya mengambil apa yang telah disebutkan tadi, saya melihat ada di sana semangat keislaman yang tinggi di kedua-dua pihak. Yang Berhormat Shah Alam pun ada cuma Yang Berhormat Kinabatangan beritahu tadi kata Yang Berhormat Shah Alam ada unsur-unsur Syiah. Jadi setakat yang saya nampak tidak ada. Jadi...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Kinabatangan dia memang macam itu dia main tuduh sahaja. Dia bukan ada ilmu pun semangat sahaja.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tidak, sebenarnya yang penting semangat itu bersama-sama tetapi saya dapat rangkumkan kedua-dua Yang Berhormat Shah Alam dan Yang Berhormat Kinabatangan mempunyai satu semangat hendak menjaga Islam dan kita amat menghormati pandangan seperti ini.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri yang semangat tanpa ilmu inilah yang timbulkan IS. [*Dewan riuh*]

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tidak, IS juga bertentangan dengan Islam, Syiah juga bertentangan dengan *Ahli Sunah Waljamaah* di Malaysia. Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Tenom ada?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Saya akan menjawab secara bertulis. Yang Berhormat Simpang Renggam?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tidak ada, begitu juga saya akan beri jawapan bertulis. Yang Berhormat Ipoh Barat?

Seorang Ahli: Tidak ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]: Pun tidak ada di Dewan, saya akan jawab jawapan bertulis. Yang Berhormat Parit?

Beberapa Ahli: Ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih, sahabat Yang Berhormat Parit yang telah pun menyarankan undang-undang syariah diperkukuhkan dan kerajaan mengambil langkah bagi menghalang campur tangan Mahkamah Sivil dalam keputusan Mahkamah Syariah.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dalam konteks sistem perundangan dan kehakiman di Malaysia ia terbahagi kepada dua sistem iaitu perundangan sivil iaitu Mahkamah Sivil dan perundangan syariah, Mahkamah Syariah dan bidang kuasa kedua-dua mahkamah tersebut diperuntukkan secara jelas iaitu perkara 121(1)(a) dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang lain yang berkaitan. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa penggubalan sesuatu undang-undang di negara ini adalah selaras dengan prinsip hukum syarak dan Maqasid Syariah.

Bagi tujuan ini Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil telah ditubuhkan bagi tahun 1988 yang diurusetikan oleh JAKIM. Antara fungsi jawatankuasa ini ialah mengkaji, menyemak dan menggubal undang-undang Islam yang seragam untuk pemakaian seluruh negara. Usaha ini dijalankan secara bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Kerajaan sedang dalam tindakan aktif membuat cadangan pindaan terhadap undang-undang berkaitan yang bakal menjadi suatu landasan untuk mencari jalan penyelesaian secara holistik dengan mengambil kira kepentingan kebajikan dan keadilan semua pihak. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Parit Sulong ada ya?

Beberapa Ahli: Ada-ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Mencadangkan kerajaan memberikan perhatian khusus kepada pengusaha-pengusaha kecil, industri kecil dan sederhana (IKS) untuk memperolehi sijil pengesahan halal. Sememangnya menjadi hasrat kerajaan melalui JAKIM untuk membantu IKS memperoleh sijil pengesahan Halal Malaysia. Secara umumnya, pemohon sijil pengesahan Halal Malaysia perlu mematuhi garis panduan keselamatan dan kebersihan makanan seperti *Good Manufacturing Practice (GMP)*, *Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)* dan sebagainya.

Bagi Industri Kecil Sederhana (IKS) asas kebersihan dan keselamatan makanan perlu dipatuhi walaupun tidak mempunyai persijilan GMP atau HACCP. Agensi pembimbing seperti Industri Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), Jabatan Pertanian dan seumpamanya dapat membantu pihak IKS dalam mematuhi syarat sijil pengesahan Halal Malaysia.

Ingin saya jelaskan, walaupun sumber yang digunakan oleh pengusaha-pengusaha kecil tersebut adalah halal secara zahir namun begitu ia masih perlu kepada pengesahan pihak berkuasa terhadap ramuan yang digunakan. Proses ini melibatkan pemeriksaan lapangan dan pembuktian berasaskan dokumentasi. Yang Berhormat Lumut...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih di atas penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai cara dan prosedur bagi mendapatkan *certification* halal. Ada satu soalan yang saya hendak tanya berkaitan dengan perkara ini Yang Berhormat Menteri.

Isu Halal Malaysia ini saya rasa kebanyakan pengusaha ini dia faham cara prosedur dan segalanya tetapi masalah yang sering ditimbulkan adalah *length* ataupun jangka masa untuk mendapatkan *certification* halal ini. Secara kebetulannya pada tahun ini pula Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN dan di akhir tahun ini sasarannya ialah untuk mewujudkan satu komuniti ekonomi ASEAN akhir tahun ini.

Jadi, soalan saya sebab saya mendapat banyak kompelin daripada usahawan-usahawan yang mengatakan bahawa Halal Malaysia ini diterima di kebanyakan negara tetapi di dalam negara ASEAN ini sendiri sijil halal yang dikeluarkan oleh JAKIM ini tidak diterima di Indonesia kerana mereka mengeluarkan tetapi sijil halal Indonesia yang dikeluarkan oleh MUI ataupun Majlis Ulama Islam Indonesia diterima di Malaysia tetapi sijil halal kita tidak diterima di Indonesia. Jadi ini macam mana kita hendak meneruskan sasaran kita untuk menjadikan *Community Economic ASEAN 2015*.

Jadi, saya hendak minta penjelasan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini dan cara bagaimana Yang Berhormat Menteri boleh membantu menyelesaikan masalah ini agar sasaran kita untuk menghantar produk-produk IKS kita ke Indonesia ini untuk mendapatkan *certification* halal kita boleh diterima di Indonesia. Terima kasih.

■1850

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Parit Sulong, berkenaan jangka masa, sememangnya jangka masa yang telah diberikan sebagai SOP kepada Bahagian Halal ialah 30 hari pada tarikh bekerja dan setelah syarikat itu *comply*, dengan izin, mematuhi kepada semua permohonan-permohonan. Namun, untuk tempoh masa ini, sedang dalam proses dipercepatkan tempoh masa lagi yang kita berikan KPI kepada pihak Bahagian Halal.

Berbalik kepada yang Yang Berhormat sebutkan pasaran kita di Indonesia. Sebenarnya oleh kerana bentuk makanan dan juga makanan yang hampir sama Malaysia dan juga Indonesia apatah lagi peluang untuk pemasaran yang begitu luas kerana memiliki rakyat seramai 240 juta, jadi bagi pasaran barangan yang dapat menembusi pasaran Indonesia pada jarak yang agak dekat dan juga mempunyai makanan yang hampir sama memerlukan kepada satu semangat kekuatan. Akan tetapi, sebagaimana Yang Berhormat sebutkan tadi ialah kerana Sijil Halal kita tidak diperakui. Sebab itu saya tengok nampak Yang Berhormat bagi tunjuk...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Mengganggu-angguakkan kepala]*

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tak, tak. Belum, tidak habis lagi. Kena cerita panjang sedikit bagi Yang Berhormat faham bahawa bila sijil ini perlu untuk diperakui. Memang di peringkat Indonesia, badan-badan agama mereka sama ada Nahdlatul Ulama yang memiliki 72 juta pengikut dan juga ahli, Majlis Muhammadiyah memiliki pengikut seramai hampir 40 juta. Daripada jumlah yang begitu banyak, mereka merupakan badan yang agak unggul di sana. Kerajaan Indonesia menggunakan Majlis Ulama Islam untuk memutuskan sijil tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, kita telah berbincang sebenarnya. Ini kerana syarat untuk masuk di sana ialah menggunakan sijil mereka ataupun menggunakan sijil Malaysia tetapi berlogokan halal Indonesia. Jadi hal ini boleh menimbulkan kekeliruan sebab Halal Malaysia dia mempunyai satu standard yang telah kita tetapkan supaya kualiti dan juga kekuatan sijil itu dipercayai oleh negara-negara dunia.

Jadi, oleh sebab yang demikian, untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kita telah mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Indonesia melalui MABBIM. MABBIM dianggotai oleh Malaysia, Indonesia, Brunei dan juga Singapura dan di peringkat *Senior Officer Meeting (SOM)*, kita telah pun adakan satu kesepakatan dan sudah ada persetujuan di peringkat *Senior Officer Meeting* ini yang melibatkan Malaysia dan Indonesia supaya sijil Malaysia diperakui di Indonesia. Jadi kita doa banyak-banyak Yang Berhormat supaya nanti dapat diselesaikan dalam masa yang munasabah supaya dapat kita selesaikan Sijil Halal yang Malaysia boleh masuk ke Indonesia.

Yang Berhormat Lumut ada? Yang Berhormat minta penjelasan mengenai peluang dan bantuan kepada guru-guru KAFA dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) meneruskan pengajian ke peringkat diploma dan IPTA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa guru-guru KAFA adalah tertakluk di bawah bidang kuasa agensi bertanggungjawab di peringkat negeri masing-masing dan menerima elaun berdasarkan jumlah jam mengajar serta tidak terikat dengan agensi bertanggungjawab tersebut. Manakala pelantikan guru Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengelola Sekolah berkenaan. Sehubungan yang tersebut, maka kerajaan telah mengusahakan, melalui Lembaga Sekolah, tiada halangan untuk supaya guru-guru KAFA dan SAR untuk meneruskan pengajian peringkat diploma ataupun IPTA jika memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, mereka terikat dengan kontrak perkhidmatan semasa melapor diri dalam perkhidmatan tersebut.

Yang Berhormat Batu Gajah, ada Yang Berhormat Batu Gajah? Tidak ada di sini, saya akan bagi jawapan bertulis.

Yang Berhormat Kuala Nerus...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Batu Gajah ada.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: *Sorry.* Tuan Yang di-Pertua minta dipendekkan, yang lain bertulis dan ada Ahli-ahli Yang Berhormat kita ada majlis-majlis yang lain. Cuma kalau boleh saya jawab yang Yang Berhormat Batu Gajah ini dan selebihnya jawab bertulis, diizinkan Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh Yang Berhormat.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Yang Berhormat Batu Gajah bertanya apakah pendirian kerajaan terhadap Projek Mencetak Satu Juta Al-Quran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa projek ini adalah bukan projek kerajaan tetapi adalah projek yang dibuat oleh pertubuhan bukan kerajaan ataupun dalam singkatannya NGO. Kerajaan difahamkan – ini kerajaan diberitahu berdasarkan maklumat yang kita dapat. Projek Mencetak Satu Juta Al-Quran kini dijenamakan sebagai 1Soul 1Quran merupakan usaha terjemahan Al-Quran ke dalam empat bahasa iaitu bahasa Inggeris, Mandarin, Tamil dan juga bahasa Melayu yang dilaksanakan oleh *Islamic Information and Services Foundation (IIS)*. Ini bukan IS yang Syria itu.

Antara matlamat projek yang telah dilaksanakan sejak tahun 2003 ini adalah memberikan penjelasan dan kefahaman mengenai Al-Quran dan Islam kepada yang ingin mendapat maklumat lanjut mengenai ajaran Islam. Ia juga merupakan usaha memantapkan pengetahuan dan maklumat umum kepada masyarakat tentang Al-Quran sebagai sumber utama agama Islam.

Islamic Information and Services Foundation (IIS) dalam kenyataan media menjelaskan bahawa program tersebut bertujuan memerangi Islam fobia dengan merujuk kitab utama agama Islam yang membuktikan agama ini adalah anti kepada keganasan.

Itu sahaja...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit, boleh?

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Ya.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, apakah kaedah mereka hendak edarkan Al-Quran ini? Siapakah kumpulan sasaran ini? Itu saya hendak tahu sebab dalam media sosial memang tersebar luas mengatakan bahawa kumpulan sasaran ialah dari kalangan golongan bukan Islam dan akan diedarkan kepada mereka, bukan kepada mereka yang minta. So saya hendak kepastian tentang perkara ini. Adakah sekolah-sekolah juga menjadi sasaran untuk pengedaran kitab suci Al-Quran yang sudah diterjemahkan kepada bahasa-bahasa lain? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Saya sudah sebutkan di awal tadi bahawa ini adalah merupakan kumpulan NGO yang bukan daripada pihak kerajaan. Memang segala hal yang dilaksanakan mereka, mereka tidak melaporkan kepada pihak kita. Namun, kita telah minta penjelasan. Daripada maklumat yang disampaikan, mereka mengambil pendekatan untuk memaklumkan hal-hal yang berkaitan dengan dalaman Islam yang akhirnya untuk menghilangkan apa yang dipanggilkan dengan Islam fobia sebagaimana yang menjadi kebimbangan dan akhirnya mereka menjadikan orang Islam sebagai musuh dengan tanpa pengetahuan dan juga tanpa mereka sedari.

Mungkin barangkali Yang Berhormat katakan tadi untuk pengedaran Al-Quran di sekolah-sekolah. Ini juga saya perlu tegaskan bahawa pengedaran di peringkat sekolah, ia tidak melibatkan pihak yang luar daripada sistem pendidikan melainkan daripada Kementerian Pendidikan dan juga termasuk daripada Bahagian-bahagian Agama Negeri dan juga Persekutuan. Jadi saya mengharapkan dengan jawapan ini memberikan penjelasan kepada kebimbangan Yang Berhormat berkaitan dengan supaya jangan ada nanti di peringkat sekolah penyebaran-penyebaran yang seperti ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja penggulangan yang dapat saya lakukan pada petang ini. Untuk yang tidak sempat untuk saya jawab pada saat dan ketika ini, perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam akan saya jawab dalam jawapan bertulis. Saya mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua pihak yang telah turut sama untuk membahaskan hal yang berkaitan agama ini. Terima kasih. Saya sudah dengan *wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Dijemput Yang Berhormat Selangau.

6.59 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibu dan Yang Berhormat Putatan yang telah menyentuh agensi di bawah portfolio saya iaitu MAMPU semasa perbahasan Titah Diraja tahun ini pada minggu lepas. Sesungguhnya saya amat menghargai cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sibu membangkitkan – ada di sinikah? Tidak ada? Tak apalah, jawapan ini pendek. Saya teruskan. Yang Berhormat Sibu membangkitkan isu penggunaan perkataan ‘Dayak’ bagi menggantikan ‘lain-lain’ untuk ruangan kaum dalam borang rasmi kerajaan.

▪ **1900**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak pada 5 Mac 2015, telah bersetuju dengan cadangan penggunaan istilah ‘Dayak’ ditambah kepada bangsa Melayu, Cina dan India. Kemungkinan, kalau tidak ada yang dapat dimasukkan dalam istilah Dayak, kemungkinan kita masih mengekalkan ‘lain-lain’ untuk orang yang tidak termasuk dalam empat kategori yang telah dipersetujui ini. Akan tetapi, istilah ini nanti Jawatankuasa Teknikal Bumiputera Sabah dan Sarawak akan mengemukakan kepada Jemaah Menteri untuk persetujuan dan seterusnya untuk mendapatkan penguatkuasaan kepada semua jabatan dan agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan pula membangkitkan isu pentadbiran yang ada kaitan dengan sistem penyampaian kerajaan demi memberi contoh usahawan yang terpaksa ke Putrajaya untuk berurusan dan memohon lesen. Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, kerajaan sentiasa komited dalam memastikan semua rakyat termasuklah di Sabah dan Sarawak, mudah berurusan dengan agensi-agensi persekutuan melalui penambahbaikan, perekayasaan proses kerja ataupun *group business process reengineering* dan pelaksanaan urusan dalam talian ataupun *online*.

Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH) misalnya telah menubuhkan *focus group business process reengineering* yang bertujuan mengurangkan halangan-halangan untuk menjalankan perniagaan dengan menghapuskan peraturan yang tidak perlu dan kos pematuhan yang membebankan. Ini terbukti apabila Laporan *World Bank Doing Business 2015* telah meletakkan negara Malaysia di kedudukan yang ke-18 daripada 189 buah negara. Tahun lepas, kita di nombor yang ke-20. Sekarang sudah naik ke-18. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kebanyakan urusan pembaharuan lesen pada masa ini telah boleh dilaksanakan secara dalam talian dan boleh dilakukan di mana-mana tempat sahaja yang mempunyai akses internet. Bagi pendaftaran perniagaan baru, ia boleh dilakukan secara dalam talian melalui perkhidmatan e-Lodgement Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) manakala lain-lain lesen atau permit perniagaan juga boleh dilakukan secara dalam talian di sistem sokongan elektronik pelesenan perniagaan (BLESS).

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Untuk kes sekiranya ada, Yang Berhormat, kita minta *detailnya* supaya kalau betul belum dapat dibuat di Sabah ataupun di mana-mana tempat di Malaysia selain dari Putrajaya supaya kita dapat berusaha untuk memperkenalkan sistem itu nanti sekiranya tidak ada halangan ataupun kekangan yang tertentu. Berilah kita butir-butir yang tertentu. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh? Boleh? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju 100% hujah Yang Berhormat Menteri soal apa yang dilakukan melalui internet, pembaharuan lesen, melobi projek, misalnya. Betul, saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri. Ini semua ada. Akan tetapi pada realitinya, bukan senang. Pemohon ini terpaksa berhijrah juga ke Kuala Lumpur, tinggal di sini berminggu-minggu untuk mendapatkannya. Berjumpa pegawai pun bukan senang sebab ada juga yang gagal. Jadi minta dan merayu terutama sekali melobi projek. Bayangkan *classy* punya orang pun datang sini merayu. Ini betul.

Saya setuju melalui internet ada walaupun juga ada permohonan-permohonan masuk ke IPTA, misalnya. Semua ada dalam internet tetapi masalahnya *in reality*, bukan senang. Terpaksa merayu ke Putrajaya. Minta lesen pun merayu. Jadi ini perkara yang saya timbulkan. Ini keluhan. Saya rasa Menteri Kerja Raya pun bersetuju ramai rakyat yang *berbusiness* ke Putrajaya, pergi ke Kementerian Kewangan, pergi ke Kementerian Kerja Raya, pergi kepada Menteri, pergi jumpa ini, pergi jumpa itu. Jadi, bayangkan kesusahan mereka ini.

Mana kita punya dasar memperkasakan usahawan bumiputera? Manakah dia 1Malaysia? Bolehkah pihak kerajaan supaya membentuk satu pendekatan yang mana disenangkan supaya ada pejabat-pejabat mewakili kementerian-kementerian ditetapkan di

Labuankah, di Kuchingkah ataupun di Kota Kinabalu? Boleh atau tidak cadangan ini difikirkan sebelum tahun 2020?

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya, sistem untuk memohon lesen ini ada diwujudkan di semua negeri dan di banyak tempat di negeri masing-masing. Akan tetapi, kalaulah pemohon itu dia memang hendak berinteraksi secara *face-to-face* dengan pegawai yang tertentu, itu memang kita tidak dapat wujudkan dalam sistem kita. Itu adalah agak luar biasa. Itu atas inisiatifnya sendiri dan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, saya cakap *in reality, what is happening now*.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Saya tahu tetapi kalau dia memohon, dia gagal dan dalam sistem itu tidak dapat ada sistem untuk merayu, itu dia terpaksa pergi ke Putrajaya. Dia kena jumpa orang secara peribadi dan tidak dapatlah kita wujudkan sistem itu. Tidak akanlah kita letakkan mana-mana pegawai yang tertentu menetap di sana. Kita tidak tahu ada atau tidak orang memerlukan beliau nanti. Itu satu.

Keduanya, kalau permohonan itu ditolak, mesti ada sebabnya. Apabila sebab itu dicatat dalam penolakan itu, saya percaya, kalau ditunaikan kehendak yang dikatakan belum *complete* tadi, tidak mungkin permohonan itu masih juga ditolak. Akan tetapi saya percayalah apa yang berlaku adalah satu, ada orang yang terlibat hendak memohon projek dan sebagainya dan orang itu hendak *appear* apabila projeknya tidak diluluskan dan minta pertimbangan dan hendak merayu secara peribadi. Itu memang saya akui. Besar kemungkinan orang itu tidak dapat berjumpa secara cepat dengan pegawai yang berkenaan.

Sekian, saya ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan kepada portfolio yang dipegang oleh saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Batang Sadong.

7.08 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu di bawah Jabatan Perdana Menteri semasa mengambil bahagian dalam usul menjunjung Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dari 10 Mac hingga 19 Mac 2015 yang lalu. Sesungguhnya, saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini. Ada beberapa orang yang tidak ada di dalam Dewan.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Kuala Selangor. Ada di dalam ya? Beliau mencadangkan agar Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kewangan (AKPK) dan Jabatan

Insolvensi Malaysia (MDI) untuk merangka langkah-langkah yang efektif dalam mendidik golongan belia dalam pengurusan kewangan yang lebih bijak. Saya akan menjawab untuk agensi di bawah seliaan saya sahaja iaitu MDI. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) menjalankan fungsinya sebagai pentadbir harta bankrap selepas perintah penerimaan dan perintah penghukuman dijatuhkan oleh mahkamah yang mana pada tahap ini proses pencegahan ataupun *preventive*, dengan izin seperti pendidikan, kewangan dan sebagainya akan berakhir dan bermulanya proses pembetulan ataupun *corrective*, dengan izin.

MDI telah menjalinkan kerjasama dengan 1M4U serta Kementerian Belia dan Sukan dalam memberikan penerangan mengenai kesan kebangkrupan kepada golongan belia. Program seperti ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada golongan belia mengenai perancangan kewangan yang baik bagi mengelakkan daripada dibankrapkan.

■1910

Sebenarnya banyak program yang kita anjurkan Yang Berhormat. Nanti saya bagi secara *detail* sebab ia terlalu panjang senarainya. Itu fungsi dan peranan sedia ada MDI dalam mentadbir kes kebangkrupan pada masa ini adalah mencukupi dan tidak bercadang untuk menambah peranan jabatan pada masa ini. Sebaliknya MDI akan memastikan pentadbiran kes kebangkrupan sedia ada dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif. Namun pada masa yang sama, MDI sentiasa bersedia melaksanakan program kerjasama dengan agensi-agensi lain seperti AKPK dalam Strategi Lautan Biru bagi meningkatkan kesedaran terhadap kebangkrupan dan pengurusan kewangan yang bijak di kalangan masyarakat.

Seterusnya Yang Berhormat Sepanggar, ada di dalam Dewan ya?

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. RonaldKiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Sikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan penghargaan di atas inisiatif yang dilakukan oleh MDI terutama sekali dalam kempen-kempen kesedaran untuk memastikan kita dapat mengurangkan kebangkrupan di kalangan generasi muda. Saya cuma hendak tahu dari segi keberkesanan. Ini kerana saya kluatir nanti apabila dilaksanakan GST nanti ada sesetengah pihak akan menggunakan alasan kebangkrupan ini disebabkan GST. Oleh sebab itu saya amat berharap agar pihak kerajaan dapat mainkan peranan lebih kreatif supaya akhir nanti elemen-elemen kebangkrupan ini bukan disebabkan oleh GST. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak bawa statistik tetapi ingin saya nyatakan di sini sebenarnya sudah bertambah. Makin ramai orang yang datang secara peribadi dan menghubungi MDI. Ini kerana kita sering kali mengadakan bkn sahaja *road show* tetapi juga kadang-kadang saya sendiri kerap kali bersiaran di radio dan juga di pentas-pentas yang mana saya ada peluang di mana-mana. Sebenarnya kita merancang untuk mengadakan program – bukan sahaja merancang, sudah pun kita mula pada tahun lepas untuk pergi ke seluruh negara. Setakat ini kita sudah pergi ke Johor, Pulau Pinang, kita sudah

pergi ke Perak, tidak semua di Perak cuma satu program di Perak dahulu dan Sarawak, Sabah dan Labuan baru-baru ini. Jadi *insya-Allah* kita akan adakan lagi di tempat-tempat lain memang adapun dalam perancangan. Okey, terima kasih.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Sikit, sikit lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga ingin mencadangkan supaya di pihak jabatan Yang Berhormat supaya dapat diwujudkan mungkin satu unit menggunakan media sosial. Oleh sebab saya fikir ini sangat penting untuk menggerakkan pemimpin anti kebankrapan. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa nanti saya boleh berikan *website* kita. Memang adapun, boleh pun di *check online*, boleh pun mendaftar *online* hendak tahu bankrap itu, semua sudah ada *online*. Jadi, terima kasih atas saranan tetapi ia memang sudah diwujudkan. Terima kasih banyak. Seterusnya..

Dato'Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. RonaldKiandee]: Yang Berhormat Lenggong bangun, Yang Berhormat.

Dato'Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri menyebut berkaitan dengan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*. Kemudian saya juga dengar tadi tentang unit berkaitan dengan media sosial.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak alihkan sedikit kepada isu yang saya fikir penting dan hari ini menjadi *viral* dalam negara, yang sedang kita lihat semacam satu usaha untuk merosakkan kepimpinan negara, ini penting Yang Berhormat. Hari ini kita lihat ada pihak tertentu telah menggunakan nama Majlis Raja-raja. Ini bukan isu main-main Yang Berhormat. Sebuah institusi yang begitu agung dalam negara kita telah cuba dipermainkan oleh pihak atas kepentingan tertentu. Oleh sebab itu, apakah pihak kementerian hari ini dalam usaha kita hendak desak supaya SKMM ini menyegerakan siasatan supaya pihak-pihak yang menggunakan institusi raja ini dalam soal isu hudud ini.

Hari ini saya difahamkan juga telah cuba mencemarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Ini isu besar jadi kita minta supaya dalam keadaan SKMM ini mengambil tindakan segera. Apakah pihak Yang Berhormat mengkaji undang-undang supaya isu ini tidak dipermainkan? Ini isu besar. Institusi yang begitu agung, Raja-raja. Hari ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita *viral* dalam internet sekarang. Saya minta Yang Berhormat supaya ambil serius perkara ini supaya kita dalam konsep NBOS ini, supaya perkara ini tidak boleh dipermainkan oleh pihak tertentu yang mempunyai agenda tertentu.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun ia tidak ada kena mengena dengan isu yang kita bangkitkan. Namun begitu, saya percaya pihak-pihak yang tertentu yang berkaitan dengan SKMM ini akan mengambil maklum mengenai perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sepanggar ada di dalam Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. RonaldKiandee]: Tiada Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau tidak ada kita...

Seorang Ahli: Di luar Dewan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ada di Parlimen ini?

Beberapa Ahli: Ada.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Sepanggar menyentuh mengenai – mencadangkan agar diwujudkan satu mahkamah khas untuk mendengar kes-kes...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. RonaldKiandee]: Ya Yang Berhormat Tanjong Karang bangun, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Hendak dapat sikit penjelasan. Tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong ini. Oleh sebab kuasa mendakwa ini ialah di bawah bidang kuasa Peguam Negara. Yang Berhormat Menteri yang menjaga undang-undang. Hari ini kita hendak minta apabila laporan polis dibuat mengenai kenyataan *The Malaysian Insider* ini, portal yang tidak bertanggungjawab, yang sudah melibatkan Majlis Raja-raja. Hari ini pula memutarbelitkan kenyataan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi perkara ini tidak boleh dibiarkan. Apakah jaminan daripada pihak Yang Berhormat apabila kita membuat laporan polis nanti tidak hanya tinggal laporan? Akan tetapi mesti tindakan tegas diambil kepada *The Malaysian Insider* ini.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri [Disampuk]Yang Berhormat Menteri saya merasa perkara ini kita kena lihat dengan begitu serius. Ini kerana kalau tidak, orang akan menggunakan *social media* ini dan tanpa ada apa-apa tindakan. Jadi saya ingat telah tiba masanya kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lenggong tadi ini, saya ingat yang terbaru ini saya rasa elok kalau kita dapat di peringkat AG kita *initiate investigation* dengan kementerian MCMC ini supaya perkara ini menjadi satu *example*. Jadi kalau benda-benda yang melibatkan agama dan sebagainya ini, ini kita kena ambil tindakan yang cepat. Jadi baru ini saya tengok macam baru diedarkan oleh , dan membuat satu komen mengatakan bahawa ini adalah *opinion* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *for example*. Sebenarnya benda itu tidak wujud. Jadi kalau kita biarkan, benda ini akan jadi masalah. Jadi saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya. Yang Berhormat saya faham perkara ini penting. Akan tetapi saya kena...

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya.

Dato'Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sikit, sikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

Dato'Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sikit sahaja saya hendak mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya kena konsisten, dua perkara ini perkara baru. Saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri sama ada untuk respons kenyataan baru.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, kenyataan daripada Ketua Polis Negara supaya tidak ada mana-mana pihak yang menggunakan isu ini kerana ia boleh mengundang pada suasana yang tidak baik, terutamanya di kalangan masyarakat. Ini kenyataan daripada orang penting dalam keselamatan negara. Saya lihat bahawa jika perkara ini dibiarkan dan ia boleh menimbulkan sesuatu yang tidak baik. Dua buah institusi penting, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Raja-raja telah dipertandingkan. Kalau sampai ke tahap ini, selagi tidak ada tindakan tegas ia boleh mengundang suasana yang tidak baik. Oleh sebab itu kita minta kementerian Yang Berhormat dengan kementerian Yang Berhormat Kemaman ambil tindakan segera supaya perkara ini tidak berlarutan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini sememangnya isu baru. Sepatutnya tidak timbul di sini. Namun begitu oleh kerana ia dianggap begitu penting sekali, sebagai pihak pejabat Jabatan Peguam Negara seperti biasanya kita perlukan ada laporan polis. Laporan polis dibuat, siasatan dibuat, selepas selesai siasatan barulah peranan Jabatan Peguam Negara wujud di situ. Di mana kalau sekiranya ada bukti, tiada siapa yang akan terlepas dari dakwaan. Asalkan dapat menepati ciri-ciri ataupun *ingredient of the* - untuk mengenakan caj dengan izin.

Saya teruskan tadi dengan Yang Berhormat Sepanggar ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepanggar tiada dalam Dewan Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau tidak ada, tidak apalah. Kita teruskan dengan – seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat tidak ada dalam ya? Yang Berhormat Lembah Pantai pun tidak ada. Yang Berhormat Puchong ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat Puchong inginkan penjelasan terhadap tindakan yang telah diambil oleh kerajaan susulan dapatan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) terhadap rakaman video yang didakwa seorang peguam bercakap melalui telefon berkenaan dengan pelantikan hakim. Susulan daripada cadangan-cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja tersebut, kerajaan telah melaksanakan penambahbaikan dalam urusan pelantikan hakim mahkamah atasan. Di mana sebuah suruhanjaya khas telah ditubuhkan, iaitu Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang kita namakan SPK.

■1920

Suruhanjaya ini berfungsi untuk membantu dalam pelantikan hakim-hakim yang berkaliber dan bebas daripada apa-apa pengaruh. Pemilihan hakim ataupun pesuruhjaya kehakiman adalah dibuat secara undi sulit. Nama yang memperolehi undi tertinggi akan dikemukakan sebagai calon untuk dipertimbangkan ke jawatan hakim mahkamah atasan di semua peringkat.

Untuk makluman Yang Berhormat Puchong juga, mungkin ada juga ikhtiar, penambah baikkan lain yang dibuat oleh agensi lain. Akan tetapi saya hanya menyentuh apa yang dibuat oleh jabatan yang di bawah seliaan saya sahaja. Seterusnya, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Puchong bangun.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa sebab saya bangkitkan isu itu adalah kerana kita lihat bahawa terdapat hakim-hakim yang *senior* yang telah pun menjadi Hakim Mahkamah Tinggi untuk lama dan mereka memang mempunyai *credentials* dari segi *experience* dan sebagainya. Akan tetapi tidak dipertimbangkan sebagai calon untuk dibawa ke mahkamah yang lebih tinggi.

Misalnya, seperti mana saya sebut dalam ucapan saya, Datuk Hishamuddin Yunus dalam Mahkamah Rayuan, di mana tidak ada atau diketepikan dari segi pelantikan kepada Mahkamah Persekutuan. Jadi, saya hendak tanya kenapa boleh berlaku sedemikian, Yang Berhormat Menteri? Oleh kerana apa yang perlu di sini adalah soal hakim-hakim yang boleh dikatakan tekun dari segi kaliber dan merit, *experience*. So, *why are these judges are side lined?* Terima kasih.

Puan Hajah Nancy Binti Shukri: Yang Berhormat, seperti yang kita nyatakan, kita ini mengamalkan *separation of powers*. Jadi, kita tidak tahu menahu apa yang dilakukan oleh hakim. Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini, untuk kes Yang Amat Arif Datuk Hishamuddin, kita merujuk kepada fasal 122(b), Perlembagaan Persekutuan, Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi, di mana mereka hendaklah dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong dan yang bertindak atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Jadi, sebelum memberikan nasihatnya tentang pelantikan seseorang hakim, selain pelantikan Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara. Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) yang ditubuhkan berkuat kuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 iaitu Akta 695 pada 2 Februari 2009, tidak melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu proses yang diperuntukkan di bawah akta tersebut mengenai pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan adalah proses yang mendahului proses pelantikan di bawah fasal 122(b), Perlembagaan Persekutuan.

Tujuannya ditubuhkan bagi memastikan proses pencalonan dan pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan adalah lebih telus dan proses pemilihan adalah hendak buat mengikut seksyen 22, akta yang sama. Seksyen 26(a) pula menyatakan sesuatu laporan mestilah hendak dikemukakan kepada Perdana Menteri yang menyatakan siapa yang dipilih oleh suruhanjaya untuk disyorkan bagi pelantikan ke jawatan yang berkenaan, seksyen 27 memperuntukkan Perdana Menteri boleh selepas laporan diterima, meminta dua nama lagi untuk dipilih dan disyorkan bagi pertimbangan ke jawatan hakim yang berkenaan.

Untuk makluman, hakim mahkamah atasan dilantik berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009. Kalau saya

diizinkan di sini, kalau kita lihat mantan, Yang Arif Hakim Muhamad Arif kalau tak silap. Kalau kita hendak katakan kita ini memilihlah, memilih bululah, ya. Muhammad Arif dulu, beliau pernah jadi calon PAS pun. Akan tetapi dia masuk juga jadi hakim. Jadi, di situ kita melihat ketelusan, kita serahkan pelantikan ini kepada SPK tersebut.

Jadi, tidak wajar kita di pihak Legislatif ataupun Eksekutif campur tangan ataupun mempengaruhi pelantikan sesiapa. Jadi Yang Berhormat, saya mengharapkan sistem itu adalah satu sistem yang kita terima sebagai satu sistem yang baik. Namun begitu, Yang Berhormat adalah salah seorang daripada peguam, saya percaya yang ada dalam sebagai ahli Majlis Peguam.

Jadi, dari situ Yang Berhormat, kalau ada yang dirasakan untuk dilakukan penambahbaikan, *I believe, Insya-Allah* dengan izinnya, saya percaya perkara ini pun boleh dibincang untuk kebaikan bersama. Saya percaya mereka yang berada sebagai peguam-peguam ini yang mempunyai kelayakan untuk menjadi hakim, akan memikirkan perkara ini. *It is a matter of your privilege* dalam Majlis Peguam untuk membincangkan perkara ini untuk memberi penambah baikkan. Terima kasih Yang Berhormat, ya.

Seterusnya, Yang Berhormat Gelang Patah tidak ada sini ya. Yang Berhormat Gopeng, tidak ada, Yang Berhormat Sandakan tidak ada dan Yang Berhormat Lembah Pantai tidak ada. Seterusnya, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Tanah Merah semua ada di sini ya.

Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanah Merah dan Yang Berhormat Gerik, telah menyarankan agar Peguam Negara mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang mengeluarkan kenyataan menghina mahkamah demi untuk memastikan institusi kehakiman dihormati dan tidak tercemar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh yang menunjukkan bahawa mana-mana pihak yang telah melakukan kesalahan dengan mengeluarkan kenyataan yang menghina institusi kehakiman, Jabatan Peguam Negara akan mengambil tindakan pendakwaan terhadap mereka di bawah Akta Hasutan 1948, iaitu Akta 15 ke atasnya tanpa mengira status individu berkenaan.

Keputusan Jabatan Peguam Negara untuk mengemukakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana individu adalah berdasarkan keterangan dan fakta kejadian dan bukan atas desakan mana-mana pihak atau apa-apa faktor lain. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

Seterusnya Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh Bin Omar [Tanjong Karang]: Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Mengenai pendapat tertentu yang hari ini telah pun boleh

dikatakan menghina mahkamah, mempertikaikan keputusan mahkamah, terutamanya keputusan Ketua daripada Permatang Pauh.

Saya ingat dalam *Youtube* pun ada keluar, ceramah-ceramah umum pun ada keluar. Jadi, apakah tindakan yang diambil? Adakah hendak kena tunggu buat laporan polis dahulu, baru tindakan akan diambil oleh pihak Peguam Negara? Kalau kita biarkan, bermakna sampai bila pun nanti, apa juga keputusan mahkamah dibuat akan terus dipertikaikan. Apa akan jadi pada negara kita kalau institusi kehakiman telah mula dipersoalkan?

Puan Hajah Nancy Binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan, kita pun telah- saya tak nak bincang mengenai melibatkan Yang Berhormat Lembah Pantai baru-baru ini. Inilah di antara prosedur yang kita adakan. Perlu ada siasatan, perlu ada laporan dibuat. Setakat ini, ada pihak tertentu yang dikatakan melakukan kesalahan. Akan tetapi kalau tak ada laporan polis, pihak Jabatan Peguam Negara tidak dapat bertindak.

So, kita bertindak untuk mendakwa selepas laporan polis dilakukan dan kertas siasatan dibuatkan. Jadi, untuk kes seperti yang lain ini yang telah diambil tindakan oleh polis, kita tidak dapat dibincangkan di sini seperti yang telah dilakukan oleh pihak polis pada masa yang sebelum ini.

Seterusnya Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Ada lagi Tanjong Karang punya soalan ini. Yang Berhormat Tanjong Karang telah menyarankan agar Peguam Negara mengambil tindakan terhadap pemimpin Majlis Peguam yang menghina mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini tiada sebarang laporan polis pun dibuat berhubung dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Encik Christopher Leong yang merupakan mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia pada 11 Februari yang lepas, yang bertajuk "*Dato' Sri Anwar Ibrahim, Prosecutor or Persecuted*" yang boleh dikatakan menghina mahkamah yang menjatuhkan hukuman terhadap Dato' Sri Anwar.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat, di peringkat Jabatan Peguam Negara, tiada tindakan undang-undang yang telah diambil. Di samping itu juga, Jabatan Peguam Negara telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan kenyataan rasmi melalui media pada 12 Februari 2015, bagi menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam kenyataan beliau tersebut.

•1930

Yang Berhormat Tanjong Karang sekali yang juga turut menyarankan agar peranan Majlis Peguam dikaji kerana peranannya dilihat telah tersasar dan menjadi jurucakap pembangkang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan mengambil serius perkara ini dan menggesa Majlis Peguam Malaysia supaya kembali menjalankan fungsi dan objektif sebenar Majlis Peguam yang ditetapkan di bawah subseksyen 42(1) Akta Profesion Undang-undang 1976 iaitu Akta 166. Majlis Peguam Malaysia juga disarankan untuk lebih bertanggungjawab dalam mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung dengan keputusan kes mahkamah supaya tidak menjejaskan sistem pentadbiran keadilan di Malaysia.

Sekali lagi Yang Berhormat Tanjong Karang dan juga Yang Berhormat Tenom. Yang Berhormat Tanjong Karang telah mencadangkan agar kerajaan membentangkan semula Rang

Undang-undang Akademi Undang-undang 2002 yang pernah dibacakan kali pertama di Dewan Rakyat. Dalam masa yang sama, beliau dan Yang Berhormat Tenom juga turut mencadangkan beberapa pindaan ke atas Akta Profesion Undang-undang 1976 iaitu Akta 166. Kerajaan mengambil maklum Yang Berhormat, mengenai perkara ini terhadap cadangan yang dikemukakan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Buat masa ini, belum lagi ada cadangan untuk membentangkan semula rang undang-undang tersebut. Namun, cadangan ini akan diteliti oleh kerajaan. Terima kasih.

Sekali lagi Yang Berhormat Tanjong Karang juga telah mencadangkan agar undang-undang berkaitan DNA dikaji semula dan dipinda yang mana pada masa ini tertuduh tidak boleh dipaksa untuk mengemukakan DNA. Tuan Yang di-Pertua, Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik iaitu DNA 2009 iaitu Akta 699 yang mula berkuat kuasa pada 1 September 2012 memperuntukkan pengambilan sampel intim atau bukan intim milik seseorang suspek. Peruntukan undang-undang sedia ada di bawah Akta 699 tidak membenarkan suatu pengambilan sampel intim secara paksa atau tanpa kebenaran bertulis orang yang daripadanya sampel intim tersebut akan diambil.

Dalam perkembangan ini, Jabatan Peguam Negara sedang menggubal pindaan kepada Akta 699 untuk mengadakan peruntukan supaya mahkamah diberikan kuasa untuk mengeluarkan perintah pengambilan sampel intim sekiranya orang yang sampel intimnya akan diambil enggan memberikan kebenaran. Cadangan pindaan tersebut akan dikemukakan kepada Kementerian Dalam Negeri sebagai pihak yang bertanggungjawab bagi Akta 699 untuk tindakan lanjut. Bermakna, berjayalah Yang Berhormat punya cadangan tersebut. Di sini mengenai sebenarnya ...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi ada dikemukakan isu berkenaan dengan Majlis Peguam di mana juga diberi nasihat kepada Majlis Peguam supaya tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan dan berbalik kepada tujuan asal. Saya hanya untuk rekod hendak perbetulkan.

Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa sebenarnya dalam perkara ini, saya rasa Yang Berhormat Tanjong Karang itu buat rujukan kepada artikel *prosecuted*. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu bahawa isu ini telah pun dibangkitkan di Majlis Peguam di mana satu usul dibawa untuk *essential* Presiden Majlis Peguam. Semua mereka ada bincang dan usul itu ditolak *and* dengan izin, *it was rejected almost out skill*.

Ini menunjukkan bahawa betapa kuatnya peguam-peguam yang memberi sokongan kepada presiden dan apa yang beliau nyatakan. Saya rasa apa yang perlu dilakukan untuk kita faham apa yang beliau sebut dalam artikel tersebut. Jadi isu yang berbangkit lain, adakah wajar untuk kementerian memberi nasihat sedemikian kepada Majlis Peguam di mana Majlis Peguam seharusnya menjadi satu badan yang bebas dan perlu diberikan ruang untuk membuat kerja

beliau. *It is right for the ministry here, the Prime Minister's Department to give the Majlis Peguam this kind of advice.*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Menteri, saya sambung sedikit. Sambung sedikit. Saya dengar tekun penerangan Menteri tadi. Saya hendak penjelasan, adakah ini bermaksud Majlis Peguam tidak boleh mengkritik sebarang keputusan mahkamah? Apakah pendirian kementerian? Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat terima kasih, kedua-dua Yang Berhormat. Kalau begitu, saya kena balik kepada objektif penubuhan Majlis Peguam ini. Objektif penubuhan Majlis Peguam ini, maklumatnya di sini di bawah subseksyen 42(1) Akta Profesion Undang-undang 1976 memperuntukkan seperti yang berikut. Tujuannya ialah;

- (i) untuk mempertahankan keadilan tanpa mengira kepentingan sendiri atau kepentingan ahlinya, tidak terpengaruh oleh perasaan takut atau kasihan;
- (ii) untuk memelihara dan meninggikan lagi standard kelakuan dan pengajaran profesion undang-undang di Malaysia;
- (iii) untuk memudahkan ahli profesion undang-undang dan lain-lain memperoleh pengetahuan undang-undang;
- (iv) jika diminta berbuat demikian untuk menyatakan pendapatnya atas perkara yang melibatkan perundangan dan pentadbiran dan amalan undang-undang di Malaysia;
- (v) untuk mewakili, memperindungi dan menolong ahli profesion undang-undang di Malaysia dan memajukan dengan apa-apa cara yang wajar kepentingan profesion undang-undang di Malaysia;
- (vi) untuk menubuhkan perpustakaan dan memperoleh atau menyewa premis bagi menempatkan perpustakaan dan pejabat bar Malaysia atau kemudahan bagi kegunaan anggota sama ada bersendirian atau bersama dengan sesuatu badan atau pertubuhan lain; dan
- (vii) untuk memperindungi dan menolong orang ramai dalam semua perkara yang menyentuh berkaitan atau bersampingan dengan undang-undang.

Banyak lagi. Kalau tidak panjang sangat, saya baca.

Yang Berhormat, pandangan kita begini. Tadi Yang Berhormat Puchong pun bertanya, sebenarnya kita walau bagaimana sekalipun, LPA apabila hendak buat apa-apa pun ia melalui kita. Jadi kita bukan hendak memaksa, hendak menasihati hendak apa, tetapi saya rasa untuk kebaikan keseluruhan sistem *judiciary* kita, maka adalah baik untuk kita menjaga, memelihara keharmonian *especially* dengan izin, dalam bidang *judiciary*, kehakiman ini. Terutama sekali ramai rakan kita di sana di bidang perundangan, ramai peguam di sana.

Jadi, sama-sama kita memelihara sistem kehakiman ini supaya kita tidak nampak seolah-olah kita ini menyebelahi sesiapa. Biarlah pihak Majlis Peguam dinampakkan sebagai sebuah badan yang berkecuali dan kalau perlu menasihati pihak-pihak yang tertentu, boleh. Kita tidak mengatakan dia tidak boleh kritik, selalu kritik. Saya pun membaca tetapi tidak buat apa-apa pun

dengan dia orang, saya masih berbaik dengan mereka. Akan tetapi apa yang kita hendak sarankan di sini supaya sama-samalah memeliharanya.

Tadi Yang Berhormat Puchong mengatakan adakah kami berhak untuk menasihati? Kalau menasihati itu bukan perkataan yang sesuai, *maybe* menyarankan *whatever appropriate word that you think that fits in here* dengan izin. Saya rasa kita mempunyai niat yang sama, *we have common intention here* untuk memelihara sistem kehakiman yang ada di negara kita ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu apa yang saya hendak jelaskan Yang Berhormat Menteri bahawa ini bukan amaran ataupun menjadi nasihat. Apa yang penting adalah untuk kita pastikan, saya rasa apa yang dibacakan oleh Yang Berhormat tadi, *the first item that you read* dengan izin, dalam LPA tersebut menunjukkan bahawa mereka iaitu Majlis Peguam ada satu tanggungjawab untuk menegakkan keadilan. Jadi *we have pick up situation like this*. Saya harap bahawa Jabatan Perdana Menteri akan menghormati juga keadaan sedemikian dan dalam masa depan supaya boleh tunjukkan penghormatan tersebut Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ramai yang bangun Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya rasa Yang Berhormat ...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Isu yang sama. Sekejap, isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ramai yang bangun.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Majlis Peguam, saya yang mencadangkan dahulu. Yang Berhormat Puchong cakap saya tidak nafikan bahawa dia buat perjumpaan, tetapi satu perkara yang kita kena ingat bahawa seksyen 32 LPA ini. Ini saya hendak minta dikaji balik kerana hari ini yang mengeluarkan Sijil Annual ialah *Bar Council*. Siapa berani hendak lawan tauke? Saya pun ada ramai peguam, saya pun dulu peguam, saya pun berdaftar.

■1940

Saya ada maklum pada mana-mana peguam yang cuba nak *vocal*, yang bagi pendapat bertentangan sedikit dengan Bar Council, bila hendak *renew certificate* ini teruk dia kena. Macam-macam dia *check* dan akhirnya mereka rasa *fed up*. Jadi mereka biarlah, tidak ada kader. Oleh sebab itu saya hendak cadang supaya, seksyen 32 ini kita kena pinda bagi kepada Peguam Negara dan juga Lembaga Kelayakan Undang-undang, dia memang sudah ada lembaga ini. *Why not* kita bagi satu badan bebas untuk mengeluarkan sijil ini daripada kita bagi kepada Bar Council.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: [Bangun]

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kemudian seksyen 50 ini, macam mana Bar Council punya pemilihan? Dia mewakili 15,000 peguam, tetapi yang mengundi tidak sampai pun 17%. Oleh kerana apa? Ini kerana sistem undi pos, sistem lama. Jadi kemudian sistem undi, sistem lama. Jawatankuasa yang memilih pun terdiri daripada Bar Council. Oleh

sebab itu saya hendak cadang, semak balik seksyen 50 supaya undi pos ini jangan diadakan. Apa salahnya kalau kata peguam di Perlis, di luar ini dia boleh mengundi di mahkamah. Cari badan bebas yang betul-betul, supaya mengendalikan pemilihan Bar Council. Jadi pemimpin Bar Council ini, dia cakap soal bersih, suruh kita buat SPRM bersih. Dia buat pilih Bar Council pun tidak betul. Hendak mengajar kerajaan pula.

Jadi seksyen 50 dan seksyen 32 ini penting untuk dilihat. Ini saya kurang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab apa Yang Berhormat Menteri kena bagi nasihat. Ini kuasa kita. LPA ini Parlimen yang buat. Parlimen buat, kita ubah dan Bar Council kena ikut undang-undang yang kita buat. Tidak perlu kita hendak berbincang dengan mereka. Akhirnya mereka naik kepala. Oleh sebab itu saya hendak cadang juga supaya undang-undang yang saya cadangkan dulu, yang telah dibacakan kali yang pertama, iaitu dipanggil Rang Undang-undang Akademi Undang-undang Malaysia ini pun kita kena bawa balik.

Ini kerana saya tahu, saya semasa itu Setiausaha Parlimen, saya terlibat di dalam draf mula-mula. Cukup baik niatnya, tetapi bila Bar Council tolak kita pun tarik bacaan pertama. Oleh sebab itu Majlis Peguam ini dia sudah besar kepala. Dia ingat dia boleh tekan kerajaan dan apabila pandangan mereka tidak bersetuju, mereka menyokong pembangkang. Saya hendak tanya pendirian mereka. Dulu dia buat *statement* ketetapan Majlis Peguam iaitu dia beritahu, mana-mana Hakim Kanan yang bersara tidak boleh bertindak sebagai peguam di mahkamah. Akan tetapi apabila hendak membela Ketua Pembangkang, bekas ketua hakim yang senior, boleh pula jadi peguam. Mana pendirian dia?

Dia lebih pro pembangkanglah. Untung dia okey. Bila tidak untung, dia tidak boleh. Jadi kita tidak boleh tunduk dengan Majlis Peguam ini. Kita yang buat undang-undang ini dan kita boleh memutuskan apa undang-undang kita hendak buat supaya dia lebih adil.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil maklum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada tiga orang lagi bangun. Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Sedikit, sedikit.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kita ambil maklum, kita akan kaji apa yang dikomenkan oleh Yang Berhormat.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: [Bangun]

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Isu yang sama, sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma menambah sedikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang tadi untuk cadangan kepada pihak kerajaan. Mengenai Akademi Undang-undang Malaysia. Saya melihat sekarang ini kita di peringkat kerajaan telah ada Lembaga Kelayakan Undang-undang. Saya fikir sudah sampai masanya untuk martabatkan lagi semua khususnya pelajar undang-undang yang menuntut di semua universiti di Malaysia.

Saya fikir cadangan kepada pihak kerajaan supaya Lembaga Kelayakan Undang-undang itu dinaiktarafkan menjadi Akademi Undang-undang Malaysia, supaya kita boleh memartabatkan lagi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri, menjaga institusi perundangan di negara kita.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Tuan Yang di-Pertua sedikit sahaja. Yang Berhormat Menteri. Saya rasa mengapa *special* sangat peguam ini? Adakah mereka benar-benar profesional? Kita pun daripada kalangan profesional mempunyai persatuan kita sendiri. Persatuan Arkitek Malaysia, Persatuan Engineer tidak menjadi dalang ataupun bermain politik. Ini kerana kita menentukan tahap profesionalisme kita jadi tanggungjawab kononnya untuk menegakkan keadilan. Saya ingat dasar ataupun *the basic thing about Bar Council* ialah menjaga kepentingan dan tanggungjawab kepada ahli-ahli dan juga anak-anak guam itu sendiri.

Kes-kes *backlog* yang ada di mahkamah dan semua perkara itu. Itu sebenarnya tujuan ataupun tanggungjawab utama. Kalau malu sangatlah Bar Council berbanding dengan Majlis-majlis dan juga persatuan-persatuan profesional yang lain. Jadi saya rasa kerajaan perlu lihat tentang pewujudan dan juga asas penubuhan Bar Council itu sendiri.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih.

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: *Last one, last one.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *Last one. Okey.*

Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tanjong Karang dan juga Yang Berhormat daripada Kuala Selangor, yang mana demi untuk mempertahankan tonggak kehakiman di dalam negara kita ini dan juga keadilan, perlu juga Yang Berhormat Menteri tidak boleh lepas dari segi buat pemantauan yang khusus kepada Bar Council ini. Ini kerana kita lihat bahawa rakyat telah keliru dengan tindak tanduk Majlis Peguam ini yang dilihatnya tidak adil *especially* sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang itu dalam segi memberi sijil amalan guaman, berlaku ketidakadilan di situ.

Jadi kita tidak boleh lepas tangan. Jadi saya mohon pihak Yang Berhormat Menteri untuk sama-sama terus beri perhatian yang serius terhadap perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menegakkan keadilan di dalam negara kita ini. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat ?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ada dua lagi sebab ada orang yang datangkan, jadi kita ada dua lagi. Yang lain itu tidak ada dekat sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh pilih untuk jawapan bertulis.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya, terima kasih. Saranan yang diberi tadi akan kita ambil maklum. Cuma saya hendak nyatakan di sini walaupun Yang Berhormat Sepang tidak ada

dekat sini, tetapi adalah penting untuk kita menjelaskan sebab ini sampai keluar *viral* yang menuduhkan kita macam-macam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu sesi yang dinamakan *road show*, apa pun orang yang sebutkan dan kita sebut nama *road show*kah apa Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang, saya ingin membetulkan fakta dan dakwaan yang salah yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat Sepang. Beliau dalam ucapannya telah berkata. *I quote* di sini dengan izin.

“Saya merasa pelik apabila Menteri daripada Batang Sadong menyatakan bahawa sebenarnya kerajaan yang mengarahkan Tan Sri Shafee untuk buat road show tentang keputusan tersebut.”

Ini adalah tidak tepat. Ini saya ambil daripada *Hansard* dan adalah penting kerana ini tuduhan kepada Menteri. Saya Menteri yang bertanggungjawab, jadi saya terpaksa menjawab ini. Ketika menjawab soalan tambahan oleh Yang Berhormat Bakri dalam sesi pertanyaan jawab lisan pada 11 Mac di Dewan ini, saya dengan jelas mengatakan, *quote* lagi ya, ini daripada saya punya *Hansard*.

“Dari segi road show ingin saya nyatakan memang apabila selepas kes tersebut kerajaan hanya mengendalikan satu road show untuk menerangkan mengenai kes tersebut. Akan tetapi yang lainnya adalah atas permintaan NGO termasuk political NGO.”

Jadi satu *road show* yang saya sebutkan itu adalah merujuk kepada satu sesi tertutup penerangan kes berkenaan kepada perwakilan asing di Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat boleh sebut apa jua terma sekalipun sama ada ia satu *road show*, taklimat, program atau apa sahaja tetapi ia tidak mengubah fakta bahawa ia adalah sesi tunggal yang diadakan oleh pihak kerajaan. Selain daripada itu, seperti saya yang saya jelaskan tadi, tidak kena mengena dengan mana-mana kementerian atau agensi kerajaan.

Oleh itu Yang Berhormat jangan cuba untuk memutarbelitkan atau membuat tohmahan. Saya sendiri pernah melihat satu gambar yang memaparkan wajah saya dengan tulisan, lebih kurang berbunyi ya. *I quote here. “Jijik kerajaan taja road show, lucah, seluruh negara.”* Ini satu tohmahan dan sama sekali tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu Yang Berhormat Sepang dalam ucapannya juga telah menyatakan, *“Siapa yang percaya Tan Sri Shafee ini dibayar RM1,000, angkat tangan? Saya rasa orang tidak angkat tangan tetapi orang tunjuk tapak kaki. Orang tidak akan percaya.”*

Kenyataan ini seolah-olah menggambarkan bahawa saya dengan sengaja telah memberi kenyataan yang salah di dalam Dewan yang mulia ini. Ini satu lagi tohmahan terhadap saya sedangkan semua Ahli Dewan ini tahu bahawa kita tidak boleh berbuat demikian. Kita tidak boleh berbohong dalam Dewan. Beliau juga menambah, *“Kalau betul bayar satu ribu, kenapa sebelum ini takut hanya jawab. Alasan Akta Rahsia Rasmi inilah, itulah, inilah, ini rahsia, tiba-tiba sekarang satu ribu.”*

Tuan Yang di-Pertua, inilah masalah dengan orang-orang yang mendengar dengan tidak betul dan tidak mengetahui fakta tepat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *[Bangun]*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: ...Akan tetapi ingin bercakap. Jadi dengan itu dakwaan atau andaian dengan perkara yang tidak benar ini boleh menjadikan persepsi kepada masyarakat bahawa ia adalah fakta yang benar. Saya ingin sekali lagi membetulkan dakwaan salah Yang Berhormat berkenaan persoalan berhubung jumlah bayaran ke atas perkhidmatan beliau ini telah banyak kali dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini. Namun dalam jawapan-jawapan yang telah saya kemukakan sebelum ini, adalah "*Jumlah bayaran tersebut tidak boleh didedahkan bagi menghormati etika hubungan profesionalisme dan kerahsiaan antara majikan dengan pelanggan.*"

■1950

Tidak pula saya nyatakan kerana Akta Rahsia Rasmi. Di dalam Dewan ini juga saya jelaskan bahawa pendedahan jumlah bayaran bagi perkhidmatan beliau hanya boleh dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat iaitu Jabatan Peguam Negara dan *Tan Sri Dato' Sri Dr. Muhammad Shafee bin Muhamad Abdullah* sendiri. Setelah mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak, kita maklumkan jumlah yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak adalah sebanyak RM1,000. Dalam perkara yang sama Yang Berhormat Puchong kalau saya tidak silap, telah menyatakan bahawa pengumuman jumlah bayaran *fee* guaman berkenaan – bukan Yang Berhormat Puchong, *your brother* Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya... Dengan izin mohon mencelah.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sekejap, biar saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan dahulu, *let her finish her sentence.*

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Dalam perkara yang sama Yang Berhormat Bukit Gelugor telah menyatakan bahawa pengumuman jumlah bayaran fi guaman berkenaan seharusnya dinyatakan oleh Menteri Kewangan dan bukannya saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal undang-undang. Seperti yang telah dimaklumkan, jumlah fi perkhidmatan yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak adalah sebanyak RM1,000. Pembayaran tersebut akan dibuat mengikut prosedur kerajaan iaitu dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan invoice.

Namun untuk makluman, setakat ini saya hendak betulkan tadi, yang disebutkan ialah dipersetujui, bukan diberikan. Belum kita menyebut pasal berikan sebab setakat ini *Tan Sri Dato' Sri Dr. Muhammad Shafee Bin Muhamad Abdullah* belum pun mengemukakan sebarang invoice menyentuh fi perkhidmatannya dan oleh itu kerajaan masih belum menanggung sebarang kos. Jadi untuk makluman Yang Berhormat. Jadi itu bukannya memberi tetapi dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Pohon mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan isu yuran ataupun fi yang telah pun dipersetujui ataupun dibayar kepada Tan Sri Dato' Sri Dr. Muhammad Shafee, saya mahu tanya Menteri berkenaan dengan isu tersebut di bawah keperluan seksyen 379 Kanun Acara Jenayah adalah merupakan tanggungjawab Menteri Kewangan dengan izin, *it is the responsibility of the Finance Ministry* untuk mengeluarkan sanction dengan izin, berkenaan dengan dana awam ataupun *public funds* yang akan diguna pakai untuk membayar seorang peguam yang diupah dalam keadaan seperti ini.

Oleh kerana keadaan tersebut Menteri, adalah jelas bahawa undang-undang yang terpakai dalam keadaan seperti ini adalah merujuk kepada Kementerian Kewangan bukan kementerian Menteri *with the greatest of respect*. Memandangkan keadaan tersebut bukannya wajar untuk Menteri Kewangan yang memberi penjelasan berkenaan dengan bayaran yang telah pun dibuat kepada Tan Sri Dato' Sri Dr. Muhammad Shafee ataupun telah pun dipersetujui. Itu tidak berbeza. *In another words* dengan izin, *with the greatest of respect, it does not come within* Menteri... Ini merupakan sesuatu yang di dalam bidang kuasa Menteri Kewangan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, saya faham soalnya. Pertama sekali soalan itu ditujukan kepada saya dan saya menjawabnya. Itu pun kerana perkhidmatan itu di antara Jabatan Peguam Negara dengan Tan Sri Dato' Sri Dr. Muhammad Shafee bin Muhamad Abdullah. Saya rasa tidak salahnya untuk saya menjawab. Kalau ia diajukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan pun tidak salah juga sebab kita bukan bercakap mengenai memberi wang tetapi apa yang dipersetujui dalam kontraknya. Kontraknya adalah di antara Jabatan Peguam Negara dengan Tan Sri Shafee. Jadi, saya berharap Yang Berhormat berpuas hati dengan itu kerana ia tidak memberi 'kecemaran' kepada apa-apa lagi.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [Bangun]

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi lagi Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: You go ahead.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya hanya hendak sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini ekoran daripada apa yang telah pun saya timbulkan tadi. Ini adalah isu yang penting sebab ianya melibatkan dana awam, *the public funds*. [Dewan riuh]

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, betul ianya melibatkan dana awam.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya belum habis, oleh kerana ada beberapa orang yang menjerit di belakang. Orang menjerit di belakang, kita tidak boleh dengar. Saya belum habiskan soalan saya.

Beberapa Ahli: [Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain diam Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sekiranya orang yang menjerit di belakang boleh diam sekejap, kita boleh dengar soalnya. [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang saya ingin timbulkan Tuan Yang di-Pertua, bukan kita hendak mempersoalkan Menteri hari ini. We are not mempertikaikan ataupun mempersoalkan apa yang dinyatakan oleh Menteri. Akan tetapi apa yang saya timbulkan di sini adalah jelas *it is only the Finance Ministry* dengan izin, yang boleh 'mengesahkan' perkara ini memandangkan keadaan tersebut di bawah peruntukan undang-undang, hanya Menteri Kewangan yang mempunyai dokumen-dokumen yang boleh mengesahkan perkara ini. Hanya Menteri Kewangan yang boleh ataupun berkebolehan untuk menjawab soalan ini. Bukan Menteri yang ada pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah jelas Yang Berhormat, tidak perlu ulang.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah Menteri mempunyai dokumen-dokumen untuk menyokong apa yang dinyatakan atau dokumen-dokumen di dalam Menteri Kewangan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak mempertikaikan mengenai dokumen-dokumen kontrak, memang itu di bawah Jabatan Peguam Negara. Jadi, apabila soalan itu diajukan kepada saya, berapakah dibayar kepada Tan Sri Shafee, jadi saya menjawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat duduk.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta maaf. Saya... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau Yang Berhormat Menteri menjawab, duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Tunggu. Yang Berhormat kena bersabar tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau Yang Berhormat Menteri menjawab, duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Sebab ianya ekoran daripada soalan dalam Parlimen. Apabila Yang Berhormat Bakri bertanya kenapa memilih Tan Sri Shafee, tidak adakah orang lain dalam Jabatan Peguam Negara. Jadi, kita mengatakan ada beberapa peguam lain juga sudah dikenal pasti cuma Tan Sri Shafee yang bersetuju dengan terma tersebut, dengan bayaran yang dinyatakan. Jadi, itu yang dinyatakan sebab bukan mengenai saya hendak melanggar apa yang menjadi tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kena minta izin dahulu.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Akan tetapi kalau itulah menjadi satu masalah yang besar sangat Yang Berhormat, saya tidak faham. Oleh sebab saya terpaksa menjawab apabila ditanya dan tidak ada kena mengena dengan hendak mengambil duit. Itu pun sekarang ini tidak menjejaskan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak beri Yang Berhormat Puchong Yang Berhormat?

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Setengah minit Tuan Yang di-Pertua. [Dewan riuh]

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Okeylah itu. Yang Berhormat Bukit Gelugor okeylah itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, hendak beri jalan kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya rasa kita selesaikan di situlah. Sebab kalau itu yang menjadi isunya saya sudah menjawab. Mereka telah bersetuju dan *agreement* itu...

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya bagi peluang kepada Yang Berhormat Puchong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada. Bukan Yang Berhormat bagi, saya bagi kepada Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan soalan untuk Yang Berhormat Pasir Salak, ini untuk Yang Berhormat Batang Sadong. Saya tertarik, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri boleh jawab kerana ini isu yang berkaitan dengan kontrak ataupun perjanjian di antara Jabatan Peguam Negara dan Tan Sri Shafee. Itu yang saya dengar, *you can correct me if I am wrong*. Jadi saya hendak tanya soalan ini, Yang Berhormat Menteri adakah dalam perjanjian tersebut juga pelantikan Tan Sri Muhammad Shafee selain daripada mengendalikan rayuan itu, adakah dia juga dalam perjanjian itu diberi kuasa sebagai pendakwa raya untuk keluar selepas daripada rayuan itu, melakukan *road show* di seluruh Malaysia.

Dalam *road show* itu Yang Berhormat Menteri, beliau mengeluarkan maklumat yang seharusnya *proceedings in camera*. *In camera* maknanya ianya seharusnya diletakkan dalam mahkamah sahaja. Kalau tidak, adakah Menteri setuju bawah kelakuan Tan Sri Shafee tersebut *is disgraceful to the office of the Attorney General's Chambers*.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Perkhidmatan beliau di bawah perjanjian di antara Jabatan Peguam Negara dengan Tan Sri Shafee berakhir selepas kes itu tamat. Apa yang berlaku selepas itu, itu adalah tanggungjawab beliau. Jadi, itu tidak ada kena mengena dengan Jabatan Peguam Negara dan kerajaan, terima kasih. Saya rasa demi menjaga masa dan sebab yang lain tidak ada dalam Dewan, *insya-Allah* kita akan berikan jawapan bertulis. Jadi Yang Berhormat, saya mengucapkan terima kasih...

■2000

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Cukup. Saya sudah menutupkan...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ada satu isu tentang OTI...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan dijawab bertulis Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *Order To Investigate*.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Itu ada dijawab di dalam soalan orang yang bertanya itu. Jadi saya akan bagi itu.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *Who is here*.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Itu tidak ada kena mengena dengan Yang Berhormat sewaktu Yang Berhormat mengemukakan perkara baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan dijawab secara bertulis Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya yang bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak apa, akan dijawab secara bertulis. *It is not wrong*, ya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya bertanya soalan itu. Adakah Yang Berhormat Menteri...

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Dalam rekod saya bukan Yang Berhormat yang bertanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri kalau sudah *decide* untuk menjawab bertulis, bertulislah Yang Berhormat.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Saya akan bagi jawapan bertulis ya.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah *Order To Investigate* itu di dalam penggulungan Menteri?

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Kalau Yang Berhormat ada bertanya, memang jawapan itu ada dekat sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah Yang Berhormat. Boleh jawab secara bertulis.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Soalan itu hari itu ditanya. Saya hendak mencelah pun tidak bagi ruang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat menjawab secara bertulis pun tidak salah Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang bertanya itu ada dekat sini, kenapa pula jawapan bertulis? Itu adalah soalan yang amat penting. Kalau *Order To Investigate*

itu dilakukan, kes Yang Berhormat Permatang Pauh tidak boleh wujud dah. *Now we should know the answer.*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya tanya untuk menjelaskan? Boleh saya tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya tanya untuk penjelasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Bukan akan mengambil masa yang lama.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Sebenarnya kalau betul-betul sabar, saya boleh menjawab. Memang ada, saya ada menyediakan jawapan...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh saya tanya?

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Akan tetapi saya tidak ingat sama ada itu daripada Yang Berhormat atau tidak.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak apa, saya boleh tanya sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh macam ini, Yang Berhormat.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Akan tetapi kalau Yang Berhormat baru hendak bertanya, itu tidak adil.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu soalan saya.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Tak boleh bangkitkan isu baru.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, no*, itu soalan saya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Itu bukan soalan yang dibangkitkan. Itu adalah soalan Yang Berhormat Bukit Gelugor tempoh hari.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Ianya harus berbangkit daripada perbahasan Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Itu dalam ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh lah jawapan bertulis Yang Berhormat.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Tuan Yang di-Pertua, maka dengan isu yang telah kita bangkitkan tadi, saya ingin mengakhiri sesi perbahasan pada petang ini.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri mana boleh macam ini. Itu ada dalam perbahasan dan wakil itu ada dekat sini.

Puah Hajah Nancy binti Shukri: Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan keprihatinan terhadap isu-isu yang telah diutarakan. Sekian, terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sembunyikan diri di sebalik peraturan. Ini amalan Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Semua jawapan itu akan dibagi kepada Yang Berhormat. Saya jemput Yang Berhormat Muar.

8.02 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Jangan begitu Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung bagi menjawab atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh 12 Ahli Yang Berhormat berkaitan agensi Jabatan Perdana Menteri iaitu PEMANDU, FELDA, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan sepanjang perbahasan Titah Diraja 2015 kali ini.

Yang Berhormat Kepong membangkitkan soal PEMANDU. Yang Berhormat Kepong tidak ada.

Dalam hal berkaitan FELDA, soal program pembangunan perumahan FELDA, pendapatan peneroka, pelaburan dan iklim ekonomi berkaitan permintaan ke atas minyak sawit telah mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat.

Isu berkaitan Program Perumahan FELDA. Saya ingin mengucapkan terima kasih atas maklum balas berterusan daripada Yang Berhormat Kalabakan mengenai isu Perumahan Generasi Kedua FELDA di FELDA Umas, Wilayah Sahabat.

Untuk makluman Yang Berhormat, program pembangunan PGBF di kawasan Parlimen Kalabakan dijadualkan bermula pada Disember 2013, tetapi oleh kerana syarikat-syarikat yang menyertai tender meletakkan harga yang terlampau tinggi atas faktor-faktor yang telah Yang Berhormat sendiri bangkitkan dalam perbahasan lepas, maka tender tersebut telah pun dibatalkan. Namun begitu, kami kesal atas kelewatan menawarkan semula tender bagi usaha ini dan saya dimaklumkan bahawa pihak FELDA sedang membuat perancangan baru bagi pembangunan PGBF di Kalabakan dan *insya-Allah*, akan dimulakan kembali pada Jun 2015 ini.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Raub – Yang Berhormat Raub tidak ada di sini. Koperasi Permodalan FELDA Berhad, Yang Berhormat Raub tidak ada di sini.

Berkaitan pembelian pelaburan FELDA dalam bidang perhotelan yang disentuh oleh Yang Berhormat Raub dan Yang Berhormat Selayang. Dua-dua tidak ada di sini.

Yang Berhormat Raub, Yang Berhormat Bukit Katil, Yang Berhormat Selayang telah bertanyakan persoalan tahap kewangan FELDA...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tiga-tiga tidak ada di sini. Yang Berhormat Lumut ada, ada saya nampak. Isu berkaitan Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lumut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, merujuk kepada Laporan PAC berkaitan pengurusan perolehan FELDA seperti edaran kepada semua Ahli Yang Berhormat di Parlimen pada 18 Mac 2015, pihak pengurusan FELDA akur atas syor-syor yang dikemukakan oleh PAC.

Sehubungan itu, FELDA telah mengambil langkah penambahbaikan bagi memperbaiki peraturan dalaman khususnya dalam menguruskan perolehan di mana satu Jawatankuasa Khas Lembaga FELDA telah ditubuhkan untuk mengkaji manual perolehan FELDA. Selain itu, tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang terlibat telah diambil dan sedang dilaksanakan.

Tan Sri Yang di-Pertua, akhirnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Belum Tan Sri lagi Yang Berhormat ya.

Dato' Razali bin Ibrahim: Oh, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya izinkan saya untuk memberi penjelasan hal berkaitan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan menghargai kepada semua cadangan, pandangan dan keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam usaha untuk mempertingkatkan integriti, kualiti, dan tahap mutu kerja perkhidmatan awam seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Tanah Merah yang menggesa agar kerajaan mempertingkatkan usaha dalam menangani gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang akan dilaksanakan di bawah SIAP dan SPRM.

Sementara itu, penekanan kepada pemerikasaan dan kebebasan SPRM oleh Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Yang Berhormat Lembah Pantai dan Yang Berhormat Bagan akan sentiasa diberi keutamaan oleh pihak kerajaan.

Yang Berhormat Sipitang, dalam menyatakan perkara ini, suka saya menyatakan bahawa transformasi dari sebuah badan atau sebuah agensi iaitu Badan Pencegah Rasuah kepada kewujudan suruhanjaya bebas di bawah Akta 694 iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada tahun 2009 merupakan satu usaha yang begitu besar oleh kerajaan dan Parlimen ini dalam memerangi rasuah di negara ini. Pemerikasaan ini dapat dilihat melalui peruntukan kuasa perundangan yang mencukupi selaras dengan iltizam kerajaan membanteras rasuah secara menyeluruh. Perubahan ini juga memperlihatkan elemen kebebasan, ketelusan dan profesionalisme yang telah diberi penekanan khusus melalui penubuhan lima entiti bebas

yang dianggotai oleh Ahli-ahli Parlimen, individu-individu serta golongan profesional yang mempunyai kepakaran dan integriti yang tinggi yang mana sebahagian daripada mereka dilantik oleh Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong.

Sehubungan dengan itu – izinkan saya nyatakan di Dewan ini. Sehubungan dengan itu, dakwaan Yang Berhormat Lembah Pantai yang mengatakan bahawa Perdana Menteri adalah Ketua SPRM adalah tidak benar sama sekali. Seksyen 3 Akta SPRM telah mentafsirkan bahawa Ketua Pesuruhjaya adalah Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang dilantik di bawah seksyen 5. Manakala seksyen 5(5) Akta SPRM memperuntukkan bahawa Ketua Pesuruhjaya SPRM adalah bertanggungjawab terhadap segala perjalanan, arahan dan kawalan terhadap suruhanjaya tersebut. Justeru, SPRM adalah bebas melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab tanpa perlu merujuk kepada mana-mana pihak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta SPRM 2009 dan sekali gus menolak dakwaan Yang Berhormat Lembah Pantai ini.

Sebagai sebuah agensi penguatkuasaan yang dipertanggungjawabkan untuk menjalankan siasatan kes-kes jenayah rasuah, kebebasan SPRM untuk menyiasat mengikut perundangan sedia ada *without fear or favor* dengan izin, akan terus dijamin tanpa mengira kedudukan atau status mereka yang terlibat.

Seterusnya, izinkan saya untuk merekodkan di Dewan ini perkara terakhir atas dakwaan Yang Berhormat Kulai, walaupun dia tidak ada tapi saya hendak sebut juga kerana membuat dakwaan terhadap Hishamudin Hashim yang dakwanya sebagai individu yang bertanggungjawab dalam kes kematian mendiang Teoh Beng Hock adalah berdasarkan andaian beliau semata-mata.

Beliau memetik keputusan Mahkamah Rayuan dalam membuat keputusan kes tersebut pada 5 September seperti berikut, dengan izin... [*Membaca petikan*]

“Death of Teoh Beng Hock was caused by multiple injuries from a fall from the 14 floor Plaza Massalam as result of, or which was accelerated by, an unlawful act or acts of person unknown, inclusive of MACC officers who were involved in the arrest an investigation of the deceased”.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung keputusan hakim dalam kes yang sama yang tidak dikongsi oleh Yang Berhormat Kulai bagi faedah Dewan yang mulia ini iaitu dengan izin, Mahkamah rayuan menyatakan bahawa... [*Membaca petikan*]

“Such a verdict is more truthful to the statutory language, and is not strictly necessarily to mention homicide expressly. Consequently, we are allowed this appeal but with unanimous decision. The order of the High Court and the verdict of the learned Magistrate are therefore set aside.”

Manakala dalam perenggan 74 keputusan mahkamah rayuan seterusnya hakim telah menyatakan bahawa dengan izin... [*Membaca petikan*]

“It needs to be emphasized that in coming to our conclusion, the verdict is part of the investigation process. No criminal or civil liability or any specific person or persons is established. These issues will depend on the further investigation

that should be undertaken. And this further examination should include a more thorough examination of the alleged suicide note by handwriting expert with a clear expertise in Chinese handwriting and with sufficient copies of the deceased's original sample handwriting be made available."

■2010

Justeru, adalah jelas bahawa tiada pun disebut tentang Hishamuddin Hashim dalam kes kematian Mendiang Teoh Beng Hock seperti yang diputuskan oleh Mahkamah Rayuan malahan Mahkamah Rayuan memberi penekanan kepada wujudnya dakwaan nota tulisan tangan bunuh diri untuk disiasat semula secara terperinci. Saya dimaklumkan bahawa pihak Polis Diraja Malaysia seperti kenyataan yang dikeluarkan pada hari Isnin, 16 Mac 2015 menyatakan siasatan masih dijalankan malah ia dimulakan sebaik keputusan Mahkamah Rayuan diputuskan September tahun lepas.

Sebagai tambahan, penemuan penyiasatan sebelum dari ini pun melalui pihak PDRM, Jawatankuasa Aduan SPRM, inkues dan *Royal Commission of Inquiry* juga tidak mendapati apa-apa kesalahan jenayah dan salah laku melibatkan Hishamuddin Hashim. Justeru, pertikaian Yang Berhormat Kulai terhadap kenaikan pangkat Hishamuddin Hashim adalah dimaklumkan bahawa ia tidak bersalahan dengan mana-mana peraturan kerana ia adalah mengikut peraturan dan tatacara Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2010 yang mana apabila terdapat kekosongan, semua pegawai yang layak dan tidak disabitkan dengan sebarang tuduhan dan kesalahan jenayah, akan dipertimbangkan mengikut merit dan prestasi.

Sehubungan dengan itu, Hishamuddin Hashim adalah layak untuk dipertimbangkan mengikut tatacara yang ditetapkan memandangkan beliau tidak pernah dituduh atas mana-mana kesalahan. Penempatan Hishamuddin Hashim sebagai Pengarah SPRM Sabah adalah berdasarkan kekosongan jawatan sedia ada dan juga prestasi semasa yang ditunjukkan oleh beliau selain tidak pernah dikenakan sebarang tindakan tatatertib. Sebagai contoh pada tahun ini sehingga 24 Mac 2015, SPRM Sabah di bawah kepimpinan beliau telah membuat 50 tangkapan berbanding sepanjang tahun 2014, hanya 24 tangkapan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang pegawai awam tidak boleh dinafikan hak semata-mata berdasarkan andaian kerana ia boleh menyebabkan implikasi undang-undang serta dalam masa yang sama boleh mendatangkan kerugian. Daripada segi perkhidmatan atas kepakaran yang mereka miliki seperti yang pernah berlaku sebelum ini yang mana SPRM terpaksa membayar ganti rugi atas arahan mahkamah kepada seorang pegawai selepas keputusan rayuan beliau atas tuduhan kesalahan tatatertib yang telah menyebabkan hak kenaikan pangkatnya ditarik setelah didapati tidak bersalahan oleh mahkamah. Apatah lagi dalam kes Hishamuddin Hashim, beliau bukan pihak yang dituduh dalam kes kematian Mendiang Teoh Beng Hock.

Untuk makluman Dewan semua yang ada pada malam ini, kematian Mendiang Teoh Beng Hock sebenarnya merupakan satu kerugian kepada SPRM memandangkan SPRM tidak dapat meneruskan siasatan kes tuntutan palsu kerana mendiang merupakan saksi utama dalam

kes yang melibatkan penyelewengan pemalsuan peruntukan ADUN Seri Kembangan yang mana Yang Berhormat Kulai dahulunya merupakan Ahli Parlimen di kawasan Serdang yang sehingga hari ini tidak dapat kita jalankan siasatan dan orang yang bertanggungjawab masih lepas dan bebas.

Sekian, saya menggalung bagi pihak Jabatan Perdana Menteri atas Titah Diraja 2015. *[Tepuk].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu cadangan pindaan ke atas Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja daripada Yang Berhormat Gelang Patah pada hari Khamis, 19 Mac 2015. Usul tersebut dikemukakan di bawah Peraturan Mesyuarat 30(1) iaitu berkenaan peraturan mesyuarat meminda usul-usul.

Saya mendapati bahawa cadangan pindaan tersebut tidak berkaitan dengan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Cadangan pindaan Yang Berhormat Gelang Patah adalah melebihi *exceeding the scope* daripada Usul Menjunjung Kasih. Oleh yang demikian, saya tidak membenarkan usul tersebut dikemukakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang itu hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Ketiga Belas”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa pada hari Isnin, 30 Mac 2015, selepas Sesi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan akan dikemukakan dengan perbahasan (DR3/2015) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2015 dan akan diikuti dengan rang undang-undang yang lain seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi hari Isnin, 30 Mac 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam]